

PILIHANRAYA KECIL KUALA TERENGGANU

Chedet.co.cc

January 23, 2009

By Dr. Mahathir Mohamad

1. Rencana ini telah ditulis semasa pilihanraya sedang berjalan. Saya pilih untuk tidak menyiarkannya pada masa itu supaya tidak dituduh mencuba mempengaruhi keputusan. Saya telah dikritik oleh seorang ahli UMNO kerana rencana saya berkenaan dilema pengundi. Rencana ini adalah sebagai jawapan kepada pengkritik saya.
2. Saya telah nyatakan pendirian saya dalam pilihanraya kecil ini iaitu saya tidak memihak kepada sesiapa.
3. Bahawa bagi sesetengah ahli UMNO pilihanraya ini penting, itu adalah pendapat mereka. Bagi saya pilihanraya kecil ini penting kepada UMNO jika ahli-ahli dan pemimpinnya dapat faham dan mengambil iktibar dari keputusannya. Saya tidak yakin mereka akan faham. Mereka akan nafi segala kesalahan mereka seperti dengan prestasi buruk pilihanraya Mac 2008.
4. Saya adalah bekas ahli UMNO dan saya amat sayang kepada UMNO yang ditubuh oleh pejuang-pejuang kebangsaan dahulu. Tetapi parti yang ada sekarang bukan UMNO dari segi semangat dan perjuangannya. Yang ada ialah parti yang utamakan kepentingan diri, terutama pemimpin-pemimpinnya.
5. Kata pepatah Melayu, "Sayang isteri tinggal-tinggalkan, sayang anak tangan-tangankan."
6. Sayang yang buta tuli bukan sahaja tidak baik bagi yang sayang tetapi juga yang disayangi.
7. UMNO dibawah pemimpin Dato Seri Abdullah sudah menyimpang jauh dari jalan yang lurus, dan perjuangan UMNO yang sebenar.
8. Dengan itu ahli-ahli UMNO pun tidak lagi pegang kepada matlamat perjuangan UMNO untuk bangsa, agama dan negara.
9. Majoriti ahli UMNO setia dan patuh kepada pemimpin tanpa mengambilkira apa yang dilakukan olehnya. Pepatah Melayu sekali lagi memberi pengajaran. "Raja adil Raja disembah, Raja zalim Raja disanggah". Kesetiaan rakyat pada Raja ada batasannya. Demikian juga kesetiaan ahli pada pemimpin harus mempunyai batasan.
10. Sesungguhnya banyak kesalahan dan dosa yang telah dilakukan oleh pucuk pimpinan UMNO dan konco-konconya.
11. Saya boleh senaraikan semua kesalahan yang dilakukan oleh Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi, Presiden UMNO dan Perdana Menteri. Tetapi ia terlalu panjang. Memadai jika saya sebut beberapa sahaja yang menyebabkan saya tolak UMNO sekarang:
 - a) Sanggup meletak wilayah negara sendiri dibawah kuasa Singapura apabila mendakwa pembangunan dalam wilayah Malaysia perlu dapat persetujuan Kerajaan Singapura.
 - b) Memberi kuasa kepada anak dan menantu dalam urusan parti dan Kerajaan sehingga calon-calon PRU 12 ditentukan oleh mereka. Hampir semua dari mereka ini kalah.
 - c) Penglibatan anak menantu dalam perniagaan yang dikuasai oleh Kerajaan. Bantuan Kerajaan kepada perniagaan mereka. Umpamanya pengambilalihan Avenue Asset oleh ECM Libra.
 - d) Kegiatan beberapa pembantu khas yang ditempatkan di tingkat 4. Mereka lebih berkuasa dari KabinEt.

e) Penjualan M.V. Agusta yang dibeli dengan harga RM300 juta, tetapi dijual dengan harga RM4.00. Pembeli M.V. Agusta ini kemudian menjualnya dengan harga RM500 juta - untung RM499,999,996 juta.

f) Mengguna wang secara terbuka untuk mendapat sokongan dari cawangan-cawangan UMNO. Apabila didakwa oleh ketua bahagian, ia digantung. Laporan polis dan BPR yang dibuat oleh veteran UMNO tidak dipedulikan.

12. Kesan dari kepimpinan yang rasuah dan tidak bermoral ialah perkembangan menyeluruh politik wang semasa pencalonan oleh bahagian-bahagian.

13. Orang yang diketahui umum terlibat dengan rasuah berjaya mendapat cukup bilangan undi untuk jadi calon dalam pemilihan yang akan diadakan pada Mac. Sekaligus ternampak jelas yang ahli-ahli UMNO utamakan duit dan bukan perjuangan untuk bangsa, agama dan Negara.

14. Besar kemungkinan orang yang guna wang ini yang akan dipilih dalam pemilihan bulan Mac oleh wakil-wakil yang telah disogok.

15. Sudah tentu mereka ini akan mengetuai Kerajaan kemudian.

16. Kita akan dapat Kerajaan UMNO yang tidak bermoral dan rasuah.

17. UMNO di bawah pimpinan Abdullah telah jadi begitu lemah sehingga dikecam sewenang-wenangnya oleh kaum-kaum lain dan parti mereka.

18. Apabila dikecam pemimpin UMNO pohon maaf dan tunduk kepada pengecam. Sebaliknya jika orang UMNO mengecam parti lain, mereka digantung.

19. Semua isyarat menunjuk bahawa UMNO akan ditewas dan hancur dalam Pilihanraya Umum ke-13.

20. Saya akui saya yang pilih Dato Abdullah, Mr Clean. Saya akui juga saya tidak pandai pilih. Lihat sahaja Tun Musa Hitam, Anwar Ibrahim dan ramai dari Menteri-Menteri yang mengutuk saya apabila sahaja saya tidak jadi PM lagi.

21. Memilih semasa saya tidak tahu perangai seseorang adalah tidak bijak. Tetapi meneruskan sokongan apabila saya sudah tahu keburukan yang dilakukan oleh orang pilihan saya adalah perbuatan yang tidak bertanggungjawab.

22. Saya tidak cari untuk saya disukai ramai. Saya bertindak atas pendirian yang pada hemat saya adalah baik walaupun saya akan jadi tidak popular.

23. Hanya kerana saya dahulu menjadi pemimpin UMNO tidak bermakna saya mesti terus menyokong UMNO setelah UMNO menyimpang dari perjuangan asalnya dan sudah jadi parti milik perasuah yang hanya utamakan kepentingan diri masing-masing, yang hanya menyertai UMNO untuk dapat duit sogokan, mendapat peluang perniagaan, menjadi Menteri dan Perdana Menteri.

24. Percayalah, apabila dalam Mesyuarat Agung Mac ini calon-calon yang diketahui menyogok wang kepada wakil ke mesyuarat agong menang, UMNO akan dipandang jijik oleh rakyat semua kaum dan UMNO akan kalah pada PRU 13. Selepas itu UMNO akan terkubur dan mereka yang membawa kehancuran pada UMNO kerana wang dan keuntungan bagi diri sendiri akan dikutuk oleh orang Melayu turun temurun.

25. Biarlah kekalahan UMNO di Kuala Terengganu menjadi pengajaran pada UMNO. Janji-janji memberi wang untuk pembangunan tidak lagi berkesan kepada pengundi umum. Sesungguhnya rakyat termasuk orang Melayu meluat melihat sikap ahli dan pemimpin UMNO.

472 Comments

By shearirAuthor Profile Page on January 23, 2009 7:21 PM

Tun,

Alang-alang berpatah arang, berkerat rotan... Tun dedahkan lah segala kebobrokan pak lah kepada rakyat supaya kami semua tahu... Media yang beliau kuasai tak akan sekelumit pun menceritakan yang buruk tentang beliau.

By dr butiqAuthor Profile Page on January 23, 2009 7:25 PM

Saya sgt bersetuju dgn pendapat Tun.Calon G7 yg akan membuat pemilihan pemimpin diperingkat Nasional adalah pemimpin G7 tg telah makan rasuah walau pun bukan semua.Jadi pilihan mereka adalah pemimpin rasuah.Selamat berkubur Umno.

By svgAuthor Profile Page on January 23, 2009 7:33 PM

Its 100% true whatever Tun said. Only now, all the ex- MB's finding oppositions fault....did they realise that they had done the same mistakes & some are worst then now? No matter whether its a government or the opposition...they must work for the public & not for their personal gains.....BUT this is what happening in Malaysian politics. Almost everyday we can see unhealthy arguments among politicians....just to gain own publicity.Cheap Publicity.

By Ahmad JoeAuthor Profile Page on January 23, 2009 7:35 PM

Salam Tok Det,

Tangan pi depa Tok Det, haru betui depa.

By BuyongAuthor Profile Page on January 23, 2009 7:44 PM

Tiap kali tengok muka Dollah, rasa meluat, nak muntah , jijik.

Muka tak tau malu, munafik , pengkhianat bangsa

By abcAuthor Profile Page on January 23, 2009 7:54 PM

salaam Tun

sangat setuju dgn pandangan Tun. malah perangai sesetengah pemimpin umno seperti ini telah pun bermula dari zaman Tun lagi. harap mereka insaf.

By ndlawAuthor Profile Page on January 23, 2009 7:54 PM

pilihanraya d kuala terengganu penuh dengan janji2 manis. adakah janji2 itu akan di kotakan oleh pemimpin2 umno dan juga pemimpin pas?

Royalty minyak ? itu mestilah di kotakan. seperti negeri sarawak juga, royalty minyak adalah hak mereka sebagai negeri yang bertuah.

negeri selangor, dan penang juga adalah negeri yg bertuah. kedua-dua negeri ini adalah negeri yg pesat dan padat dengan perindustrian, maka cukai koperat pastinya lumayan untuk kerajaan negeri. Adakah itu di kira jasa kepada pemimpin negeri tersebut? TIDAK. itu peraturan ataupun undang-undang yg telah dilaksanakan.

bagaimana jasa pemimpin itu dinilai?

bagi saya sebagai golongan yg percaya akan kepetahan bercakap. public speaking adalah amat penting.

1) mestilah berucap dengan lancar dan lantang

2) ucapan mestilah berinfomasi bukan hanya taburan janji2 manis

3) ucapan mestilah bersemangat seperti pemimpin2 dahulu. ucapan yang umpama syarahan yang mantap pasti akan menarik minat pendengar. Fakta perlu di masukkan adalah skop ucapan.

antara penyampai ucapan yang amat bertenga dalam abab terdahulu, suharto, hugo chaves, presiden

cuba, presiden iran...etc..etc.

mereka ini mampu menakutkan rakyat mereka dengan ucapan dan syarahan yang sangat menakutkan melalui ucapan yang penuh dengan fakta, informasi, mesej dan panduan hidup yang relevan. Mampukah pemimpin UMNO jadi penyampai ucapan yang bernas dan lancar seperti mereka? malaysia boleh! apapun boleh

By selwamAuthor Profile Page on January 23, 2009 8:03 PM

Bravo Tun...!

By raymeAuthor Profile Page on January 23, 2009 8:03 PM

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Saya adalah bekas ahli UMNO dan masih sayangkan UMNO. Seperti Ayahanda, saya juga x bersetuju dengan pemimpin semasa.

Apakah lagi caranya untuk kita bertindak agar mereka yang bergelar pemimpin ini dapat disedarkan akan natijah yang menunggu sekiranya masih tidak berani menyuarakan suara sebenar mereka ?

Saya sememangnya risau memikirkan bagaimana untuk menangani pelbagai ancaman global dalam masa yang sama pemimpin kita x mampupun untuk bertegas dengan Singapura yang hanya dihujung kaki Semenanjung? Apa daya mereka ini ?...

Mungkin kepada pemimpin yang sudah kaya raya, tiada masalah sekiranya BN tewas pada pemilihan akan datang, apa nk risau ?.. ada duit semua jadi.. mereka sudah ada cukup duit ... Yang penting kepada mereka, selagi sempat & ada masa, kayuh sampai licin ... esok BN dh x berkuasa, dah x dapat merasa...

By HanudsAuthor Profile Page on January 23, 2009 8:11 PM

Salam Tun!

Dah lama saya ingin menulis di ruangan Tun setelah dari mula saya mengikuti blog Tun ini dari awal hinggalah sekarang.

Saya amat setuju dgn apa yg Tun tulis. Cuma saya nak bg sedikit pandangan saya. Maaf kalau tulisan saya menyinggung Tun.

Sebenarnya apa yg berlaku skrg di dalam UMNO adalah rentetan dari apa yg berlaku di zaman Tun menjadi Presiden lagi. Mungkin di ketika itu Tun tidak terlihat apa yg berlaku kerana Tun memandang dari sudut yg berbeza. Tun di kelilingi oleh pemimpin2 UMNO yg berkata dari mulut, dan bukannya dari hati. Kini Tun sudah berada di luar, sudah tentu Tun melihat dgn lebih jelas akan apa yg sedang berlaku.

Sepertimana Tun, saya juga sayangkan UMNO walaupun saya dilahirkan di zaman selepas merdeka. Dari sejarah yg saya baca, mmg UMNO begitu berjasa kepada negara terutamanya kepada bangsa Melayu. Tp antara UMNO dan bangsa, sudah tentu saya akan memilih bangsa saya.

Dulu saya selalu berpendapat yg menjadi ahli UMNO bukan bererti saya mengatakan yg UMNO itu sentiasa betul. Tp apa yg berlaku skrg menyebabkan saya mula mencari pilihan lain (masalahnya ada ke?). Skrg terpulangla kepada pucuk pimpinan utk mengubah UMNO agar menjadi lebih relevan. Masih ada masa utk berubah.

Walaupun apa yg berlaku, yg pasti saya tetap mengagumi kepimpinan Tun. Mmg ada yg saya tidak bersetuju tp saya selalu yakin yg Tun telah melakukan yg terbaik utk anak bangsa Tun.

Terima kasih Tun. Saya tak pasti samada negara akan memiliki pemimpin sehebat Tun lagi. Hanya Tuhan yg tahu...

By alien13Author Profile Page on January 23, 2009 8:17 PM

saya setuju dgn Tun..
mmg pemimpin kita gila kuasa..x memperjuangkan hak masyarakat..
mereka lebih suka mencari populariti dari menjadi lebih berkualiti..
saya sebagai rakyat xboleh nak kata apa.. sbb drg lagi berkuasa..
By caziaAuthor Profile Page on January 23, 2009 8:18 PM

salam Yabhg Tun, these people have not learnt a single thing from what they have experienced in PRU12. Yes, i totally agree with u that Umno has been damaged by these people, its own members and themselves will be cursed!
By elizaAuthor Profile Page on January 23, 2009 8:19 PM

Dearest Y.A.B Tun,

I was waiting for your entry about the recent bi-election. Finally, it came out. Yes, it is unfair some parties put the blame on you and I think it is simply because it is easier to blame things on others than admitting your own mistakes. The fact till today, some people just DON'T GET IT or REFUSE TO GET IT.

I am sadden by the lost. Honestly, I didn't pay much attention to recent bi-election because the foundation, in my opinion was flawed. Those who turun padang, that I was aware of, was there not to help out, but to lobby for other roles, projects, etc. I was hoping I was wrong and that they were doing the right thing. UMNO lost.

I hope your prediction in item 24 is wrong, but I think chances it will happen is high unless the next successor "SEDAR" and honestly mahu mengubah the culture in UMNO. It is easy to do damages but difficult to fix them.

Maybe you chose the wrong people, maybe you didn't. Maybe you can groom future leaders instead of choosing. I hope you can help build the younger generation to build the country and nation. Can you help nurture and groom successors who are as good or even better than you? Can you help groom successors who can pick up your great work and bring it to a greater height? I do not see anyone else who can help except you. Perhaps I am shallow minded to think that way. I don't trust and have least faith in the current set of leaders and so-called successors in UMNO. I hope I am wrong about them and I hope they prove me wrong. I don't want BN to loose the next election.

Many of our leaders, in my opinion, be it corporate or politicians are flawed because they are driven by insecurity, greed and power. Others are watching, digesting, some rebel, and some follow the traits as it appears to be the path to success. I look around and see these leaders in many places holding high positions in GLCs, MNCs and government.

Salam and I wish you and Tun Siti the best of health.

-eliza
By reeverbotAuthor Profile Page on January 23, 2009 8:20 PM

assalamualaikum Tun,
benar kata Tun tu.
memang dari awal2 lagi saya sudah nampak apa yang akan terjadi pada PILIHANRAYA KECIL KUALA TERENGGANU. memang,sudah lama parti UMNO yang ramai agungkan ini telah dipengaruhi politik wang dan keluarga. 2 benda inilah yang akan mengakibatkan keruntuhan parti yang sepatutnya membela bangsa MELAYU kita. sesungguhnya, pemimpin sekarang akan dikecam dimasa akan datang jika masih lagi meneruskan perjuangan 'politik wang' dan bukan 'politik bangsa'
By lamaniaAuthor Profile Page on January 23, 2009 8:23 PM

Tun..dlm hidup saya, saya tidak pernah iktiraf DSAAB sebagai PM Malaysia. Malah anak saya yang sedang bersekolah juga tidak dapat menerima sejarah Malaysia yang mempunyai PM bernama DSAAB.

Saya dan anak saya akan kenang sepanjang hayat kami bahawa DSAAB sebagai PM Malaysia (PENKHIANAT MELAYU/MALAYSIA)

Demi memulihkan serta mengangkat kembali martabat MELAYU/MALAYSIA kita perlu terus BERANI BERUBAH. Saya ingin meminta pendapat Tun serta pembaca blog ini agar dapat memberi senarai tips dan langkah-langkah proaktif untuk PEMBERSIHAN UMNO DARI RASUAH & KEPENTINGAN PERIBADI..SERTA LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHANNYA

Diharapkan kita akan sama-sama dapat fikirkan langkah-langkah tersebut dan seterusnya dibentangkan dalam PERHIMPUNAN UMNO serta mana-mana pertubuhan yg melibatkan bangsa MELAYU/MALAYSIA. Kemudian bagaimana penguatkuasaannya agar UMNO benar-benar bersih dan menjadi platform untuk melahirkan pejuang-pejuang MELAYU/MALAYSIA tulin, jati diri dan murni hatinya seperti yang pernah dimiliki oleh pemimpin-pemimpin UMNO terdahulu
By normal citizen Author Profile Page on January 23, 2009 8:27 PM

Dear Tun,

I read MT Today written by RPK saying that the ppl in Kuala Terengganu already knew that the Malay vote will swing to PAS. Why they swing I really don't know ?

But another article which captured the Mansion of Wan Farid, Menteri Besar and the UMNO tauke as compared to the housing of KT ppl are convincing enough to vote PAS. Not to forget the Perdana VS Mercedes (not Camry though).

The trend is sided on the opposition. As I see it, Penang and Selangor are working so hard. UMNO only playing dirty tricks on them. Wake up man.

I read a link the other day, the MP of Subang Jaya can even breakdown her allocation for her constituency. Which one do you want to vote for then ?
By Idol Author Profile Page on January 23, 2009 8:28 PM

Dear Tun,

Hoping Pak Lah and the cronies will realise!
By Larry Jay Author Profile Page on January 23, 2009 8:29 PM

Dear Mahathir,

Your expression in this topic is very blissful & touching & reminds me of Mahsuri's curse in Langkawi Island... I cant agree with you more on list of misdeeds by UMNO leaders!!

But at the same time it's so...so much of " A POT CALLING A CATTLE BLACK" or " A CRAB IS COACHING A DUCK TO WALK ELEGANTLY"

It would be far more advisable to look at ourselves deep-in before pointing others weakness, misdeeds, corruptions, cronism, nepotism, etc... as this culture was created & instilled by you during your rule over a period of 22 years....and along the way each member of the cabinet ministers/deputy/MPs/government officers,etc.. have perfected & mastered on it!!

Syabas!! Coach Mahathir!!
By lampu basikal Author Profile Page on January 23, 2009 8:30 PM

Assalamualaikum Tun,

Saya melihat pilihan raya KT sebagai tempat bukan nya untuk ahli UMNO pergi berkempen untuk kemenangan calon nya akan tetapi ia adalah medan dan tempat untuk wakil wakil G7 dan G2 mendapat

imbuan untuk memilih calon tertentu yang akan bertanding pada perhimpunan agung UMNO pada bulan march ini. Kekalahan UMNO bukan penting sangat akan tetapi imbuhan dan juga janji janji manis yang ditabur lah yang menjadi pilihan. Kalau lah semua ahli UMNO menolak angin syurga yang cuba diberikan oleh pemimpin pemimpin tertentu mungkin UMNO akan ada peluang untuk memulihkan kepincangan yang berlaku sekarang, dan sekiranya ahli UMNO memilih untuk di buaikan oleh janji janji syurga dunia maka PRU 13 yang akan datang maka UMNO akan terkubur untuk selama nya.

Pada pendapat saya Tun masih dan makin popular di kalangan majoriti orang Melayu disebabkan pengaruh penulisan dalam blog Tun banyak menyedarkan dan menginsafkan orang melayu betapa penting nya kuasa dan perjuangan demi bangsa agama dan tanahair. Tun pepatah Melayu juga ada menyebut "berani kerana benar" dan saya akui bahawa tiada hipokradi bagi pihak Tun dan atas kesedaran itu lah saya memilih untuk menyokong Tun 100%. Akhir kata "Hidup Tun Dr Mahathir dan semoga Allah memberkati segala usaha Tun untuk memberi kesedaran demi bangsa, agama dan tanahair". Aminnn.....

By khairuddinAuthor Profile Page on January 23, 2009 8:32 PM

YABhg.Tun,

Salam hormat.

1. Bersetuju bahawa UMNO tidak perlu berubah, tetapi SEMUA AHLI UMNO perlu berubah.
2. Selepas PRU12 bulan Mac 2008, pilihanraya kecil Permatang Pauh dan Kuala Trengganu, majoriti pemimpin dan ahli UMNO masih tidak berubah, tidak mahu mendengar suara majoriti rakyat. Ahli ahli UMNO masih mengakui bahawa kepimpinan UMNO yang ada sekarang adalah yang terbaik. Suara bukan Ahli/rakyat tidak mahu diterima.
3. UMNO sendiri akan menerima padahnya.

By pakbelalangAuthor Profile Page on January 23, 2009 8:32 PM

Dear Tun,

In short, ahli-ahli dan pemimpin UMNO dah pekak, buta dan bisu. Mereka dah terpesong jauh dari perjuangan asal. Mereka dah jadi jahil. Perjuangan mereka bukan lagi untuk bangsa, agama dan negara tetapi perjuangan untuk kembongkan perut mereka dan keluarga mereka. Mereka sudah hilang petimbangan yang waras. Mereka telah hilang pedoman. Nafsu telah menghantui jiwa mereka. Keimanan pemimpin UMNO sudah rapuh dan terombang ambing. Mereka dah jadi bodoh dan stupid. Merka haprak. Mereka HP6.

By shahAuthor Profile Page on January 23, 2009 8:33 PM

Assalamualaikum Tun,

saya harap komen saya tidak mengguris hati sesiapa pihak..

Saya ialah anak jati terengganu..apa yang saya nampak, cuma satu..

Kesilapan / kekalahan di terengganu sebenarnya disebabkan oleh UMNO sendiri. Saya bukanlah di sebelah pihak lawan, saya sokong UMNO. Sejak dibangku sekolah lagi saya memerhati, menilai tentang perjuangan UMNO dan hasrat UMNO untuk memajukan negara. Saya cukup tertarik dengan Wawasan 2020, Dasar untuk membangunkan industri pembuatan, IT dan sebagainya..

Tetapi, disebabkan kelalaian / sifat tak endah dari UMNO, menyebabkan Orang terengganu sudah mulai bosan dengan UMNO. Semua orang dari luar terengganu tertanya tanya,.. kenapa Negeri yang kaya dengan sumber minyak lebih mundur dari negeri yang tidak mempunyai hasil? Lihat saja lah di kemaman.. Tempat yang sepatutnya menjadi suatu tempat yang membangun, cuma yang ada?? Jika UMNO masih ingin kedudukan di Malaysia, some one must do something.

Saya ada banyak usul untuk dibahasakan, mungkin bila sampai masanya nanti, Insyaallah saya akan kemukakan kepada Tun.

Wassalam,
By hairulAuthor Profile Page on January 23, 2009 8:38 PM

Assalamualaikum, Tun. Semoga sentiasa dirahmati Allah.

Che Det akan mati dan akan diingati sebagai pengkritik UMNO yang paling lantang.

Tapi, cukupkah dengan sekadar mengkritik, Tun? Rasa-rasanya, Tun boleh buat lebih daripada itu. Kalau UMNO dah jelas dan nyata berada dalam kesesatan, kenapa tidak mahu menyertai PAS ataupun Pakatan Rakyat? =(Sekadar pandangan daif seorang bakal pengundi)

Bila UMNO dah terkubur, Tun nak kritik parti mana pula? Jangan pula suara Tun turut terkubur.

Semoga Tun dipanjangkan umur untuk merenung kembali riwayat pemerintahan Tun selama ini. Mungkin, kalau ada dosa dan salah yang belum diperbaiki, Tun masih mampu memperbetulkannya.

Salam perkenalan dari seorang remaja yang pernah dan yang akan sentiasa mengagumi Tun Dr. Mahathir.

By ishiAuthor Profile Page on January 23, 2009 8:41 PM

If a company is runned like UMNO and the loss in the previous PRU is equal to a financial loss, the Board of Directors should or will all resign and make way for new management. How come no one in UMNO is resigning to make way for new blood and ideas?

By JJJAuthor Profile Page on January 23, 2009 8:43 PM

salam Tun,

Saya ingin menyentuh tentang masalah nelayan2 kita di daerah Pengerang Johor yang mata pencarian mereka semakin terhimpit dan berkurangan secara drastik semenjak lebih kurang hampir setahun yang lalu.

Apabila Singapura menang kes Pulau Batu Putih,kapal2 kargo seluruh dunia yang menanti untuk memasuki ke PSA telah mula berlabuh begitu dekat dengan pantai Teluk Ramunia hingga menyebabkan mengganggu mata pencarian nelayan tempatan disini.

Masalah ini telah didedahkan oleh rancangan 'Talian Hayat' terbitan NTV7 dimana mereka menjadi saksi dengan mata kepala mereka sendiri betapa seriusnya masalah ini telah menjadi.

Teringat saya kepada komen PM lembab tentang isu PBP...'it's a win - win situation' dan darah saya terus menyirap.Cuba Pak Lah datang kemari dan beritahu sendiri kepada lebih kurang 2000 orang nelayan pesisiran pantai disini.

Tanya mereka bagaimana mereka nak menyara keluarga apabila pukut rosak kena sauh kapal,balik dari laut tanpa seekor ikan pun dapat ditangkap,bukan sekali malah banyak kali sehingga ramai di antara mereka sekarang sudah mula tidak kelaut lagi.

Mereka sendiri sudah malas nak mengadu masalah mereka kerana tiada tindakan berkesan di ambil.Suara hati saya berkata mereka akan ajar kerajaan BN pada PRU 13 nanti.

Beginilah cara dan corak pentadbiran kerajaan sekarang yang lembik dan seolah olah tidak bermaya.Keadaan ini mengundang padah kerana 4 tahun dari sekarang pihak pembangkang akan mendapat undi yang lebih besar di kawasan ini yang mana undi majoritinya boleh di timbang kati sebelum ini.Letak calon seekor kambing mewakili BN sebelum ini pun kambing itu akan menang.

Singapura dengan angkuhnya mengeksploitasi kebodohan pemimpin kita.Yang jadi mangsa ialah rakyat miskin yang kais pagi makan pagi.

Sekali lagi saya ramalkan disini 4 tahun lagi akan ada banyak e-mail2 lawak di Internet yang bertanyakan pekerjaan terbaru pemimpin2 UMNO, apabila BN tewas PRU 13.

BUKANNYA RAKYAT SUKA PEMBANGKANG TETAPI BENCI DENGAN GELAGAT PEMIMPIN SEKARANG.

Kita tunggu pemilihan UMNO Mac ini. Segala persoalan akan terjawab jika calon2 tertentu menang. Pengajaran dari kekalahan di Kuala Terengganu adalah 'rakyat akan tolak pemimpin yang berkaitan dengan AAB'.

P/S - Sambung kembali Projek Jambatan Bengkok!

Wassallam

Jeng3

By RadziSiAuthor Profile Page on January 23, 2009 8:49 PM

assalamualaikum Tun Yang saya hormati...

1. diorang ni (Umno) semuanya dah bebal... semuanya berminat duit.. mereka ingat wang boleh beli semuanya...
 2. tetapi apakan daya ...melayu yang bijak semuanya pegawai-pegawai kerajaan dan glc tidak berminat dengan politik atau takut berpolitik.. malah undang-undang kerja juga membuatkan mereka jadi begitu... yang ada kebanyakannya bukan orang-orang berniaga yang sentiasa menunggu peluang... bebal pulak tu... spm pun ada yang tak lulus...
 3. maka jadilah UMNO yang tak bermaruah apabila benda-benda sebegini telah menjadi budaya setelah bertahun-tahun sekarang dah nampak hasilnya....
 4. UMNO mungkin dah hilang UM... lama-lama NO.....
 5. siapa yang akan membantu melayu.... adakah cina... adakah india...
 6. yang pasti semuanya dah nak terjual.... kerana sibuk dengan kemewahan yang tak seberapa...
 7. nasib baik ada tabung haji... ada asn ada asb... kita ramai-ramai isi tabung untuk membeli apa yang boleh melayu beli... itu pun dah mudah ditipu... dicuri...
 8. Betullah seperti sajak Tun dahulu... melayu mudah lupaaaaaa....
- By kochehAuthor Profile Page on January 23, 2009 8:50 PM

SALAM TUN,

SAYA PIKIAK UMNO TAK POPULAR LA NI BUKAN SANGAT PASAI PEMIMPIN YANG ADA SEKARANG NI. TAPI PASAI PENGUNDI MUDA YANG NAK UBAH SELERA. KALAU NAK KATA PEMIMPIN PERASUAH.... DULU-DULU PUN RASUAH JUGA. ZAMAN TUN DULU TAK ADE RASUAH KE?

By gie7Author Profile Page on January 23, 2009 8:56 PM

ada ahli UMNO dan pemimpin UMNO yang masih dalam "state of denial" macam kata bro kadiology... ramai yang tahu ape sebab sebenar kekalahan prk kt tapi ada yang terus nak menafikannya.. teguran kepada sesetengah orang telah di bendung sedalam dalamnya dan kututkan kepada sesetengah yang lain telah d biarkan berleluasa oleh sesetengah ahli UMNO... UMNO memerlukan tun lebih daripada Tun memerlukan UMNO...

By daisydee7672Author Profile Page on January 23, 2009 8:56 PM

salam ayahanda Tun,

you are the real Malaysian hero.. me and my father are your big fans. We love your great ideas and constructive thoughts for Malaysians.

By pakbelalangAuthor Profile Page on January 23, 2009 9:05 PM

Ada beberapa manusia yang patut dihumban dan direjam jauh-jauh dari kepimpinan UMNO, Merekalah yang menjadi makhlok perosak dan menjahanamkan kewibawaan UMNO. Berikut adalah the "Dirty Dozen" dalam kepimpinan UMNO yang patut "disembeleh" habis-habis. Tak guna dan dah tak boleh pakai. Semuanya kayu buruk dan tidak ada credibility lagi.

1. Mike Tyson
2. Ali Rustam
3. Tengku Adnan
4. Isa Samad
5. Mat Hassan
6. Rahim Tambi Chik
7. Azeez
8. Reezal
9. Rafidah
10. JJ
11. KJ
12. Khir Toyo

Banyak lagi manusia seperti diatas yang dah tak guna lagi dalam UMNO diperingkat cawangan, bahagian, MT, Pemuda dan Wanita. Mereka membebankan parti UMNO dalam usaha untuk memulihkan kepercayaan rakyat terhadap parti UMNO. Selagi makhlok ini masih lagi menempil dan berkeliaran dikalangan kepimpinan UMNO maka jangan harap UMNO akan berjaya dimertabatkan sebagai parti yang memperjuangkan bangsa Melayu, agama dan negara.

By Sedingin SaljuAuthor Profile Page on January 23, 2009 9:05 PM

Adakah Tun akan kembali pada Umno selepas pengunduran pak lah seperti yang tun janjikan semasa keluar dari Umno tempoh hari?

By HeraklesAuthor Profile Page on January 23, 2009 9:10 PM

Yang Amat Berbahagia Tun,

Semua orang tahu bahawa Tun bukan lagi ahli UMNO, tetapi darah daging Tun adalah 101% UMNO.

Sebagai seorang yang lahir sebelum merdeka dan telah hidup dibawah lima Perdana Menteri, saya penuh yakin segala teguran dan tindakan Tun akhir-akhir ini bukanlah untuk menjadi Perdana Menteri semula tetapi adalah untuk Alif, Ba, Ta.

Teruskan perjuangan Tun.

By HBTAuthor Profile Page on January 23, 2009 9:13 PM

Tun,

After reading this article, I feel very sad, Tun. Don't be disturbed by these people, Tun.

Tun is responsible, brave, admit own mistakes, doesn't run a away from problems and brave to face the consequences. These are the reasons why Pak Lah & his cronies hate Tun including that Tun Musa-ng & Anwar Ibrahim. Tun, they were hit very bad in this economic cycle because they did not listen to Tun. Now, they are frightened and desperate, Tun. They are the cowards, dah buat salah, tak nak mengaku dan pin-point kat Tun. These are the morons that rakyat TAK NAK. Today they can BETRAY Tun, tomorrow they can BETRAY the country. But I believe that they will be cursed like the Kennedy family, John Kennedy was assasinated by a Palestinian because J.F Kennedy did not keep his promise to protect Palestine to stop Israel from invading the country.

Good night Tun, please take care.

By membrAuthor Profile Page on January 23, 2009 9:16 PM

Apa yang Tun kata dan tulis tu adalah benar-benar belaka. Saya rasa tiada orang yang berani menafikannya.

Luka yang telah dilakukan pada UMNO sungguh dalam dan parah sekali. Mungkin parutnya akan kekal selama lama kalau tiada pemimpin seperti Tun menyembuhkannya.

Banyak tanda-tanda yang UMNO akan berkubur. UMNO bukan lagi parti favorite pada PRU 13 nanti.

Kebanyakan rakyat tak berapa suka parti pembangkang, tapi mereka mungkin tiada pilihan.

Tengok Najib nanti. Dapatkah dia menonjolkan sesuatu? Keadaan UMNO yang sedang luka parah sekarang banyak bergantung kepada kebolehan dan kemampuan beliau untuk memulihkannya.

By Mohamed IsmailAuthor Profile Page on January 23, 2009 9:18 PM

Tun, thanks for keep on writing...

Kpd ahli2 UMNO, even sy sendiri baca apa yg Tun tulis nih pon dh bleh bayangkan camna perangai pemimpin2 UMNO skrang.. Ishk Ishk Ishk...

Walaupun sy bukan ahli UMNO tp nak berpesan kepada ahli UMNO.... berubahlahh... itu kepada ahli...

Kepada pemimpin2 UMNO, bawak2 bertaubat lah... buang laa sifat2 buruk tuu... bwk2 ingat kepada ahli dibawah dan rakyat jelata..

Contoh macam Dr Khir Toyo, nk cari salah org pon, cari la salah menarik2 skit... Nie pasai kambing... Makan habih dah pon... Bukannya tanah berekar2 jadi harta pusaka...

Pikiq laa sendiri wahai ahli2 UMNO and pemimpin2 UMNO... you're getting sucks!!!

By suraksakhAuthor Profile Page on January 23, 2009 9:19 PM

Meluatnya tengok telatah pembangkang, meluat lagi tengok UMNO sekarang. Sebenarnya sikap UMNO ini telah dibudayakan semenjak pentadbiran Tun lagi apabila sebuah parti politik memegang kuasa terlalu lama, sehingga para wakil-wakil rakyat terlalu bermegah sampai lupa diri.

By NegarakuAuthor Profile Page on January 23, 2009 9:20 PM

SALAM TUN....

SAYA SENTIASA MEMERHATIKAN PERJUANGAN UMNO SEKARANG...SUNGGUH KETARA PERBEZAANNYA JIKA DIBANDINGKAN KETIKA ZAMAN TUN MENTADBIR DAHULU....PERJUANGAN UMNO SEKARANG TERLALU LEMAH...TIADA SIAPA YANG DAPAT MENERUSKAN MATLAMAT PERJUANGAN PEMIMPIN DAHULU.SAYA TERLALU KECEWA.HANYA ALLAH S.W.T YANG DAPAT KU POHON AGAR PEMIMPIN UMNO SEKARANG SEDAR DAN BANGKIT MENERUSKAN AGENDA PEMIMPIN UMNO DAHULU....

PEMERHATI POLITIK GENERASI MUDA....

By squall_shinodaAuthor Profile Page on January 23, 2009 9:22 PM

Assalamualaikum ayahanda Tun,

Saya percaya satu sebab utama kenapa BN kalah pada pilihan raya kecil Kuala Terengganu ialah kerana

mereka sedikit pun tidak mengambil pengajaran terhadap kekalahan pada Pilihan Raya Umum 2008 dan juga Pilihan Raya Kecil Permatang Pauh, dengan menggunakan kember berbentuk ungkit-mengungkit. Di Kuala Terengganu, BN mengungkit mengenai "pengorbanan" Datuk Wan Ahmad Wan Farid yang dikatakan sanggup "melepaskan" jawatannya di dalam parlimen demi bertanding di sana.

Selain itu, isu skandal Monsoon Cup dan Taman Tamadun Islam juga adalah faktor besar yang menyumbang kepada kekalahan BN.

Jika BN meneruskan sikap bodoh sombong, tak mahu terima teguran, "syok sendiri" serta sikap take things for granted, maka BN seolah-olah seperti sedang menggali kubur sendiri yang bakal diisi semasa Pilihan Raya Umum 2012 nanti.

By Ibrahim Iaden Author Profile Page on January 23, 2009 9:23 PM

SALAM TUN YG DIHORMATI, SUNGGUH SEDIH UNTUK UMAT ISLAM DIMALAYSIA SEBUAH PARTI YG DAHULUNYA LAHIRKAN PEJUANGAN2 KEMERDEKAAN, PERTAHANKAN MARUAH BANGSA HINGGA DIKAGUMI SELURUH DUNIA, KINI DIHANCURKAN OLEH PEMIMPIN2 SYAITAN YG BERTOPENGGAN MANUSIA DENGAN KETAMAKAN KEMEWAHAN BUAT SEMENTARA TANPA MEMIKIRKAN GENERASI BANGSA YG AKAN DATANG. UNTUK PERWAKILAN PARTI DIBULAN MAC JANGAN GADAIKAN ANAK CUCU KAMU DGN DUIT TAK SEBERAPA, CARI PEMIMPIN YG BETUL2 BERJUANGANKAN UTK UGAMA BANGSA DAN NEGARA TOLAK PEMIMPIN YG KAKI RASUAH, INGAT.... JANGAN TEMPAH NERAKA UTK ANAK CUCU KAMU DI NEGARA KAMU SENDIRI.

By Ms Maria Liza Author Profile Page on January 23, 2009 9:29 PM

Assalamualaikum Tun,

You are absolutely right. The young generation is sick of all the corruptions under Pak Lah's administration. The trust of the rakyat is long gone. And this we can see in the Malaysian political scene after BN lost in five states. It is not easy to gain the trust of the young generation to support UMNO again. Perhaps, some will resolve to support alternative political party or remain to be observers because they don't really have much choice. It is sad to see that UMNO still has not learned its lesson. The result? Losing again in Kuala Terengganu. My mom was commenting the other day, "Depa ni dah lah letak calon tak sesuai, bila pilihan raya baru nak tabur gula-gula nak buat tu dan ni.... nampak sangat! Kalau Mahathir mesti dia pilih betul-betul... Tapi tak kata jugak, orang PAS pandai dekatkan diri dengan masyarakat tak kira masa, orang kampung suka lah..."

By Khidmat Author Profile Page on January 23, 2009 9:30 PM

Memang sengat UMNO tidak berbisa lagi. Boleh gerak semua menteri dan jentera untuk kempen pilihan raya namun semua kata dan janji tidak menggerak hati pengundi. UMNO boleh kata yang keluar mengundi tidak 100% sebab itu BN kalah tetapi sebaliknya kalau semua keluar mengundi mungkin jurang kekalahan kalah juga lebih besar.

Saya juga sayang pada UMNO dan BN seperti saya sayang pasukan bola sepak negara. Namun kedua-duanya tidak dapat memberi sinar harapan pada masa kini.

Tun, orang kampung tidak mengetahui serta tidak faham tentang jual beli syarikat yang Tun katakan itu. Mereka jug tidak faham tentang yang lain-lain tu, namun ramai daripada mereka juga tidak mengundi UMNO. Apa salahnyabukan salah ibu mengandung.

By ibumimi Author Profile Page on January 23, 2009 9:30 PM

Ayahanda Tun...pahit utk ditelan bagi UMNO, tapi diharap boleh bagi kesedaran untuk UMNO mengakui hakikat sebenar...

Saya pilih umno masa pru12 dulu pun bukan sebab paklah, calon atau parti umno.. tapi, sebab dah tak de choice..saya nak undi pas tapi, diorang dah join pkr plak. Pendirian saya...saya tak kan pilih parti anuar atau parti yg seangkatan dengannya,saya tak mau munafik jadi pemimpin!

By dettAuthor Profile Page on January 23, 2009 9:31 PM

Kalau kita masih menegak benang yang basah, sampai bila pun tak berhasil. Kita kena keringkan dulu, jangan panaskan nanti terbakar.

Nak tegak pun tak boleh pegang panjang, kena pendek, nanti tak tegak lama. Pendekkata semuanya kena pakai akal, logik dan pengetahuan, walaupun benda yang senang dan remah. Apatah lagi nak mentadbir negara.

Selalulah balik ke asal dan cermin diri, baik Tun ke AAB ke atau sapa saja. Masalahnya semua tak mahu mengalah terutamanya bila dah ada kuasa, sapu sajalah. Polis bangang pun ada kuasa akan metekedarah duit. Apatah lagi orang politik. So semuanya sama saja. apa kita nak buat dan pilih sapa. semua tak boleh harap.

Rasanya kita tukar hukum hudud dan qisas lagi baik. Cubalah adakan debat terbuka kebaikan dan keburukannya....untuk kebaikan dan jalan yang diredai.

By copperheadgoldAuthor Profile Page on January 23, 2009 9:31 PM

sir,

actually you too screwed up. heres why:

- 1.your cop beat anwar ibrahim and the black eye was on you
- 2.you hurt his family and humiliate him and his family
- 3.you protect daim
- 4.you give the impression that the judiciary is free of your influence
- 5.you didnt check on gwen burne and the tape correct correct..
- 6.you give the impression through your media that anwar was suddenly bad and anwar fought back.
- 7.you said crush them enemy like ants.you couldnt do that to anwar ibrahim.

paklah got highest mandate because people were sick of you.now your legacy is mukhriz.that is a sure umno death wish.

what do you think sir? apart from all the above,you love your bangsa and malaysia.i do admire you.

not just paklah sir..

cheers..jo.

By melayumerdekaAuthor Profile Page on January 23, 2009 9:32 PM

Salam YABhg Tun,

Sesungguhnya Umno berada di dalam final stage of cancer...

Hanya Allah yang boleh menolongnya...

Ahli Umno tidak mungkin mengetahui kesan by election tersebut.

<http://darahtuah.wordpress.com/2009/01/20/keputusan-di-kuala-terengganu-apa-mesej-dan-natijahnya/>

Terima kasih..

By yayAuthor Profile Page on January 23, 2009 9:33 PM

Tun,

UMNO memang dah haprak....really haprak.....PRU 13 pasti UMNO kalah teruk.....kesian DSN jadi scape goat.....lagi pun cara UMNO nak menambat hati rakyat masih di takuk lama.....orang dah lebih maju dan pandai memilih.....UMNO memang dah haprak....

Salaam

By zcm400Author Profile Page on January 23, 2009 9:36 PM

Asm Tun,

The "negativity" signs is everywhere...at coffee shops, offices (even govt offices), homes, cities or kampong. The rakyat starting to talk openly and you are hearing the same tune everywhere.

I was at my hometown, small kampong near Taiping. My old father is expressing the kampong folks' "meluat" sentiment about Pak Lah's obsession of his new wife. Parading her around the globe and forgot that he has tasks to deliver to those poor rakyat. Many switch off their TV whenever Pak Lah appears. Not sure about Najib...

Enough has been said...PRU13 will be the moment of truth for those who is still "sleeping".

God bless you, Tun...semoga panjang umur. Take care.

P/S: My daughter who is pursuing medicine in Dublin is your biggest fan. She adore you so much.

By solcroftAuthor Profile Page on January 23, 2009 9:38 PM

First off, Mahathir needs to be thanked for his part in "melongkangkan" the BN candidate at KT. His petulance is such that he cannot hold his tongue and restrain from an opportunity to strike a low blow at Abdullah, even though it is UMNO who suffers the consequences of his petty childishness.

Many see the recent election results as Abdullah's failures. I say it is one of his virtues. If Mahathir was still sitting on his throne, it is very likely indeed that Anwar, RPK, and a handful of other PR leaders would have been incarcerated at University Kamunting on ridiculously trumped-up charges at the first sign of electoral success – if Anwar was ever released from his original sodomy conviction in the first place. Mahathir would like the public to believe that it was the rakyat's acceptance of him that kept him in power, as opposed to Ops Lalang, the ISA, blatant vote-rigging, amendments to UMNO's election procedures, his fostering of the erosion of the separation of powers, the ageless tradition of corruption and cronyism, and his tight-fisted totalitarian grip on power. He effectively reigned like a king, with all of UMNO beneath his thumb. The revoking of newspaper permits and the ISA were used to quash dissent. His deputy was viciously beaten to an inch of his life and imprisoned for six years. And now after his retirement, after he has reaped the full benefits of what 22 years helming a corrupt political party in power at federal level had to offer, he is now vigorously attacking his successor of the crimes he himself had pioneered.

Many may worship Mahathir for bringing about economic progress, but look around you and you will only see that we have been left in the dust by countries which we should have overtaken. Economic progress was inevitable; Mahathir was simply there at the right time. In fact, the damage he has wrought to this country is evident by how much he has held back our progress. What are we today compared to, say, Singapore or South Korea, against whom we were once far superior? Singapore and was lucky (and Tunku Abdul Rahman was mananimous enough) so that they escaped the Malayan Federation and avoided being subject to the voracious lusts of UMNO. Mahathir did not have the opportunity to suck Singapore dry, and today he is jealous of them.

Whatever Abdullah's faults, he was not the "ganas, jahat dan licik" individual that Mahathir was. He is far from a perfect man, but he willingly gave the people the voice of democracy, the chance to truly choose their leaders, and initiated desperately-needed political and socio-economic reforms. And even if he

trusted Khairy Jamaluddin a tad too much for other peoples' taste, at least it was because Khairy was a far sharper fellow than that idiot, empty-headed Mukhriz. All these came at the expense of his political career and personal reputation, as the UMNO warlords from the Mahathir era opposed him every inch of the way. For his efforts he was cursed as a traitor and labeled as stupid and incompetent. His refusal to oppress the common people as thoroughly as Mahathir had done earned him hatred from the UMNO ultras.

As far as Prime Ministers go, Abdullah was far from ideal. But he was a better man than Mahathir.
By ibnu hamzahAuthor Profile Page on January 23, 2009 9:41 PM

politik UMNO sudah menjadi kucar kacir sekarang...
mereka bagaikan sedang menggali kubur masing-masing untuk PRU13 nnt...
kami sebagai rakyat akan mengiringi mereka ke arah 'kubur' yang mereka sendiri gali dengan cangkul mereka sendiri...
jika mereka tidak mahu rakyat menghantar mereka ke kubur mereka sendiri,
mereka patut berubah dari sekarang...
mereka patut memulakan suatu 'turning point' agar rakyat tidak beriringan menghantar mereka ke kubur mereka...
mereka patut berusaha menutup kembali kubur2 yang telah digali itu...
bukan makin melebarkannya....
By MelayuJatiAuthor Profile Page on January 23, 2009 9:50 PM

Yang berbahagia Tun, please Tun, lepas Mac ni Najib naik, masuk balik UMNO. Jadi penasihat macam Lee Kuan Yew. Perbetul balik UMNO ni. Jangan kita mengalah kat PKR, PAS dan DAP.

Moga ini boleh tebus kesilapan Tun pilih Pak Lah dulu.
By maradona_magobaAuthor Profile Page on January 23, 2009 9:57 PM

YABhg Tun,

Sememangnya apa yang Tun katakan amat saya sokong. Ahli-ahli UMNO perlu mengambil tindakan drastik dengan penuh keiklasan sekiranya ingin melihat party keramat ini berjaya dimasa hadapan. Singkirkan calon-calon yang memperjuangkan untuk diri sendiri dan korni daripada pemilihan bulan Mac yang akan datang. Tentukan Najib mendapat pasukan yang benar-benar berjuang demi untuk agama, nusa dan bangsa khasnya perpaduan orang MELAYU.
By pakjokoAuthor Profile Page on January 23, 2009 9:58 PM

Dear Tun,
Kalau tidak belajar dari kesilapan maka masa dan hari akan menentukannya.

PRK dinegeri Terengganu adalah petanda awal kerajaan BN akan tumbang di masa akan datang.....

Sudah tentu Datuk Seri Najib kini pening kepala.
By pakjokoAuthor Profile Page on January 23, 2009 9:59 PM

Dear Tun,
Kalau tidak belajar dari kesilapan maka masa dan hari akan menentukannya.

PRK dinegeri Terengganu adalah petanda awal kerajaan BN akan tumbang di masa akan datang.....

Sudah tentu Datuk Seri Najib kini pening kepala.
By Azhar HAAuthor Profile Page on January 23, 2009 9:59 PM

Salam,

Tq for the advice.

By zairiamirulrazakAuthor Profile Page on January 23, 2009 10:02 PM

Bg saya rombakan bukan sekadar dalam perjuangan umno saja tapi dalam semua aspek, kabinet harus diperkecilkan, tp nak puaskan hati manusia ni susah ada saja salah yang dicari...

By suaramelakaAuthor Profile Page on January 23, 2009 10:04 PM

Salam Ybhg Tun,

Kini UMNO bukan lagi UMNO yang berjuang untuk Bangsa dan Negara tetapi UMNO yang dipimpin oleh mereka yang mengutamakan kepentingan diri sahaja. Kekayaan adalah matlamat majoriti pemimpin pemimpin baik pun di akar umbi atau yang memegang jawatan tertinggi parti.

Imej parti menjijikkan dan rakyat telah menyuarakan pendapat mereka di PU 2008 dan di pilihanraya kecil di KT. UMNO harus berubah dan dirombak semula supaya pemimpin pemimpin yang benar benar berjuang untuk rakyat dan berjiwa rakyat dipilih pada bulan Mac ini. Kalau tidak UMNO dan perjuangan orang Melayu akan terkubur pada PU13 kelak.

By heningAuthor Profile Page on January 23, 2009 10:06 PM

Assalamualaikum Tun,

You have given the right prescription many times. It seems, the one taking your prescriptions are the rakyat. It appears, hati pemimpin sekarang ni dah gelap dan tertutup untuk mengambil nasihat. Inshaallah, saya akan mendoakan agar hati mereka terbuka. Saya berharap agar yang lain akan turut serta berdoa akan Bumi MALAYSIA diselamatkan dari kebinasaan. Musuh dalam selimut dah banyak bertambah masa sekarang ni dan Malaysia yang gagah dan dikenali satu masa dahulu sedang rakus dimakan anai-anai dan tunggu masa untuk tumbang. Semoga, keadaan ini akan dijauhkan oleh yang maha berkuasa.

By zam83Author Profile Page on January 23, 2009 10:07 PM

Dulu, masa Palestin di tangan orang Arab berkurun lamanya. Sampai masanya, terlepas pula ke tangan yahudi. Silapnya, umat islam sendiri waktu itu juga. Malaysia, baru 50 tahun di pegang BN. Kalau setakat 50 tahun pun dah berpecah belah, apatah lagi berkurun. Ingatlah wahai pemimpin pemimpinku, dah banyak sejarah yang kita belajar & lalui. Baik sejarah agama, negara atau bangsa. Sejarah negara lain pun kita sudah belajar juga. Persoalannya, mampu atau tidak kita belajar dari sejarah & sedar akan kesilapan & perbaiki segala kesilapan yang kita tahu itu. Jangan sampai Malaysia ini porak peranda. Mungkin saya aman damai di Malaysia hari ini atau 10 tahun atau 20 tahun lagi. Atau mungkin sepanjang umur, akan aman damai di Malaysia ini. Tapi biarlah kestabilan ini berkekalan hingga anak cucu saya turut merasai damai ini. Bagaimana saya tak sanggup melihat anak anak Palestin menjadi korban dek kerana kesilapan silam datuk nenek mereka, begitulah juga harapan saya di Malaysia...

By RemAuthor Profile Page on January 23, 2009 10:09 PM

Yg Amat Di Hormati Tun,

Saya amat setuju dengan pendapat Tun. UMNO salah pilih calon. Pengundi dah meluat dengan barisan kepimpinan UMNO tajaan Pak Lah. Saya harap perwakilan UMNO dapat memilih mereka yang benar-benar bersih, mempunyai semangat juang yang tinggi untuk agama, bangsa dan negara. Yang paling penting, jangan pilih Khairi (KJ) menjadi ketua pemuda UMNO, nescaya rosak binasalah negara yang tercinta ini.

Rem Paya Rumput

By sangtawalAuthor Profile Page on January 23, 2009 10:11 PM

salam perjuangan buat Tun yang dikasihi.

nak buat macam mana tun, kalau mereka suka masuk bakul dan angkat sendiri.

sangat setuju dengan kenyataan tun no 21 di atas:

21. Memilih semasa saya tidak tahu perangai seseorang adalah tidak bijak. Tetapi meneruskan sokongan apabila saya sudah tahu keburukan yang dilakukan oleh orang pilihan saya adalah perbuatan yang tidak bertanggungjawab.

tun,mereka bukan saja tidak bertanggungjawab,malah mereka telah menggadai prinsip perjuangan demi sedikit habuan dunia.

prestasi Umno semakin teruk...

orang sudah malu untuk mengaku ahli umno lagi...sebab asyik kalah sabung je....

By Nothing but windAuthor Profile Page on January 23, 2009 10:16 PM

Dear Tun Dr M,

Your current accusation against Pak Lah and his team is very serious. I feel that the person(s) involved in the M.V. Augusta deal need to be brought to justice (If at all you have the concrete proof of that deal. During your time too, similar financial debacles took place i.e. Perwaja Steel, Bakun Dam Project and the disappearance of a few topnotch or prominent corporate and political figures who are said to be associated with you.

My conclusion is that,corruption is and was every where and every time. It is just differing magnitude and severity of it that varies. I notice that, today corruption and bribery takes in various new dimensions plus it is done in sophisticated and discretely. It is quite difficult to prove hence no action can be taken.

Pak Lah for his part has pushed through a bill called, Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) Bill. This bill was approved by the bulk of the MPs, Ruling and Opposition MPs alike. This particular bill would give greater autonomy and power for the MACC in its fight against corruption.

So, on the outside, this shows all of the Dewan Rakyat members are against corruption. How many of them are really against corruption practice is difficult to assess except by their individual consciousness.
By CDEEKAuthor Profile Page on January 23, 2009 10:21 PM

Askum, Yg. Brbhgia Tun,

Adakah parti selain UMNO yg dpt menyelamatkan orang melayu?

Mungkin peranan BN untuk bertindak menyelamatkan bangsa Malaysia?

T/ksh Tun.

By rba72Author Profile Page on January 23, 2009 10:25 PM

Dear Tun,

Saya amat kesal dgn UMNO sekarang. Kini, UMNO tidak disokong oleh rakyat kerana didalamnya hanya ada pemimpin yang penuh dgn golongan yg mementingkan wang dan sesuatu yg boleh menghasilkan wang. Umpamanya jadi pemimpin untuk dpat projek. Dalam golongan ini, kebanyakannya ramai kontraktor, peniaga, ahli korporat dan sebagainya yg hanya mahukan jalan untuk menjadi kaya.

Dulu, kalangan pemimpin UMNO kebanyakannya adalah guru, ahli akademik dan mereka yg tidak mementingkan wang. Dikala itu, UMNO disokong secara penuh.

By yuanmingAuthor Profile Page on January 24, 2009 2:49 AM

Hi, Tun,

Is true about what you said, I am working in Vietnam, last week I have a coffee at the first branch of Coffee Bean, there have 2 trainers from Malaysia, I told them, now Malaysia already kelim kabut and economic of Vietnam is over than Malaysia now, all the Minister in Malaysia are money face, never care of the economic, just know how to spend money only, Tun, when you free please come to Ho Chi Minh city and visit Petronas here and see how all those top management life, how they spend money and how much per month their apartment and condominium was, then you will know where our Malaysian money goes to, they bring the whole family plus relative here to enjoy, they have company car, who paid all for this? For sure Petronas la, siapa lagi, one day I went back to Malaysia, I saw there is a group of people nearly 50 peoples wearing parliment logo coat, guess what plane they travel? Is Vietnam airline A320 air bus, I ask one of them why didn't travel with Malaysia airline? They said "Kapal terbang Malaysia airline tu kecil la, cuma 737 saja, somemore Petronas bayar, bukan kita bayar, biar pi ler" and I ask why so many peoples came to Vietnam for what, they said government spend money for them come to travel, they also bring their family members, so nice, I am thinking when government Malaysia will send me to travel at other country which paid by government, I guess it only happen in my dream.

Patrick Ng

By 0339975Author Profile Page on January 24, 2009 2:51 AM

Assalamualaikum Tun,

Apa yang Tun cakap tu, betul. Saya juga berharap wakil-wakil UMNO membaca dan mencerminkan diri sendiri. Tak perlu lah nk berlagak sombong dengan orang lain. Nampak kurang cerdas pada pandangan rakyat. Kita semua sama dan saling memerlukan. Dah kata hidup di bumi Allah, kita semua hamba

disisi-Nya. Ya, memang masing-masing belajar tinggi-tinggi, usaha kuat dan sebagainya untuk capai apa yang tercapai sekarang. Tapi Allah tu Maha Adil, Dia yang memberi rezki untuk kamu. Tapi ada ke rezki tu JATUH depan mata kamu serta-merta? Tak, semestinya melalui hamba-Nya juga. Ingatlah, tanpa rakyat, siapakah kamu ni sebenarnya. Bila ada orang tegur tentang kesalahan kita, kita kaji balik. BETUL atau SALAH yang orang cakap tu. Kalo betul, kita perbetulkan. Kalo salah, kita ubah.

Tun dah beritahu ni, jgn lah laju sangat nk kutuk, fikir dahulu. UMNO dah berubah, tapi bukan ke arah yang betul, jalan yang salah. Masih belum terlambat untuk kembali ke pangkal jalan. Isu rasuah semakin berleluasa. Lambat-laun kalau tak dibendung, rasuah-merasuah ni akan menjadi adat. Anak-anak tuan/puan sendiri nanti secara automatiknya akan belajar merasuah. Tak perlu tuding jari, dia yang ajar, polis ni yang mintak. Tgk diri sendiri dulu, pernah tak kita rasuah?

Tun dah mengaku kesilapannya membuat keputusan, tp tak perlu sesetengah pihak menggunakan kesilapan Tun untuk mengaut undi pulak. Siapa tak pernah buat silap? Ada sesiapa yang membaca ni tak ada dosa? Kesilapan adalah lumrah manusia. Yang penting, kita berdiri tegak untuk mengakui, bertanggungjawab dan cuba memperbetulkan apa yang telah kita buat. Barulah orang hormat pada kita, kerana mereka sedar kita pun manusia macam mereka. Malah mereka akan igt kesilapan kita dan akan pastikan tidak berulang pada diri mereka. "Nauzubillah.."

Quote Starts:

b) Memberi kuasa kepada anak dan menantu dalam urusan parti dan Kerajaan sehingga calon-calon PRU 12 ditentukan oleh mereka. Hampir semua dari mereka ini kalah.

c) Penglibatan anak menantu dalam perniagaan yang dikuasai oleh Kerajaan. Bantuan Kerajaan kepada perniagaan mereka. Umpamanya pengambilalihan Avenue Asset oleh ECM Libra.

Quote Ends.

Hal ini patut diambil kira kerana bagi rakyat, inilah salah satu penyebab kejatuhan UMNO. Rakyat nampak, dengar dan rasa terkilan dengan permasalahan ini. Kepada yang berkenaan, perbetulkanlah priority anda seluruhnya. Dengan status anda sekarang, tanggungjawab mana yang perlu didahulukan terlebih dahulu. Anda yang berkhidmat untuk negara atau negara yang perlu berkhidmat untuk anda? Kalau anda pilih yang kedua, maknanya anda tidak layak menduduki tempat yang anda pegang sekarang. Ramai lagi dikalangan rakyat yang jauh berkali-ganda lebih layak dari anda.

Tun, mintak maaf kalau terkasar bahasa. Teruskan perjuangan, semoga panjang umur dan ceria selalu untuk Tun sekeluarga. Salam mesra dari saya. Wassalam....
By zamzamAuthor Profile Page on January 24, 2009 2:53 AM

Salam Tun,

Saya sokong dgn apa yg tun sampaikan. Penipuan pemimpin atasan dlm menghadapi pemilihan bulan mac ini amatlah menyedihkan. Pemilihan kali ini ialah tahun pertama saya bergerak aktif dlm UMNO, tapi sayang...

Pelbagai bukti telah diserahkan, tetapi tiada sebarang tindakan yg diambil. Perlembagaan yg sekian lama diguna pakai habis semua mereka langgar. Tolonglah Tun.....

Selamatkan UMNO daripada penyamun dan penyangak yang berada diatas.

By azman2020Author Profile Page on January 24, 2009 2:58 AM

Salam Tun

Saya dah cakap banyak kali...& Tun pun dah berbuih-buih mulut cakap dengan semua orang...tapi Pak Lah & kuncu2nya serta pemimpin2 perasuah UMNO masih macam tu jugak....

Hanya satu cara je Tun untuk humilate Pak Lah & kuncu2nya....kita buat kempen baling kasut je kat Pak Lah & kuncu2nya...ini adalah cara yang terbaik...

kalau tiap2 kali ada ucapan orang ramai akan baling kasut..ianya akan memberi kesan yang mendalam kepada Pak Lah dan kuncu2nya

Tun bayangkan jika semasa memberi hadiah untuk juara Formula 1..orang ramai membaling kasut kat Pak lah...& dapat world coverage....then dia baru rasa....rakyat suka ke tak kat dia...

saya dah tak sabar nak baling kat KJ...budak hitam kurang ajar tu...

kasut2 lama mesti banyak punya dalam simpanan rakyat Malaysia ni apa lagi?...Mari kita kempen "Baling Kasut Kat Pak Lah"

By zunnun al misriAuthor Profile Page on January 24, 2009 3:06 AM

Dear Tun,

Hope that all the UMNO leaders will realise what they have done so far to revive UMNO and unite the Malays and Muslims in general. They should listen and learn from all critics especially from past UMNO leaders and the history.UMNO was earlier formed to strengthen our Islamic values among the majority Malays and I guess now they have done nothing to protect Islam in the country.Most of the leaders are busy accumulating wealth and strengthen their position and powers.They have forgotten that money and power is not everything.

If the UMNO leaders want to gain back the support, they must change their attitude to become more sincere and put aside all the differences and become openminded to criticisms and ready to change for the better.

We must bring back our glorious past whereby all our great leaders has taught us excellent moral values and always try to avoid confrontation and all the petty things or else we will end up fighting each other not for a virtuous cause.

I personally think that since our country has achieved more than 50 years of independence, our leaders must have learned something and should be more matured in politics to make our country a better place to live especially when it reached the year 2020.The politicians must act more like facilitators or councillors rather than law makers or enforcers. Like what you said, most of them have strayed from the required qualities of a true leader.

As long as the UMNO leaders are sincere in their responsibility and have the willingness to change they will have their support again from the people.

By pink ladyAuthor Profile Page on January 24, 2009 3:09 AM

Tun,

Saya betul-betul tak sangka bahawa BN khasnya UMNO akan kalah di KT. Ini adalah berdasarkan bahawa Najib mungkin telah memberi nafas baru kepada UMNO. Keputusan di KT jelas sekali menunjukkan bahawa rakyat memang masih tidak yakin dengan UMNO yang terdiri daripada pemimpin yang angkuh dan hipokrit. Rakyat lebih suka pemimpin yang low profil macam calon PAS. Kalau saya adalah pengundi di KT saya akan mengundi calon PAS.

Pemimpin UMNO memang susah nak terima kekalahan. Sekiranya UMNO menang di KT mereka akan guna kemenangan ini sebagai petanda bahawa UMNO masih kuat dan diperlukan oleh rakyat khasnya orang Melayu.Mereka akan melaung-laungkan kemenangan ini dan mula bersikap lebih angkuh. Sekarang UMNO dah kalah lagi selepas Permatang Pauh. Saya fikir lebih baik pemimpin UMNO stop day dreaming....

Tun masih ingat tak, semasa TUN mula-mula kritik pemimpin UMNO mereka kata TUN dah tua dan nyanyok dan TUN mudah lupa dan macam-macam lagi. Tetapi apabila UMNO kalah teruk dalam PRU yang lepas, mereka kata TUN adalah salah satu penyebab kekalahan UMNO. Mereka mula tuduh TUN.... mereka sudah hilang logik iaitu bagaimana seorang tua macam TUN yang mereka kata nyanyok dapat mempengaruhi keputusan pilihanraya !!?? Sebelum ini TUN nyanyok tetapi bila mereka kalah mereka kata TUN pula yang jadi penyebab. Itulah pemimpin UMNO sekarang yang jijik !!!

Tadi saya lihat TUN di kaca TV tentang BOIKOT BARANGAN AMERIKA. Tun memang pemimpin terhebat dan saya suka lihat kehandsomeman TUN.

Tun jaga kesihatan baik2. Saya tetap menyokong tun.

I love u.

By narutoAuthor Profile Page on January 24, 2009 3:16 AM

Hidup Tun !!! Semoga ALLAH memberkatimu...

By tmozAuthor Profile Page on January 24, 2009 3:28 AM

hmm, sapelah yang akan jadi Jebat Derhaka dalam UMNO.

UMNO mesti tukar nama. Jgn pakai UMNO lagi.

Orang yang rasuah tu semua mesti dibuang.

By amir3333Author Profile Page on January 24, 2009 3:30 AM

ASSALAMUALAIKUM,

Buat my Dearest Tun M an Tun H,

Your right but this is our predicament. Tun saya hanya gurkha dalam UMNO masih ramai yang setia mempunyai integriti berdedikasi tetapi tidak diberi peluang dalam bahagian Umno contoh arwah Dato razali bekas MP p 036 sendiri. penyakit wang merupakan Barah yang telah melarat dalam Umno. Ya saya setuju ramai rakyat telah meluat dengan kepimpinan Umno malah orang Umno sendiri, ketika anakanda Tun Mukriz sibuk berkempen ramai ahli pemuda tidak keluar, topi baju hanya diedar di saat-saat akhir. Dulu orang bangga pakai baju BN kini ramai yang malu. Malah mat rempit dan minah rempit serta orang bukan melayu begitu teruja membawa bendera PAS.

Tun seperti yang Tun sedia maklum pemimpin PAS berpewatakan warak sederhana dan mesra rakyat, tetapi tiada apa pembangunan dan pembaharuan yang dibawa mereka. Akhirnya rakyat tiada pilihan seperti memilih "the lesser of two evil" Memilih parti alternatif bukan kerana menyokong tetapi kerana lebih meluat tengok gelagat kepimpinan Umno. Contoh terbaharu nak swastakan IJN, kemudian nak buat airport LCCT Abdullah Badawi di labu labi N.S. Tak sedar ke kerana masalah orang tak suka di rembau Negeri. 9 hampir-hampir jatuh di PRU 12 lepas.

Hari ni ramai ahli umno dan orang melayu yang risau melihat apa yang berlaku tetapi terkedu untuk berbuat apa-apa. contoh pemberian tanah milik kekal pada kampung baru sedangkan tanah milik melayu masih pajakan 99 tahun atau ladang-ladang babi besar-besaran yang bakal dibuka di sepang.

Tun dapat la sekira Tun gariskan pemikiran Tun dalam hal ini adakah perlu dibentuk suatu parti baru, atau di ubah umno misalnya pemilihan pemimpin di buat seperti pilihan raya yang mana dari presiden sehingga ke bawah pemimpin cawangan hendaklah di pilih oleh ahli-ahli biasa secara terus dengan itu sukar untuk rasuah setiap ahli. Saya sedih mendengar rintihan bangsa saya tetapi apakan daya Umno telah sesat jalan, untuk berpatah balik hampir mustahil.

ALLAH RAHMATILA TUN SEKELUARGA SEMUGA PERJUANGAN TUN BERKEKALAN TQ

By kawankuAuthor Profile Page on January 24, 2009 3:53 AM

Salam Tun,

I am very much excited as this was the 1st time I got a chance to write in into your blog after many attempts which failed due to some technical error in registering.

Much as others , I am also a loyal reader of all your articles in this blog. Your views and arguments are very much true facts.

Me and my whole family pray for your good health and well being and hope that you will keep up your good work for all humble Malaysians.

By peterAuthor Profile Page on January 24, 2009 4:00 AM

Dearest Tun,

I think UMNO now is in a hopeless situation and nothing more can be done about it!!

The recent defeat in KT once again demonstrated to us that UMNO and the BARISAN is losing it's relevance. It is simply no longer in touch with the feelings of the RAKYAT and is well on it's way into the history books.Sad? yes!

What is even more depressing is that there is no knight in shining armour to rescue it. Look at Najib, is he the knight?

It is shocking that a powerful coalition like BARISAN under the leadership of the most powerful Malay party like UMNO, can still be in a state of denial after losing so badly almost a year ago in the last general election, and again losing in two subsequent major by-elections.

If we were to look at UMNO as a brand, it is almost as if the leading brand is at the end of it's life cycle. No consumers(in this case the Rakyat) will ever want to be associated with a brand that is no longer popular .Surely this is not difficult for the OXFORD educated son-in-law to comprehend, right? What UMNO and Barisan need is to undertake a complete brand health check to see what is wrong and to reposition the brand to meet the demands of today's consumers. If this is left too long, it will simply continue to slide in it's market share and before we know it, the competitive brand will soon take over and become the market leader.

There are so many businessmen and tycoons in UMNO and BARISAN, surely someone will understand this simple analogy!

Less than 4 years to go, will PAKATAN emerges as the new brand leader to replace BARISAN? We shall have to wait and see. But time is running out fast and the new Marketing Director may not have the capability to prevent the demise of his brand!!

We can only pray for a miracle!!

By zuhaimiAuthor Profile Page on January 24, 2009 4:03 AM

You are very right.

By musafir akliAuthor Profile Page on January 24, 2009 4:05 AM

assalamualaikum,...

saya peminat setia tun,...

saya suka membaca artikal yang tun tulis.

tapi kebelakangan ni tun selalu tulis benda yang sama.

saya harap tun dpt memberi idea baru supaya saya tak muak untuk membacanya,...

apapun saya setia bersama chedet.com

*melayu baru mahukan perubahan...

By zainudinAuthor Profile Page on January 24, 2009 4:12 AM

YABhg Tun.

1. Saya salah seorang ketua UMNO Cawangan dan AJK UMNO Bahagian di Johor.

2. Saya, keluarga dan seluruh ahli cawangan saya amat menyayangi Tun dan amat meyanjungi Tun yang selama ini banyak berjasa kepada Parti UMNO, Bangsa Melayu, Agama Islam dan seluruh rakyat negara Malaysia ini.

3. Buat pertama kalinya saya menulis ini, saya tidak mahu menulis panjang lebar. Yang pasti ada kebenaran setiap kritikan yang Tun luahkan selama ini. Kepada semua pemimpin UMNO dan ahli UMNO, Yang benar sepatutnya menjadi iktibar dan dianggap nasihat seorang ayah kepada anak. Yang kurang tepat tidak perlu di sahut dengan sanggahan kerna nawaitu Tun tetap mahu melihat UMNO sentiasa menjadi pilihan Umat melayu dan rakyat Malaysia sebagai payung yang mampu memberi teduhan,
4. Pilihanraya kecil Kuala Terengganu telah berlalu, UMNO seharusnya menjadikan keputusan itu satu keputusan yang wajar di jadikan pengajaran dimana kelemahan-kelamahan yang wujud sehingga UMNO kehilangan kerusi itu. Bagi saya tidakperlu satu kajiselidik atau post mortem yang mendalam dibuat. Semua kelemahan sebenarnya dapat dilihat dengan jelas dan strategi-strategi lama tidak harus digunapakai lagi.
5. Keputusan Kekalahan UMNO di Kuala Terengganu tidak lah seteruk mana. Jelas diperlihatkan UMNO masih mampu dan masih mempunyai sokongan yang kuat dan diterima orang melayu.
6. Sesungguhnya masih ramai orang melayu sedar hanya UMNO yang mampu menjadi wadah memartabatkan maruah bangsa dan agama.
7. Namun demikian kepimpinan UMNO harus mengubah sikap dengan membawa imej pimpinan yang mudah mendampingi dan memesrakan diri dengan rakyat bawahan.
8. Yang paling penting, JAUHKAN PERANGAI DAN SIFAT EGO DAN MERASAKAN DIRINYA LEBIH BESAR dari orang lain. Buang sifat lupa daratan dan suka mengecam kawan-kawan yang mengkritik terutama dari kalangan orang UMNO sendiri.
9. "Kecomotan" pimpinan Pak Lah mampu dibersihkan semula asalkan semua pemimpin UMNO menanamkan sikap ikhlas dan telus dalam perjuangan.
10. Semua pemimpin UMNO sama sahaja dengan orang lain. Mereka layak dan wajar mencari rezeki mahupun kekayaan. Asalkan tidak mengambil hak orang lain. Semua ahli UMNO dan orang Melayu pula harus membuang sifat suka menyangka buruk dan dengki terhadap pemimpin atau orang Melayu yang berjaya dengan hasil usaha mereka,walaupun mereka itu salah seorang daripada kalangan pemimpin UMNO. Tanamkan sifat bangga terhadap bangsa sendiri yang berjaya dan menjadi kaya.
11. Pemimpin UMNO kena sering membantu orang awam yang memerlukan bantuan dan khidmat,Jangan cakap dalam ucapan sahaja berapi-api untuk membantu rakyat tetapi segala aduan masyarakat tidak diselesaikan.
12. dan yang terakhir, JANGAN MUNGKIR JANJI... kerana mereka yang mungkir janji seolah-olah mengkhianati diri sendiri..

Kepada YBhg Tun,

Saya merayu pulanglah kepada UMNO. Kembalilah kepada UMNO dan berjuang dari dalam. Saya sama seperti Tun juga. Banyak perkara yang tidak menyenangkan dan membahagiakan hati dalam UMNO hari ini. Tetapi saya terlalu sayang UMNO sepertimana saya sayangi ibu saya. Mungkin yang kurang dan lemah itu pemimpin, tetapi Parti UMNO tidak bersalah.UMNO masih cantik,indah dan bagus untuk menjadi payung kepada seluruh umat yang mendiami bumi Malaysia ini. Yang kurang kita tambah ,yang lemah kita perkuatkan,yang kotor kita bersihkan sama-sama (kalau tak boleh bersih kita buang yang kotor itu).

Kepada pemimpin UMNO,

Jadilah yang terbaik daripada kalangan yang terbaik. Pulihkan nama imej UMNO dengan khidmat yang

ikhlas demi Bangsa, Agama dan Negara.

Kepada ahli UMNO,

Setialah terus bersama UMNO untuk menjamin kebahagiaan anak cucu kita dimasa hadapan.

kepada orang Melayu,

Haruskah kita "lelong" parti UMNO yang telah banyak berjasa kepada seluruh umat si Malaysia ini hingga memungkinkan kita berada di tahap sekarang ini dengan harga yang murah??

Kepada Bangsa Lain,

Jawablah dengan ikhlas..

1. Adakah kamu semua benar-benar merasa tertindas dengan pemerintahan UMNO/BN selama ini ?
2. Yakinkah anda semua akan lebih berbahagia jika PAS,PKR dan DAP atas nama Pakatan Rakyat itu memrintah nanti ?

Kepada Pemimpin dan penyokong PAS dan PKR,

Jadilah manusia yang berada di alam nyata..
Wallahualam..

Ikhlas:

zainudinmohidin@yahoo.com

By andromanmdAuthor Profile Page on January 24, 2009 4:20 AM

Salam Tun..

UMNO sudah jauh menyimpang dari jalan asalnya.

Apalah nasib bangsa Melayu sekarang ini.

By HOT ZOOMAuthor Profile Page on January 24, 2009 4:23 AM

Salam Tun,

Mengapa sekarang terjadi semua ni. Adakah kesilapan yg berlaku hari ni di sebabkan oleh pemimpin terdahulu atau pun pemimpin yg ada sekarang ni menjadi kacang lupakan kulit?

Salah siapa sebenarnya apabila berlaku semua ni?

MELAYU MUDAH LUPA.

Wahai pemimpin semua cubalah muhasabah diri anda. Jika benar, cubalah berubah. Ingatlah anda berada diatas kerana rakyat dan dibawah juga kerana rakyat. Jangan kerana anda semua rakyat menderita. Renungkan dan fikirilah.

<http://zoompanas.blogspot.com/2009/01/israel-vs-singapore.html>

By RosbidarAuthor Profile Page on January 24, 2009 5:14 AM

assalamualaikum YABhg. Tun,

Saya sangat bersetuju huraian Tun berkaitan Pilihan raya Kuala Terengganu. Saya mula merasa bimbang kedudukan UMNO/ orang Melayu selepas pilihan Umum yang akan datang nanti (PRU 13). Kemanakah nasib orang Melayu nanti.

Berkaitan perkara 20, saya merasa sedih Tun selalu mengaku Tun tidak pandai memilih pengganti sehingga menyebabkan telah MEMILIH Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi. Sebenarnya ada cerita di sebalik Tun memilih DSAAB. Ini bukan salah Tun. Saya harap Tun hilangkan perasaan bersalah atau silap pilih tu.

Bekaitan isu Tun memilih DSAAB , saya ingin berkongsi cerita berikut :

Saya di maklumkan oleh sahabat saya (kini Allahyarham) bahawa beliau ada bertanya kepada DSAAB hendak ke jadi Timbalan Perdana Menteri ke?. DSAAB dengan wajah termalu malu mengatakan hendak. Lalu sahabat saya ni mengajak DSAAB mengambil gambar. Setelah gambar siap, sahabat saya memberitahu DSAAB, beliau akan berdoa kepada Allah supaya Tun Mahadhir memilih DSAAB sebagai TPM. Dalam 2 ke 3 hari selepas gambar di gantung di dinding rumah sahabat saya maka Tun Mahadhir pun umumkan DSAAB sebagai TPM. Doa sahabat saya di makbulkan Allah. Sahabat saya ini merupakan anak murid paling kanan satu kumpulan zikir/tarekat. Allah memberi banyak kelebihan kepada beliau. Saya dapati doa doanya banyak yang di makbulkan Allah. Sahabat saya ini juga merupakan kawan baik kepada DSAAB. Sahabat saya ada menasehatkan DSAAB bila dapat jawatan, tolong memerintah negara ini dengan baik. Jika tidak gambar mereka berdua yang di gantung di dinding akan di turunkan semula BERMAKNA DSAAB juga akan jatuh dari jawatan. Setelah mendapat jawatan banyak janji DSAAB kepada sahabat saya tidak di tunaikan. Sahabat saya agak kecewa dengan sikap DSAAB sehinggakan beberapa kali frame gambar nak di turunkan dari dinding rumah sahabat saya ini. Perkara ini berlaku beberapa kali di depan mata saya. Namun sahabat saya ini bersabar dan tak sampai hati nak turunkan gambar tu. Saya sudah lama tak mengunjungi rumah sahabat saya. Mungkin gambar DSAAB dengan sahabat saya maseh lagi tergantung di sana. Sebenarnya dulu Tun berminat nak melantik Dato Seri Najib. Namun doa sahabat saya (juga sahabat DSAAB) telah "mempengaruhi" serta mengubah pilihan Tun yang sepatutnya kepada Dato Seri Najib. Segala yang berlaku ada hikmahnya. Semoga Allah melimpahkan rahmat dan kaseh sayang yang berterusan kepada roh Allahyarham sahabat saya. Amin. Saya berharap Tun hilangkan perasaan bersalah atau tersilap memilih DSAAB oleh kerana pada masa tu Tun "di kuasai oleh doa sahabat saya yang juga sahabat DSAAB".

By Remaung Anak NagaAuthor Profile Page on January 24, 2009 5:26 AM

Dear Tun,

What a great score, straight at their balls Tun, straight right at their balls. But be careful Tun, they might retaliate or do what you may have done previously. As usual, have you notice, you'll never stop till you drop...

By skywalkerAuthor Profile Page on January 24, 2009 5:27 AM

Y.A.B Tun...

Terasa lambat pulak nak tunggu bulan Mac 2009.....but, if you choose Dato' Sri instead of Pak Lah....will it be different? Do you know Dato' Sri Najib well?

By samuraimelayuAuthor Profile Page on January 24, 2009 5:28 AM

SALAM AYAHANDA RAKYAT TUN
IZINKAN,

SOMETIMES IT'S NOT WORTH A SEN TO REMIT SENSE AFTER SENSES TO THOSE AABs(ALOOF, ARROGANT BONEHEADs)COZ ALL THEY CUD 'SCENT' IS THE 'AGUNG' HEAD.
AS NOT TO 'LOSE' OUR SENSES, WE WUD LIKE TO SERVE 'REPEATS' TO THEM.

By samuraimelayu on August 5, 2008 9:23 PM

Salam AYAHANDA RAKYAT TUN,
Izinkan,

KEPADA PEMIMPIN2 DAN AHLI2 UMNO,
TELAH NYATA RAKYAT TELAH MENOLAK KEPIMPINAN ABDULLAH AHMAD BADAWI SEBAGAI PENERAJU UTAMA NEGARA.
KEPUTUSAN PRU 12 SUDAH CUKUP BUKTINYA DIMANA BN KEHILANGAN 4 DEWAN UNDANGAN NEGERI DAN PARLIMEN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN DIKELANTAN PAS KEMBALI MEMERINTAH DENGAN 2/3 MAJORITI.

OLEH ITU, KAMI MERAYU KEPADA CAWANGAN2 DAN BAHAGIAN2 UMNO SELURUH NEGARA MULAKAN LAH GERAKAN MENCALON PEMIMPIN2 YANG BERWIBAWA DAN YANG BERANI

MEMGEMBALIKAN MARUAH DAN ASAS PERJUANGAN UMNO MEMPERTABATKAN BANGSA MELAYU SEBAGAI TUNGGAK KUASA DAN MENJUJUNG KEDAULATAN KESULTANAN MELAYU DINEGARA TERCINTA INI.

KEPADA PEMIMPIN YANG DICALONKAN, DIHARAP TERIMA PENCALONAN DAN JANGAN SEKALI2 BERUNDUR. ANDA LAWAN HABIS HABISAN KERNA INI SOAL KEYAKINAN RAKYAT YANG SUDAH HILANG TERHADAP KEPIMPINAN ABDULLAH AHMAD BADAWI. BELIAU JUGA TELAH 'DURHAKA' KEPADA SULTAN MELAYU. JIKA BELIAU MASIH KEKAL SEBAGAI PEMIMPIN, UMNO AKAN HILANG TERUS 'RELEVANCY' NYA SEBAGAI TUNGGAK PERJUANGAN BANGSA MELAYU.

JIKA ANDA GAGAL DALAM USAHA MENGUBAH PUCUK PIMPINAN, JANGAN GUSAR KERNA KAMI ANAKANDA2 RAKYAT DICHEDET.COM AKAN MEMBENTUK PARTY 'ALTERNATIF' BAGI MELAYU UNTUK TERUS MEMPERKASAKAN KETUANAN MELAYU DINEGARA INI DAN DENGAN USAHA SEKELIAN RAKYAT YANG TERANIAYA DAN TIDAK BERPUAS HATI DENGAN PENTADBIRAN KERAJAAN ABDULLAH AHMAD BADAWI AKAN MENGAMBIL ALIH PEMERINTAHAN NEGARA PADA PRU 13 DENGAN KEREDHAAN ALLAH SWT, INSYAALLAH.

JANGAN DIPANDANG RENDAH KEPADA PENGARUH CHEDET.COM UNTUK MENGUBAH LANSKAP POLITIK NEGARA TERCINTA INI MENJELANG PRU 13!

EITHER WAY, YOU ARE IN A WIN, WIN SITUATION, THE ONLY DIFFERENCE, WE DO NOT NEED AN ALTERNATIF PARTY IF PAK LAH AND HIS 'LINGAMPOOPS' ARE OUSTED FROM WITHIN.

MELAYU TAK HILANG DIDUNIA BUKAN DENDANGAN TETAPI LANDASAN PERJUANGAN

ALFAIHAH, AMIN.

By coboyz Author Profile Page on January 24, 2009 5:59 AM

Salam Tun Dr M,

Sayang sekali org2 di dalam UMNO skrg ni tak mengerti atau tak sedar apa yang berlaku di luar sini. Mereka corrupted, banyak orang dah tau..ramai org Melayu skrg pandang UMNO sebelah mata, namun mereka2 semua tak hirau dan masih beroperasi guna taktik lama..Sungguh tidak bijak kerana tidak ada keupayaan untuk improvekan kepercayaan org2 Melayu yang selama ini menyokong UMNO (sekarang tidak lagi).

PM skarang bukan setakat lembap..tapi Lembab Tropika..

Lalu, kemana arah org2 Melayu yang masih sayangkan perjuangan UMNO yang asli? Tolonglah..., org2 dalam kelompok ini juga tak pernah pun tergamak atau terlintas utk sokong PKR yang masih hijau dan ada agenda tak ikhlas..(banyak org dah tau).

Dan banyak org jugak dpt agak yang UMNO akan kalah di Terengganu by-election ...hanya disebabkan UMNO sendiri yg galak menggadai maruah sendiri...namun tak jugak sedar2 diri...

Hanya buah fikir Tun yg boleh di terimapakai, tapi org2 ini perkecilkannya... apa salah ikut nasihat org tua yang mungkin dah tak berapa kuat berdiri, tapi ada akal bistari.

Adios Tun Dr M

By datuk a Author Profile Page on January 24, 2009 6:05 AM

1. Kejatuhan UMNO perlu ada dlm lipatan sejarah kerana hanya dgn itu sahaja membolehkan orang orang Melayu yg hidup dgn wawasan untuk menjadi lebih maju.

2. Saya lihat kejatuhan UMNO bukan lah suatu bala, tetapi suatu rahmat kerana ia memberi satu petunjuk kepada orang orang Melayu yg berwawasan tinggi bahawa kalau kita tidak bersatu padu kita

dicemuh, kalau kita pentingkan wang kita dicemuh dan kalau kita pentingkan kedudukan kita hilang tanah air dan darjat sebagai bangsa berkedudukan

3. Mungkin ini masanya orang-orang Melayu yg bijak pandai dan mahu tanah airnya kekal, perlu mewujudkan satu parti yg baru.

4. Saya mencadangkan parti baru dinamakan UNMNO. United of New Malays National Organization. Dan andaikata, jika parti ini wujud dan dgn izin Allah SWT ia menang dan memimpin Negara Malaysia, dan bila visi tulus ikhlas tercapai, UNMNO boleh la menukar namanya balik kepada UMNO

5. Bagi saya, perjuangan yg betul ikhlas lebih penting dari nama parti politik.

6. Mungkin idea ini "poyo", tapi saya sebagai seorang bangsa Melayu yg ingin maju dan sayangkan negaranya, apa lagi pilihan yg saya ada?

7. Undi UMNO, partinya korup. Undi pembangkang, partinya lagi 10x korup dan tidak berpengalaman mentadbir negara

8. Daripada kita complaint tentang UMNO yg mungkin tiada hujungnya, lebih baik kita buat something fresh from the start.

By idaleAuthor Profile Page on January 24, 2009 6:55 AM

Salam Tun...

bak dah terang lagi bersuluh... awatlah pak lah tak sedar2 lagi. resign jer lar bro.. sebelum tujuh keturunan di-ludah, di-caci..

hang tak malu ka kat tok nenek, cucu-cicit nanti.. benda ni smua recorded pak lah oi... malu ish...

rakyat dok tengok kelaku hang.. aku sebagai rakyat, melayu dan islam. tersangatlah hampa.. tiada jasa yang kau(pak lah) taburkan yang akan di-ingati.

lu pikir lah sendri..

By LahmAuthor Profile Page on January 24, 2009 7:07 AM

Dear Tun,

I ask you to leave it. You are going to get into another heart problem thinking of these. The downfall of Malays in UMNO is inevitable. Unless they get majority of their cabinet members to resign to make room for new faCES, they are bound to doom. Sadly but surely PRU 12 belongs to PKR.

As a non malay, let me tell you this. We are all waiting for the demise of UMNO. Slowly but surely it will happen

By MMLAuthor Profile Page on January 24, 2009 7:10 AM

Assalamualaikum wbt,

My Dear Tun,

Saya seorang ahli UMNO, tapi saya juga tidak ikut telunjuk pemimpin dengan membuta tuli. Apabila saya lihat keadaan UMNO sebegini teruk dan memijikan, saya tidak akan menyokong kerana saya tidak mahu terlibat seperti MEREKA....Apabila di tegur kita dipersalahkan...

By Hirman IsmailAuthor Profile Page on January 24, 2009 7:24 AM

Setuju dengan pendapat YABhg Tun, sesungguhnya taktik memancing undi melalui sogokan peruntukan untuk 'pembangunan', jawatan dan sebagainya tidak lagi diterima oleh rakyat. UMNO perlu malakukan perubahan agar lebih dinamik, mesra rakyat dan berdaya maju sesuai dengan kematangan rakyat berbilang bangsa di Malaysia. UMNO perlu sedar bahawa pemikiran orang Melayu dan rakyat Malaysia

berbilang bangsa sudah lebih matang dan bijak menilai sesuatu perkembangan politik tanahair. UMNO juga perlu sedar bahawa perjuangannya adalah berteraskan kepada kepentingan orang Melayu dan juga kepentingan kaum-kaum lain di negara kita. Buat masa ini, pembangkang dilihat lebih berkerja keras dan lebih berdaya saing dan ternyata mampu meraih lebih populariti pada masa hadapan.

UMNO dapat dipulihkan hanya melalui perubahan kepimpinannya.

Nottingham UK

By adipaak82Author Profile Page on January 24, 2009 7:27 AM

Salam TDM....

Mmg benar apa yg dinyatakan oleh tun....UMNO dahulu dan skarang tih byk berubah...

berubah dari kebaikan kepada kejahatan.....

sampai bila ahli2 atau konco2 UMNO nk berubah tak tauler....

mgkn smpi hari kiamat tiba kot????

NAUZUBILLAH MINZALIKK.....

By Nasha Bin EdwinAuthor Profile Page on January 24, 2009 7:40 AM

SAYA SANGAT SETUJU APA YANG DISEBUT OLEH TUN...

NAMUN APA YANG DIKATAKAN OLEH TUN SUDAH PUN BERLAKU SEMASA ZAMAN TUN LAGI CUMA ORANG YANG TERLIBAT BERBEZA. PADA PADA MASA ITU TUN TIDAK PERASAN DAN TIDAK TAHU, MALAH TIDAK AMBIL TAHU KERANA TUN MASIH BERKUASA DI MASA ITU. SEMASA TUN BERKUASA SEGALA MASALAH PEMIMPIN UMNO DI BAWAH TUN LIHAT DENGAN KABUR TETAPI RAKYAT MELIHAT DENGAN JELAS PERKARA SEPerti INI. ITULAH DIKATAKAN SEBAGAI MANUSIA YANG BERADA DI ATAS TIDAK NAMPAK SEMUT TETAPI SEMUT NAMPAK JELAS MANUSIA YANG BERADA DI ATAS.

SEKARANG TUN NAMPAK PETUNJUK KELEMAHAN DAN KESALAHAN PEMIMPIN UMNO TERSEBUT KERANA TUN TIDAK LAGI BERKUASA SEBABNYA TUN DAH JADI RAKYAT BIASA. SEBELUM INI TUN TIDAK MELIHATNYA MESKIPUN IA BERLAKU PADA MASA ITU KERANA TUN MASIH BERSAMA MEREKA DI ATAS. SEKARANG TUN HARUS SEDAR BEGINILAH CARA RAKYAT MELIHAT PEMIMPIN YANG BERADA DI ATAS. SELALUNYA PENGLIHATAN RAKYAT ADALAH LEBIH JELAS DARI PENGLIHATAN PEMIMPIN. KINI TUN SUDAH MERASAI SEPerti APA YANG RAKYAT LIHAT.

NAMUN TUN SEOLAH-OLAH BELUM SEDAR DENGAN MENYALAHKAN MUSA HITAM YANG MENGUTUK TUN....TETAPI TUN HARUS INGAT SEPerti JUGA TUN MUSA HITAM JUGA TIDAKLAH MEMBUTA TULI MENYOKONG TUN.

By NiMaAuthor Profile Page on January 24, 2009 7:45 AM

Assalamualaikum Tun,

Saya yakin segala nasihat dan pembongkaran kelemahan semasa pemerintahan Pak Lah ini bukan la utk membandingkan semasa pemerintahan Tun.

Sekiranya Pak Lah dan menteri2 lain tidak bersikap keras kepala dan bodoh sombong serta mengakui kesilapan mereka dan ikut nasihat tun kemungkinan besar BN xkan kalah semasa pilihan raya di KT.

Kesilapan org melayu nie,kita suka sgt tunggu n x berani nak cakap secara berdepan.bak kata pengunjung lain"kami berada di belakang tun".smpai bila kita nak berdiri di belakang Tun.kalu Tun tiada lagi nnt,siapa n bila pulak ahli2 umno yg sejati nak amik tindakan utk mengubah parti.

Nasihat Tun kepada parti boleh sy simpulkan sama macam nasihat ayah sy yg mrh sy leka n x bersungguh masa mnuntut ilmu.Tun bukan nak tnjuk bagus tp kerana kasih dan syg terhadap parti.

Baru2 ini,saya baca utusan 3 ahli UMNO dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan rasuah.rasanya nie nak tunjuk jer knon umno bersih.tp bila lg Pak Lah nak dihadapkan ke mahkamah.?

By norm707Author Profile Page on January 24, 2009 8:15 AM

There is nothing wrong with the UMNO...it is always its people who've done wrong!
It is complicated to make people realize how genuine UMNO was to the Malays and the nation.
Everyone needs to go back to basic I guess...for a 'restart'!
By D.ZinAuthor Profile Page on January 24, 2009 8:18 AM

YABhg TunM,

What is your take on the PAS President statement extracted from
<http://rockybru.com.my/2009/01/hadi-to-abdullah-stay-on-as-pm.html> as follows:-

"Saya meminta Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi terus kekal sebagai Perdana Menteri dan meneruskan reformasi yang diperlukan seperti dalam bidang pilihan raya dan beberapa bidang lain." - Abdul Hadi Awang, PAS president

As a matter of fact, several other opposition leaders in Parliament seems to share the same view as above and even Tengku Razaleigh have put on record in late December last year that he too will support Pak Lah. (I can paste KuLi's statement here but I am sure you are better informed).

I recalled that even you have insinuated a possible conspiracy between DSAI and PL and this was made well before you started this blog and several months after your first meeting with bloggers in that Taman Melawati club.

Now, let's assume that all these three (PL, NTR, DSAI) are all leaders that are "suspect" and incapable of turning around this country, so what is your take if the long reigning CM of S'wak becomes the PM ?

I wasn't too happy when UMNO postponed it's AGM to March -- you know that this will result with less work by Ministers or those holding positions in government for their time will surely be focused on politics. On hindsight, my first question to you Sir: are our politicians "glokal/smart" enough to make that postponement hoping that their political future may be connected with the USA Presidential Election? -- AND/OR -- they were "advised" to do so maybe, yes/no?

Sallam,
D.Zin

By HBTAuthor Profile Page on January 24, 2009 8:29 AM

Selamat pagi Tun,

The best solution to this misfortune, let AAB be the UMNO President sampai bila2 dia nak, let him lead all these dungu, let him compete with PKR, PAS, MCA, MIC, Gerakan, DAP or PPP, etc. Let them compete without the help from Kerajaan and rakyat.

Our next PM must be strong & firm, must not attach to any parties, just like Tun. If The PM is not attach to any parties, he will be able to make fair and justifiable decisions that can benefit the whole nation without race, religion, self interest of the particular party. We have been given UMNO chance for 5 years now, what we have seen is semua2 corridor yang dilancarkan dah jadi habuk because of ONE STUPID PM, the UMNO President.

Let UMNO President as PM end up at Rahman, "n" for Najib before PRU 13. Who knows may be Najib will be the 1st PM after PRU 13 who has no relationship with any particular parties. This should be our CHANGE, Tun, if we want to survive globally!!!!

Take care Tun.

By SaifAuthor Profile Page on January 24, 2009 8:29 AM

Dear Tun,

Just my personal view, how I wish 2 have 2 Dr. Mahathirs during your time as Prime Minister. The other one would be what you are doing now.

Regards,
Saif

By lanun7Author Profile Page on January 24, 2009 8:29 AM

salam tun..

betul kata tun... saya semakin bosan dengan kepimpinan paklah.. saya bosan dengan politik di kementerian.... banyak program2 menjurus kepada umno bukan untuk rakyat... terutamanya sekarang mereka sebuk dengan kempen pemilihan.. banyak duit kementerian digunakan untuk tujuan politik mereka... jika kita bangkang... tak sampai 24 jam kami angkan ditukarkan kebahagiaan atau jabatan lain.. KSN macam budak boneka sahaja.... YES BOS.... dimana terletaknya kewibawaan KSN... kami pegawai kerajaan sudah bosan dengan kelakuan sebegini... sudah banyak laporan didalam surat khabar tentang penyelewangan politik di ruang-ruang akhbar bahasa english... tetapi tidak dihiraukan pun oleh BPR(SPRM) duit dikementerian kami telah defisit.. tapi masih mahu minta lagi.... semua projek juta2 semua dapat dekat suku-sakat dia... terutamanya KJ... tolong tun bongkarkan politik dikementerian/agensi kerajaan/jabatan....

By azlan80Author Profile Page on January 24, 2009 8:30 AM

Assalamualaikum Tun,

Me also much care about UMNO previously ,
Purely im just clarify Sabahan Bumiputera not Melayu at much.
After years a right thing be done by Tun , Everything collapse by a
unremarkable plan driven by Panglima Abdullah . Yet is coming on the line of disaster !

Im just rakyat , im say what among the people say .
Like Kiwi protesting their leader just Spit on the ground!
From love and hate,

"PAK LAH - PTUIII!!

By tommyAuthor Profile Page on January 24, 2009 8:30 AM

i am sick and tired of umno leaders' lifestyles- rich and famous...
By azlan80Author Profile Page on January 24, 2009 8:31 AM

Assalamualaikum Tun,

Me also much care about UMNO previously ,
Purely im just clarify Sabahan Bumiputera not Melayu at much.
After years a right thing be done by Tun , Everything collapse by a
unremarkable plan driven by Panglima Abdullah . Yet is coming on the line of disaster !

Im just rakyat , im say what among the people say .
Like Kiwi protesting their leader just Spit on the ground!
From love and hate,

"PAK LAH - PTUIII!!

Azlan bin Samat@Samad
Kinabatangan , Sabah.

By anak pmtg pauhAuthor Profile Page on January 24, 2009 8:42 AM

Tun,

Saya berasa amat bangga dengan Tun, seorang yang sangat berani menegakkan kebenaran, saya juga amat bersyukur kepada tuhan disaat kehancuran UMNO sebuah parti yang dahulunya memperjuangkan kepentingan orang melayu kini harus berubah dalam pelbagai aspek. Apakah aspek2 tersebut? Aspek2 tersebut telah diperkatakan oleh Tun berulang-ulang kali...wahai ahli UMNO berubahlah demi agama, bangsa dan negara.

By 123Author Profile Page on January 24, 2009 8:42 AM

salam tun,

saya memang sakit hati pada paklah dan budak ting.4.lebih-lebih lagi budak hitam.spik no inglis,syed hamid albar,musa hitam,ali rustam dan semua suka gilakan duit.albar tak pandai handle isu agama,pekauman.nampak bodoh staTEMENT -STATEMENT yang boleh menyakitkan hati.kita tengoklah pilihanraya sabah,sarawak.kalau terus seperti kt bermakna confirm umno jadi kapal titanic..yang tinggal hanyalah lagu "while my heartceline dion..

By GravityAuthor Profile Page on January 24, 2009 8:51 AM

YABhg Tun,

Saya dan kawan2 saya dah anggap PR kecil di KT tempoh hari tidak akan membuat apa2 perubahan dari memihak kepada parti lawan. Luka yang di buat UMNO pada rakyat terlalu dalam semenjak Tun tidak menerajui kepimpinan parti tersebut. Apabila sahaja ada kekalahan berlaku di pihak BN dimana2 PR yang diadakan maka timbulah satu kenyataan pemimpin tertinggi parti tersebut untuk membuat perubahan dan tukar imej dan sebagainya.Saya dan teman2 yang baru hendak kenal politik sangat muak dengan kenyataan2 pemimpin yang mahu membuat perubahan yang kononnya akan memberi impak positif kepada kami generasi muda ini untuk kembali menyokong BN khususnya UMNO. Kami perlihat tidak ada cara lain lagi mahu memperbetulkan keadaan selain dari kemasukkan semula Tun dan pemimpin2 lain yang dikira generasi muda kami ini yang dahagakan perubahan sebagai kesinambungan yang telah terbina terdahulu. Kami tak sempat mengecapi kepimpinan Tun sepenuhnya sebab kami masih di kampus pada waktu Tun meletak jawatan....PLEASE COME BACK ! Kami merayu sangat.

By Mr. KayAuthor Profile Page on January 24, 2009 8:52 AM

asalamualaikum wbt...

Sedih dan amat menyedihkan pemimpinan UMNO sekarang.

Pernah saya didatangi oleh seorang pemimpin UMNO yang tidak saya berapa kenali dan tak hingin untuk

dikenali.

Datang berjumpa saya nak pinjam RM300 dengan alasan kereta adiknya kemalangan jalan raya. Hmmmm!! saya pelik org yg bawak mercedes 300SEL dengan pakaian ala menteri nak pinjam duit dengan saya yg berniaga ikan bilis.

Pelbagai janji manis diberikan semata2 nak dapatkan RM300 termasuklah... janji ini

Perosak UMNO: You kenal i siapa tak

Hampir Jadi Mangsa: Tak kenal tapi i selalu nampak u beli barang kat kedai saya.

Perosak: So i nak pinjam u RM300 sbb kereta adik saya kemalangan. Nanti saya pulangkan, U jangan bimbang i org kuat UMNO kat bahagian ini, u nak apa sahaja projek i boleh berikan.

Hampir jadi mangsa: Saya boleh bagi abang pinjam tapi wang yg saya ada cukup untukbeli keperluan dapur saya untuk seminggu ini. Jadi susah lah.

Tanpa ucap apa2 dia pon blah. Mintak maaf lah..kalau nak pinjam pon dah tak ikhlas apa lagi yg nak beri..masyallah.

Lalu kalau saya hubung kaitkan hal ini dengan keadaan semasa..ternyata nampak amat amat jelas..."Bapak borek anak rintik" maksudnya....kalau si paklah boleh dok sogok sana sini...anak buah apa kurangnya.

Subhanallah..

Ikhlas,

~k~

By Abi QalamAuthor Profile Page on January 24, 2009 8:59 AM

Assalamualaikum Yg Bhg Ayahanda Tun,

Saya sungguh tertarik dengan prinsip Tun, dah sampai masanya untuk ahli politik Malaysia tidak lagi terikat dengan politik 'kepartian' tetapi perlu menjurus kearah politik 'nilai' dan 'prinsip'.

Kita sendiri dapat lihat betapa tokoh-tokoh politik yang berkiblatkan kepartian ini seringkali terpaksa menelan ludah masing-masing kerana prinsip yang mereka pegang tidak cocok dengan kepala parti. Dan mana-mana ahli politik yang lain, yang berani bersuara menentang 'titah' kepala parti, pelbagai tindakan dan tekanan dikenakan. Baik dari UMNO, PAS, DAP, PKR, MCA, MIC dan boleh kata semuanya dari sebesar-besar parti sehingga sekecik keciknya.

Rakyat dah mula meluat dengan permainan politik kepartian, sebab itu mereka dah tak segan silu mengutuk para pimpinan mereka sendiri, bibit kematangan politik sudah mula menampakkan diri di Malaysia. Prinsip yang benar itu benar dan yang salah itu salah telah mula diterima ramai dengan kesedaran yang wajar.

Namun demikian, dengan aliran prinsip dan pemikiran yang pelbagai, satu set pendidikan untuk mencorak gaya politik baru ini amat perlu, kerana kita tidak mahu, gaya politik baru ini diterjemah kepada perbuatan yang ekstrem seperti yang berlaku di Thailand.

Jadi, saya minta dengan pengalaman dan kredibiliti Tun untuk melakar sejarah Malaysia yang baru dengan menjuarai arena politik berdasarkan nilai dan prinsip kebenaran yang Tun sendiri telah ketengahkan.

Sekian dari anak Baling, Kedah yang dulunya busuk sekerap dan berkudis..

Abi Qalam.

By PangaitAuthor Profile Page on January 24, 2009 9:00 AM

Tun, there's no love lost. This UMNO is the UMNO Baru created by you. Now you feel obliged to clean the party up. Do whatever you feel like.

After 17 years, the members had learnt a lot from and about you, but alas they only take what are best for themselves, forget about you and you are now a has been. With power in their hands why should they allow you to mess them up?

In any case, the masses have decided they going to do away with the old guards. Changes are already on their way.

God bless Malaysia

By truthseekerAuthor Profile Page on January 24, 2009 9:01 AM

Salam kepada YAB Tun dan rakan2 bloggers,

1. Saya memang menjangkakan BN/UMNO kalah di KT
2. Saya memang menjangkakan semua orang akan persalahkan faktor lain dan tidak ada sekoq pun dari menteri atau media yang menyalahkan dollah. Mereka ini jugalah petualang negara, perosak bangsa.
3. Saya setuju 100% dengan komen Tun tentang UMNO yang lari dari perjuangan asal, yang ditaati dengan butatuli, yang akan hancur dan membawa keinaan kepada bangsa Melayu.
4. Mungkin kerana si dollah memang dari dulu mau semangat 46, menteri2nya pun orang 46...makanya perjuangan UMNO bukan pilihan mereka.
5. Saya berkali2 mengatakan dollah seorang yang sakit dari segi psikologi...semua perkara hina dan buruk yang dilakukan di tunjuk jari kepada orang lain. Kononnya dia benci rasua, benci ketidakadilan, benci apa2 yang bertentangan agama...tapi satu persatu dia lakukan.
6. Memang sakit hati bila zaman si dollah dungu ini UMNO, orang Melayu, polis Melayu dikecam, dihina...oleh pariah council, oleh komponen BN sendiri, orang ramai...Waai dollah dan menteri2 Melayu, awak semua juga dihina, ada faham?
7. Wahai pegawai2 BPR, walaupun nama suda dituka, tanggung jawab diberi lebi besar, tetapi perangai anda tetap sama...menangkap ikan bilis sahaja dalam politik wang. Dollah dan suku sakat amal rasuah napa tak tangkap? So you guys better go to hell.
8. These corruptors begged, borrowed and stole to make it tere, to win places. And when they're in power, they will kowtow their masters who loaned them the monies; jews? communist chineses? anti-malay chineses?

Tun, please do not give up in this jihad...to bring back justice, to help others to understand and do something.

By kamal ahmadAuthor Profile Page on January 24, 2009 9:13 AM

Salam kasih dan hormat Ayahanda Tun. I am reading your present and latest posting, over and over. And I can never be done. There is so much to add on the weaknesses, corrupt practices and arrogance of Abdullah Badawi and his family, his cronies and of those who aligns themselves with him. I want to share but I don't even know where to begin or how to calm my emotions enough to tap the keyboards for that. ECM Libra is nothing much. Tun, I am surely certain you know so much more, but like me too, you just can't disclose them here yet. There's a time and place for everything - for that I do believe. This posting will be sizzling with comments from my fellow others. I have read, I will read it on the go today and I will put in my 2 cents when I am calm enough Sir. I humbly say a silent prayer for that; may The All Compassionate Allah have mercy on you Abdullah Badawi, Khairy Jamalludin and Kalimullah Hassan.

Thank you Tun. You are that one pillar of hope and strength we come to, along this journey here and now.

By al-hajAuthor Profile Page on January 24, 2009 9:15 AM

Assalamualaikum Tun,

Memang benar UMNO sekarang berunsurkan Politik Rasuah! Tak taulah apa nak jadi selepas ini..Sedarlah wahai bangsaku! Dek kerana wang maruah tergadai!
By buddAuthor Profile Page on January 24, 2009 9:17 AM

Dear Tun,

I agreed with you especially on comment no.25. If this continues, the Malays will be no longer relevant in their own country, chiefly UMNO. Even the most minority among the 3 main races, seem dominant on certain issues. UMNO Today is just endure situation.
By apaiAuthor Profile Page on January 24, 2009 9:21 AM

Assalamualaikum....
Tun yang dikasihi,

Berpesan-pesan kepada kebaikan dan berpesan-pesan kepada kebenaran. Teruskan perjuangan kami sentiasa disisi Tun setiap masa. Moga segala yang silap dapat dibetulkan dan kebenaran terbela.

Lagi fakta menarik tentang penjualan M.V Agusta oleh pemilik sebanyak RM 500 juta. Di mana silapnya kita menilai dan membuat keputusan. Di mana rasionalnya??

Apa yang kita ada hari ini belum tentu akan terus ada akan datang. Fikir-fikirkan la moga anak cucu kita tidak merempat di negara sendiri. Bawalah bangsa kita (MELAYU) kearah yang lebih bermaruah dan berjaya agar kita tidak di salah oleh anak cucu kita.
By ahhaAuthor Profile Page on January 24, 2009 9:23 AM

Asalamualaikum Tuan,

Teruskan perjuangan apa yang Tun fikir betul dan benar untuk Agama, Bangsa dan Negara walau pun ianya seperti yang Tun kata, menyebabkan kita menjadi tidak popular. Saya terlibat YAB Pak Lah ni seorang yang degil/pendendam walau pun nampak lembut. Di saat-saat akhir pun masih ikut telunjuk kroninya meletakkan calon tak sesuai di KT.

Tun, hari Isnin ni gerhana matahari, satu fenomena alam yang jarang terjadi. Rasulullah bersabda ianya adalah satu dari tanda-tanda kebesaran Allah dan menganjurkan antara lain, sembahyang sunat gerhana.

Mengambil kesempatan disini, saya mencadangkan semua member kelab che det/pengujung blog ini yang muslim agar solat sunat gerhana berjemaah lepas solat asar di surau/masjid nanti. Ianya satu sunnah tetapi kesempatannya jarang ditemui. Jadi rebutlah peluang ibadah ni sementara kita masih sempat menemuinya. Wassalam.
By mohd faridAuthor Profile Page on January 24, 2009 9:27 AM

assalamualaikum semua.

Sedikit contoh UMNO yang semakin hancur; Pemimpin peringkat cawangan sahaja sudah mampu pakai kenderaan ratusan ribu ringgit dan semua maklum mereka tidak mempunyai perniagaan yang sebenar.

Juga, meluat melihat pemimpin UMNO berpoya-poya dan menunjuk-nunjuk kemewahan di hotel-hotel mewah sedangkan kaum cina yang 40-50 peratusnya adalah jutawan tidak pula berperangai sedemikian.

UMNO akan hancur. Saya setuju. Mohon pertimbangan TPM memikirkan dan membaiki kelemahan ini segera sebelum hancur.

Peringatan dan maklumat daripada Tun amat mengerikan.

Terima Kasih Tun.

By moe_mageraAuthor Profile Page on January 24, 2009 9:36 AM

Assalamualaikum Tun,

Hendak buat macamana kalau orang yang salah telah diberikan kuasa? mereka takan mahu undur jika kuasa sudah ditangan mereka. so kita saksikanlah bagaimana ahli-ahli umno yang dibahagian bawahan yang masih ada rasa cinta akan perjuangan tulen parti mengundi pada mac ini. jangan ingat wang ringgit, negara bangsa tergadai.

By MozafarAuthor Profile Page on January 24, 2009 9:37 AM

Salam Tun.

Saya antara yang kerap mengeluarkan pandangan kritikal mengenai UMNO dalam blog chedet walaupun saya sendiri ahli UMNO. Memang apa yang Tun suarakan adalah jelas dan terang namun tidak ramai pemimpin UMNO hari ini ambil kisah sangat sebab masing-masing ada kepentingan diri yang perlu diutamakan.

Kita lihat siapa perwakilan UMNO yang pegang peranan utama dalam pucuk pimpinan UMNO nanti. Jika yang terpilih adalah manusia yang terbabit dan memang dikenal pengamal rasuah maka tiadalah harapan lagi untuk kita pulihkan UMNO.

Seterusnya saya sungguh-sungguh mengharapkan UMNO tumbang dan tewas dalam pilihanraya ke 13 akan datang. Bukan niat saya suka UMNO tewas dan tumbang namun saya harapkan demikian supaya jadi pengajaran. Saya mendoakan UMNO selepas kecundang nanti dapat dibersihkan daripada anasir-anasir rasuah dan peraruah tegar yang wujud jadi pemimpin saat ini. Jika UMNO selepas tewas nanti masih tidak dapat pulih maka wajar ianya dikuburkan sahaja.

Biarlah PR yang diterajui PKR pula main peranan menentukan nasib Rakyat selepas itu. Rakyat perlu menyediakan diri kearah itu.

By cekodokmasinAuthor Profile Page on January 24, 2009 9:39 AM

Salam Tun, Moga sihat sentiasa.

Orang melihat UMNO sebagai lubok emas. kalau nak cepat kaya, masuklah umno dan berdampinglah dengan orang2 yang berkuasa dalam bahagian atau pusat. Kalau nak cepat, taburlah umpan banyak2. Saya garu belakang kamu, kamu garu belakang saya.. kalau nak menawarkan diri dalam jawatan parti pula, kena jawab soalan "Ada masyuk ker?" Ramai juga ikut stail Robin Hood sekerat . Ambil dari orang kaya tapi guna untuk diri sendiri... Saya dah tak ambil tahu pasal UMNO walaupun saya bekas AJK pemuda bahagian dan setausaha cawangan.

By CarlosAuthor Profile Page on January 24, 2009 9:40 AM

Assalamualaikum ayahanda Tun Dr. Mahathir,

Pertama sekali, didoakan semoga Allah Ta'ala, tuhan sekalian alam, pencipta langit dan bumi serta segala isinya memberi kebahagiaan, ketenangan, keselamatan dan hidayah kepada ayahanda Tun.

Terima kasih banyak kepada ayahanda Tun, kerana telah memberi kehidupan ayahanda Tun untuk memperjuangkan kebaikan untuk kehidupan ramai manusia, bukan sahaja untuk ummat Islam, bahkan juga untuk kebaikan kehidupan ramai orang bukan Islam.

Inilah ciri atau sifat orang Islam yang sebenar.

Apa yang ingin saya katakan, yakinlah ayahanda Tun, bahawasanya Allah SWT telah berjanji bahawa setiap perbuatan yang baik akan diberi ganjaran yang baik, walaupun sebesar zarah.

Jadi, saya percaya dan saya tetap yakin, bahawa segala dan setiap kebajikan dan pengorbanan daripada ayahanda Tun pasti dihargai, dilihat dan diberi balasan yang baik daripada Allah SWT, selagi IKHLAS ada di dalam hati ayahanda Tun yang murni itu.

Sekali lagi, saya doakan Allah Ta'ala akan pelihara dan memuliakan diri ayahanda Tun, Aamiin.....
By khairi aliAuthor Profile Page on January 24, 2009 9:48 AM

Salam Tun, saya agak berbeza sikit dgn Tun. Rakyat masih sayang pada umno dan pas. bahkan pas dan umno tu sama aje, terutamanya di negeri-negeri pas kuat.

Mereka pun tak kisah sangat fasal rasuah, sebab semua tahu, rasuah berlaku dalam pas dan juga umno, walau pun dalam kes pas, isu rasuah dapat disorokkan dgn agak baik.

Dengan kata lain, umno tak kalah, yg kalah ialah pak lah dan tentunya... altantunya. N.Aziz pun kena penampar politik bila calonnya di tolak pas trengganu mentah-mentah.

Pd saya, jika umno nak pulih, media kena bebas dari mengampu. Tak perlu ubah besar sangat, sebab tak tau apa yang orang ramai sedang fikirkan. Kini najib pun kena... imejnya degan altantunya sungguh teruk.

By nookvillageAuthor Profile Page on January 24, 2009 9:48 AM

Tun,

Pandangan Tun adalah selari dengan kebanyakan rakyat Melayu diperingkat bawah. UMNO jika mahu bercambak semula harus berani gugurkan orang-orang yang telah diberi peluang berkuasa tetapi gagal dan menyeleweng menunaikan tugas (agak ramai juga). Berani campak mereka keluar dan jangan dibenarkan menjadi jaguh-jaguh UMNO semula. Mencukupi menjadi ahli UMNO biasa jika mereka masih berminat. Jika tidak dilakukan ianya akan menjijikkan rakyat terhadap UMNO sebuah parti yang bermula dengan murni cita-cita dan akan berkubur dengan kepimpinan yang sangat lemah. Nookvillage berharap YB DN dapat membetul keadaan ini dengan baik. YB DN adalah harapan yang masih lagi ada bercahaya yang boleh membaiki keadaan. Nookvillage berdoa supaya UMNO dipulihkan dan kembali kuat dan gagah demi bangsa dan Negara.

By kbadAuthor Profile Page on January 24, 2009 9:51 AM

Tun yang dihormati. Saya yang kecil ini seperti Tun juga sangat menyayangi UMNO yang terlalu banyak jasanya kepada saya dan orang melayu umumnya. Namum saya memohon kepada Tn untuk sama-sama memulihkan Umno demi memastikan kelangsungan perjuangan Umno mengangkat martabat agama bangsa dan negara

By rozamnahAuthor Profile Page on January 24, 2009 10:01 AM

Tun ,

Who said Tun Tak Popular??? You are always known and popular for being the leader who always do or see things correctly using the UNPOPULAR WAY...!!

By the way I have suspected PAS will win in T'ganu. So to the rest of them in UMNO , Please Wake Up...!!! Penatlah tengok depa macam ni.

By MohdAuthor Profile Page on January 24, 2009 10:07 AM

Pilihanraya Kuala Terengganu benar-benar menunjukkan rakyat memprotes UMNO khasnya dan BN amnya. Saya juga ahli UMNO tapi saya rasa ada yang tidak kena dalam petadbiran dalaman UMNO yang perlu dibuat 'post mortem'. Ingatan pada pemimpin UMNO janagn dah terhantuk bari nak tergadah. Mungkin perit untuk kita mengambil satu tindakan yang mana akhirnya kita kehilangan sesuatu tetapi adalah lebih baik berbuat demikian demi sesuatu yang tidak diinginkan akan hilang ditelan zaman. Bagi saya UMNO tetap relevan dengan kuasa Melayu di bumi Malaysia ini tapi perlu perubahan yang mendadak

supaya perjuangan seterusnya tidak akan berkubur. Saya menyarankan pertemuan 6 mata (Pak Lah, Najib dan Tun) perlu diadakan secara tertutup demi masa depan kuasa Melayu di Malaysia. Mungkin akan terjadi sedikit ketidakselesaian antara anda bertiga tapi demi masa depan Malaysia apa salah kiranya duduk semeja. Saya masih menaruh keyakinan yang tinggi bahawa rakyat Malaysia masih mahu UMNO memerintah negara tapi dibawah pentadbiran yang bersih telus dan benar-benar membela untuk rakyat. Belajarlah dari Singapore bagaimana rakyat boleh hidup selesa disamping pemimpin memerintah dengan selesa juga. 52 tahun saya kira sudah cukup dewasa dalam menangani kemelut yang melanda politik UMNO. Kita kena memikirkan anak cucu kita akan datang, apakah akan terbela sekira kuasa yang ada jatuh ketangan yg tidak bertanggungjawab. Saya memohon pada Tun dengan rendah diri begitu juga pada Pak Lah dan Najib, duduklah semeja dan berunding dengan cara yang terbaik untuk kembalikan Malaysia dilandaskan yg betul. Salam sejahtera buat semua
By naz_jtbAuthor Profile Page on January 24, 2009 10:09 AM

Dearest Tun,

I have waited for your comment on the Kuala Terengganu Poll. Well UMNO leaders never listened. They are still a bunch of arrogant people and they are over confident. They think that voters are stupid...Wake up guys...There must be a new way to attract those young voters. You are right, voters are fed up with the "same old song" of the UMNO...Can't wait for Mac... Long live Tun!!!
By WanmohaAuthor Profile Page on January 24, 2009 10:12 AM

A'kum Yang Berbahagia Tun,

Amat sokong dengan kenyataan Tun.....

Semoga Tun terus sihat dan mungkin boleh bantu UMNO selepas Mac ini.
By hakimAuthor Profile Page on January 24, 2009 10:16 AM

Assalamualaikum Tun,

I have been following yr blog from the beginning. I must say i really appreciate your direct the point writing based on facts and yr vast intelligent, smart experience. I just registered today and feel honoured to write this comment and hope to meet u personally some day...1 fine day. I strongly support your blog on "PKKT" and im 100% agreed with you . Im a pensioner staying in muar johor. Hoping to hear more and know more about the present scenario of UMNO and orang Melayu...towards PU ke 13. salam.
By HimiAuthor Profile Page on January 24, 2009 10:22 AM

Assalamualaikum Tun dan Keluarga,

Walaupun saya dan keluarga bukan rakyat Malaysia tetapi saya tetap mengikuti perkembangan di Malaysia, Saya benar2 teruja dengan minda dan kewibaaan Tun yang telah Allah kurniakan. Memang benar apa yang Tun terangkan di Blog ini, dan kita yang tak berapa pandai pon dapat melihat apa yang telah di laksanakan oleh Datuk Seri Abdullah kepada Rakyat Malaysia, tiada apa yang boleh di banggakan selama ini, apa yang kita lihat adalah "kehancuran" UMNO yang selama ini telah di bangunkan oleh mantan-mantan PM dengan keringat mereka tak kira masa dan dimana. Dengan sekelip mata sahaja (kepimpinan Datuk Seri Abdullah) kita dapat melihat UMNO dan Barisan Nasional akan terjumus ke kanca kehancuran. Kita juga dapat melihat "keangguhan" menantunya. Saya disini senentiasa mendoakan kesihatan TUN dan Keluarga, kesejahteraan Malaysia, Kesejahteraan Agama, supaya kita yang berbangsa Islam tak kira dimana kita berada dapat melihat Malaysia yang dipinpin oleh orang Islam dapat menjalankan tugas dgn penuh didikasi. Wassalam.
By BramAuthor Profile Page on January 24, 2009 10:25 AM

I don't know what to say but May God bless UMNO and its people
By MAMZAuthor Profile Page on January 24, 2009 10:27 AM

Salam Tun,

Saya setuju dengan Tun. Sesungguhnya UMNO kini telah jauh menyimpang, dan saya malu untuk mengaku saya penyokong kuat UMNO sebelum ini.

Saya setuju dengan Tun, kesetiaan kepada pemimpin walaupun raja ada batasannya. Amat malang sekarang ini pemimpin-pemimpin UMNO cuba menggunakan raja-raja Melayu dengan menaikkan isu-isu perkauman (seperti kampung baru, ketuanan Melayu dll), dengan tujuan meraih semula sokongan dan simpati dari kaum Melayu.

Tetapi kenapa makin ramai kaum sendiri menolak UMNO, apatah lagi kaum bukan Melayu? Kerana pemimpin-pemimpin UMNO yang ada sekarang kebanyakannya sombong, takbur dan pentingkan diri sendiri malah tidak berwawasan jauh seperti Tun. Mereka menyalahkan rakyat kerana tidak memberi sokongan pada PRU 12. Dengan kata lain, mereka memperlekehkan "intellectuality" rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama.

Mereka menghentam orang Melayu sendiri dari Pakatan Rakyat (PAS & PKR) serta membunuh peluang orang Melayu sendiri yang lebih berdedikasi dalam UMNO dengan rasuah (politik wang). Tidak pernah sebelum ini kaum Melayu dan parti bukan Melayu berani menghentam dan menghina orang Melayu seperti yang berleluasa sekarang. Akhirnya, orang Melayu sendiri yang tersepit dan terhina oleh kerana tindakan pemimpin-pemimpin UMNO yang "opportunist" ini.

Mereka secara membuta tuli membodek dan menyokong urusan-urusan yang merugikan kerajaan Malaysia (dan duit rakyat Malaysia!!!) yang dibuat oleh Pak Lah dan kroni. Saya berada di Itali semasa isu penjualan M.V Agusta, amat menyedihkan apabila mengetahui kerajaan Malaysia sanggup kerugian RM300 juta. Apabila saya ke Singapura, rakyat disana semakin memandang rendah kepada Malaysia kerana pemimpin sekarang "dilihat" sebagai lemah dan boleh dibuli oleh pemimpin negara berkenaan pada bila-bila masa sahaja.

Apabila UMNO kehilangan kuasa di 3 buah negeri, maka menyalaklah Khir Toyol, Mahadzir Khalid dan Tajol Rosli. Tetapi mereka inilah golongan "cakap tak serupa bikin" dan "meludah kelangit terkena muka sendiri". Pemimpin-pemimpin Pusat perlukan perubahan. Najib perlu tolak Hishamuddin, Nazri Aziz, Muhammad Taib, Syed Hamid dan beberapa orang lagi "talam dua muka".

Sesungguhnya pilihanraya kecil Kuala Trengganu adalah antara petunjuk awal UMNO akan menjadi parti "dinosaur" tidak lama lagi sekiranya tiada perubahan paradigma dan perubahan kepimpinan. Dan sesungguhnya, orang Melayu akan dilayan sebagai pengemis di tanahair sendiri kerana tindakan pemimpin-pemimpin UMNO sekarang!

MAMZ

By zainnanAuthor Profile Page on January 24, 2009 10:31 AM

Jika Tun yang pernah menjadi Presiden UMNO selama 22 tahun sangat membenci pemimpin-pemimpin semasa UMNO, saya sebagai rakyat biasa tentu sekali membenci berjuta-juta kali ganda hipokrit-hipokrit yang mendalang parti berkenaan.

Hipokrit-hipokrit UMNO ini kebetulan sangat-sangat mengetahui yang mereka sedang menggali kubur parti mereka. Walau bagaimana pun, mereka adalah mahluk yang menyerupai lalat yang terus bergelumbang dengan NAJIS dan kekotoran sehingga mereka hancur bersama NAJIS dan kekotoran yang mereka pujiannya.

Mahluk UMNO ini tidak akan sedar dan insaf diatas najis dan kekotoran yang mereka lakukan, mereka

telah terlanjur dan mereka akan TERUS memuja najis dan kekotoran walaupun masa yang tinggal bagi mereka hanya tinggal se saat SAHAJA.

Kini masa yang tinggal bagi pengkhianat-pengkhianat bangsa Melayu ini BUKAN tinggal se saat lagi, tetapi selama empat tahun lagi. Ayuh masa yang tinggal ini begitu lama lagi untuk mereka bergelumbang dengan najis dan kekotoran yang mereka hiduinya....

By pockidsAuthor Profile Page on January 24, 2009 10:34 AM

salam ayahnda Tun

saya antara berjuta anak muda yang keciwa melihat gelagat pemimpin2 UMNO yang tak sedar diri..masa kejatuhan pasti datang

<http://pockids.wordpress.com/4sales/>

By HOT ZOOMAuthor Profile Page on January 24, 2009 10:41 AM

Banyak pemimpin kita sekarang tak bertanggungjawab.Apa jadi jika ditaktirkan negara yg aman ini tiba2 huru hara kerana diserang.Andaian: <http://zoompanas.blogspot.com/2009/01/jika-malaysia-diserang.html>

By alfrescoAuthor Profile Page on January 24, 2009 10:53 AM

Assalamualaikom Tun,

Tun, janganlah bersedih, Allah akan selalu bersama dengan orang yang hidup dijalan yang benar.

Saya doakan agar Tuhan memberi Tun kekuatan untuk memperbetulkan keadaan kebanyakan orang2 Melayu yang telah lama tidak menghayati ajaran Islam yang sebenarnya.

Tabir besar sudah menutup hati nurani mereka dan mereka tidak dapat melihat kebenaran dengan mata hati mereka.Mereka ini semua sedang hidup didalam khayalan dan tidak sedar diri.

By hailtheKingAuthor Profile Page on January 24, 2009 10:57 AM

Saya penyokong PR yang sebelum ni penyokong TUN. Tapi Tun pun dah berenti,UMNO pun teruk dah jadi saya menyokong PR. Macam kata TUN, BN pun teruk, PR pun bukan OK sangat, jadi we have to choose the less between 2 evils.

Tapi saya tak mau cakap pasal polisi atau hala tuju parti. Saya nak cakap pasal cara kempen BN. Dari Pilihanraya Mac ke P pauh Ke KT baru2 ni. Sapa dia Campaign Manager BN ni. Bagi saya liputan dan lapuran media mcam TV3, utusan lah yang menimbulkan keMELUATAN orang pada BN.

Bukan kata rakyat benci,tapi lebih pada meluat tgk propaganda tak menjadi BN. Tak ada umphh, takda kelainan. Tambah2 pulak duit rakyat yang diguna untuk kempen2 ni, bertambah2 lah meluat.

Saya betul berharap masa KT hari tu, UMNO merubah taktik... tapi bila tahu sapa yang dicalonkan, pas tu panggil ezam, tambah pulak cerita buruk 2 pasal tingkahlaku penyokong PR konon2nya. Memag dah tau confirm kalah punyalah. Benda yg berlaku dan dilaporkan beza sungguh.

Please UMNO, don't think we the rakyat are all fools.You are highly mistaken, and it will cost you.

By odah3379Author Profile Page on January 24, 2009 11:07 AM

uwaaaaaaaaaaaa...begitu sedih ngan hina nya melihat bangsa2 melayu yg telah di beri mandat utk menjaga kepentingan bangsa melayu sendiri, tanahair tercinta tp lebih mementingkan kepentingan peribadi dan kaum keluarga....harap2 dilaknatlah pemimpin mcm ni sbb menjual bangsa n tanah air

By Zulka9Author Profile Page on January 24, 2009 11:10 AM

Salam TUN,

Semoga TUN dan keluarga sentiasa dalam keadaan aman, ceria dan sihat walafiat.

Begitulah UMNO sekarang seperti yang TUN nyatakan diatas. Lebih menyedihkan jika UMNO kecundang

pada PRU13, tidak ada parti yang akan memperjuangkan nasib bangsa melayu. Parti PKR jauh sekali hendak memperjuangkan bangsa melayu, mereka hanya memperjuangkan dan mengagongkan bangsa lain, ternakan babi diselangor dijadikan projek mega pertama selepas berjaya menguasai kerajaan negeri. barangan keluaran negara sendiri dikutuk dan dihina (penggantian perdana ke camry) dan macam2 lagi yg tak perlu lagi disebut.

Parti PAS hanya memperbodoh orang2 melayu yg menyokong parti itu kononnya akan tetap melaksanakan hudud jika berjaya memerintah. Seolah2 PAS hanya hendakkan hudud dan segala yang lain2 boleh diberikan kepada bangsa lain. Telah kita lihat PAS juga kecundangan dengan menuruti segala kemahuan bangsa lain, sedangkan keperluan bangsa sendiri untuk kemajuan ekonomi tidak dibangunkan.

Kesimpulannya, jika UMNO hancur, sudah tentu melayu akan punah. Lihat sajalah sekeliling kita dan pegerakkan bangsa lain yang begitu agresif sekarang ni. Kalau PAS kata dia hanya mempergunakan PKR dan DAP malangnya apa yang kita saksikan DAP yang memperkudakan PAS dan PKR. Lihat sajalah....

Ahli2 umno dan rakyat yang masih sayangkan umno, marilah kita semua berdoa kehadiran ilahi dan memohon bantuannya agar perosak umno disisihkan dari umno. Ahli2 umno perlu bertindak dari sekarang kerana tuhan tidak mengubah takdir sesuatu kaum jika mereka sendiri tidak mahu mengubahnya. Wallahualam.

Salam kasih buat TUN sekeluarga. Terima kasih.
By mohdrasdanAuthor Profile Page on January 24, 2009 11:11 AM

some people just won't change even they die.. :(
By zabidi ariffinAuthor Profile Page on January 24, 2009 11:14 AM

Salam buat Tun M sekeluarga,

1. Memang benar dan tepat sekali jangkaan saya bahawa calon BN/UMNO akan tewas dengan majoriti yang lebih besar dari undi kemenangan sebelum ini.
 2. Sebaik sahaja BN/UMNO mengumumkan Wan Farid sebagai calon rata-rata kita (penyokong BN) berpendapat bahawa BN/UMNO akan menerima padahnya, kerana faktor calon tidak memihak kepada BN/UMNO.
 3. Sekali lagi pemimpin UMNO dilihat terlalu lemah dan masih tidak dapat memahami kehendak 'AKAR UMBI'.
 4. Orang yang mengetuai Pilihanraya kecil ini DSN dilihat sebagai pemimpin yang masih tidak lagi mempunyai pendiriannya sendiri. Dengan erti kata lain masih lagi mengikut telunjuk DSAB dan konco-konconya.
 5. Kekalahan ini lebih menyerlahkan lagi sikap Pucuk Pimpinan UMNO tidak begitu prihatin dengan era dan suasana politik semasa.
 6. Rakyat Malaysia sedang ternanti-nantikan pelawaan pemimpin UMNO yang Bodoh Sombong ini menjemput Tun dan rakan-rakan menyertai semula UMNO dan melantik Tun sebagai PENASIHAT EKSEKUTIF kepada UMNO dan BN.
 7. Sehingga hari ini DSN masih lagi dianggap orang suruhan DSAB, KJ & KAB.
- Wassalam.....

By Razli Dato' AliasAuthor Profile Page on January 24, 2009 11:20 AM

Sunday, January 18, 2009

Pilihanraya kecil Kuala Terengganu

Sedih, kecewa dan seribu satu macam perasaan menghantui seluruh jentera BN khususnya UMNO di Kuala Terengganu. Kekalahan mungkin telah dijangkakan lebih awal kerana beberapa faktor sensitif terkini yang mencalar imej BN dan UMNO, namun apa yang perlu dikaji kini adalah faktor utama yang menjadikan jumlah pengundi yang keluar mengundi merosot dengan majoriti kekalahan yang lebih besar.

Penguasaan BN di Kuala Terengganu kini telah merosot dari keadaan menang tipis kepada kekalahan agak besar. Kemosrotan yang amat membimbangkan. Adalah tidak adil menyalahkan pengundi yang tidak keluar atau pulang mengundi sebagai punca kekalahan. Mereka mungkin mempunyai sebab-sebab tertentu yang menjadikan mereka mengambil keputusan tersebut.

Kini jelas faktor personaliti dan pengaruh calon BN di Kuala Terengganu tidak membantu. Namun ini bukanlah faktor utama kekalahan. BN dan UMNO perlu sedar tentang punca sebenar kekalahan di Kuala Terengganu. Ini amat penting bagi BN dan UMNO mencari "penawar" kepada "penyakit" yang telah semakin parah ini jika ingin mengekalkan pengaruh dan pemerintahannya pada pilihanraya umum akan datang.

Faktor utama kekalahan BN dan UMNO adalah kerana imej buruk dan pandangan negatif rakyat terhadapnya. Rakyat telah merasakan UMNO kini memperjuangkan agenda peribadi lebih dari agenda rakyat. Calon yang dipertandingkan telah diperlihatkan mempunyai kepentingan kepada pemimpin tertentu diperingkat atasan dari rakyat diperingkat bawahan.

Ini boleh dilihat dengan jelas apabila calon BN yang jarang bersua muka dan bermesra dengan rakyat dipilih menjadi calon, walaupun telah dilantik menjadi Timbalan Menteri di kabinet tidak bermakna mereka mempunyai pengaruh dikawasan mereka.

Kita harus mengakui bahawa rakyat kini semakin bijak menilai. Informasi dan maklumat kini hanya dihujung jari. Setiap perbuatan, baik yang beretika atau tidak, senang dihidu dan ditafsir oleh rakyat.

Ya, benar, UMNO sentiasa melaungkan perjuangan mereka kepada Bangsa, Agama dan Negara. Tetapi realitinya mereka hanya memperjuangkan bangsa Melayu yang beragama Islam, yang merupakan penyokong UMNO, yang rapat dengan pemimpin tertinggi serta mempunyai kepentingan kepada mereka. Golongan ini hanya mewakili mungkin 5% atau kurang, dari seluruh bangsa Melayu di Malaysia.

Apa yang terjadi kepada 95% bangsa Melayu? Mereka perlu bekerja lebih keras, jika mereka gagal, ianya bukan kerana salah kerajaan. Tetapi jika mereka berjaya maka mereka harus berterimakasih kepada kerajaan dan UMNO. Hakikatnya, hanya segelintir yang berjaya. Yang gagal dan masih berusaha, tidak diberi sokongan dan bantuan.

95% dari populasi bangsa Melayu adalah suatu angka yang besar dan tidak sepatutnya diketepikan bagi memenuhi golongan 5%. Jika tidak diberi keadilan dan bantuan akan menjadikan mereka beralih arah. Mungkin bukan kerana mereka tidak menyukai UMNO, tetapi kerana kecewa dengan sikap pemimpin UMNO yang mengabaikan keperluan mereka. Kegagalan pemimpin UMNO merapati golongan muda juga dilihat sebagai satu faktor yang membimbangkan.

Hanya golongan muda Melayu yang menyokong UMNO, rapat dengan pemimpin tertinggi dan mempunyai kepentingan kepada mereka diberi peluang seluas-luasnya dan bantuan sebanyak mungkin. Apa akan terjadi kepada golongan muda yang lain? Mereka mungkin tidak berminat dengan dunia politik tetapi tidak bermakna mereka tidak menyokong BN atau UMNO. Mereka merupakan pengundi senyap yang bijak menilai informasi. Mereka peka terhadap perkara yang berlaku disekeliling mereka dan akan merealisasikan pilihan mereka di peti undi.

Perlu diingat bahawa golongan muda adalah golongan yang paling agresif dan mampu mencorakkan scenario politik Negara dimasa akan datang dan jumlahnya semakin bertambah setiap tahun. Secara jujurnya, saya merupakan penyokong setia UMNO dan seorang pengundi yang tidak tergamak memangkah calon pembangkang, namun saya lebih rela tidak keluar mengundi jika saya kecewa dengan UMNO.

Jika dahulu golongan muda sanggup bekerja keras membantu kempen BN dan UMNO secara sukarela tanpa sebarang upah, kini scenario tersebut hanya boleh dilihat di kem parti pembangkang. Ini boleh

dijadikan petunjuk penting bahawa golongan muda menolak UMNO.

Golongan muda tidak berminat menyertai atau aktif didalam UMNO bukan kerana tidak suka kepada perjuangan UMNO, tetapi kecewa dengan tindak tanduk pemimpin UMNO itu sendiri.

Jika pemimpin terulung Negara seperti Tun Dr Mahathir sendiri yang telah berbakti dan berjasa kepada UMNO dan Negara boleh diketepikan dan tidak dihormati, apatah lagi ahli UMNO biasa.

UMNO seharusnya berbalik kepada asas yang memperjuangkan Agama, Bangsa dan Negara secara total, tanpa memikirkan soal berlainan parti dan fahaman. Ianya bukan mudah kerana kita hanya mempunyai 4 tahun lagi untuk memikat dan meredakan kemarahan pengundi.

Kini UMNO perlu merombak dan menyusun strategi baru, membuat penjenamaan semula (rebranding) dan berusaha bersungguh-sungguh memikat pengundi dan berusaha seolah-olah politik Negara telah jatuh ditangan pembangkang sebelum ianya menjadi suatu realiti.

By wanoneAuthor Profile Page on January 24, 2009 11:22 AM

Akhirnya kita semua dpt lihat sendiri keputusan pilihan raya.Saya sgt bersetuju dgn segala pendapat & pandangn serta pendirian Tun.Semogo Tun mendapat sesuatu kekuatan untuk semua ini dan semoga Allah memberikan hidayah buat "Pemimpin' kita yg terleka itu..Wasallam..

By FZAuthor Profile Page on January 24, 2009 11:37 AM

Tun, if only you had retained Datuk Seri Anwar, there would still be a glimmering hope for Umno to redeem themselves. Sadly, the talents had all left Umno and what remains there are.

I still think you are responsible for failing to groom future leaders, but instead he did one wrongful thing right! Breeding corrupted Umno leaders to destroy Umno eventually.

I wonder if your statement telling Najib to unload all those corrupted Umno members is sincere? But who is going to unload Najib?

By Abdul Rahman Mohd IsaAuthor Profile Page on January 24, 2009 11:41 AM

Y.A. Bhg. Tun,

Sememangnya keadaan UMNO hari ini sangat menyedihkan hati sehingga menyebabkan ramai yang hilang kepercayaan dan berpaling tadah. Apa saja yang dibuat oleh UMNO dan kerajaan untuk menawan hati rakyat serba tak menjadi malah dianggap sebagai menggali lubang kubur sendiri. Perjuangan dan jasa besar UMNO selama lebih 50 tahun akan semakin dilupakan oleh generasi akan datang sebagaimana mana yang dizahirkan oleh golongan muda masakini yang cenderung kepada pembangkang yang bijak mengambil kesempatan. Sekiranya kerajaan negeri-negeri pembangkang bijak memainkan peranan mereka, saya juga percaya bahawa sejarah UMNO akan hanya menjadi lipatan sejarah...

Apakah pilihan kita???

By kulaanAuthor Profile Page on January 24, 2009 11:56 AM

Memang banyak lagi yang tak larat nak disenaraikan dah.. Kat Mykmu pun sebelum ini dah berkajang-kajang senarainya. tapi seolah tak nampah serik, dekat-dekat pilihanraya di Kuala Trengganu:

1. Ada seorang pemimpin pemuda UMNO dengan bangga berdebat dengan PAS soal Hudut. Lepas itu pula dikeluarkan di surat khabar, ianya berjaya menjerat PAS. Tetapi, professional yang meluat dengan beliau membuat keputusan..jika UMNO menang, pemimpin ini dan pencacainya akan mencanangkan bahawa kemenangan ini disumbangkan oleh kebijaksanaan pemimpin ini. Natijahnya, ramai yang tak pergi mengundi. KT pula menjadi korban selepas Permatang Pauh.

2. Pengumuman penswastan IJN. Gila ka..... Imej BN dah la malap sekarang ini.....? Itu yang diumumkan. Lagi imej tak baik kepada UMNO.

3. Lapangan Terbang LCCT di Labu. Seorang CEO mendahului keputusan kabinet dalam membuat pengumuman. Siapa dia? Kawan kepada seorang pemimpin pemuda UMNO yang menaja pemain bola sepak terbang ke Manchester United? Lagi ..orang seperti kami makin meluat..

Persoalan ..UMNO tak nak berubah ke???????

By Abu AmeenAuthor Profile Page on January 24, 2009 11:59 AM

To a certain extent, I agree. Melainkan UMNO melakukan perubahan serius dan menyeluruh membasmi perasuah-perasuah yang hanya utamakan kepentingan diri masing-masing, yang hanya menyertai UMNO untuk dapat duit sogokan, belanja bulanan, peluang perniagaan, menjadi Ketua Bahagian, seterusnya peluang menjadi ADUN dan Menteri...UMNO dan seterusnya negara akan dikepalai oleh mereka yang tidak ikhlas dalam perjuangan yang belum selesai ini. Dato' Seri Najib mahukan formula untuk memulihkan keyakinan rakyat, ini salah satu daripadanya.

By Malaysian FutureAuthor Profile Page on January 24, 2009 12:01 PM

Tepat sekali, keep it up, Tun.

BN will be losing out to PR in PRU 13, this is inevitable.

Believe me because I will support PR until PR fails me.

Thanks.

By Economist KampongAuthor Profile Page on January 24, 2009 12:03 PM

Y.B. Bhg Tun

Please consider what concrete steps Yayasan Perdana could initiate to commence foreclosure and reconciliation of the issues of abuses that you have raised here. If this is not done, it may be repeated in the future by those who assumed their positions of so-called leaders.

Perhaps a type of public inquiry hearings. The hearings and of course the findings should be a matter of public records. This would at least guide future generations.

Thank you and may Allah BLESSES you with good health so all we Malaysians could still benefit from your PERJUANGAN.

By kbadAuthor Profile Page on January 24, 2009 12:11 PM

Salam Tun. Saya yang kerdil ni seperti Tun juga sangat sayang kepada UMNO. Pohon Tun dapat bersama-sama kepimpinan Umno terutamanya bersama Dato najib untuk mengembalikan kekuatan UMNO supaya terus menjadi wadah perjuangan suci untuk agama bangsa dan negara.

By dewadannyAuthor Profile Page on January 24, 2009 12:12 PM

Assalamualaikum.. Tun,

Saya memohon diberi peluang untuk memberikan pendapat dan perasaan saya terhadap Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melalui ruangan laman Blog Tun yang terbaik ini.

Semoga Tun akan lebih sihat dan efisien bagi bangsa kita.

SURAT TERBUKA BUAT PRESIDEN UMNO :-

Assalamualaikum Datuk Seri Abdullah,

1. Tujuan saya menulis surat ni adalah kerana perasaan bimbang saya terhadap masalah kepimpinan melayu yang semakin terumbang ambing & apa yang saya rasakan ianya adalah akibat perubahan

haluan kepercayaan penyokongnya dari parti UMNO ke parti sama ada PAS atau PKR (Penipu) dan beberapa pendapat saya punca mengenainya.

2. Saya bukanlah ahli Parti UMNO mahupun mana2 parti lain, tetapi saya tetap berhak untuk menyatakan pendapat saya mengenai kepimpinan melayu kerana lagi 3 atau 4 tahun, saya harus memilih siapa yang harus benar2 terbaik sebagai pemimpin ditempat saya dan Saya percaya masih ada ramai lagi mereka yang seperti keadaan saya ketika ini.

3. Apa yang saya nampak 5- 10 tahun dahulu pergolakan politik Negara juga melanda di waktu Era Dr.M ketika itu memimpin dimana perubahan pemikiran pengundi mula terjadi. Wujudnya parti PKR (Penipu) dan sokongan kepada parti Alternatif lain mula bertambah. Akan tetapi sokongan terhadap BN yang diterajui UMNO masih mendapat mandat yang diperlukan.

4. Harapan mula berputik apabila BN di bawah Pimpinan Datuk Seri mendapat mandat yang cukup Cemerlang, Gemilang & Terbilang dalam Pilihanraya (PRU) ke 11, 2004. Seluruh saudara keluarga & saya memilih BN yang pada anggapan kami ketika itu ia memerlukan diberi peluang.

5. Saya berasal dari JOHOR dan sudah pasti hampir seluruh keluarga saya adalah penyokong kuat UMNO sejak dari "Kapal Layar" lagi. Akan tetapi selepas RRU-11 itu kami semua mula merasakan Datuk Seri mula menunjukkan kepemimpinan yang tidak berkarisma, mudah dipengaruhi dan tidak berpendirian. Adalah penting seorang yang kuat pada pendiriannya menjadi ketua kepada sesuatu negara.

6. Salah satu perkara yang amat mengecewakan saya adalah sebagai orang yang meniaga dan sesekali cuba mendapatkan kerja dari pihak kerajaan, saya berdepan dengan hampir 90% kroni menantu kesayangan Datuk Seri. Beliau amat berkuasa dalam menentukan siapa yang mendapat atau tidak pada sesuatu tawaran kerja. Ini menyumbang peratusan yang tertinggi dalam kebencian kami terhadap kepimpinan Datuk Seri.

7. Kesimpulannya saya merasakan sokongan orang melayu terhadap UMNO semakin berkurangan adalah kerana Datuk Seri mencipta musuh yang tak perlu:-

- 1) Orang yang semakin menyampah dgn pendirian Datuk Seri.
- 2) Orang yang menyokong pendirian Era Dr.M.
- 3) Orang yang mula menyokong parti lain kerana kecewa dengan BN.
- 4) Orang yang merasakan Parti UMNO semakin tidak Relevan.

8. Saya rasa adalah lebih baik tindakan yang terbaik harus Datuk Seri lakukan adalah dengan mengakui semua kesilapan ini dan memohon maaf secara terbuka bagi memberikan semula kepercayaan kepada pengganti Presiden secepat mungkin.

9. Saya mengharapkan satu era kepimpinan melayu yang akan lebih dinamik dan berkarisma akan mula terbit bagi tahun baru 2009 ini. Sama ada dari UMNO mahupun Parti PAS yang saya rasakan mula mendapat hati penyokong dan minat generasi baru akibat konsistensi pendirian perjuangan Parti tersebut (walaupun belum terbukti).

10. Parti PAS kini menjadi semakin relevan adalah akibat kelalaian kepimpinan baru Parti UMNO sendiri. Saya rasa tidak mustahil Parti ini akan mendapat lebih mandat bagi negeri2 lain pada pilihanraya akan datang dan jangan terkejut Negeri Johor yang merupakan kubu kuat UMNO juga akan mula memberi sokongannya kepada Parti PAS.

12. Semoga Datuk Seri akan lebih berbahagia dan saya doakan hidup Datuk Seri akan lebih berfaedah dalam tempoh persaraan Datuk Seri. Jadi bolehlah Datuk Seri mula menulis karya baru dan saya cadangkan tajuknya berbunyi " MELAYU YANG MAKIN MUDAH LUPA.....".

dewadanny.blogspot.com

By budakkampung Author Profile Page on January 24, 2009 12:15 PM

Assalamualaikum....

zaman sekarang remaja dan pemuda melayu sudah terlalu jauh dengan hiburan,kebanyakan remaja melayu yang saya kenal tidak mendaftar untuk jadi pemilih.strategi UMNO yang sombong,terlalu susah untuk didekati,belagak perlu diubah segera.

By Pak AliAuthor Profile Page on January 24, 2009 12:21 PM

Salam Tun,

Dah agak dah, calon UMNO pasti kalah di KT. Rakyat sudah bosan dengan antik politik UMNO pimpinan sibatut tu. Tetapi dia masih tak nak face realiti,biarlah, pilihan rakyat konon.

Saya menyampah betul melihat karenah dia sebagai PM tak ada kredibiliti langsung.

Kekalahan ini juga adalah satu mesej kepada MB Terengganu baru supaya dont take the rakyat for a ride! They are not stupid!

Lagi cepat Pak Lah pergi lagi bagus. Najib pula perlu bina kredibiliti dia secepat mungkin dan pulihkan imejnya yang lembik yg sentiasa kowtow kat sibatut tu.

Entahlah Tun, zaman kegemilangan UMNO sudah berlalu, this is what happens when members succumb to the temptation of money and power.

Power corrupts, absolute powers corrupts absolutely. This is what happens to the leaders.

Wassalam

By KijangMasAuthor Profile Page on January 24, 2009 12:22 PM

Salam hormat buat Ayahanda Tun sekeluarga.

Saya juga telah jangkakan kekalahan UMNO di KT dan faktor utama ialah pemilihan calon UMNO itu sendiri.

Persoalan di masa ini ialah adakah UMNO itu Melayu dan Melayu itu UMNO? Adakah Orang Melayu tidak akan terbela jika dan bila UMNO lenyap dari bumi Tanah Melayu?

Haruskah kita merawat sesuatu yang tenat tetapi tidak hendak atau tidak boleh di rawati lagi? Seperti kata Tun, parti ini mungkin akan di warisi oleh gerompokan perasuah, perompak, penyangkal dan berbagai watak yang tidak bermoral dan berwibawa. Inikah kepimpinan yang akan membela Orang Melayu di tanahair kita? Haruskah kita memberi kesetiaan yang tidak berbelah bagi kepada puak yang telah mencolek wadah perjuangan Melayu untuk kepentingan diri sendiri? Perwira apakah ini sehingga mencetus kerapuhan kuasa politik Melayu tatkala di cabar dan di kecam oleh si zuriat pendedag yang kian mekar berkembang dan bermaharajalela di tanahair kita tercinta?

Adakah kesetiaan Orang Melayu boleh di tuntutan sebagai suatu HAK ABADI oleh mana-mana parti politik?

Mungkinkah sudah tiba detiknya kerabat Nasionalis Melayu membenteng suatu wadah perjuangan yang baru, bukan UMNO Ter-Baru, tetapi suatu suara keperwiraan yang akan mengembalikan intipati perjuangan Melayu yang di rintis oleh nenek moyang kita dahulu dan yang akan teguh menghadapi cabaran sosio-politik yang semakin meruncing di tanahair kita.

Inilah persoalan yang harus difikirkan pada waktu ini.

By babwahidAuthor Profile Page on January 24, 2009 12:24 PM

Salam Tun,

Rasa nak nangis baca tulisan Tun kali ini. Lambang keris yang terdapat kat logo UMNO tu saolah olah dah tidak berbisa lagi, patah setelah menikam diri sendiri...

Dapat saya bayangkan nanti pabila UMNO dah berkubur , Melayu ketika tu dah tak tentu arah lagi. Baju Melayu , kain samping bercorak warna dah tidak di pakai lagi, songkok hitam dah tak di kenali jenerasi nya. Maka ketika itu lah mungkin orang kata MELAYU SUDAH HILANG DI DUNIA.

Tun, Semangat perjuangan Melayu perlu di kembalikan. Hanya Tun yang boleh melakukannya dalam era perubahan global yang tidak menentu ini. Tun perlu kembali memimpin UMNO. Biarlah Datuk Najib menjadi Perdana Menteri dan mentadbir negara . Tapi Tun pula bertanggung jawab menyatukan kembali orang Melayu dalam parti UMNO. Kalau Parti Pas nak berkongsi kuasa dengan UMNO lagi bagus. Ini pasti dapat mengembalikan martabat ketuanan Melayu di Bumi Melayu .

Maaf tun kalau terlebih bahasa..

By ames2008Author Profile Page on January 24, 2009 12:29 PM

Salam Tun,

I can only wish next government which is not headed by Badawi will really really make effort to serve the people and not just become Badawi proxy. Hai Badawi ...we the people not bodoh as you think you are in power....

Tun, We support you all d way until government is doing they job for the people.

By zainal abidinAuthor Profile Page on January 24, 2009 12:29 PM

A'kum Tun. Saya merupakan golongan muda yang telah mula membenci perjuangan umno. Sejak dari awal lagi saya telah agak bahawa BN akan kalah di K.T. Nak tau sebabnya? Ada seorang rakan saya lonco umno telah ke KT kononnya nak membantu jentera BN. Pelbagai persiapan telah dibekalkan tetapi apa bila beliau pulang apa yang di beritahu kpd saya ialah, kebanyakan pemimpin umno bukan hendak mambantu berkempen utk BN tetapi KT telah menjadi medan untuk medan melobi bagi Bulan Mac ini. Apa dah jadi? Jadi tak heranlah jika BN kalah di KT. Faktor calon pun dah memberi petunjuk awal yg mereka akan kalah, mana kan tidak, beliau terdiri dpd kroni-kroni KJ.

Tun, Se Malaya tak suka pada KJ. Kalau tak percaya cubalah buat sedikit kajian di KG beliau. Apa kata mereka? Lihat apa dah jadi dgn FAM? MYteam, yg dulu diagung-agungkan, sekarang apa dah jadi.... dah jadi pasukan belasan.... siapa punya angkara atau lebih senanga cakap siapa punya pasukan... KJ.

Tun, saya masih muda dan baru sahaja berusia 37tahun. Ketika zaman TUn jadi PM, saya merupakan ahli UMNO tetapi selepas itu, saya sudah mula membenci UMNO. Bukan UMNO sebenarnya tetapi pemimpin-pemimpin yang sedia ada dan bukan semuanya tetapi kebanyakannya. Saya amat berharap agar sesuatu dapat dilakukan utk memulihkan UMNO kerana saya amat percaya, Malaysia akan kuat jika UMNO kuat.

Pada era TUN dahulu, mana ada kritikan daripada parti-parti komponen. Lihatlah apa yang terjadi sekarang..... Saya percaya dan tidak akan terkejut jika pada satu hari nanti, Perdana Menteri M'sia atau Timbalan Perdana Menteri M'sia akan berpindah tangan. Saya pun dah tak tahu apa nak jadi dengan pemimpin UMNO era sekarang. Semuanya hipokrit dan mementingkan diri sendiri, kalau ada yang ikhlas, saya rasa kita boleh kira.

Tun, saya ini bukanlah terdiri daripada golongan yang berpelajaran tinggi tetapi apa yang saya katakan diatas adalah apa yang berlaku di akar umbi. Akhir kata, tidak hilang melayu di dunia dan ingatlah, ini Tanah Melayu!!!!

A'kum...

By GEEALIAuthor Profile Page on January 24, 2009 12:34 PM

SALAM TUN SEKELUARGA...

SATU ARTIKEL YANG DINANTI2...

BERJUTA KALI RAKYAT DOK CAKAP, DOK WAT 'BODO' SITU LA 'PEMIMPIN2' NI..

DAH BERJUTA KALI CAKAP, KAMI ' RAKYAT' "TIDAK MAHU / TAK MAU /X MBO / TOKSE /X HINGIN / DONN'T WANT " PEMIMPIN RASUAH DAN TAK BERJIWA RAKYAT.. MUKTAMAD!!!

KALAU 'PEMIMPIN'DOK BUAT BUTA HATI JUGAK, WAT 'TAK TAU', APA YANG RAKYAT DOK KATA LANI AKAN JADI 'SATU KENYATAAN'..MASATU 'BERTAUBAT' PUN X GUNA LAGI DAH...UMNO AKAN TERKUBUR....

'NAK MARAHKAN NYAMUK, TAPI KELAMBU YANG DIBAKAR'...HA PADAN DAHLA... KAMI NI MARAHHHHHHHHHHHHHH SANGATTTTTTTTTTTTTTTTTTTT KAT PEMIMPIN2 RASUAH ERA YAB AB NI...TAPI APAKAN DAYA DAH XDAK CARA LAIN DAH NAMPAKNYA NAK JATUHKAN 'DEPA' JADI PARTI YANG X BERDOSA 'UMNO', AKAN JADI MANGSA DAH NAMPAKNYA..

DAH 'BUNCIT PERUT' DOK DALAM UMNO / BN PUN X PUAS2 LAGI...ISI PERUT DALAM TU DAH JADI HIJAU DAH..X PUAS2 JUGAK...

"KAMI/ RAKYAT AKAN PUASKAN 'HAMPA' DALAM PRU13"...TUNGGU... MASA SAT JA...TUNGGU OK...

SEMOGA TANAH MELAYU MENDAPAT KEAJAIBAN KEPIMPINAN...
JAUHI DARIPADA PETUALANG AGAMA, BANGSA DAN NEGARA...
PUTERI BALING KEDAH
By lebaikudinAuthor Profile Page on January 24, 2009 12:34 PM

Salam Tun & fellow bloggers,

- 1.PAS menang bukan disebabkan mereka bagus tetapi BN yang lemah
- 2.Najib adalah faktor utama kekalahan kerana beliau dilihat belum dibersihkan daripada kes Mongolia,bayang2 hitam ini akan mengekori beliau selamanya
- 3.Kempen menggunakan nama2 besar termasuk menteri2 besar dan tokoh2 komponen spt MCA,MIC mengundang padah terutama yang ada kes contohnya Mat Taib,Soi Lek,Samy,Rafidah
- 4.Faktor menantu Pak Lah, KJ tidak perlu lagi diulas dengan panjang lebar tentang kerakusan beliau kerana dikalangan UMNO dan Pemuda sendiri menganggap KJ sebagai 'liability' atau mendokong biawak hidup
- 5.Faktor pembaziran Monsoon Cup dan Masjid Kristal yang tidak menguntungkan rakyat serta peranan Patrik Lim-KJ dalam penyonglapan projek amatlah menjijikkan
- 6.Gula2 pilihanraya seperti pemberian projek2 segera spt jalanraya,peruntukan nelayan,subsidi tidak lagi berkesan kerana pengundi melihat ianya sebagai rasuah pilihanraya
- 7.Pengerahan Media mainstream dengan pusat media yang besar dan canggih ditafsir sebagai tukang kipas BN,kerana pengundi tidak lagi bergantung kepada propaganda Utusan atau RTM sebagaimana tahun 70an
- 8.Internet dan bloggers memainkan peranan penting sebagai sumber maklumat berkecuali
- 9.Penyelewengan royalti minyak yang diganti dengan wang ehsan amat mempengaruhi pengundi
- 10.Faktor pemilihan calon Wan Farid yang kurang mesra rakyat dan dikaitkan sebagai orang KJ
- 11.Pergeseran Pak Lah-Idris Jusoh-Istana juga dilihat mengundang padah bila kesetiaan rakyat gagal dibeli oleh BN

Wassalam

By HouseWife™ Author Profile Page on January 24, 2009 12:42 PM

Assalamualaikum Tun,

Tun, Sime ada ura-ura nak buka pusat macam IJN pula? Macam nak kaut untung dari penyakit jantung orang pula. Dia kata ini bisnis bagus dapat duit banyak. Adakah patut macam tu Tun? Benci betul cakap orang korporat seperti Sime ni. Kalau buat pusat perubatan penyelidikan untuk kesejahteraan rakyat takpe le. Lagi satu dia melenting menafikan terlibat secara langsung dengan Airport Labulabi. Dengan angkuh dia kata dia tak kisah apa jua keputusan kerajaan, nak buat kat Labulabi ke atau kat KLIA. Macam frust je. Cara percakapan pun macam orang UMNO-Melayu sombong-bodoh! (tengok dalam Tv je). Ni le cara orang tamak cakap. Mereka ni orang UMNO ke Tun atau penyokong kuat UMNO yang tamak dan ingin nak buat duit je untuk diri sendiri.

Saya rasa semakin meluat dengan telatah mereka ni kalau semakin hari semakin angkuh percakapan mereka dan membuat tindakan yang tiada faedah kepada semua peringkat rakyat dan membazir je. Saya senang je Tun, kalau tengok cara percakapan dan tingkah laku yang pada pandangan saya tidak menyenangkan hati saya, saya tolak mereka terus. Mereka mesti ada sifat rendah diri dan jangan berlagak terlalu pandai atau menunjuk-nunjuk. Macam le kita rakyat biasa ni bodoh sangat dan terkebil-kebil mata melihat berkilau-kilauan badan mereka.

In other words Tun just be simple and lead a simple life. That's how to win the rakyat's heart, at least my heart. Don't get me wrong Tun. I'm not the least jealous of their wealth. It's just that they are always a show-off and feel high and mighty. Never really sincerely committed to their promises and always gives false hopes.

I know Tun because I've experienced it.

Tun, the new sheriff/police of USA has opened his precious mouth and I'm not too pleased with what he said. He said he will always support Israel's right to defend itself. Never trust any of these presidents of USA. They are all the same..SLAVES TO ISRAEL AND WILL ALWAYS BOW TO IT FOR BETTER OR WORST UNTIL DEATH DO THEM PART.

Any changes will only bring benefits to Israel and the US and her allies, very little to the Muslim world, I bet on that.

Take care Tun and May Allah Look Upon You Always.

By johanmh Author Profile Page on January 24, 2009 12:46 PM

Salam Tun,

Meluat is soft to describe the goons that are leading umno, esp the low-liners yb's and ketua bahagian, pemuda etc. Damn right arrogant, securing projects outright without knowing nothing technically and gaining quick commission by tendering out to 3rd/4th parties. Most will be overnight millionaires, buying exclusive bungalows, s-classes and cayennes. Leave the mass rakyat with their grouses, who cares, at the end of the day, for some, they got their undeserved pensions. What a dynamic procurement system Malaysia has..

Wishing Tun a long and healthy life so u can expose more of the mismanagement and all the missess done. TQ

By kamal ahmad Author Profile Page on January 24, 2009 12:48 PM

Salam kasih dan hormat Ayahanda Tun. The ECM Libra saga gets highlighted by the blessings of the horses themselves as a buffer against others from a further excursion far deeper into other "silent fiasco's". The ECM Libra was an aborted deal and it was cooked up in such a way that at the end of the day, it had appeared to be - that one of our favorite horse had actually incurred a 0.06cent of loss on paper. So it makes for a good PR whitewashing. ECM Libra was at first conceived out of greed, but was sent to "rest" as a PR whitewash. These are examples at the works of spin-doctors. So ECM Libra is a punching bag, to act as diversion and bumper. The M.V Agusta brief melee was a futile exercise at

finishing you off early Tun. That had failed miserably both on paper and on their faces as the public could easily have multi access to endless info's on the free www of that issue. That very particular stunt of theirs has by now blown up on their own red faces. A stunt that had cost tax payers Ringgit Malaysia Empat-Ratus-Sembilan-Puluh-Sembilan-Juta-Sembilan-Ratus-Sembilan-Puluh-Sembilan-Ribu-Sembilan-Puluh-Enam-dan-Sen-00-Sahaja.

By Tuah DerhakaAuthor Profile Page on January 24, 2009 12:48 PM

Salam Tun yg disyangi,

1) Entah apa lagi bala yg akan menimpa umat Melayu, UMNO dan Islam di Malaysia ni. Kepimpinan yg terpesong dr perjuangan pasti akan diganti dengan kepimpinan yg lain malangnya belum tentu yg baru itu baik seperti mana tumbangny kerajaan Iraq dulu kepada Mongolia yg lebih kejam.

2) Sbg ahli Pemuda UMNO, walaupun baru sepuluh thn menjadi ahli tidak pernah sekali pun saya merasa sgt malu dan terhina menjadi ahli UMNO disebabkan kerakusan pemimpin-pemimpinnya.

3) Tempoh letak jawatan hampir tiba, tiada apa lagi Abdullah buat imej MR Clean sgt2 tercemar, ?Abdullah pasti dikenang sbg PM yg tidak berbakti apapun kepada Agama, Bangsa dan Tanahair

4) Perubahan wajar dilakukan dr skg, andai kata Najib gagal memimpin dalam masa 6 bulan pertama ini, masih mengekaalkan apa yg dikatakan sbg element2 pemusnah UMNO maka kita patut dgn segera mendesak dia meletak jawatan.

5) Kami tidak rela UMNO berkubur kerana UMNO parti kesayangan kami, yg membantu kami dr zaman berzaman hinggalah ke 2004. Bukan PAS, Bukan ADIL jauh sekali DAP.

6) UMNO tidak bersalah yg salah adalah pemimpin-pemimpinnya yg korup, ahli-ahlinya yg mata duitan dan juga ahli-ahlinya yg takut utk berubah, takut utk melawan dan hanya tunggu dan lihat.

7) Kami tidak akan jadi Tuah utk berbakti membuta tuli, tidak akan jadi jebat utk mengamuk membunuh semuanya, Kami la Tuah dan Kami lah Jebat

Pemuda UMNO Taman Koskam - TUAH DERHAKA

By zaharAuthor Profile Page on January 24, 2009 12:49 PM

orang tamak ingat harta benda boleh bawaq masuk kuboq, bila dah tak ingat nak mati, ini lah jadi nya. semua orang nak kaya, tapi jangan la sampai gadai maruah bangsa, negara dan agama.

By stripeAuthor Profile Page on January 24, 2009 12:49 PM

Askm YAB Tun & Keluarga,

Sungguh mengecewakan.

Pertukaran mampan diperlukan.

By aliAuthor Profile Page on January 24, 2009 12:54 PM

Dear Tun

Kalau macam tu kita sebagai rakyat kena sedia untuk menghadapi new era yang mungkin menyebabkan negara kita hancur.

By Cr. LUKMANAuthor Profile Page on January 24, 2009 12:58 PM

Pemimpin UMNO tidak belajar dari kesilapan

Saya sebenarnya sudah menjangkakan kekalahan BN di Kuala Terengganu kerana beberapa faktor.

Membaca 2 artikel tulisan wartawan Utusan Zulkiflee Bakar sudah cukup menggambarkan apa yang ingin saya nyatakan. Malah dalam banyak keadaan UMNO dan BN tidak bersalah, tetapi yang lebih bersalah

ialah kesombongan pemimpin mereka yang sukar menerima pandangan akar umbi. Saya pernah mengutuskan berpuluh surat kepada para pemimpin UMNO dari peringkat atasan hingga peringkat bawahan mengenai beberapa cadangan bagi membaik pulih UMNO, tetapi untuk makluman pembaca tidak satu pun surat itu dijawab atau diucapkan terima kasih. Namun untuk pengetahuan pembaca sehingga hari hanya seorang sahaja pemimpin yang sentiasa membalas surat saya iaitu Tun Mahathir. Jika dinilai secara halus dan mudah, perkara semudah membalas surat pun tidak dapat dilaksanakan oleh ramai ahli politik UMNO.

Bagi saya kekalahan di Kuala Terengganu adalah amat tragik sekali kerana dengan semua jentera dan pelaburan berjuta ringgit yang ditaburkan tidak disambut oleh pengundi. Justeru amatlah tidak bijak untuk BN memberikan sesuatu sebelum sesuatu kemenangan di perolehi. Mengapa perlu memberikan pelbagai peruntukan sebelum BN menang, yang jelas apabila BN dipermainkan oleh para pengundi khususnya orang Cina sedangkan pelbagai manfaat telah mereka raih. Fokus mereka ialah memastikan orang Melayu berpecah belah agar menguntungkan masa depan politik mereka.

Kekalahan ini juga membuktikan pemimpin dan ahli UMNO tidak mampu memahami asas perjuangan UMNO yang keramat. Malah yang paling ketara dalam UMNO ialah ceteknya ilmu di kalangan ahli mahu pun pemimpin UMNO untuk berhujah dalam mempertahankan UMNO yang saya anggap begitu hebat dan merupakan parti yang berjasa. Tetapi tidak ramai pemimpin mahu mengkaji dan lebih malang tidak mampu berceramah mempertahankan dasar dan kekuatan UMNO. Bagi saya kegagalan ahli politik UMNO ialah mereka hanya mempunyai imej yang dilihat hebat tetapi tidak mampu mempengaruhi dengan hujah dan pidato yang baik. Satu keperluan penting yang perlu diukur oleh pemimpin UMNO ialah keperluan mempengaruhi. Ianya hanya boleh dilakukan dengan ucapan dan tulisan yang baik, dan ucapan pula haruslah berisi dan bersemangat bagi membuktikan bahawa UMNO dan BN itu betul dan benar dalam perjuangan khususnya kepada golongan muda. Tetapi amatlah mendukacitakan apabila mendengar ucapan pemimpin UMNO yang layu dan lesu serta tidak langsung membangkitkan semangat. Sebab itu jika dilihat modal parti pembangkang dalam kebanyakan kawasan adalah hanya ceramah terbuka sahaja. Mereka berpidato dengan lantang dan hebat mengkritik dasar kerajaan dan menuduh secara sembarangan untuk mempengaruhi pendengar, dan akhirnya mereka amat berjaya hingga parti PAS melebarkan sayapnya ke Johor. Dengan bermodalkan pemimpin mereka yang petah berhujah dan berdusta serta bersulam permainan emosi agar terus membenci kerajaan BN dan UMNO mereka mengaut kemenangan dengan kos yang amat rendah malah boleh pula mengutip derma jihad kononnya.

Di Kuala Terengganu pentas ceramah digunakan secara agresif oleh PAS dan parti pembangkang sebaliknya UMNO dan BN hanya bertemu pengundi dan kurang menghentam parti pembangkang secara berani. Sebagai bekas penyokong pembangkang suatu ketika dahulu. Malah saya sering menghadiri ceramah terbuka parti pembangkang dan akhirnya tertarik dengan 'isu dan segala tuduhan' yang dilemparkan. Saya yakin ramai lagi anak-anak muda dan masyarakat Melayu yang gemar menghadiri majlis ceramah parti pembangkang yang berbaur hasutan dan mudah terpengaruh.

Sudah tiba masanya UMNO mengaplikasikan kaedah ceramah terbuka di cawangan-cawangan dan kampung-kampung untuk membetulkan keadaan ini. Iktulah cara pembangkang yang sentiasa 'membakar perasaan rakyat bila-bila masa' bagi keuntungan politik mereka yang berniat jahat dan dan melemahkan kepimpinan bangsa mereka. UMNO harus bertindak sekarang dan melatih kader-kader penceramah yang boleh mempetahankan UMNO sebagai wadah perjuangan suci bangsa Melayu untuk kepentingan agama Islam berbanding PAS dan PKR. Parti UMNO telah membuktikannya dan pimpinan UMNO harus berani memberikan penjelasan terus kepada akar umbi dan penyokong pembangkang juga. UMNO mesti mengambil inisiatif melalui Ketua Cawangan dan Ketua Bahagian mengatur gerak ceramah di kawasan masing-masing.

Saya menulis atas pengalaman sebagai penceramah yang pernah menyokong pembangkang suatu ketika dahulu dan dapat melihat perbezaan dan kelebihan yang UMNO miliki untuk mengekalkan sokongan rakyat. Namun usaha ini tidak dilakukan secara bersungguh-sungguh oleh Pemimpin UMNO Pusat, Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri dan Ketua Bahagian. Janganlah UMNO terlupa bahawa kekuatan UMNO datang dari akar umbi dan asasnya adalah di kampung-kampung. Usahlah berlagak sombong dan elit lagi dengan apa yang sudah dilihat di depan mata jika tidak mahu tumbang dalam PRU ke 13. Malah saya telah pun menawarkan diri membantu secara sukarela dengan mengutus surat

kepada ramai pemimpin untuk melihat sejauh mana kesedaran mereka. Ramai penceramah dan hulubalang UMNO mampu bertindak sekarang, malah pemimpin yang kalah dalam pilihanraya lalu boleh berceramah membantu tetapi pemimpin UMNO tidak melihatnya sebagai cara terbaik. Adakah kita akan terus memberikan peluang kepada pembangkang terus bermaharajalela di segenap pelusuk negara dengan dakyah mereka. Malah dengan 2 pengalaman menghadapi pilihanraya kecil pemimpin UMNO sewajarnya berubah dan melaksanakan segala tindakan yang dicadangkan. Jika tidak maka saya pasti boleh menjangkakan bahawa PRU 13 akan menyebabkan UMNO yang berjasa ini tersungkur gara-gara pemimpin dan ahlinya yang memang bercadang untuk tidak mahu berubah. Jadilah seperti Si Luncai yang terjun dengan labu-labunya

MANJBP

012 5642186

By azizkadirAuthor Profile Page on January 24, 2009 12:58 PM

Salam Tun,

kita semua harap Tun sihat dan bergembira memang Tun sudah banyak kali masuk hospital dan tak pergi ke perhimpunan agong Umno tahunan pun. Katakata dan cerita Tun semua diatas memang ada asas dan juga betul semua, Tun sebagai bekas PM dan juga bekas pemimpin/President Umno, semua tindaklaku Paklah dan juga pemimpin Umno mesti ditahu semua oleh Tun Dr M. Dengan ini, kita percaya semua cerita Tun di atas, mesti ada asas, dan bukti yang penuh. Kita terima kasih, kenyataan yang buka dan transparan ini.

1) Bagaimana pun, kita juga percaya, Paklah memang yang ikut tindak laku Tun, dan juga mengikut banyak legacy dan corak langkah laku Tun, lagi pun, Tun sekarang faham, begitu kuat kuasanya sebagai pemimpin dan president Umno, sehingga Tun pun tidak boleh buat apa apa untuk mempengaruhi kedudukan President Umno kini Paklah. Ini memang legacy yang tertinggal oleh Tun Dr M kan ?

2) Paklah juga memberi peluang, untuk royal commission, dan bukti bukti Tun memang ada cuba mempengaruhi judiciary, ini memang satu satu masaalah integrity, apa kata Tun ? kalau, Tun sanggup membuat

judiciary manipulation, apa kah yang Tun Dr M tak akan buat ?

ini rakyat jelata memang kecewa, ini seriousAllah tahu Tun tahu, Tun akan bawa legacy ini ke kubur juga satu hari nanti.

3) Kita semua rakyat Malaysia, syukur, Kita sebagai rakyat jelata lah ni, memang faham , yang Umno sekarang telah terlalu tamak, rasuah terlalu serious, ini sudah jadi tradisi, kebudayaan Umno, culture, tabiat, yang cari jalan pendek, short cut, memang pandai, tak payah kerja, dapan contract, tak paya kerja dapat AP, tak payah buat apa apa, jadi joint venture Ali baba, dapat duit, dapan contract jual contract, ini memang kebudayaan Umno, ini satu satu short cut yang cepat kaya, orang putih cakap, continue to do the same thing over and over and over again, and expecting different result is "gila" memang kalau Umno, saya sebagai rakyat malaysia, minta Tun lagi masih ada masa, cuba, balik kepada Umno, dan mula sekali lagi come back jadi ketua Umno sekali lagi. Memang ada banyak orang mahu Tun balik buat kerja sebgai PM.

4) kalau Tun tak mahu come back, cuba Tun jadi satu blogger yang kritik dan jujur, open, buka, dan buat jamin, make sure semua Umno leader akan jadi bagus, tak rasuah, memang tak senang, tapi, kita faham, Tun saja boleh ada kuasa dan pengaruh, pengalaman untuk, patikan Umno dan pemimpin nya akan reform, dan jadi reformasi.

kalau tidak, mestilah, Umno akan jadi ?????

5) Tun, atau pun, sokongkan paklah, dan jadikan advisor kepada nya advisor di tingkat 4 semua di pecat, dan kamu dan kawan kamu boleh jadi advisor supaya kita malaysia menang, kita tak ada masa untuk cuba cuba lagi ???

Salam, sihat sihat belaka.

By yzAuthor Profile Page on January 24, 2009 1:01 PM

Air yang tenang jangan disangka tiada buaya

membuat keputusan yang tepat adalah lebih baik dari pengabdian bertahun-tahun lamanya,

By Cr. LUKMANAuthor Profile Page on January 24, 2009 1:04 PM

TUN MAHATHIR KERAMAT HIDUP

Oleh : Lukman Moidin

Artikel ini telah ditulis selepas PRU 12, Ketika itu telah dicadangkan agar Tun Mahathir dilantik sebagai Penasihat Agung UMNO, Sayangnya pemimpin UMNO masih buta hati dan tidak mahu mengakui siapa Tun Mahathir yang saya anggap sebagai 'Keramat Hidup'

Sebahagian besar dan majoriti rakyat Malaysia membesar dan melihat era kepimpinan Dr Mahathir. Legasi pemerintahannya menyumbang kesan yang bukan sedikit kepada era pemodenan dan pentadbiran negara dan tamadun bangsa yang bukan calang-calang. Beliau dilihat begitu gigih dalam segala perancangan dan tindakan menjayakan bangsa Melayu dan Negara Malaysia dengan cemerlang. Namun setelah perletakkan jawatan beliau sebagai Perdana Menteri, kelihatan seperti beliau cuba untuk di bekukan dan dipadamkan dari perbualan rakyat Malaysia. Umum tahu, apabila tampok pemerintahan berubah, maka sudah semestinya Pak Lah harus diberikan keutamaan dan perlu dilihat jauh lebih hebat dari Tun Mahathir. Dalam keadaan ini, tindakan Pak Lah dan perancang utama yang berada di sekeliling beliau dilihat cuba untuk memadamkan sejarah cemerlang 22 tahun pemerintahan Dr Mahathir. Namun bukan semudah itu untuk membunuh kecemerlangan pemimpin ulung ini yang kalau pun tidak diiktiraf oleh segelintir kecil rakyat Malaysia yang masih berfikiran primitif tetapi seluruh dunia mengangkat ketokohan beliau sehingga hari ini. Pemikiran dan tindakan beliau amat sukar dibaca hingga kesan segala ucapannya sering mengemparkan rakyat dan ahli UMNO yang semakin hilang arah. Malah tindakan beliau juga memberikan impak yang begitu besar kepada PRU 12. Keluarnya beliau dari UMNO turut memberikan tempas yang bukan sedikit kepada UMNO hingga kesannya turut terpalit dalam pilihanraya di Permatang Pauh. Namun tindakan ini tidak lama apabila beliau menyatakan hasrat untuk bersama UMNO semula.

Kembalinya yang berbahagia Tun Dr Mahathir ke pangkuan UMNO merupakan perkhabaran gembira yang di nanti oleh ramai pejuang dan pendokong UMNO. Keluarnya Tun Mahathir dari UMNO tidak mendatangkan keuntungan malah memberikan impak yang amat besar kepada UMNO dan kerajaan. Kembalinya beliau untuk bersama UMNO dan Barisan Nasional harus mendapat penerimaan dan keterbukaan khususnya mengenai segala luahan dan pandangan yang perlu sentiasa diberikan perhatian oleh pemimpin UMNO dan Barisan Nasional.

Kita tidak dapat menyalahkan Tun Mahathir yang mengumumkan keluar dari UMNO tidak berapa lama dahulu. kerana kecewa terhadap Pak Lah. Sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO, Pak Lah seharusnya melihat kembalinya Tun Mahathir ini sebagai cabaran dan tanggungjawab untuk memulihkan keadaan khususnya dalam UMNO dan Barisan Nasional. Semestinya Pak Lah telah memikirkan situasi untuk pemulihan UMNO dan Barisan Nasional sebagaimana yang telah dilaksanakan oleh Tun Mahathir suatu ketika dahulu. Malah jika keinginan Dr Mahathir untuk memaksa Pak Lah berundur kerana pandangannya yang jauh terhadap kepentingan negara dan bangsa, Pak Lah harus menilai perkara ini dari sudut positif dan rela berkorban untuk bangsa, agama dan negara. Kita tahu bukan mudah untuk Pak Lah melepaskan jawatan seperti mana Dr Mahathir meluahkan hasrat meletakkan jawatan statu ketika dahulu hingggakan seluruh negara tersentak dan terkedu. Bezanya hari ini ialah apabila kebanyakan ahli UMNO sendiri menginginkan Pak Lah melepaskan jawatan tanpa perlu menunggu tempoh 2010 demi survival UMNO dan Barisan Nasional. Dahulu, tempoh perletakan jawatan Dr Mahathir ditangisi bezanya sekarang, tempoh pengunduran Pak Lah dinanti-nanti.

Sebagai bekas Perdana Menteri dan Presiden UMNO, Tun Mahathir seharusnya diberikan tempat sejak dahulu lagi untuk menyampaikan pandangan bagi membantu UMNO dan Barisan Nasional. Ramai pimpinan UMNO tidak dapat menilai dari mata hati akan kata-kata Tun Mahathir yang dianggap seolah-olah mencampuri urusan kerajaan dan UMNO selepas persaraannya. Jauh di sudut hati kita berasa amat kesal apabila terdapat usaha meminggirkan Tun Mahathir selepas meninggalkan tampok pemerintahannya selama 22 tahun. Beliau tidak lagi dilihat penting dan berharga oleh UMNO dan Barisan Nasional dalam banyak keadaan dan keputusan. Cadangan dan pandangannya tidak pernah diambil peduli oleh pimpinan kerajaan hingga ada yang sanggup mencemuhkannya. Beliau terlalu dilukai selepas

melepaskan jawatan. Bagi saya Tun Mahathir bukan sebarang orang dan pandangannya selalunya lahir dari keikhlasan dan sayangkan bangsanya.

Amat menyedihkan apabila negarawan terbilang yang pernah berkorban ikhlas untuk agama, bangsa dan negaranya dianggap pengacau selepas era pemerintahnya berakhir suatu ketika dahulu. Tsunami politik pada 9 Mac 2008 amat berbeza dengan ombak kecil pada 1999 selepas pemecatan Dato Seri Anwar. Dr Mahathir masih berdiri kukuh walaupun selepas peristiwa September 1998 beliau antara pemimpin yang paling hebat menerima kecaman, hinaan, dan kata nista yang tidak terbayang akan dilemparkan oleh parti pembangkang mahupun ahli UMNO sendiri. Malah jauh dari itu solat hajat juga diadakan untuk tujuan buruk oleh sebahagian besar penyokong parti pembangkang. Menimbau peristiwa lama, penulis sendiri merupakan penyokong fanatik pembangkang yang 'tertutup mata hati' ketika itu hinggan merasakan kehilangan apabila Tun Mahathir mengumumkan pengundurannya pada tahun 2002. Tetapi dalam situasi yang tenang dan damai dalam era pemerintah Pak Lah, kemenangan parti pembangkang dan nasib malang yang menimpa UMNO dan Barisan Nasional tanpa diduga oleh sesiapa pun termasuklah parti pembangkang sendiri adalah sesuatu yang tidak dapat dibaca dan dijangka. Apa yang terjadi terhadap Barisan Nasional dilihat sebagai satu pengajaran dan setidak-tidaknya merenung kembali sikap dan layanan yang dilakukan terhadap Tun Mahathir sebelum ini telah memberikan kesan. Penghormatan dan jasanya yang tidak dihargai ketika beliau tiada jawatan sedangkan pengorbanannya jauh lebih besar dari yang kita fikirkan. Malah memetik kata-kata seorang ahli politik legasi Tun Mahathir, beliau antara seorang dari begitu ramai pemimpin yang dilahirkan dalam 100 tahun untuk melonjakkan tamadun sesuatu bangsa. Sesungguhnya jika benar kata-kata keramat itu maka Tun Mahathir adalah pemimpin yang seharusnya diletakkan dalam penghormatan negara selepas perletakan jawatannya. Semoga hari ini pimpinan UMNO dan Barisan Nasional dapat menginsafi peristiwa ini menoleh semula kebelakang untuk menghargai sumbangan beliau.

Sanjungan untuk Tun Mahathir tidak pernah luntur dari kebanyakan rakyat Malaysia dan hampir diseluruh dunia khususnya dunia Islam. Adakah kita sedar dalam 22 tahun pemerintahnya berapa ramai rakyat Malaysia mendapat pekerjaan dan mampu menyara keluarga dan mengeluarkan zakat?.

Janganlah kita lupa begitu ramai rakyat negara jiran juga datang mendapatkan sesuap nasi dan rezeki yang melimpah ruah untuk membantu keluarga mereka di negara asal. Lupakah kita bagaimana beliau sebagai pemimpin kita ketika itu mampu mempertahankan maruah umat Islam dari serangan Yahudi dan Nasrani pada ketika bangsa Arab membisu dan tidak berani mengangkat muka?. Sedikitkah jasa Tun Mahathir apabila berjuta umat Islam yang tertindas, miskin dan memerlukan bantuan seperti di Bosnia, Somalia, Afganistán, Sudan, dan lain-lain negara Islam mendapat simpati dan pertolongan segera dalam pelbagai bentuk bantuan seperti ketenteraan, pembangunan, derma, pendidikan dan pelbagai sokongan lain semasa era pemerintahnya?. Jika dunia Islam mengakui dan mendoakan kesejahteraan beliau dan Allah Maha Mengetahui isi hati dan keikhlasan hambanya maka sebagai sesama manusia adakah wajar kita menzalimi segala jasa dan pengorbanan Tun Mahathir kepada bangsa, agama dan negara. Malah pengorbanan beliau melangkaui benua dan sempadan yang tidak mampu diharungi oleh pemimpin negara Islam yang lain pada ketika negara mereka kaya raya dan mewah tetapi terbatas dari segi kemampuan untuk membantu negara lain.

Malah pembangkang sendiri telah mengakui kehebatan Tun Mahathir dalam menjalankan tugas sebagai Perdana Menteri selama 22 tahun. Jika banyak pimpinan negara seperti di Singapura meletakkan bekas pemimpin mereka sebagai penasihat demi membina negara bangsa yang telah diasaskan mereka termasuk parti pembangkang seperti PAS dan DAP juga meletakkan bekas presiden atau pemimpin utama mereka sebagai penasihat parti untuk meneruskan kesinambungan sokongan dan khidmat nasihat untuk memperkukuhkan sokongan. Persoalannya, mengapa UMNO dan Barisan Nasional tidak boleh meniru situasi yang boleh memberikan kebaikan kepada agama, bangsa dan negara ini?. Masih butakah kita untuk menilai segala sumbangan jariah dan pemikirannya yang menyebabkan bangsa dan agama kita kembali diikitraf setelah sekian lama dijajah. Ingatlah bahawa bangsa Melayu adalah antara bangsa terakhir menerima ajaran Islam, tetapi di atas sumbangan dan pemerintahan beliau orang Melayu menjadi bangsa yang boleh membantu seluruh umat Islam.

Tun Mahathir bagi saya adalah 'Keramat Hidup' yang berbisa kata-katanya, selalu betul dalam segala tindakannya, terlalu mendalam pandangannya dan jarang dari kita membaca gerak hatinya. Pengalaman panjang sebagai seorang negarawan yang ikhlas jiwanya tidak seharusnya diketepikan. Malanglah bagi UMNO jika Parti Keramat ini meminggirkannya dalam pelbagai perkara. Dengan Keramat UMNO dan keikhlasan Tun Mahathir pasti kita dapat memulihkan UMNO yang berjasa ini. Pandangan Tun Mahathir bukan sekadar ucapan biasa kerana setiap lontaran ucapannya mengandungi azimat yang beliau

nampak dari firasatnya sebagai bekas pemimpin ulung bangsa Melayu. Fikirkan sejenak duhai pimpinan dan ahli UMNO, beliau bukan calang-calang orang kerana Tun Mahathir ialah seorang pemikir, penulis, pengkaji, pénélaah, tidak tamak kuasa, memiliki daya intuitif yang sangat tinggi, tidak mudah percaya dan menerima segala maklumat dengan membuat kajian, tidak mudah berjanji tetapi jika berjanji akan ditepati. Beliau sangat menghormati masa, tiada kepentingan diri apatah lagi kroni, tidak khianat kepada sesiapa kerana keikhlasan sepenuhnya dicurahkan kepada UMNO yang amat disayanginya. Malanglah bagi kita jika membiarkan Tun Mahathir berada di luar gelanggang. Beliau sewajarnya dihormati kerana pengalaman dan pandangannya yang tidak menjangkau pemikiran kita. Rugilah untuk UMNO jika masih gagal menilai kehebatannya dan ketokohnya untuk memperkasakan UMNO kembali. Saya pernah mencadangkan kepada pimpinan negara selepas PRU 12 dan sekali lagi mahu mencadangkan agar Tun Mahathir dilantik sebagai PENASIHAT AGUNG UMNO dan Penasihat Negara sementara hayatnya masih ada kerana kebangkitan UMNO dan Hidupnya UMNO dan kehebatan negara Malaysia adalah pengorbanan beliau yang perlu diakui dengan tulus ikhlas dari kita sebagai pendokong Parti Keramat ini.
Lukman B. Moidin
Tel : 012 5642186

BUDIMU MAHATHIR

Terima kasih Tunku Abdul Rahman
BAPA KEMERDEKAAN
Terima kasih Tun Abdul Razak
BAPA PEMBANGUNAN
Terima kasih Tun Hussein Onn
BAPA PERPADUAN
Al Fatihah.. Semoga roh mereka aman.

Jika hari ini ...MALAYSIA BERJAYA
Jika hari ini....MALAYSIA TERNAMA
Jika hari ini...KITA BERBANGGA
Dan jika hari ini...MEGAHNYA MENJADI WARGANEGARA
Jika hari ini....TANAH AIR INI DIPANDANG MULIA
PERKASA BICARA
Jika hari ini...KEMAKMURAN TERASA
Sejarah keunggulan bermula ...
Darimu.....MAHATHIR MOHAMAD

Kau arkitek Malaysia moden
Mewarnai wajah indah Malaysia
Melakar panorama memukau Putrajaya
Membentuk bangsamu merentas benua
Menghampar laluan membuka dunia
Memagar kekuatan membina nusa
Memacak tiang seri di persada maya
Menobat mahkota negara ke puncak mercunya

Budimu...tiada terbalas dengan kata-kata
Jasamu.. tiada ungkapan secantik bahasa
Kegigihan hidupmu menabur bakti
Allah S.W.T. jua membalasnya

Bangsamu berbangga, kerana kau milik kami
BAPA KEMERDEKAAN PEMIKIRAN
BAPA PEMBANGUNAN BERWAWASAN
BAPA PERPADUAN BERILTIZAM

Baktimu tetap subur menyinar

Sebagai permata bernilai negara
Jasamu harum semerbak
Sebagai negarawan berwibawa
Namamu terpahat ..Cemerlang, Gemilang dan Terbilang
Dalam sejarah peradaban dunia

NUKILAN :

LUKMAN B. MOIDIN

By roketbulanAuthor Profile Page on January 24, 2009 1:05 PM

Salam Tun,

Selain akibat Pak Lah, Kuala Terengganu tewas kerana UMNO Terengganu dalam kacau-bilau.
Siapakah yang memulakan kacau-bilau?

By maramieaAuthor Profile Page on January 24, 2009 1:12 PM

Salam, Buat Yg Bhg Tun, ayahanda Malaysia,

erm.. kekalahan BN di KT telah pun saya jangkakan sebab yang saya fikir juga sama iaitu pemberian royalti minyak.. erm bagi pendapat peribadi saya ayahanda, tindakan seperti itu kita boleh nampak rakyat fikir kenapa dulu tak bagi, bila ada pilihan raya baru nak bagi, ini menjadikan rakyat berfikir kerajaan jahat, sengaja nak simpan duit, dan menimbulkan syak kerajaan persekutuan yang menyalahgunakan wang rakyat..

saya pun sedih dengan kekalahan BN terutama UMNO, walaupun saya bukan ahli UMNO ye ayahanda, saya dapat rasakan kerajaan pimpinan Ayahanda lebih kuat dan lebih bertanggungjawab. Ini tak bermakna saya tidak menyokong Datuk Seri Abdullah, saya masih menghormati dan percaya dengan kesungguhan beliau tetapi.. seperti yang ayahanda katakan dalam para 17, banyak yang mengampu sampai YAB PM tersilap langkah.. memang susah untuk memuaskan semua orang.

setakat ini sahaja ayahanda, semoga terus dikurniakan kesejahteraan kesihatan oleh Allah untuk ayahanda dan isteri tercinta..

Salam

By wan sg petaniAuthor Profile Page on January 24, 2009 1:13 PM

salam tun

saya sependapat dengan tun berkenaan dengan kelemahan dan kegagalan umno sekarang.ramai orang melayu sanggup berpaling dari umno kini bukan kerana bencikan umno tetapi bencikan pendokong-pendokong umno yang terlalu banyak ber"retorik" dan hipokrit.

pemimpin selalu bercakap tentang peranan umno memperjuangkan nasib orang melayu tetapi hakikatnya orang melayu mana yang nasib mereka diperjuangkan. yang kaya, yang senang, yang berjaya semuanya mempunyai kaitan dengan politik umno.

walaupun ramai yang menyatakan bahawa peluang-peluang pendidikan, perniagaan dan sebagainya adalah terbuka luas kepada orang melayu tetapi hakikatnya semuanya perlu usaha sendiri. mana ada sekolah percuma? berniaga? modalnya perlu berhutang bank malah lebih teruk lagi apabila perlu berhutang dengan along.

orang melayu selepas 50tahun merdeka masih menjadi penjaja kecil, peniaga pasar malam. apakah itu namanya perjuangan memertabatkan bangsa seperti yang dibangga-banggakan? fikir-fikirkan lah wahai pemimpin-pemimpin umno....

jadi tidak hairan bilamana golongan muda yang berpendidikan tinggi telah berpaling daripada perjuangan

umno yang pada mereka lebih kepada perjuangan mengisi tembolok sendiri. dengan menggunakan kekuatan 3juta orang melayu sebagai ahli umno dan atas nama kepentingan bangsa maka projek-projek dan sebagainya diagih-agihkan kepada kaum kerabat sendiri. orang melayu lain semakin layu....

tun

hari ini ramai pemimpin dan orang perantaraan mereka berkeliaran di kuala lumpur untuk mencari "wang zakat" untuk dibawa pulang ke bahagian masing-masing dan hari ini pula ramai pemimpin-pemimpin dan bakal-bakal pemimpin mula membayar zakat harta mereka kepada "fakir-fakir" miskin. manakala projek-projek pun mula diagihkan kepada kepada kontraktor-kontraktor "bumiputera" yang "berkelayakkan". semuanya berkebetulan berlaku pada masa ini ataupun penangguhan perhimpunan agong dari bulan disember ke mac ini ada kaitannya...? wallah huallam...

seperti yang tun kata mereka-mereka yang ada kuasa menyogok ahli-ahli dan ahli-ahli yang telah disogok akan memilih pemimpin tersebut. maka kita akan hanya melihat kehancuran sebenar umno pada pru13 nanti...

negeri-negeri yang telah terlepas ke tangan "pr" tidak akan mampu untuk dirampas semula dengan pemimpin yang hanya pandai menaburkan wang. tidak semua rakyat boleh menerima rasuah melainkan sebahagian ahli umno yang begitu kemaruk dengan wang ringgit.

umno perlu kembali kepada perjuangan asal bagi menarik balik sokongan umat melayu kepadanya jika tidak, umno akan menjadi sejarah untuk tatapan anak cucu kita di masa hadapan...

By fareezyusoffAuthor Profile Page on January 24, 2009 1:29 PM

a) Sanggup meletak wilayah negara sendiri dibawah kuasa Singapura apabila mendakwa pembangunan dalam wilayah Malaysia perlu dapat persetujuan Kerajaan Singapura.

Setuju! Paklah tak pikir ke?

By makan ayamAuthor Profile Page on January 24, 2009 1:31 PM

memang da tak boleh pakai....

agaknya umno memang tak mahu ambil kira pasal rakyat lagi..
kenape orang gomen sume camni...

da memang nak kiamat...

By joe ptg pauhAuthor Profile Page on January 24, 2009 1:31 PM

Cuma nak bagitau dekat pemimpin UMNO tak kira dari peringkat tertinggi sampai la yang dok kat bawah, kalau hangpa tak berubah jugak, dok gila jawatan, dok gila duit, dok bekelahi sesama hampa, jangan harap orang ramai nak bagi undi dekat hampa lagi lepaih ni. orang dah mula naik meluat tengok perangai hangpa semua.

Jangan sampai apa yang hangpa cakap, hangpa buat, orang akan anggap hangpa ni tak boleh pakai sampai kesudah.

Nasihat ni mai dari rakyat marhaein biasa yang sayangkan perjuangan para pemimpin UMNO yang ikhlas yang semakin pupus ditelan masa...

Ayuh bangkitlah Bangsaku...jangan lah leka dengan hiburan semata-mata...lihatlah apa yang berlaku disekeliling, di mana kita berada sekarang...

By waliwalekokAuthor Profile Page on January 24, 2009 1:39 PM

Salam Tun,

Mari kita eja dan sebut betul betul macam kita mengaji muqaddam. baca secara tertil.

Bak kata org kampung saya, kalau orang tak kacau, kita buat bodo. Bila orang kacau kita praaaaaaqqq!!
By CheDetFCAuthor Profile Page on January 24, 2009 1:48 PM

"Sayangkan anak - tangan-tangankan". Rujuk Filem Anak ku Sazali (P Ramle).

Kenapa orang UMNO susah sangat nak faham situasi parti mereka sendiri pada ketika ini yang sedang menuju kehancuran.

Kenapa orang UMNO masih leka nak 'menunggangi' UMNO untuk kepentingan pribadi mereka seolah-olah mereka tidak sedar bahawa UMNO yang sedang mereka 'tunggangi' sejak lebih 50 tahun itu sedang sakit tenat dan mungkin akan rebah terus?.

Apakah masih ada masa depan bagi UMNO untuk terus menabur bakti dan menjadi sandaran kepada usaha memartabatkan agama, bangsa dan tanahair kepada bangsa Melayu ?
By Harimau1900Author Profile Page on January 24, 2009 1:54 PM

Dear YAB Tun,
Your comments...

18. Apabila dikecam pemimpin UMNO pohon maaf dan tunduk kepada pengecam. Sebaliknya jika orang UMNO mengecam parti lain, mereka digantung.

Dear Tun,
Please correct me if il'm wrong here...Your posting above actually "Kecam Pemimpin UMNO"...
Since you yourself have agreed that UMNO full of wrong doings than what's wrong when other races do the same and ask for justice?

One thing you said here is very true that comes to PRU13 UMNO will no longer will be there to rule this country!!!
Again as you yourself have said that UMNO full of corrrpted leaders and we the Rakyat will no longer tolerate this anymore.
We will definitely see the "CHANGE" in PRU13...
The Rakyat had enough with BN and it is time to give someone else to run this country.

Thank you.
By REZALAuthor Profile Page on January 24, 2009 2:04 PM

Dear Tun...

Tun menjadi PM pada tahun kelahiran saya...
Kita juga lahir dalam negeri yang sama...
Pada Usia saya sebelum tamat pengajian... Tun adalah Inspirasi saya..Begitu juga dengan DSI..
Memang benar UMNO kini telah menyimpang jauh...
Bagi saya, seorang rakyat biasa... amat kecewa dengan apa yang telah berlaku pada peristiwa pemecatan DSI....
Bolehkah Tun luangkan masa untuk memberi penjelasan ataupun pengakuan ikhlas terhadap apa yang telah berlaku pada peristiwa itu...
Saya akui Tun adalah antara pejuang Melayu terhebat...
Tentang PRK KT... kita telah sama2 lihat bahawa minda rakyat kian beranjak....
Sekian...
Salam Tak'zim...

REZAL

By HanafiahAuthor Profile Page on January 24, 2009 2:09 PM

Assalamualaikum yg di hormati Tun

Apa2pun saya berdoa supaya Malaysia terus aman dan damai.Kembali kepada zaman kegemilangan ekonomi dan pemimpin yang bersih,cekap dan amanah. Sudah lama tidak di sebut Wawasan 2020..apakah masih relevan dalam konteks pemerintahan yang ada.Pemimpin yang berkuasa rakus dgn wang-ringgit rakyat. Kerosakan moral di kalangan pemuda-pemudi makin menjadi-jadi.Saban hari kita di sajikan dgn berita ngeri jenayah hingga ada di kalangan umat Islam yang sanggup meletupkan Manusia kerana wang ringgit. Apa sudah jadi? Adakah kita ingin menunggu nasib rakyat Malaysia seperti apa yang terjadi di Timur Tengah.

Kerajaan Singapura hanya menunggu masa untuk meleburkan rakyat Malaysia. Singapore is the "Israel" of the South East Asia.

One day they will attack Malaysia and the Malays will join the Malay of Singapore to be the exclusive "Hamba Abdi"

So to Malay of Malaysian...please wake up..UMNO/PAS has to find ways working together.Choose the right Prime Minister and I do not agree the choice of Malaysian Prime Minister to be decided by the UMNO delegates...Rakyat harus di beri peluang untuk memilih PM dan supaya pisang tidak berbuah dua kali..

By chedeenAuthor Profile Page on January 24, 2009 2:12 PM

Askm Tun & fellow readers

I totally agree with you Tun, UMNO was way better when you were spearheading it. Now it's so messed up, and like you said, all of them are for themselves. They neither have the sincerity nor the will to actually help the Malays and the "Rakyat" as a whole. They are in the state of denial, they're blind with their greed, they're ignorant, arrogant and selfish.

They alienated you, condemn you and never listen to your advice even though you are the longest serving PM in Malaysia. Obviously you know more then they do, you've been through the world of politics far longer then the moronic Pak Lah and his corrupted, useless goons put together. But they wouldn't listen. People accused you of being corrupt and wasted the Government's money. But like the saying "Allah s.w.t itu Maha Adil lagi Maha mengetahui".

It can clearly be seen in which period does the Rakyat was more prosperous, it was during your rule Tun. What ever projects/policies that you came up with were for the good of the nation and the people, it's just whether people would realize it or not. Whether they will able to understand your visions and ideals.

I used to consider joining UMNO even before you resign as the PM and president of UMNO/BN. Then Pak Lah step in and I waited to see first what is he capable of. I'm still considering till this day, hoping that one day a capable leader will take over and hopefully I'll be able to contribute something to the people and nation.

I've always admired your work. What you did for the country and the people. Your visions and ideas are ahead of the time. You're able to anticipate what will happen in the future. I pray to Allah may he blessed you and your family with good health and good fortune.

Good Day ^^

By 1OnlookerAuthor Profile Page on January 24, 2009 2:18 PM

"25. Biarlah kekalahan UMNO di Kuala Terengganu menjadi pengajaran pada UMNO. Janji-janji memberi wang untuk pembangunan tidak lagi berkesan kepada pengundi umum. Sesungguhnya rakyat termasuk orang Melayu meluat melihat sikap ahli dan pemimpin UMNO." (Tun Dr. Mahathir)

Ayat-ayat di atas memanglah pendapat Tun yang amat tepat dan betul. Pengundi umum bukan tidak suka menerima janji-janji memberi wang untuk pembangunan daripda Umno. Pengundi umum sekarang

berasa kecewa kerana sudah banyak kali tertipu oleh ahli-ahli politikus daripada Umno. Janji memang selalunya manis tetapi janji tak betul walaupun sekali sahaja akan menyebabkan orang ramai kehilangan keyakinan terhadap parti Umno.

Rakyat betul-betul sudah meluat dengan perangai penyamun UMNO! Sebelum hari mengundi boleh janji apa-apa pun. Selepas hari mengundi kebanyakan YB Umno sudah tak sempat datang kampung lagi. Sampai bila janji barulah boleh ditunaikan oleh YB Umno?
By JunoAuthor Profile Page on January 24, 2009 2:23 PM

Assalamualaikum Tun,

Syabas dan tahniah Tun kerana mendedahkan keadaan yang sebenar atas kedudukan UMNO sekarang. Sememangnya semua ini sangat menyedihkan kita. Kami sangat2 berharap agar Tun dapat bertindak untuk menyelamatkan ini semua. Sudah pasti DSNR pun sedar apa yang sedang berlaku, dan kami mendoakan supaya DSNR betul2 mempusakai pemikiran dan cita2 Allahyarham bapa beliau.

Mungkin ketika Tun membuat pilihan PM untuk pengganti Tun dulu, the so Mr. Clean was really clean. Nak salahkan Tun sepenuhnya pun tak bolih juga, At that piont of time due to circustances that was the best choise, mungkin the only choise. When "Black Moses" dan "American Abraham" jadi DPM, Tun dapat memperolih bukti2 yang nyata kerana dengan terang2 mereka menunjukkan belang mereka. Yang siPolan ini takde bukti langsung, bersih dan takde titik hitam pun. Cuma tersingkir dari UMNO sekejap saja itu pun pasal jadi pak turut aje. Beberapa tahun kemudian Tun "kutip" dia balik dan ajak sama2 mentadbir negara. Ingatkan kalau kurang cekap dan kurang bijak sekali pun, kalau bolih di bentuk, diajar dan mahu dengar ajar, kira2 okaylah. Rupa2nya dah lah kurang ajar, tak makan di ajar pula tu. Dah itu lawan towkey pulak, betul2 Tun melepaskan Annu..... tersepit.

Tak faham, faham, kalau rakyat dak tak suka baiklah tarik diri. Tak bermalu dan bermaruah langsung. Nak salahkan dia sangat pun tak juge, pasal dia asyik dengar kata nasihat tunjuk ajar mereka dari tingkat 4 dan kroni2nya. Dulu pun tersingkir dari UMNO pasal jadi 'pak turut' sekarang rakyat menyampah pun pasal jadi "pak turut" juga. He does'nt seem to learn. Rakyat kata macam2, sumpah, maki dan segala yang tak baik dilakukan semuanya tak berkesan sebab kunci2 dan semua kroni nasihatkan supaya buat2 bodoh aje. Memang betul2 bodoh.

Sama2lah kita berdoa supaya kejadian di K. Terengganu jadi pengajaran yang besar pada ahli2 politik Melayu.

By kamal ahmadAuthor Profile Page on January 24, 2009 2:29 PM

Salam Ayahanda Tun. Damai Abadi means "Happily Ever After". It was written in Jalan Kapas Bangsar at a time when YAB Pak Lah was another man and in another simpler world. At that time perhaps Damai Abadi symbolize acceptance, peace and happiness in all that one have and in all the little things in life that some have taken for granted. But in the hands of Khairy and his wagon, Damai Abadi became something else. Far away from what it had stood for and meant to be then.
Rest is Damai Abadi. Amin Al Fatihah.

By zafrulAuthor Profile Page on January 24, 2009 2:38 PM

assalamualaikum, yang amat di sayangi tun,

hari semakin suntuk...

saya tidak berapa kisah siapa perdana menteri ke6 tanahair kita.najib atau anwar.

yang saya teramat kisah ialah siapa timbalan perdana menterinya.

dan terlampau kisah siapa perdana menteri ke7,8,9,10...

jom kita congak berapa kerusi ber"bin" dan ber"s/o" di parlimen.

macam-macam boleh jadi.

By Bukit UhudAuthor Profile Page on January 24, 2009 2:49 PM

Oleh kerana terlalu bergantung kepada tingkat empat, Pak Lah akhirnya akan dikenang sebagaimana tingkat empat mana-mana hospital swasta di Pulau Pinang.
Di Pulau Pinang, hospital swasta yang bertingkat lebih dari tiga tidak menamakan tingkat empat mereka sebagai tingkat empat. Mereka menamakannya sebagai 3B atau 5A atau tingkat Deluxe.
Mereka tidak mahu pelanggan-pelanggan yang beriman dengan Feng Shui tahu adanya tingkat empat disini kerana tingkat empat itu membawa sial. Pak Lah akan tinggal dalam kenangan rakyat Malaysia sebagaimana tingkat empat hospital swasta. Semua tahu dia Perdana Menteri, tapi semua malu mahu menyebutnya sebagai Perdana Menteri mereka. Tiada siapa mengetahui apa kebaikan yang telah dia lakukan selain menghancurkan perpaduan negara dan menghancurkan kuasa pemerintah ditangan pribumi. Menunggu Mac merupakan satu seksaan kepada mana-mana manusia yang berfikiran waras.
By asuhasutaAuthor Profile Page on January 24, 2009 2:50 PM

A'kum Y.A.Bhg. Tun,

Saya nak komen sedikit Tun. Natijahnya ialah dalam kumpulan yang majoriti ahlinya adalah perasuah (sentiasa mengidamkan duit sama ada masa jaganya dan masa tidurnya - tak peduli tentang cara mendapatnya) maka akurlah bahawa ketua nya tentulah juga mempunyai ciri yang sama. Ini adalah dilemma, dan saya fikir kadang-kadang orang akan berkata, orang yang suka beri wang kepada orang lain ini adalah orang yang pemurah, manakala orang yang tak suka beri wang kepada orang lain adalah kedekut (tangkai jering). Pemurah adalah sifat yang terpuji sebaliknya perasuah adalah dicela. Saya sekadar memberi pendapat..entahlah.

Ini adalah soal yang berlaku, khabarnya semasa pemilihan bahagian baru lalu dan mungkin juga Mac nanti.

Orang akan berkata..kalu si A jadi ketua, aku dapat wang, kalu si B jadi ketua aku pun dia tak kenal, tak peduli, tentu lah aku akan pilih si A, bukan si B. Kalu aku sokong si B dan dia menang, kalau nanti aku cari dia pun untuk minta tolong, dia akan cakap tak kenal aku, dan kalu aku kata aku telah sokong dia pun, dia akan kata mana dia tau, dia tak pernah minta aku sokong dia...dilemma juga Tun.

Mana lebih penting.. bangsa ku untuk 100/200 tahun lagi..atau untuk pelihara anak isteriku dalam masa 20/30 tahun lagi ni..dilemma. Dalam kebanyakan masa..orang akan berbuat sesuatu untuk keperluan yang segera dan ternampak jelas untungnya.. Macam juga soal syurga dan neraka (dosa dan pahala) ramai orang Islam tidak berapa kisah sangat bila sembahyang tidak cukup lima waktu, berjudi, rasuah, zina dll..kerana balasan itu tidak immediate (keseronokannya kerana buat dosa dapat rasa segera). Itulah dilemmanya Tun.

Saya bagi contoh..kalu ketua bahagian di kampung saya yang menang tu rasuah (kerana dia bagi saya duit dan juga sikit banyak projek yang dengan itu buat saya dapat bernafas - lepas lah makan minum, anak sekolah dan boleh lah pakai kereta, isi minyak kereta..apakah dia akan melakukan kehancuran kepada kampung saya..atau negeri saya..atau bangsa saya..atau agama saya? Kalu yang seorang lagi menang ketua bahagian, dia tidak memberi wang kepada saya, di ketahui dia kedekut(mungkin kerana tiada wang kerana bukan perasuah - macam mana nak bagi wang...orang ada cakap..pernah minta projek dengan dia,tapi dia kata tak boleh bagi, nanti orang cakap rasuah). Apakah orang sebegini akan bina bangsa Melayu menjadi kuat..tentu lah tidak dan lebih jauh dari itu...peluang untuk bina bangsa melalui parti pun sudah hancur berkecai dari awal-awal lagi(ditewaskan semasa pemilihan).

Kita ketahui bentuk-bentuk rasuah juga berbagai-bagai dan melibatkan jumlah kewangan yang berbeza nilainya. Saya fikir sukar untuk ditolak lah Tun. Projek-projek sedikit sebanyak diberi kepada ketua bahagian dsbnya untuk supaya bolehlah digunakan untuk bina parti dari segi aktiviti dan pengurusan parti di tempat itu. Soalnya bukan semuanya masuk tabung parti..sedikit saja..yang banyak lagi tu pergi ke bos..di situlah rasuah bermula..agaknye. Apakah dengan kerana itu, ada keperluan untuk miskinakan UMNO Bahagian..saya fikir tidak kot..Wassalam.

By zaki_77Author Profile Page on January 24, 2009 2:59 PM

Rightly or wrongly, I have no doubt that there is a very high chance that BN will lose the next GE if they continue in the current 'head-in-the-sand' behaviour and selfish personal agendas.

By KSAH '80Author Profile Page on January 24, 2009 3:02 PM

Salam pada Tun yang saya amat hormati.

Memang kesilapan besar memilih AAB sebagai pengganti Tun tetapi ketika itu dia dikenali sebagai "Mr.Clean", tiada sesiapa pun yang menyangka bahawa AAB jadi begini hari ini. Bukan salah Tun memilih AAB. Beliau telah menang besar masa Pilihan raya Ke-11 bukan kerana beliau "Clean" (ketika itu) tetapi peralihan kuasa dari tangan Tun. Itu sahaja sebabnya.

Tetapi, mengapa dia kalah teruk masa PR Ke-12? Itu pun dia tak nampak lagi. Memang banyak kesilapan dia... dosa dia, tuhan saja yang tahu...

Saya akui, ahli2 UMNO hari ini cuma pentingkan diri sendiri dan yang paling utama sekali untuk mendapatkan peluang perniagaan. Saya sendiri pernah cuba rapat dengan ahli2 UMNO, malah juga menteri. Kenapa saya berbuat begini? Ya, saya juga inginkan peluang perniagaan. Tetapi saya kesal dengan cara begini. Ini bukan caranya untuk berniaga. Perkara sebegini sudah menjadi satu adat perniagaan di Malaysia. Masuklah tender kerajaan sampai 100 kali pun, walaupun harga tender saya yang terendah, kualiti yang terbaik, tapi jangan harap nak dapat satu Project pun, kalau kita tak kenal orang, tak kenal ahli UMNO dan tak kenal Menteri.

Saya rasa, ramai ahli perniagaan tak kira bangsa yang setuju dengan pengakuan saya ini tetapi apa kah pilihan kami? Jawapannya, tiada pilihan. Selagi adanya Pemimpin yang mengalakkan rasuah dan salah guna kuasa, selagi itu perniaga macam saya ini tidak ada peluang berniaga. Cuma Kroni kroni mereka sahaja yang akan mendapat peluang.

Masalah ini bukan sahaja berlaku untuk projek projek kerajaan tetapi juga berlaku disektor Swasta. Ketua ketua jabatan yang mempunyai kuasa untuk membuat keputusan sering kali meluluskan sekian projek untuk kroni kroninya. Sebut sahaja jawatan "Procurement Manager" semua orang dapat agak, yang beliau sudah mendapat habuannya...

Kini, saya tidak berniaga lagi kerana tidak mahu terlibat dengan rasuah. Biarlah gaji saya kecil, janji halal dan tidak berdosa.

By JJJAuthor Profile Page on January 24, 2009 3:04 PM

salam Tun,

to Solcroft,

Wahh...you big Singapore lover,you!Actually you also sound like a few opposition leaders here.

Now Singapore is going through their worst economic crisis.Do you know a popular saying there that it's better to die in Singapore if you are not rich.The medical bills alone will be enough to give you a heart attack!

Even sending your children to school there will cost you an arm and a leg.

Count your blessings if you are a Malaysian.You can still go to government clinic or hospital and pay RM1.

Don't bullshit too much Solcroft.Count your blessings that you were able to live and prosper in Malaysia.Show some love and gratitude to this land of milk and honey!

Jeng3

By penaltyAuthor Profile Page on January 24, 2009 3:25 PM

Ayahanda Tun,

Saya sekadar ingin bertanya pendapat Tun, adakah wajar Bangsa Melayu mempunyai parti baru bagi mengekalkan perjuangan Bangsa Melayu seperti yang dilakukan dan diperjuangkan pemimpin UMNO

awal dahulu?

Dapatkan Tun memimpin parti ini agar perjuangan Bangsa Melayu tidak terkubur sebelum terlewat. Bangsa Melayu perlu dipimpin kembali oleh Tun dan orang-orang seperti Tun, bukan yang tunduk dalam keadaan tertekan seperti pemimpin kini.

Ayahanda Tun, selamatkan bangsa Melayu sekali lagi agar tidak dipijak-pijak oleh bangsa lain. Kami masih sayangkan Bangsa, Agama dan Tanah Air kami.

Amar Ma'aruf, Nahi Munkar.

Raja adil Raja disembah, Raja Zalim, Raja disanggah...

By kamal ahmad Author Profile Page on January 24, 2009 3:33 PM

Salam kasih dan hormat Ayahanda Tun.

We can only wait and see what UMNO would become by March this year. Whether UMNO may have another chance at life or whether UMNO would sink deeper into its kind of living now. I believe that after March 2009, the rakyat will either return in flock or what's left- would leave everything in drove. By April we would have a rough make up of how UMNO may stand in PRU13. By that time UMNO would either be a full house again or a sad lonely cockroach motel by the freeway. Leaving it just with regular occupants of long distance truckers and easy-get diseased filled prostitutes found in nearby towns. It would be kaput time, bye-bye time and adios for all of them. But life goes on somehow or some ways for the Malays. UMNO and Abdullah, Khairy and Najib would be in history books, relegated to collecting dust in state libraries and cheap book shops. PWTC would be auctioned off sooner or later. Best made into a hotel I reckon. A budget multi storey hotel. It's near public transport hubs and stations and shopping districts. It would be joined together with the KL Pan Pac (or maybe not) or (Maybe Kit Siang wants to turn Pan Pac into a casino?). Or turn it into one of those super budget tube hotels like in downtown Tokyo? But not in these climates. Electric bill for the air-conds would be a killer. In any case, the location is incredibly strategic, just work on the rates and it's a gold mine. Tony Fernandez, don't you spit my way yet! I may do hotels here like what you did planes! By May I submit my paperworks...

By Nasha Bin Edwin Author Profile Page on January 24, 2009 4:00 PM

SEMEMANGNYA PUNCA SEBENAR UMNO(BN) KALAH IALAH KERANA NAJIB...NAMUN TUN TETAP MENAFIKANNYA KERANA NAJIB ADALAH PROKSI TUN. DENGAN APA CARA SEKALIPUN TUN AKAN TETAP MENYOKONG NAJIB DAN DENGAN APA CARA SEKALIPUN AKAN MENGUTUK PAKLAH DAN KONCO2NYA...SELAGI NAJIB BERKUASA SELAGI ITULAH UMNO AKAN TERUS KECUNDANG...

SELAIN ITU NAMA UMNO ITU TELAH MEMBERI TRAUMA KEPADA RAKYAT MALAYSIA....SELAGI BN DIKUASAI PARTI DENGAN NAMA UMNO SELAGI ITULAH BN(UMNO) AKAN KECUNDANG... DAH TIBA MASANYA UMNO MENGUNDUR DIRI LAGIPUN SUDAH TERLALU LAMA BERKHIDMAT UNTUK KRONI...SEPERTI KATA MUSA HITAM DAH SAKIT TUA...

RAKYAT MALAYSIA TERUTAMA YANG MUDA SUDAH BOSAN DENGAN UMNO(BN)...MEREKA INGINKAN PARTI BARU YANG MEMBERI KESELESAAN HIDUP , KESELAMATAN DAN KEMAJUAN KEPADA RAKYAT DAN NEGARA. PARTI BARU ITU PASTI AKAN DATANG JUA NANTI...KITA TUNGGU DAN LIHAT..

By ana sudagar minyak atar lah Author Profile Page on January 24, 2009 4:11 PM

Asalam'Alaikum semua, ya habibi ya maulana, ini senarai terbaru minyak atar kami. Murah dan harum, sekali cium gerenti ada sondol punya.

<http://malaysia-todays.blogspot.com/2008/07/oil-for-food-scandal-revisited.html>

By JJJ Author Profile Page on January 24, 2009 4:37 PM

salam Tun,

to brother Kamal Ahmad,

we share the same views.

Wassallam

Jeng3

By rba72Author Profile Page on January 24, 2009 4:47 PM

Salam,

Saya tak fikir kekalahan BN di KT tempohari adalah salah Najib. Dan jga kekalahan BN di PRU12 dulu pun bukannya kerana Najib tapi kerana dasar Pak Lah. Semua ini kerana dasar Pak Lah sebagai PM yg ikut cakap anak dan menantu serta kroni.

Saya akui jika Najib berjaya menjadi PM nanti, BN dan khasnya UMNO akan dapat sokongan semula. Hanya mereka yg sinonim dgn puak pembangkang sahaja yg cuba nak salahkan Najib dan tak mau Najib naik. Jika Najib naik, maka peluang pembangkang akan hancur kerana dasar Najib adalah mirip dasar Tun Mahathir.

Kemajuan negara, kestabilan politik dan ekonomi akan digembleng oleh dasar Najib. Kemajuan mirip Tun Mahathir akan diteruskan dan ini memberi keadaan selesa kepada rakyat. Maka, rakyat akan kembali sokong UMNO dan BN. Inilah yg ditakuti oleh PR terutamanya Anwar.

Jadi, selagi Pak Lah ada sebagai PM, maka PR akan mendapat sokongan. Masalahnya ialah Pak Lah. Keluar sahaja Pak Lah, akan menyelamatkan UMNO.

By RamanadiAuthor Profile Page on January 24, 2009 5:47 PM

DAH TERANG LAGIKAN BERSULOH....

By wanapitAuthor Profile Page on January 24, 2009 5:50 PM

A'kum Y.A.Bhg. Tun,

Kelemahan2 UMNO pada pandangan saya,

1. Tak secuit pon bercerita pasal Agama Islam, sedangkan bangsa Melayu ni beragama Islam, apatah lagi di Terengganu. Tradisinya masih tebal berbanding di Johor hingga Wilayah Persekutuan. Jadi mereka (UMNO) tak lagi menarik minat.

2. Kepimpinan negara No 1 sudah diketahui tanpa susah payah nak buat pemilihan. Malah PM selepas Najib juga dah kami ketahui. Jadi rakyat beranggapan, yang naik menjawat jawatan adalah tertinggi adalah atas lantikan/warisan, bukan usaha dan karisma individu dan BUKAN atas SOKONGAN rakyat akar umbi. Pemilihan pemimpin No 1 sepatutnya dipertandingkan sehabis-habisan agar kita mendapat yang berkualiti.

By threesixtynineAuthor Profile Page on January 24, 2009 5:51 PM

salam che det

1. dh lama juga sy x sumbang idea atau publish comment dlm blog che det ni.

2. sy pun x tahu sama ada che det perasaan kehadiran nick saya, yang pasti saya ada membaca cuma tak semua isu saya mampu memberikan maklumbalas as im not as genius as others who knows just what to say & what to respond to any articles brought up by you.

3. saya fikir ramai yang tertanya-tanya apa yang akan berlaku mac ini, khususnya rakyat yang semakin risau dengan senario politik yang memeningkan kepala & kadang kala mencuit sensitiviti orang melayu atas sesuatu perkara yang timbul dalam sehari, sepanjang minggu etc.

4. pada pemerhatian saya, apa sahaja keburukan yang berlaku bermula perlepasan jawatan presiden

UMNO kepada penggantinya akan memberikan imej negatif kepada pengganti itu sehinggalah Mac 2009, sekiranya peralihan kuasa itu benar-benar berlaku.

5. sebagai contoh pilihanraya kecil yang baru sahaja berlalu itu sememangnya memberikan tamparan yang hebat kepada presiden UMNO, bukan perdana menteri Malaysia. walaupun umum mengetahui insan yang bertanding itu kroni kepada siapa.

6. presiden UMNO ada lebih kurang 2 bulan untuk mengambil alih tampuk pemerintahan negara, itu pun sekiranya benar ia akan berlaku. ada kata jangankan 4 bulan, seminggu sahaja cukup untuk memastikan ianya tidak berlaku. hanya Allah s.w.t sahaja yang maha mengetahui.

7. saya pernah doakan kemusnahan terhadap kerajaan Islam di Malaysia yang mengamalkan rasuah, perkara-perkara haram & menindas rakyat. Berhati-hatilah kerana doa rakyat yang tertindas itu makbul di sisi Ar-Rahman.

8. slogan UMNO 'berjuang untuk Melayu' perlu ditukar kepada 'berjuang untuk Islam'. slogan UMNO itu telah lama basi, & boleh dikira sebagai mendukung idealisma kuffar yang berjuang atas kulit bukan agama.

9. pemikiran lalai perlu ditukar kepada pemikiran berasaskan Al Quran & sunnah, berperingkat & menyeluruh agar pemimpin-pemimpin tidak lagi rakus terhadap dunia yang menjurus kepada korupsi & penyalahgunaan kuasa yang semakin menyedihkan.

10. patuh kepada agama Allah s.w.t boleh menjamin syurga. patuh pada nafsu menjurus pada Neraka. tinggalkan agama dunia akan runtuh bersama isi-isinya.

By AMBAJAuthor Profile Page on January 24, 2009 5:57 PM

Asalamualaikum Tun.

1) Pada zaman dahulu kalau Raja atau Sultan zalim patut dinyah dari negeri tersebut dengan cara membunuh atau menghapus raja dan keturunannya.

2) Sejarah memperlihatkan kita kemarahan Hang Jebat, kederhakaan Laksamana Bentan. Apabila rakyat berdepan dengan pemerintahan yang tidak adil mereka akan mengamuk.

3) Disebahagian negara-negara luar mereka akan merampas kuasa. Membunuh pemerintah dan menguling kerajaan. Malaysia mengamal demokrasi.

4) Cerita yang Tun nyatakan sudah menjadi lali kepada ahli-ahli UMNO terutama Pak Lah dan kuncu-kuncunya. Pada UMNO, biarlah depa nak bising. Yang mustahak tempolok aku. Kalau ketua boleh buat kenapa tidak aku? UMNO sekarang boleh disamakan dengan Israel dan Amerika. Mana tidak, Israel dan Amerika dah tak kisah dengan bantahan dunia. Pada mereka tunjuk perasaan dan bakar bendera dah menjadi perkara biasa.

5) Perdana Menteri Israel dan Presiden Amerika semuanya mempunyai kulit muka yang tebal. Begitu juga PM Malaysia dan pemimpin UMNO sekarang.

6) Kalau rakyat bising mereka akan mengatakan ini demokrasi, rakyat sudah memberi mandat dan memilih mereka.

7) Pada pendapat saya rakyat perlu bangkit dan hapuskan mereka-mereka ini. Nampak zalim kalau saya katakan 'bunuh' sahaja. It takes cruelty to uphold justice.

Fikirkan.....

By richyrossAuthor Profile Page on January 24, 2009 6:00 PM

Salam Tun,

Lepas jual Augusta, Proton pula dia nak bungkuskan

Lepas KLIA, ada Labu {Peram}.

Lepas LTDC ada Monsoon C pulak

Nampaknya, apa yang nak jadi, dia TAK jadikan.

Apa yang dah ada, dia ROSAKKAN

Tun buat ada makna, dia buat, habiskan beras..

Entah apa pulak dia nak rosakkan dalam 2-3 bulan ni lagi... (Dari pengamatan 2 sen saya)

By AdliayobAuthor Profile Page on January 24, 2009 6:09 PM

Ybhg. Tun,

Saya dah siarkan dahulu tentang keputusannya di blog Tun ini pada jam 4.43ptg sebelum pengumuman di buat (pada artikel Labu Airport) dan ternyata ia benar.

Dan selepas ini pilihanraya kecil PENSIANGAN, Sabah pula akan menyusul. Tetapi saya positif pula tentang kemenangan BN di Pensiangan nanti. Tak tahulah kenapa, tapi 'money-magic will works' di Pensiangan nanti. Sekurang-kurangnya itulah kata-kata seorang warga UMNO Sabah yang saya temui minggu lepas (semasa itu berlaku pemilihan semula (undi) Ketua Pemuda UMNO di Parlimen Semporna ekoran pemilihan sebelum itu di tolak oleh Lembaga Disiplin UMNO pusat sebab... ya.. tak perlulah saya teruskan).

Ybhg. Tun,

Semasa saya remaja, saya lihat orang lain masuk ke politik 'untuk tunjukkan semangat patriotik'. Tapi sekarang ini bila saya tanya mengapa mereka masuk UMNO dan rata-rata menjawab: masuk UMNO sebab 'ada banyak projek', 'lawan sampai jadi ketua - jadi boleh pegang peruntukan' dan 'kalau tak masuk politik, tak oleh jadi kaya'.

Kalau macam inilah 'pejuang-pejuang' bangsa yang kita harapkan, maka tak mustahil sekali lagi di PENSIANGAN dan SARAWAK akan tumpas di tangan pembangkang.

Dan seperti biasa, media kerajaan terus memainkan peranan 'berat-sebelah' mereka. Diaorang ni tak pernah dengar perkataan 'Reverse-Psychology' ke Tun?

<http://adliayob.wordpress.com>

By kokdin1Author Profile Page on January 24, 2009 6:13 PM

>>>>>>>>>>Dear Tun,

1. Saya chukup setuju dengan pandangan Tun.
2. Saya doakan semoga Allah memberi ptunjuk kpd perwakilan pada perhimpunan Mac ini.
3. Kepada perwakilan kalau anda sayang kan UMNO pilih lah pemimpin yg bolih diprcyai. Bukan yg pandai berbodek. Pilih yg berkaliber besar, bukan yg takut menjadi Jebat..
4. Undian anda akan menentukan hudup matinya UMNO. Kalau UMNO sudah berkubur apa ertinya RM200, Rm300 yg anda disogokkan. Pilihlah pemimpin saperti org2 UMNO yg terdahulu, mereka memilih pemimpin yg berkaliber, yg bolih dipercyai, yg berjuang utk bangsa ugama dan negara.. bukan projek.think what you can do for UMNO not what UMNO can do for you.....
5. DS Najib memerlukan timbalan yg berkaliber besar, bijak berfikir, jujur, berjuang untuk kepentingan

sahaja.

Apalah guna nya kemudahan prasarana yang setaraf dunia sekiranya pemimpin UMNO tidak boleh mengeksploitasinya dan gagal menarik pelabur asing.

Apalah guna nya membawa keluar wang rakyat yang bernilai bebillion ringgit sekiranya ianya hanya di kecapi oleh golongan tertentu sahaja.

Percaya lah UMNO agak jatuh, negara akan tergadai dan melayu akan merempat di tanah air sendiri. Semuanya adalah gara gara pemimpin UMNO yang tidak tahu malu, tamak dan berkepentingan.

Pemimpin UMNO tidak perlu mengkritik pemimpin pembangkang serta berlagak menjadi hero dan cuba mengajar pemimpin pembangkang cara mentadbir negeri, kerana rakyat sudah tahu, berlagak ayam berkokok petang, tetapi ekor penuh tahi.

Pemimpin UMNO seharusnya memikirkan bagaimana cara untuk mengekalkan kerusi parlimen yang di miliki sekarang serta mempertahankan negeri negeri yang di bawah kuasa mereka dari jatuh ketangan parti pembangkang.

UMNO perlu perubahan drastik, tetapi malang perubahan yang di mimpikan tidak akan tercapai kerana UMNO dipimpin oleh pemimpin yang penuh dengan rasuah. Pencalonan UMNO juga penuh dengan kempen yang berunsurkan rasuah, dan kemenangan calon calon ini akan menjadi kan UMNO sebuah institusi yang mendokong rasuah.

Sememangnya kita amat kesal dengan sikap Pak Lah yang begitu lemah dalam menangani isu ini, juga lemah didalam mentadbir negara.

Malah saya juga amat kesal dengan sikap YABhg Tun sendiri. Selaku Perdana Menteri dan Presiden UMNO yang lalu, YABhg Tun juga sudah nampak trend serta sikap pemimpin pemimpin serta ahli ahli UMNO yang lebih memusat kepada kepentingan peribadi serta politik wang. Malah YABhg Tun sendiri pernah menitis kan air mata serta membangkit kan isu ini didalam beberapa ucapan YABhg Tun sewaktu Perhimpunan Agung UMNO yang lepas lepas.

Mengapa tidak di beri sekatan kepada mereka mereka ini? Mengapa tidak dipulihkan UMNO sepenuhnya sedang kan masalah ini telah berleluasa sewaktu di zaman YABhg Tun lagi? Mengapa UMNO yang sudah sakit pada waktu itu di berikan kepercayaan kepada Pak Lah yang sebelum nya pernah menentang Tun sendiri.

Pada pendapat saya, perlembagaan UMNO perlu di kaji semula bagi membendung politik wang dan mengelakkan UMNO di miliki oleh pemimpin tertentu.

Sistem kuota perlu di bubarkan dan UMNO perlu bersidang dan memanggil Mesyuarat Agung Luar Biasa bagi membahaskan isu ini.

Pemilihan wakil dari cawangan serta bahagian untuk tujuan pemilihan perlu di mansuhkan dan di ganti dengan sistem undi secara terus dimana semua ahli di peringkat cawangan di boleh kan mengundi.

Dengan yang demikian, politik wang dapat di kurang kan, dan UMNO dapat di bebaskan dari cengkaman dan milik sesetengah individu.

Wasallam.

By azuan ajunidiAuthor Profile Page on January 24, 2009 6:41 PM

ASSALAMUALAIKUM AYAHANDA TUN...

LAMA SAYA CUBA HENDAK MENGHANTAR PANDANGAN SAYA TENTANG APA YANG AYAHANDA USULKAN TAPI GAGAL KERANA MUNGKIN MASIH ADA MASALAH TEKNIKAL.. KINIBARU BERJAYA.

KEKLAHAN KEDUA UMNO DALAM PILIHANRAYA KECIL. MAKA ORANG-ORANG UMNO HARUS MEMIKIR , KENAPA, MENGAPA SOKONGN KE ATAS MEREKA SEMAKIN MENURUN. RASA-RASANYA INI SEMUA KERANA PAKLAH.

INILAH YANG DI KATAKAN, ORANG LAIN YANG BUAT HAL, ORANG LAIN YANG AKAN DAPAT SUSAH.

FIKIR-FIKIRLAH ORANG-ORANG UMNO,

JANGAN MAKAN TERLALU KENYANG

WASSALAM...

By que'Author Profile Page on January 24, 2009 7:00 PM

Salam Ayahanda Tun,

- Sebenarnya dah lama saya dan yang lain tertunggu-tunggu tulisan dan ulasan Tun di dalam PRK Kuala Terengganu.

- Saya amat bersetuju dengan apa yang Tun coretkan di sini, saya amat sayangkan UMNO tapi meluat dengan pemimpin sekarang (bukan semua) terutama pemimpin yang telah kena pancung pada zaman Tun dahulu.

- Orang-orang macam ni yang Pak Lah nak untuk bekerja dengan dia, kalau orang yang dah kena buang tu maknanya tak boleh pakai la.

- Pemimpin sekarang cuma di mulut tetapi lain di hati, yang penting pada mereka berapa \$\$\$\$-RMRMRM yang boleh mereka, anak menantu, saudara dan croni dapat. Mereka ni cuma pandai mencari kesalahan para pemimpin Pakatan Rakyat di 5 negeri sekarang tapi dalam masa yang sama mereka lupa yang mereka juga membuat kesalahan yang sama -contohnya Khir Toyo.....bodoh betul la. Tu semua publicity murah la Toyol....

- Kalau tak dapat lagi membaca petunjuk di PRK KT tempohari, tak mustahil akan hancur UMNO selepas PR13 nanti.

- Kekalahan BN di 5 negeri dalam PR12 dulu adalah selilapan besar yang Pak Lah tinggalkan untuk renungan/kenangan dan akan terpahat di dalam sejarah negara kita. Ini lah satu-satunya legacy yang boleh/mampu beliau tinggalkan.

- Saya & kami semua tak tahu samada akan mendapat seorang pemimpin seperti Tun pada masa akan datang. Walaupun banyak yang menghentam Tun semasa memimpin dulu tapi on the whole Tun lah yang membuka banyak mata/ idea/ fikiran rakyat jelata terhadap dunia.

- Doa saya semoga Dato Mukriz dapat memenangi pemilihan bulan Mac nanti. Pada Dato Mukriz, dengar dan belajarlah dari bapa sendiri kerana kerana tak ada guru yang lebih baik dari TUN DR MAHATHIR dalam mentadbir dan menangani masalah negara.

- Salam sayang pada TUN dan Keluarga.

By GOMO-no1Author Profile Page on January 24, 2009 7:30 PM

ASALAM BUAT TUN DAN SELURUH KELUARGA...
SEMOGA SIHAT HENDAKNYA!!!

SAYA BERHARAP APABILA PAK LAH MELEPASKAN JAWATAN SEBAGAI PRESIDEN UMNO BARU
LAH TUN KEMBALI KE DALAM UMNO!!!

SAYA YAKIN DENGAN KEPIMPINAN NAJIB DAN SEMANGAT YANG TUN AKAN BAWA DALAM
UMNO NANTI AKAN MENJADIKAN UMNO LEBIH DISAYANGI RAKYAT!!!

KITA PERLU HAPUSKAN CALON-CALON YANG KORUP PADA PEMILIHAN NANTI!!!

TUN THE BEST!!!!

By kingcripplerAuthor Profile Page on January 24, 2009 7:34 PM

Dear Tun,

Saya dari Singapura dan saya sungguh sedih melihat UMNO dalam keadaan demikian. Sepatutnya, UMNO harus memperjuangkan bangsa Melayu. Setelah mengutuhkan masyarakat Melayu baru boleh UMNO memajukan negara. Dalam memajukan negara, ia adalah amanah buat UMNO untuk melindungi kaum-kaum lain di Malaysia. Tetapi, lihatlah sekarang apa UMNO telah lakukan dan juga Anwar Ibrahim yang sering memecah-belahkan masyarakat Malaysia dengan menggunakan isu-isu kaum dalam politik. Sungguh menjijikkan. Saya harap Malaysia tidak akan menjadi Singapura 2. Insha-allah tak.

Yang benar,
King Crippler of Temasek

Tun, jangan lupa ya untuk melayari laman web politik saya, forzasingapore.blogspot.com . Harap Tun boleh mencatatkan komen-komen Tun di laman web saya.

Assalamualaikum!

By penarik127Author Profile Page on January 24, 2009 7:38 PM

Salam YAB Tun,

Mac Sudah dekat. Diharap kita akan mendapat kaptain yang boleh membawa Malaysia menangani dunia yang makin mencabar. Kita mahu pemimpin yang cerdas pemikiran. Pemimpin yang yang boleh menggerak Malaysia ke peringkat yang lebih berjaya.

Ya memang betul pengamatan Tun. Ahli UMNO sekarang lebih mementingkan kemenangan pemilihan parti dari kemenangan pilihanraya umum. Jangan hairan apabila perwakilan Mac ini di booo oleh bukan ahli.

Satu komen. Kalau tak salah PAK LAH dalam memberi komen mengenai arahan penutupan Guantamo Bay oleh Obama ada berkata biarlah 2 rakyat Malaysia yang ditahan disana kembali dan menjalani hukuman di negara sendiri. Kalau benar apa yang dia kata, saya rasa Pak Lah sudah melanggar sumpah jawatan yang antaranya mesti memberi perlindungan kepada rakyat Malaysia walau dimana mereka berada. Kedua rakyat Malaysia itu sendiri belum dihukum oleh mana-mana mahkamah. PM Malaysia sendiri pula yang memberi hukuman pula....Semoga apa yang saya dengar di TV itu tidak benar.

wassalam dengan doa agar YAB Tun dan isteri berada dalam keadaan sihat sentiasa.

By kamal ahmadAuthor Profile Page on January 24, 2009 7:57 PM

Salam kasih dan hormat Ayahanda Tun. Please allow me this Tun (TQ).

<http://malaysia-todays.blogspot.com/2008/07/oil-for-food-scandal-revisited.html>

Yes I am that purveyor of fine "parfum" (nephew said kantai)... Brother samuraimelayu, JJJ click on the link upstairs for the latest selection of exquisite perfumery.

By my 2 cents Author Profile Page on January 24, 2009 7:59 PM

Assalamualaikum semua,

All this while sekadar baca Tun's opinion and comments from others.

Kali ni teringin pulak nak register dan sama2 bagi komen.

Saya rasa pemimpin politik kat Malaysia ni keterlaluan berpolitik.

Dah dekat setahun PRU12, tak habis2 politik.

Cuba la sama2 fikir camna nak bangunkan ekonomi.

Dah la sekarang ekonomi dunia teruk.

Abis pilihanraya patutnya dah takde BN vs PR.

Kalau kita rakyat Malaysia tak bangunkan negara sendiri nak harap sape lagi?

Sedih bila baca Zahid Hamidi keluarkan statement larang pegawai kerajaan pusat hadir mesyuarat negeri Perak.

Difinitely too childish.

End up rakyat yang rugi.

In my 2 cents, sudah2 la...

By nookvillage Author Profile Page on January 24, 2009 8:02 PM

Tun,

Whilst I am strongly supporting UMNO because my grand parents were UMNO members, my parents were UMNO members, and I am strong supporter of UMNO, sadly I feel DSN has to be readied himself with two speeches: one as would be PM and the other as an Opposition Leader. UMNO strategically must be readied with withdrawal strategy i.e. To move backward two steps in order to go forward four steps. It is only in the withdrawal position UMNO could do the cleansing of the dirt. Therefore, in light of that I honestly hope that DSN be daring enough to kick some dirt now. TQ

By ahmad muhamad Author Profile Page on January 24, 2009 8:18 PM

Dear TUN

1. BILA DI UMUMKAN CALON UNTUK KT AWAL AWAL DAH TAHU BN AKAN TEWAS.

2. BILA PERHATIKAN PEMIMPIN2 SONSANG UMNO BERKEMPEN DI KT LAGI PASTI AKAN TEWAS.

3. BILA MENANTU PM TURUN DI KT BERKEMPEN DAH SAH LAH BN TEWAS WALAU PUN BELUM PILIHANRAYA LAGI.

KALAU UMNO NAK TELUS BERI HAK MENGUNDI KEPADA SEMUA AHLI PARTI MENGUNDI UNTUK SEMUA JAWATAN TERTINGGI DALAM UMNO. BARU RAMAI YANG MASUK PARTI KERANA MEREKA ADA SUARA DAN HAK UNTUK MEMILIH. PASTI TAKDA KEMPEN DUIT SEBAB KALAU NAK "PAKAI DUIT" KENA BERI SEMUA AHLI PARTI. BARU BERSIH.

DS NAJIB,

BERSIHKAN UMNO DULU, SUDAH2 LAH TAK PAYAH NAK FIKIR APA YANG DAH JADI CUMA JADIKAN PANDUAN UNTUK PENGALAMAN ANDA. START FROM NOW PLAN SOMETHING FOR THE NEW UMNO AFTER MARCH 2009. KINDLY ENSURE THE RIGHT CANDIDATES WILL LEAD UMNO.

RAJIN-RAJIN LAH "MEMBACA".

SEJAHTERA BUAT TUN DAN SEMUA.AMIN.

By umpahAuthor Profile Page on January 24, 2009 8:26 PM

Salam Tun, Walaupun banyak masalah dan rakyat dah meluat dengan pemimpin sekarang. nampak gaya daripada respon kebanyakan pembaca mereka masih sayangkan UMNO dan BN. Saya pun berpendirian demikian. Tindakan baikpulih dan nyahkuman perlu dibuat segera secara proaktif untuk menyelamatkan keadaan. Saya tak sanggup melihat maruah bangsa dan agama dipermainkan dan diperlekeh oleh pemimpin hari ini. Anjing dan babi menjadi mainan. Apa yang Tun sebut memang jelas pada mata ramai. Tolonglah Tun. Saya tak nampak siapa yang lain yang boleh membetulkan keadaan. Pemimpin hari ini tak kira daripada pihak mana pun sama saja. Penting diri dan gelojoh harta. Masa PAS perintah dulu pun cerita yang sama. PR dan PKR hari ini lagi teruk. Saya pelik mengapa yang berpendidikan tinggi boleh terpengaruh. Saya pelik sungguh.

By zabidimohamedAuthor Profile Page on January 24, 2009 9:13 PM

UMNO sekarang hanya tinggal terkorak.

By umpahAuthor Profile Page on January 24, 2009 9:14 PM

Salam Tun, Walaupun banyak masalah dan rakyat dah meluat dengan pemimpin sekarang. nampak gaya daripada respon, kebanyakan pembaca mereka masih sayangkan UMNO dan BN. Saya pun berpendirian demikian. Tindakan baikpulih dan nyahkuman perlu dibuat segera secara proaktif untuk menyelamatkan keadaan. Saya tak sanggup melihat maruah bangsa dan agama dipermainkan dan diperlekeh oleh pemimpin hari ini. Anjing dan babi menjadi mainan. Apa yang Tun sebut memang jelas pada mata ramai. Tolonglah Tun. Saya tak nampak siapa yang lain yang boleh membetulkan keadaan. Pemimpin hari ini tak kira daripada pihak mana pun sama saja. Penting diri dan gelojoh harta. Masa PAS perintah dulu pun cerita yang sama. PR dan PKR hari ini lagi teruk. Saya pelik mengapa yang berpendidikan tinggi boleh terpengaruh. Saya pelik sungguh.

By emma49Author Profile Page on January 24, 2009 9:28 PM

SALAM TUN..

saya rase the best alternative ialah buat party baru... party PERKASA ganti UMNO yang corrupt tue.... saya rase parti PKR pon baru setahun-jagung.. nak tadbir kerajaan pon tade experience lagie...

PERKASA should be registered as a party bukan NGO... Insya-Allah.. kami orang2 melayu sure sokong!!!

Yes, We Can - PERKASA

regards

emma

By emma49Author Profile Page on January 24, 2009 9:29 PM

SALAM TUN..

saya rase the best alternative ialah buat party baru... party PERKASA ganti UMNO yang corrupt tue.... saya rase parti PKR pon baru setahun-jagung.. nak tadbir kerajaan pon tade experience lagie...

PERKASA should be registered as a party bukan NGO... Insya-Allah.. kami orang2 melayu sure sokong!!!

Yes, We Can - PERKASA

regards

emma

By AnakFeldaAuthor Profile Page on January 24, 2009 9:41 PM

Assalamualaikum

Semasa kecil, guru pernah bertanya kpd murid2 kelas siapakah pemimpin yg paling kami sanjungi. Saya kira pada masa tu hampir kesemuanya menjawab Tun Mahathir. Dan saya juga adlh sorang drpd mereka. Memang hakikatnya, Tun tih membawa Malaysia ke arah kemajuan dan pemodenan Malaysia. Tapi apbla sy sedar, Tun hanyalah membawa kemajuan dari sudut fizikal tetapi banyak sangat kelemahan semasa pentadbiran Tun. Saya tak mahu mengutuk Tun disini. Tun pun dh berusia. Tapi saya ingin menyatakan kekecewaan saya terhadap sesetengah perkara yang telah Tun lakukan. Saya lihat drpd penulisan2 Tun seolah2 menggambarkan pd zaman Tun dahulu penyalahgunaan kuasa, rasuah, nepotisme, kronisme seolah2 tak pernah terjadi. Malah saya kira pd zaman Tun lah telah bermulanya bibit kehancuran sistem Malaysia. Kadang2 sy lucu melihat gelagat ahli2 Umno yg mengutuk PakLah. Sy masih igt lg pd thun 2004, slps kemenangan besar BN, PakLah disanjung tinggi hinggakan kritikan2 pedas Tun terhadap beliau dianggap cakap2 org yg nyanyuk, maaf. Saya lihat juga Tun seolah2 x mahu mengaku bhw karisma Anwar Ibrahim yg telah berjaya menggugat Umno ketika ini. Tun sering berkata pengundi terpaksa mengundi Pakatan kerana tiada pilihan lain. Jika pd Mac 2008 dhulu bolehlah kita kata pengundi mahu mengajar BN tetapi sdh 2 kali PRK diadakan dan majoritinya masih lg kpd Pakatan. Ini menunjukkan pengundi bukan mahu mengajar Umno-BN tapi mahu menolak terus. Pengundi2 muda seperti saya mahu pembaharuan. Umno sdh lama, cara pun sdh lama malahan pemikiran pemimpin2 Umno masih lg bercorak perkauman. Saya sebagai Muslim mahu pemimpin yang liberal berpolitik tapi masih konservatif, fundamental dlm agama. Terus terang saya katakan, pengundi2 mahu corak pentadbiran baru. Kami bukan terpaksa mengundi Pakatan tapi kami mahu Pakatan.

anak 'Dasar Pandang ke Timur' Tun

-negara matahari terbit-

By mgpunyaAuthor Profile Page on January 24, 2009 10:04 PM

YABhg Tun,

Dari 1 haribulan hingga 30 haribulan, mereka langsung tidak kenampakan tetapi, tiba 31 haribulan baru nampak muka - muka manusia ini. Ah!...YABhg Tun, jenis - jenis manusia inilah yang menang dalam pemilihan UMNO bahagian kami baru - baru ini. Kebetulan mereka - mereka ini juga punya wang dan punya kaitan dengan orang-orang besar-besar di atas. Yang jenis lompat dari satu parti ke satu parti pun boleh menang juga. Ada yang menang itu pula...injak kaki dalam pejabat bahagian pun mungkin belum pernah!!

Maklumlah.....businessman..!!!

Kami ini, orang - orang lama yang berjuang dari semasa pembangkang lagi, langsung tidak orang tengok, maklumlah tidak punya uwan! Tetapi sekiranya BN/UMNO kalah dalam pilihanraya nanti, orang - orang yang jenis ini lah yang pertama lompat masuk parti yang memerintah itu nanti. Orang - orang seperti ini diperingkat bahagian - bahagian sudah kelihatan " taking over ". Contract - contract mereka mau control...kedudukan dalam parti pun mereka mau control... Infact, everything under the sun mereka mau control..... Maka saya tidak hairan lah dengan ramalan YABhg Tun itu.....

By chedeenAuthor Profile Page on January 24, 2009 10:28 PM

Askm again Tun & fellow readers

After reading almost all the comments posted, some suggested that you, Tun create some sort of platform to help the people and the nation to relay/convey what do we really want for this country. If you are creating one, doesn't matter if it's a new party, ngo and what not, if you are spearheading it, I'll definitely join and support you.

May Allah blessed you, your family, the people and this country where we call HOME.

Good Day ^^

P.s, Raja Petra is the type of person that spread hatred, fabricated facts, showed his shallowness, writes rubbish etc. I even doubt he even bother to do any research. There's nothing constructive in his writings~
By professional malayAuthor Profile Page on January 24, 2009 10:47 PM

Salam Tun,

Saya menyokong pendapat Tun 100%.

Terus terang saya katakan hati saya telah hancur dengan apa yang Pak Lah dan menantu kesayangannya KJ telah buat ke atas keseluruhan UMNO semenjak Pak Lah berkuasa hingga sekarang. Segala-galanya dari parti keramat yang penuh perjuangan penuh maruah dirobek-robek oleh kedua-dua perakus ini hingga saya begitu tawar hati dengan UMNO ini walaupun ianya parti kebanggaan saya dari zaman remaja hingga sekarang. Segala achievement2 semasa zaman tun dihancurkan oleh parasit2 dua ekor ni.....

Saya merasakan kalaulah tun 10 tahun lebih muda dari sekarang dia orang ni dah lama dibuang negeri oleh rakyat malaysia. Tetapi mungkin usia tun kini tidak mengizinkan walaupun saya masih amat bersyukur tun masih mampu memberi kata2 nasihat yang berguna kepada UMNO dan malaysia walaupun dalam usia sebegini.

Kini saya pasrah dan terima.....iaitu jika the only possibility yang UMNO boleh kembali ke zaman kegemilangannya adalah melalui luaran bukan dalaman walaupun ianya seperti "going back to square one".

By ibnisolehAuthor Profile Page on January 24, 2009 11:10 PM

Akum YBhg Tun, Bapa Pemodenan & UMNO tulen...

Izinkan saya memberi ulasan...

Tanggal bulan 3 ini adalah tanggal keramat yang dinanti-nanti. Jika 31 Ogos adalah tarikh kemerdekaan kita daripada penjajahan British, maka tarikh pada bulan 3 ini adalah kemerdekaan daripada kepimpinan yang menyeleweng, salah guna kuasa dan bapa perasuah yang besar. Seharusnya rakyat yang berjiwa bersih menyambut meriah tanggal ini dengan mengibarkan Jalur Gemilang. Apa sumbangan Pak Lah selama 5 tahun? Yang terhasil adalah kemelut UMNO dan BN yang dahsyat. Jika DSN tak ambil tindakan menghapuskan si penyuap dan si disuap bangkai-bangkai ini, maka jangan harap UMNO akan berkuasa lagi. Selamat jalan. Bak kata omputih kiss my a**. Majoriti mahukan, jika DSN jadi Presiden, TPM mestilah TSMY, KP mestilah DM. Selain ini, jika berlaku, maka sah ada aktiviti makan bangkai. Jika ahli UMNO masih sayangkan parti, jangan makan bangkai-bangkai daripada pembangkai-pembangkai yang dimaksudkan. Harap UMNO masih relevan selepas ini. Sayang UMNO kenalah tangan-tangankan. Wassalam.

By nab38Author Profile Page on January 24, 2009 11:13 PM

Assalamualaikum Tun,

Terus terang saya cakap saya dah meluat sangat tengok politik tanah air sekarang, kaum melayu diperkotak katikan sampai isu2 sensitif dulu pun dah tak jadi sensitif...puak UMNO sekarang ni bodo, buta, pekak dan tuli ka Tun, sampai depa sendiri tak nampak kesalahan sendiri, kalau sekali buat silap boleh la kata silap, ni berkali kali, kalau orang biasa pun boleh nampak kesilapan dan kebodohan depa ni. jangan silap Tun, saya penyokong UMNO yang kuat masa zaman Tun, tapi sekarang ...tak payahla, kita bertekak, menjerit macam orang gila, yang dapat untungnya depa, depa bukan nak pikiaq pasal rakyat, pasal anak bangsa, pasal agama, yang depa kalut sapa nak pegang jawatan dan sapa yang nak buat ketul banyak2...wsalam Tun

By isadarusAuthor Profile Page on January 24, 2009 11:18 PM

Malaysia yang Tun bina dgn jerih payah nampaknya akan hancur berderai tinggal kenangan!

Kekuasaan Melayu yang Tun pertahankan akan berpindah tangan!

Kedudukan Orang Melayu akan terancam!.

Ini semua terjadi kerana kebodohan pemimpin Umno sekarang!.

By wIAuthor Profile Page on January 24, 2009 11:19 PM

Tun,

I kind of expected the outcome like you. People can feel the trend. Well only time will tell. As for now all need to work on effective changes for the Rakyat. A lot of over-haul, repair & fine-tuning have to be done before the locomotive can run.

RT

By NETWORKAuthor Profile Page on January 24, 2009 11:22 PM

TUN,

UMNO DAH X RELEVAN COZ DAH RAMAI SANGAT CAKAP TAK SERUPA BIKIN. RAKYAT NO CHOICE. KALAU MARCH NI UMNO X BERUBAH, JAWAPANNYA PRU 13, UMNO AKAN PASTI KECUNDANG. KITA TENGOK KEPUTUSAN DEKAT KT BARU BARU NI. ORANG SEMUA PERASAAN YG CALON TU ADA LAH ORG KJ AND PAK LAH. SO PROTES ORG TERHADAP UMNO. UMNO SENDIRI MELUAT PADA KJ, AWAT MT UMNO SURUH KJ PERGI BERKEMPEN. SURUH LA ORG ORG BARU TLG, BARU RAKYAT ADA KEYAKINAN SIKIT. NI DOK JANJI MCM2 PAS TU APA PN TAK ADE. RAKYAT X BODO DGN GULA GULA UMNO. ORG UMNO YG SUKA MAKAN GULA2 PASAL TU DEPA INGAT RAKYAT PUN MCM DEPA. SAYA ADE LAH AHLI UMNO BAHAGIAN BUKIT BENDERA. SAYA AKAN KELUAR PARTI KALAU X ADE PERUBAHAN DALAM KEPIMPINAN UMNO BULAN MARCH NI. RAMAI LAGI DOK TUNGGU. KALAU BEKAS PRESIDEN UMNO BLH WAT APA TAH LG KAMI AHLI BIASA. BIAR MISKIN KEWANGAN JGN MISKIN MARUAH BILA KITA DI CERCA KERNA UMNO LEMBIK.

By mat khalidAuthor Profile Page on January 24, 2009 11:38 PM

Salam Tun,

UMNO setiap kali kalah pilihanraya buat "soul searching" tapi sekejap je sedar.. lepas tu "back to square one".

UMNO sekarang ibarat kereta enjin lama cuma buat facelift aje. High time kena introduce model baru dengan enjin baru!

By tedehcAuthor Profile Page on January 25, 2009 12:23 AM

Assalamualikum YABhg Tun,

UMNO sekarang teramat memerlukan menjalani proses "REENGINEERING" dan "REBRANDING" bagi mengembalikan semula imej dan kepercayaan terutamanya orang-orang MELAYU dan RAKYAT MALAYSIA amnya.

Saya cadangkan DS Najib yang bakal akan menjadi Presiden UMNO dan PM mengkaji perkara ini sedalam-dalamnya. Beliau perlu melakukan ini jika ingin menyelamatkan UMNO dan perlu lah melakukannya dengan telus, ikhlas serta penuh integrity.

Pak Lah dan konco-konco nya akan menjadi sejarah selepas PAU Mac 2009 ini. YABhg Tun tidak perlu pada pandangan saya menyalahkan diri YABhg kerana memilih Pak Lah sebagai pengganti kerana amatlah mudah seseorang itu berubah bila kuasa berada di dalam gengamannya.

Pak Lah telah menimbulkan berbagai kontroversi, kelemahan, ketidakadilan dan DLL dalam masa pentabiran nya sebagai PM. Pak LAH akan meninggalkan satu CRISIS didalam UMNO selepas Mac 2009 ini.

Didalam CRISIS selalunya akan meluang berbagai OPPURTUNITIES, terpulanglah kepada DS Najib mencari dan menggunakannya demi menyambung PERJUANGAN YANG BELUM SELESAI.....DAN MENGEMBALIKAN UMNO KE PERJUANGANYA YANG ASAL.....DEMI AGAMA, BANGSA DAN NEGARA.

Semoga DS Najib akan berjaya.

By cucu tok janggutAuthor Profile Page on January 25, 2009 12:41 AM

Tun, Trengganu adalah negeri saya, dan saya amat sedih tentang kekalahan BN diKT. Ini adalah petunjuk rakyat Trengganu sudah mengubah angin monsoon pilihanraya umum akan datang. Sebahagian rakyat yang bekerja kuat menyokong BN dulu(Pilihan Raya Umum)sudah merasa amat kecewa dengan perkembangan politik diTrengganu.

Inilah kata orang, jika ORANG BODOH DIBERI KUASA,ROSAK NEGARA. Seorang hakim yang dungu, akan menjatuhkan hukuman yang tidak adil kepada rakyat, dan memilih memanda(pembantu) yang dungu juga.

Tun,generasi yang akan datang perlu mengubah perlembagaan negara supaya setiap pemimpin perlu dipilih oleh rakyat.Pemimpin tidak boleh lagi dilantik secara keturunan atau ahli jawatan kuasa.Terlalu buruk orang bodoh diangkat jadi pemimpin, baik raja atau menteri. Turunkan kuasa kepada rakyat untuk buat pilihan.

Salam untuk Tun berdua

By cicit tok perakAuthor Profile Page on January 25, 2009 1:04 AM

Salam Tun.

Saya merupakan salah seorang penyokong setia UMNO setakat ini. Ramai lagi Orang Melayu yang mengenang jasa masih lagi menjadi penyokong UMNO seperti saya. Peratusannya mungkin sekitar 60% atau kurang.Tapi sayangnya penyokong2 UMNO tidak mempunyai pemimpin ketua (pemimpin) baik di peringkat cawangan, bahagian, cuma yang ada hanyalah buaya2 yang ternganga menunggu habuan. Peratusan penyokong UMNO ini mungkin boleh meningkat andaikata mereka yang mendakwa ketua di cawangan , bahagian dan pusat tidak buta,pekak dan ingat penyokong2 dibawah ini bodoh2 belaka.

Semua orang yang waras otaknya dapat mennghitung berapa banyak peluang terbentang untuk menjadi kaya sekadar menjadi ketua cawangan. Belum lagi AJK bahagian atau Ketua bahagian Hatta wakil rakyat. Dalam tempuh satu penggal menjadi ADUN sudah memastikan menjadi hartawan walaupun sebelum menjadi ADUN tak pernah berniaga.

Saya bukan nak dengki orang UMNO menjadi kaya tetapi kalau nak menjadi orag kaya raya belajarlah menjadi usahawan sepenuh masa. Kalau nak kumpul harta untuk anak bini hidup mewah, beli undi penyokong, emas stinggi bukitpun belum tentu cukup. Bermuhasabahlan wahai pemimpin UMNO sekalian. Kalaun baru nak fikir2 untuk berubah pakai hancurlan UMNO dalam tempuh terdekat ini.

By azri abu bakarAuthor Profile Page on January 25, 2009 8:36 AM

Salam Tun,senario politik yang berlaku kini mungkin menjadi parah akibat tangan-tangan ghaib yang mengemudi tampuk sesuatu pentadbiran.Banyak pandangan di lontarkan apabila mereka merasmikan sesuatu majlis kononnya akar umbi tidak di beri keutamaan,kehendak pihak bawahan.Hai,macam-macam alasan kedengaran selepas kalahnya di KT.Hanya rakyat bawahan saja yang tahu punca kekalahan.Salah seorang pemanggil menalipon Hello Malaysia di rangkaian 502 dimana di hoskan oleh Sherkawi dan 2 ahli panel dah tentunya apabila ditanya dlm wawancara itu semuanya indah-indah belaka,Pemimpin sedikit pun tak salah,hanya rakyat saja yg bersalah.Rakyat dah muak,jelak,fed up,boring dgn sandiwara pemimpin yg bukan pemimpin.Apa taknya bila kalah dan tak terpilih ikut pintu belakang jadi menteri pulak tu,Heboh katakan pembangkang tak betul tetapi jari yg di telunjuk hanya ke satu arah tetapi dia tak sedar lagi 3 jari menunjuk kearah bgt hidungnya yg bergelar pemimpin dlm demokrasi terpimpin,"saya pinjam kata-kata dlm petikan 3 Abdul".Hai siapa yg tak sayang bangsa,agama dan tanahair,tetapi orang yg bernama pemimpin tadi lah yg menjahanamkan bangsa sendiri.Ikhlas dari saya,harapan agar Tun dapat bersuara sehingga hayat masih di kandung badan budi yang baik di kenang juga.Amin.

By mat khalidAuthor Profile Page on January 25, 2009 9:05 AM

Salam Tun,

Lepas pekena teh tarik secawan idea mula mencurah!

Nampak ramai sangat dah "fed-up" dengan gelagat UMNO sekarang, saya ingat kita kena tubuh parti baru...AMENU namanya(sebagai mengingati cara kita sebut UMNO). Kalau Tun sudi boleh jadi penaung.

Keahlian terbuka kepada SEMUA bangsa di Malaysia sebab "racial based party" saya ingat dah tak ada "oomp" lagi. Baik MCA, MIC atau PAS for that matter.

Pemilihan kepimpinan berdasarkan kepada merit. Contoh, sekiranya ada sesaorang yang berbangsa Cina beragama Islam yang ibunya Melayu (rambutnya lurus tak keriting!)layak menjadi Presiden AMENU maka beliau harus disokong untuk menjawat jawatan tersebut.

Kita semua kena cari "OBAMA" Malaysia. Sorry Anwar Ibrahim, hang jangan perasan! KJ,genetically you're not qualified sebab you're SIL of Pak Lah! We don't want another "liability" in this new party..

Saya rasa dah sampai masanya SEMUA bangsa di Malaysia diberi perhatian dan pertimbangan sama rata. Tak setuju? Kita tunggu PRU 13..

By roketbulanAuthor Profile Page on January 25, 2009 9:43 AM

Salam Tun,

Lawak bodoh dari Kuala Terengganu..

UMNO KLUK-KLEK

KLUK-KLEK dalam loghat Terengganu samalah dengan FLIP-FLOP.

"Pas KLUK-KLEK" menjadi motto UMNO Terengganu perlekeh Pas, sebaliknya UMNO yang KLUK-KLEK.

Kepimpinan baru UMNO Terengganu sendiri dakwa projek Monsoon Cup, Taman Tamaddun Islam adn masjid kristal membazir dan tak bermanfaat untuk rakyat. Bila nak mengundi pula, UMNO kempen ia menguntungkan rakyat..jilat ludah sendiri.

.... heheh... UMNO KLUK-KLEK.

Rakyat Terengganu terdesak mengundi UMNO semula pada Pilihanraya Umum (PRU) 11 dan 12 lalu kerana hendakkan duit minyak yang dinafikan UMNO jikalau rakyat memilih Pas sebagaimana berlaku pada PRU10 (zaman Tun). Orang Terengganu telah akur bahawa ia duit ehsan, bukan royalti. Hasilnya, Terengganu yang dalam tangan Pas menjadi milik UMNO pada PRU11. Seterusnya pada PRU12 pula, walaupun UMNO tewas di banyak negeri, Terengganu tetap milik UMNO. Tetapi kini kepimpinan UMNO Terengganu sendiri yang iktiraf ia bukan duit ehsan, tetapi duit royalti dan menjadi hak kerajaan negeri Terengganu. Rakyat Terengganu rasa tertipu... UMNO penipu...Pas dianggap teraniaya... Rakyat Terengganu bersimpati dengan Pas... dan sememangnya "Politik Melayu, Politik Simpati". Hatta, nyatalah kemenangan milik Pas dan kekalahan milik Pak Lah, Najib dan Ahmad (MB dan Ketua Perhubungan Terengganu).

.. Heheh..UMNO KLUK-KLEK.

PRU13 nanti, tiada desakan lagi untuk rakyat Terengganu mengundi UMNO...Undi Pas pun tetap akan dapat royalti. Takkan UMNO nak jadi ...

....UMNO KLUK-KLEK-KLUK...

Di-cheriterakan oleh pengundi Kuala Terengganu (ahli UMNO vateran) kepada Roketbulan.

By Gaban-ZAuthor Profile Page on January 25, 2009 9:55 AM

Terlambat bagi komen. Harap Tun baca.

Tun,

Tun menulis tentang keadaan UMNO pada masa kini dan membayangkan kehancuran UMNO dlm PRU-13. Tempoh masa dari sekarang hingga tibanya PRU-13 sebenarnya tidak jauh mana lagi. Rakyat sudah mempunyai persepsi buruk terhadap UMNO. Tun sedikit-sebanyak menyumbang kepada persepsi buruk ini. Jika ini berterusan, memang benarlah telahan Tun, bahawa UMNO akan berkubur.

Tetapi malangnya, terkuburnya UMNO tidak akan mendatangkan apa-apa kebaikan kepada rakyat Malaysia terutamanya kepada orang Melayu. Ini kerana pengganti UMNO iaitu pakatan pembangkang yang ada sekarang bukanlah pilihan terbaik untuk menerajui negara. Mungkin akan lebih teruk dari era kepimpinan Pak Lah. Bak kata pepatah Hong-Kong, lari dari mulut singa masuk ke dalam mulut naga.

Sekiranya Tun kasihankan generasi Melayu yang Tun sayangi, Tun perlu membuat sesuatu sebelum Tun pergi selama-lamanya. Apakah mungkin Tun dapat menubuhkan satu parti baru yang mempunyai semangat perjuangan asal UMNO sebagai alternatif kepada UMNO agar kepimpinan negara tidak jatuh kepada pakatan pembangkang? Harap Tun boleh consider.

By Nasha Bin Edwin Author Profile Page on January 25, 2009 10:27 AM

UMNO HANYA RELEVAN DI ZAMAN PENJAJAHAN BRITISH...NAMUN PERJUANGAN UMNO SUDAH TIDAK RELEVAN LAGI UNTUK MASA KINI....UMNO UNTUK DULU..BUKAN KINI, BUKAN AKAN DATANG DAN BUKAN SELAMANYA...

By musato Author Profile Page on January 25, 2009 10:38 AM

Assalamualaikum Tun.

Datuk tua pekak saya berkata 'orang Melayu akan tolong orang Melayu'.

Saya nak tambah sikit.'Orang Melayu tolong Melayu,Cina dan India'.

Terima kasih Tun.

By naetto92 Author Profile Page on January 25, 2009 11:30 AM

Salam Tun,

Ramai yang tidak puas hati dan marah kerana keadaan dan suasana politik negara terutama di kalangan ahli BN. Banyak yang meluahkan keburukan dan kerosakan yang dilakukan oleh pemimpin yang tidak baik ini. Pada pendapat saya, Blog ini akan menjadi rujukan parti lain untuk mencari kelemahan dan menyebarkan pada orang lain. Blog ini akan mempercepat dan memuktamadkan kejatuhan BN keseluruhannya.

Jika ini masih berterusan ,ini adalah strategi yang paling berkesan jika diamalkan oleh parti lawan. Mengambil kesempatan dalam kelam-kabut, keresahan, bingung, marah, benci rakyat dan meneksloit sepenuhnya kelemahan itu sehingga kejatuhan BN tahun ini. Ingat Thailand? Ingat Filipina?

Seperti yang saya tulis sebelum ini, rakyat memilih parti lain hanya kerana tidak suka pemimpin parti sendiri. Atau... adakah pemimpin sekarang sebenarnya sudah berpakat untuk peralihan kerajaan. Projek yang dijalankan agak lebih kurang sama dengan projek parti bukan BN (cara mengurus projek).

Yang mana lebih baik? Tubuh parti baru - tambah perkataan 'baru'. Ganti pemimpin baru - tambah 'baru'. Duduk sembang dalam blog dan cari idea baru untuk parti lawan tambah senjata 'baru'. Mereka boleh nilai fikiran rakyat dengan hanya log in chedet.cc. Tinggal baca dah tahu keputusannya.

Maaf, hanya terfikir saja.

By Kerp Author Profile Page on January 25, 2009 12:23 PM

salam Tun Dr Mahathir yang dihormati,

antara sebab mengapa UMNO kini ditolak rakyat adalah pemilihan orang seperti md taib kembali pada

kabinet. dengan kontroversi yang pernah mencalar kredibiliti beliau, mengapa tak dilantik orang yang lebih bersih namanya? lagikan pula dia ni tidak dipilih rakyat sebagai pemimpin.

By kamal ahmad Author Profile Page on January 25, 2009 1:29 PM

Salam Ayahanda Tun. Mereka masih dalam penafian, masih lagi mencari-cari rationaliti kepada kekalahan yang telah mereka alami, sedang alami dan akan alami. Apakah sebenarnya yang sedang mereka fikir dan usahakan untuk memperbaiki serba kerosakan dan kemusnahan yang tercipta akibat kebodohan dan kealpaan Abdullah Badawi. Apakah langkah "recovery" mereka? Ataupun sebenarnya mereka tidak mempunyai apa sangat agenda dalam langkah-langkah seperti berkenaan. Rapuh menunggu retak, golek menunggu jatuh.

Dua hari selepas menjadi Perdana Menteri, Abdullah telah menzahirkan satu perkataan baru yang menjatuhkan martabat Melayu kampung iaitu: "jaguh kampung" dalam komennya kepada pasukan badminton negara yang telah menang besar di ketika itu. Ini adalah contoh dimana Abdullah Badawi bercakap tanpa berfikir. Ini juga adalah refleksi kepada seluruh bentuk pemikiran beliau: tanpa agenda. Setelah kita mengenal pasti hakikat berkenaan, maka sekarang mari pula kita lihat agenda siapakah semuanya jika begitu? Kemelut UN Oil for Food Program: Agenda adik ipar beliau dan juga agenda bekas suami kepada adik ipar beliau. Mastek Sdn Bhd: Agenda suami kepada adik ipar beliau. Scomi Engineering: Agenda Patrick Lim dan Kamalludin. Abad Naluri: Agenda Patrick Lim dan ramai lagi. ECM Libra Capital: Agenda Kali s/o Khairi. Ethos Consultancy: Agenda Khairy. Air Asia: agenda Khairy s/o Kali. Semua agenda orang lain. Banyak lagi Tun.

Sebenarnya Abdullah memang Mr. Clean Tun. Saya akui ini. Tapi dia tidak berpendirian teguh dan dia tidak dapat mengawal orang-orang disekitar beliau daripada langsung juga menjerumuskan dirinya kedalam kemelut ketamakan mereka semua. Jadinya, Mr Clean dah jadi Mr Lingkup dan bodoh. Saya hairan kenapa mereka yang tertinggi didalam panel UMNO tidak mampu melihat semua ini? Saya percaya mereka sebenarnya lebih tahu dari kita disini. Tetapi kenapa mereka masih lagi cuba melindungi kelemahan ini sehinggakan mereka semua sanggup berdepan dengan kemarahan rakyat? Kemarahan rakyat yang telah mula menikam mereka dari banyak sudut. Kebencian rakyat yang semakin membara dengan setiap satu lagi daripada gelagat mereka semua ini.

Kos sara hidup sangat tinggi di Malaysia dan juga kos bagi barang-barang keperluan seperti rumah dan kenderaan (selain dari makanan dan pakaian). Rumah di Malaysia masih lagi mempunyai ruang-ruang untuk pembaikan dalam konsep pembikinan (construction) seperti penggunaan teknologi pasang siap (IDB). Ini menjimatkan kos dan masa. Tetapi kadang-kadang penjimatan ini tidak sampai kepada pengguna. Ianya akan hilang begitu saja dalam agenda keuntungan pihak pembangun hartanah, pihak PBT dan juga pihak bank yang semakin hari-semakin agresif mencari jalan/lobang baru untuk mengaut keuntungan. Mana janji pemantauan kerajaan Abullah Badawi? Telan sekali ke?

Ramai di Malaysia mengeluh tentang harga automobil yang terlalu mahal. Memang sangat mahal pun Tun. Oleh kerana faktor ini juga maka semua peralatan aksesori kenderaan juga melambung mahal. Cuba kita lihat kepada aksesori keselamatan aktif dalam kenderaan di Malaysia, untuk Proton dan Perodua, aksesori seperti Airbags, Anti Lock Brakes, Electronic Brake Distributions, Brake Assist – semuanya hanya terletak pada model premium mereka sahaja. Model yang berharga jauh melebihi kemampuan rakyat biasa yang juga jika berlaku kemalangan akan juga mengalami kecederaan sama seperti orang-orang kaya lain dan juga para golongan dewa-dewa purba UMNO. Kusyen kulit empuk kereta mewah hanya untuk bontot-bontot eksklusif/eksekutif UMNO saja kah?

Tetapi oleh kerana ingin juga membeli demi untuk keselamatan diri dan keluarga, maka mereka terpaksa membayar harga tinggi. Hutang tinggi, bunga tinggi, potong bulan tinggi, duit jadi sikit maka hidup akan mula tersempit. Maka rasuah pun akan mula menular sana sini. Rumah di Malaysia, tinggi harga. Kereta lagi tinggi. Bayar Kancil sahaja bagi mereka yang berpendapatan RM1500 sebulan sudah hampir 35% gaji mereka. Belum bayar sewa rumah/loan rumah lagi. Makan minum pun belum kira lagi. Jadi jurang pendapatan antara yang kaya dan miskin akan bertambah luas dan lebih buruk Macam kata seorang blogger hari tu: yang kaya bertambah kaya, yang kayap bertambah kayap.

Oleh kerana KEBODOHAN KERAJAAN ABDULLAH BADAWI YANG SANGAT MENYERLAH yang telah panik dan menaikkan harga minyak pada tahun 2008 sehingga jauh melebihi tahap logic pemikiran kewarasan manusia biasa, maka harga barangan melambung naik. Kemudian harga elektrik juga diizinkan kenaikan oleh kerajaan (TNB tak payah cerita pasal kewangan awaklah) maka campur fakta kos bahan mentah yang telah mahal, kos pembikinan yang meningkat maka end product kepada pengguna adalah JAUH melebihi kemampuan ramai. Maka rakyat pun ikat perut dan hidup dalam serba tak cukup itu ini. Tetapi para menteri kita dan PM kita hidup mereka mewah. Gaji dan elaun mereka naik tahun 2007 dulu. Kapal terbang PM baru, lebih mewah (argument operating cost BBJ800 tinggi boleh pakai ke?).

Saya rasa, kalau benar-benar ikhlas Pak Lah nak mengharungi ini semua bersama rakyat, jual saja semua kapal terbang eksekutif mereka. Atau pun pajakkan sahaja. Nak jual mungkin susah pada masa ini. PM dan semua menteri cabinet guna pesawat komersil sahaja. Tak payah lagi bagi Setiausaha Politik duduk di kondo mewah KL pada sewaan sebulan RM5,000, Timbalan Menteri RM7,000. Jual semua kenderaan mewah kerajaan atas daripada Proton Perdana. Kurangkan elaun PM dan Menteri. Argument yang bahawa jika gaji menteri tinggi tak ada kehendak untuk rasuah, tak ada asas langsung. Tak kan anak bini para menteri dan juga PM kita tak boleh hidup macam rakyat biasa? Makan sambal tumis Sardin, makan ayam goreng 3 ketul sahaja untuk 8 orang anak pinak, nasi tak boleh tambah, naik LRT/bas pergi balik kerja? Tak boleh dah? Dah lupa semua itu ke?

Jika kerajaan boleh/mampu mengurangkan dengan drastik harga kenderaan di Malaysia (bukan macam NAP bangang Abdullah tahun 2006 dulu), maka kita akan melihat pengurangan kepada beban hutang bulanan rakyat, ini akan membawa kepada kecairan kewangan peribadi rakyat, akan mengurangkan beban rakyat dan ini akan menaikkan taraf kehidupan kita semua. Ini akan mengembalikan nilai kewangan RM mereka dalam mengharungi kemelut ekonomi ini. Kurangkan dengan drastic (bukan lip service sahaja) kebergantungan kepada tenaga kerja asing. Pastikan majikan tak buang pekerja tempatan dan ambil pekerja asing gantikan tempat mereka. Kemudian pekerja asing yang tak lagi ada kerja, hantar sahaja balik ke negara asal mereka dengan kadar segera supaya tidak akan naik kadar jenayah di Malaysia ini. Ada Pak Lah dan kabinet beliau buat semua ini? Dah terantuk baru tergedah macam haram jadah.

Persoalannya sekarang, mampukah Abdullah Badawi buat semua ini? Jika seperti kata Tun yang bila UMNO buat salah disuruh minta maaf dan digantung keahlian, tetapi jika parti lain yang buat salah juga UMNO kena minta maaf, maknanya masih lagi wujudkah Presiden UMNO yang sah hari ini? Ada lagikah individu berkenaan? Atupun cuma hanya tinggal Presiden BN yang terdesak sahaja yang sedang memperkudakan Melayu dan UMNO dan juga Malaysia hanya untuk terus dapat hidup kais pagi makan pagi kais petang makan petang politik dia dan survival kuncu-kuncunya sahaja. Tapi kenapa UMNO masih menafikan kemarahan rakyat kepada mereka? Berbaloikah dengan apa ganjaran yang mereka perolehi? Tun, rakyat sudah terasa dilupakan, dan PRU13 rakyat akan lupa UMNO pula. Itu lumrahnya.

Pak Lah, Pak Lah...bagaimanakah anda mahu sejarah Malaysia menilai diri anda? Ya anda semua memang cakap pandai semua Datuk Menteri, awak boleh cakap pandai hari ini. Selepas PRU13 jika ada mana-mana pihak hendak menubuhkan Suruhanjaya mencari segala bank akaun dan harta/harta peribadi anda di luar negara, maka saya akan menjadi individu pertama menawarkan khidmat secara percuma kepada mereka. Tapi besar kemungkinan saya tak akan dapat kerja ini, sebab saya akan perlu beratur yang tersangat panjang kelak...UMNO- di penghujung garisan. Apa macam pula dengan Datuk Seri Najib? Datuk Seri Hishamudin? Apa pandangan mereka pula tentang ini semua?

Terima kasih Tun.

By Mari Ganyang KJAuthor Profile Page on January 25, 2009 2:54 PM

Tun,

Sememangnya KJ adalah dalang dalam kejatuhan UMNO.

Rata-rata RAKYAT MALAYSIA menyampah melihat mukanya yang telah merogol negara ini tanpa erti belas kasihan demi hidup politiknya & hidup anak bininya.

Tun, saya telah hantar satu pendedahan e-mel kepada webmaster Tun. Harap dapat membacanya & bawa KJ ke muka pengadilan.

HIDUP MELAYU, HANCUR KJ!

By nookvillageAuthor Profile Page on January 25, 2009 2:54 PM

Tun,

UMNO ibarat tiang yang mampu dicat tiap-tiap tahun dengan warna dan kata-kata untuk dilihat indah, tetapi tidak mampu melihat didalam tiang itu banyak anai-anai yang akan memakan kayu tiang dan akhir runtuh sendiri. Ambillah langkah untuk menghapuskan anai-anai kerana ianya lebih baik dari mengecat tiang dan dipasang dengan slogan yang indah.Kukuh dari dalam.

By kerislangkawiAuthor Profile Page on January 25, 2009 2:55 PM

salam Tun

saya merupakan generasi baru anak langkawi
saya akui saya baru setahun jagung dalam politik di Malaysia ni
tapi alhamdulillah Allah kurniakan pancaindera dan akal untuk saya memerhati dan mengkaji politik

saya sangat-sangat kesal dgn pemimpin-pemimpin kerajaan sekarang ini
mereka seolah2 enak dibuai mimpi dengan kekayaan yang hanya sementara ini
tidakkah mereka perhatikan bahawa kami generasi pelapis ini melihat dari bawah apa sahaja tindak tanduk mereka?

untuk makluman Tun,semasa saya di universiti dahulu,hampir 80 peratus mahasiswa menyokong pembangkang
bayangkan kami para graduan yg keluar dari 20 IPTA dan berpuluh2 IPTS menyokong pembangkang?
ditambah lagi seluruh rakyat jelata yang sudah muak dengan janji dan pembohongan serta korupsi dalam kerajaan

jikalau tiadanya angin perubahan yang akan berlaku,saya berani jamin
pilihanraya seterusnya akan berkubur terus BN khususnya UMNO dari dunia yang fana ini
Oleh yang demikian,saya menyeru wahai pemimpin-pemimpinku tepuk dada tanya iman,bukan tanya perut sebab perut dah buncit diisi dengan duit rakyat

akhir kata dari saya,tegakkan Islam dalam diri sebelum tegakkan negara Islam

wassalam

-keris tumpul dari langkawi-

By lextcsAuthor Profile Page on January 25, 2009 4:27 PM

tun,

during your premiership, the people surrounding tun Ling, datuk seri samy, tun daim assumes such a dictatorial power that almost all projects 'di sandang' by them. If one were to tell of how the unseen truth these 'open' tenders works, we'll understand that corruption indeed blossom in Tun's era, the era of modernization.

Perhaps what we are seeing now is just the final phase where it is 'grab whilst there is still to grab'. It's just naturally greedy. Nowadays there is no such things a right or wrong anymore. Perhaps just the consequences.

By coretan_khalayakAuthor Profile Page on January 25, 2009 5:04 PM

angka 2,631 pasti akan kekal di ingatan Wan'G Ahmad Farid paling tidak sehingga PRU akan datang, kemenangan Mohd. Abdul Wahid Endut sudah dijangka banyak pihak dari awal cuma BN melalui mesin propagandanya sahaja yang cuba meyakinkan rakyat kununnya mereka masih berpeluang, meletakkan calon yang sangat terkenal dengan kaitan budak Tingkat 4 atau yang sangat "setia-kat-WANG" KJ bukan percaturan bijak BN tetapi siapa boleh halang jika menantu PM dah buat keputusan. Keputusan sudah diketahui, umum seperti biasanya sudah menjangka skrip Pilihanraya Kecil, mereka yang selalunya duduk di belakang kereta mewah yang selalu ditemani pemandu akan turun padang, ada yang sudah lama tidak berkain pelikat tetapi dek kerana P36 ini mereka berkain pelikat, yang sudah lama atau tidak pernah menunggang C70 boleh dilihat menunggang kenderaan yang tak mungkin ada di garaj rumah mereka kalau ada pun mungkin milik tukang kebun, seperti biasa projek berJUTA dijanji, pengundi yang dirasa boleh menentukan keputusan di layan bagai raja, rombongan rumah ke rumah untuk meminang undi dirakam dengan lensa kamera dengan penuh senyuman ketika bersalam dengan tuan punya rumah, yang penting pada BN mereka memaparkan pemimpin mereka kununnya berjiwa rakyat, tetapi di sabalik gambar itu BN lupa mereka juga memaparkan kedaifan kebanyakan rakyat negeri Terengganu yang sangat sinonim dengan Royalti Minyaknya.

Telemovie P36 sudah berakhir, BN seperti biasanya akan berbicara tentang menerima kekalahan, suara keramat rakyat, post-mortem dan di masa yang sama masih mengatakan rakyat akan tetap menerima BN dengan cuba mengingatkan rakyat apa yang telah BN lakukan sehingga hari ini, membuat perbandingan yang menunjukkan bahagian yang lebih baik dengan kerajaan yang diterajui PR, tetapi maaf-apa keburukan yang mereka lakukan dibaliknya cukuplah disimpan didalam usus perut mereka. Buat rakyat yang merasakan BN akan cuba mendengar suara keramat akhirnya hanya mengharap, dan seperti biasa selepas beberapa ketika mereka akan tetap dengan keangkuhan & kesombongan mereka melacurkan pembangunan untuk rakyat kununnya- demi isi perut keluarga, menantu, rakan & Assoc. Pakatan Rakyat memberi mesej sangat jelas kepada BN, pakatan mereka mungkin boleh dicuit dengan pelbagai isu- hudud misalnya yang dimula KJ ketika berdebat dgn Husam, tetapi dengan mudahnya dipatah oleh PR, DAP melalui Karpal jujur mengakui mereka memang tidak bersetuju dengan hudud, BN yang sudah mula tersenyum menjangka PR akan retak akhirnya tenggelam sendiri dengan isu itu, DAP menerusi Lim Guan Eng & pemimpin lainnya kental membantu PAS tanpa sebarang masalah nyatanya kejujuran DAP di dalam isu ini menutup mulut pengkritik PR, yang akan tetap bersuara org UMNO yang baragama Islam itu sendiri.

P36 ini juga menunjukkan mereka cukup matang berpolitik, benar mereka punyai perbezaan pendapat kerna jika mereka punya pendapat semuanya sama tentu sahaja tidak wujud lagi PKR, DAP & PAS lagi. Mereka juga bijak menjaga hubungan BN juga melalui komponennya punya pendapat berbeda, apa jadi pada suara MCA yang mahukan konsesi lebuhraya disemak semula, apa kata orang UMNO, apa kata Samy Vellu & Co., ini kali kedua MCA bersuara tentang isu ini, pertama kalinya mudah ditangani UMNO berdiam diri sahaja- kita tidak boleh berprangka buruk dengan UMNO tentang ini kerana Kroni UMNO tidak terlibat di dalam konsesi UMNO ini - percayalah :), UMNO jika terus merasakan dialah tuan yang tidak boleh dicuit didalam BN, percayalah BN ini dalamannya yang kurang dipapar kan lebih rapuh dari PR yang dalamannya memang selalu dipaparkan.

Pakatan Rakyat perlu bekerja bukan sahaja lebih kuat malah memberi cerminan apa visi mereka untuk menukar kerajaan semasa, ketelusan dan kesamarataan yang konsisten tanpa ada perlu pegangan kerajaan sekarang "kalau orang lain di posisi ini mereka akan melakukan perkara yang sama" buang segala unsur di dalam kerajaan BN yang jijik disebut tetapi hanya menjadi bahan gurauan kalangan BN perkataan seperti korupsi, kronisme dan lain-lainnya yang sinonim dengan BN ini.

Skrip pilihanraya akan lebih kurang sama pada pilihanraya akan datang tetapi apa yang perlu ditakuti BN kala ini bukan pengundi muda sebenarnya, tetapi pengundi yang selama ini memangkah mereka kerana "kerajaan sekarang dah ok, asal dapat makan cukup, pemimpin buat apa itu peluang mereka kerana mereka disitu" pengundi yang di dalam kalangan ini sudah mula memahami salah laku pemimpin BN boleh ditegur malah mereka mengetahui negara ini boleh memiliki pemimpin yang lebih jujur dalam mentadbir negara yang tercinta ini. Untuk BN jika mahu terus mahu memerah hasil kekayaan Malaysia, korbankan semua barisan yang ada kaitan dengan kebencian rakyat ini, tetapi jika di buang takutnya tiada langsung barisan kepimpinan yang ada sekarang - kalau masih mahu berkuasa lagi.

coretan khalayak
johor bahru

By crazy diamond Author Profile Page on January 25, 2009 5:17 PM

Dear Tun,

I'm really admire you, you managed to pre anticipated the outcome of KT by election. Clearly you are genius in politics, which make me wonder how come the current politicians not as good as you in determined the right candidate.

From the result, clearly who ever got any connection with Pak Lah regardless his relatives or son in law would definitely will not been voted. Thus, Najib have to take him distance from Pak Lah and keep close with you if he want to keep his PM chair in PRU13.

Your brain really needed in UMNO, unfortunately due to your differences with Pak Lah this thing would not happen. How stupid it is Pak Lah.....

Bustanul

By Mohd Faried Author Profile Page on January 25, 2009 5:52 PM

Salam Tun dan Toh Puan,
rindu dengan Tun dan Toh Puan,

Apa yang diperkatakan oleh Tun ada benarnya,
Rakyat dah bosan dengan lagak/berlakon/minta simpati/tanam tebu di tepi bibir dan banyak lagi,

Rakyat dah bosan dengan tektik kempen lama, yang hanya simpati semata-mata, turun padang tak pernah langsung!

Harap UMNO dan BN berubah demi kebaikan semua kaum . sekain.

By dakjam Author Profile Page on January 25, 2009 7:24 PM

Assalamualikum TDM,

Semoga TDM, keluarga TDM dan umat Melayu Islam di Malaysia selamat daripada sebarang musibah dan malapetaka.

Kekalahan PRK KT itu sebenarnya memang mudah untuk dijangkakan. Tapi malas nak komen panjang-panjang.

Kalau asyik komen panjang-panjang, ibarat gau gelagau, ayam atas pagau, mulut bising tapi tahi banyak melekit atas pagau.....

Dah meh bersatu! TDM boleh ke hadapan membawa orang Melayu bersatu semula kerana Melayu dalam UMNO pun buat "doNO" (buat tak tahu) je, Melayu dalam Pas pulak buat Melayu banyak terlepas, Melayu dalam PKR pula buat Melayu pengkar.

Sekian.

By sama Author Profile Page on January 25, 2009 7:43 PM

Salam YAB Tun,

UMNO sekarang menghadapi krisis kepimpinan yang amat kritikal. Perubahan secara drastik dan menyeluruh perlu dilakukan dengan kadar segera. Namun, perubahan ini hanya boleh dilakukan oleh pemimpin yang tegas, berani, berwibawa dan sanggup menghadapi cabaran dan dugaan. Malangnya,

tiada seorangpun pemimpin di dalam UMNO yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan. Dan jika keadaan ini terus berlaku, UMNO akan menuju ke arah kehancuran yang sukar untuk dipulihkan semula kelak. Akhirnya, perjuangan yang diperjuangkan oleh mereka yang terdahulu hanya akan menjadi sejarah.
By pakpandir08Author Profile Page on January 25, 2009 8:43 PM

"semua salah orang ... dan sendiri yg betul" inilah hakikatnya ...

sekiranya dasar "transparent" dilaksanakan semasa pemerintahan Tun pada 22 tahun yg lalu, keadaan pada hari ini tidak akan berlaku ... dasar yg Tun perkenalkan selama 22 tahun yg lalu, merupakan "PELUANG" dan "JALAN HALAL" yg menjadikan gejala kronie berleluasa hari ini ...

22 tahun itu satu masa yg amat panjang sekali ... pemimpin yg dikecam rasuah pada hari ini, merupakan ahli dan anak buah dibawah pemerintahan Tun juga ... sekiranya anak buah yg dipimpin oleh Tun 22 tahun yg lalu, mampu bertukar menjadi orang yg tamak dalam masa 5 tahun yg pendek (di bawah abdullah) ... ini menunjukkan KEGAGALAN TUN ...

Daripada asyik mengecam orang lain atas kelemahan dan kegagalan ... sila fikir dengan hati yg terbuka ... adakah diri sendiri patut disalahkan juga?

*notes: pastinya pembodek-pembodek akan mengamuk atas komen saya, kerana pembodek-pembodek ini hanya tahu membodek

By jiwamuda79Author Profile Page on January 25, 2009 8:55 PM

assalamualaikum Tun,

jiwa muda membuka bicara. jiwa ku sudah punah melihat bangsa melayu sudah berpecah atas nama kesatuan bangsa dan agama.

ketakutan jelas bercampur dengan kekeliruan dan ketidak tentuan arah tuju pimpinan.

tiada wawasan dan masih tidak bergerak dari takuk lama.

jiwa terfikir siapa yang perlu berkorban siapa yang perlu dikorbankan.

dunia sudah tua makin hampir ke kiamat.

wasalam

By maAuthor Profile Page on January 25, 2009 9:30 PM

Pepatah Melayu mengatakan; sesal dulu berpendapatan, sesal kemudian tiada gunanya. Lagu Air mata di KL ciptaan terkahir P.Ramlee dioleh untuk renungan kita semua. Moga nanti ada iktibar untuk pejuang bangsa kita memperbaharui harapan, membina tekad menyelamatkan parti yang amat berjasa kepada bangsa kita. Hidup Melayu! dan diharapkan lirik ini tidak menjadi kenyataan tatkala persidangan di Dewan Merdeka March nanti. InsyaAllah.

Airmata diDewan Merdeka
Jatuh berkecai hancur berderai
Aku menangis tidak terhingga
Putus harapan yang tak ku duga
Kasihku pergi tak ingat pesan
Hancur musnah impian mulia
UMNO yang atok ku bina menjadi pusara
Gelaplah pasti masa hadapan
Jiwaku merayau utara dan selatan
Hidup sudah tiada bererti

Zahirku hidup hai batinku mati
Remuk redam hatiku hancur
Airmata di Dewan Merdeka
Hancur musnah impian mulia
UMNO yang atok ku bina menjadi pusara
Gelaplah pasti masa hadapan
Jiwaku merayau utara dan selatan
Hidup sudah tiada bererti
Zahir ku hidup hai batin ku mati
Remuk redam hatiku hancur
Airmata di DewanMerdeka

By nookvillageAuthor Profile Page on January 25, 2009 10:07 PM

Tun,

Bila bincang tentang YBs, ambil bincang juga Setiausaha2 politik yang juga kebanyakan mereka masuk parti untuk memperkayakan diri secepat yang mungkin. Boleh lihat kiri dan kanan ramai yang kejar kekayaan dan telahpun kaya dalam sekejap masa. Mereka juga adalah bakal-bakal pemimpin dimasa hadapan sebagai pengganti YBs. Jika kita buat forensik accounting atau investigative accounting mereka yang terlibat tidak akan terlepas.

By sarawakianAuthor Profile Page on January 25, 2009 11:10 PM

Assalamualaikum Ayahandaku Tun,
Kerajaan Malaysia yang kita ada sekarang ini adalah "Kerjaan MONEY MATTER"!!!!

"c) Penglibatan anak menantu dalam perniagaan yang dikuasai oleh Kerajaan. Bantuan Kerajaan kepada perniagaan mereka. Umpamanya pengambilalihan Avenue Asset oleh ECM Libra."

Dengar cerita menantu Pak Tidur (Pak Lah) nih Kambing Jahanam(KJ) menggunakan kuasa yg ada pada dia melantik seorang Let. Gen bersara untuk tubuhkan Awaninspirasi Sdn Bhd yang berpangkalan di Miri Sarawak. Ada member aku cerita staff yang bekerja dengan Awaninspirasi Sdn Bhd ini terutamanya juruterbang: 80% adalah Mat Salleh dan KURANG dari 20% adalah LOCAL CONTENT. Persoalannya adalah, DIMANAKAH KERAJAAN MALAYSIA YANG SEPATUTNYA MENJAGA LOCAL CONTENT IN??? Adakah Kerjaan yg ada sekarang ini diibaratkan ALI BABA Company??? Yang penting Hujung Bulan dapat duit. Tak nak ambil tahu bagaimana nak uruskan Syarikat. Terutamanya KJ menantu PAK TIDUR taik PALAT ituuu!!!

By Pak SibukAuthor Profile Page on January 26, 2009 12:14 AM

Pak Lah ialan kepala RASUAH PALING BESAR.

Saya cadangkan dari Paklah, semua menteri, timbalan menteri, setiausaha parlimen dan semua kakitangan kerajaan dari pengarah hingga ke bawah yang beragama Islam elok lah angkat sumpah seperti berikut dengan meletakkan Al-Quran atas kepala : " Saya mengaku telah dan akan menjalankan tugas saya tanpa RASUAH DAN SALAH GUNA KUASA " Mari kita lihat siapa yang akan muntah darah.

Elok lah Pak Lah bongok mula dulu.

Hanya ahli UMNO yang bukan kem KJ yang kena dibawa ke mahkamah, yang geng KJ, Ok je.

Tun, pulang lah ke UMNO lepas Mac ini.
Salam

By watermarkAuthor Profile Page on January 26, 2009 12:20 AM

Salam Tun,

Kenapa BN kalah dan akan kalah untuk pilihanraya akan datang. Sebabnya adalah :

1. Ketidak mampuan pak lah dalam menjana ekonomi malaysia.
2. keputusan dalam sesuatu perkara dibuat tidak mencerminkan kebijaksanaan sebagai seorang pemimpin.
3. BN kalah bukan kerana kami menyokong PAS atau PKR atau DAP. Tetapi kerana BN sendiri tidak mampu untuk menyakinkan kami (Generasi Muda) bahawa BN akan membawa malaysia ke arah yang lebih maju.

Surat terbuka kepada Pak lah (Perdana Menteri Malaysia)

Pak lah, kemuncak kemarahan kami kepada pak lah apabila pak lah menaikkan harga minyak dari RM 1.92 kepada RM 2.70. Ini adalah saat dimana hilang rasa hormat kami pada anda.

Disini saya ingin memberitahu anda, turun naik harga sesuatu setiap komoditi, mata wang, saham adalah berdasarkan Elliot Wave Teori. Jika Pak lah dan pegawai teknikal anda melihat chart harga minyak pada saat ia naik sehingga USD 140 per barrel, pada ketika itu ia telah mencecah pada wave 5 mengikut teori Elliot Wave. Berdasarkan Elliot Wave teori, wave 5 adalah wave yang terakhir sebelum penurunan mendadak akan berlaku. Ini terbukti apabila wave 5 berakhir, correction wave a berlaku, dan harga menjunam jatuh.

Kenapa saya memberitahu anda (pak lah) mengenai Elliot Wave teori ini, jika pegawai anda atau anda sendiri meluangkan masa membaca susah pasti anda tidak akan menaikkan harga minyak sehingga RM 2.70. Ini kerana pada saat tersebut, harga minyak cuma menunggu masa untuk jatuh menjunam. Anda boleh lihat apa yang berlaku sekarang.

Oleh yang demikian, nasihat saya, anda dan juga termasuk pegawai teknikal anda, luangkan lah masa membaca.

Jangan la tunggu generasi akan datang berkata kepada anda

Bodoh tidak boleh di ajarPandai tidak boleh ditunjuk.

Ikhlas dari saya.

Kepada Tun,

Saya dimaklumkan oleh rakan2 , bahawa Tun suka membaca, boleh saya pinjam mana2 buku yang Tun ada.

Salam.

By Putera BunianAuthor Profile Page on January 26, 2009 1:27 AM

Pendapat saya jer....

Pertama;

Pak Lah & kaum kerabat mesti keluar dari UMNO & Kerajaan. Lagi cantik kalau berambus dari negara ini dan duduk di Singapura. Masa tu dia tahu lah macamana baiknya Singapura apabila Pak Lah & kaum kerabatnya tiada kuasa!

Kedua;

Orang yang bernama ada 2 Muhammad tu dan menantu Pak Lah tak boleh menang dalam pemilihan

dalam perhimpunan agung UMNO Mac nanti. Ini adalah tahi-tahi Pak Lah. Jadi bila dia turun, elok lah sekali dengan tahi-tahi dia sekali dicuci bersih dari UMNO.

Ketiga;

Untuk para perwakilan UMNO nanti.....

Kalau dua bangsat diatas ini menang pemilihan dalam perhimpunan UMNO Mac nanti, tidak kira lah anda memilih mereka atau tidak, anda diharamkan balik ke bahagian anda, terutama perwakilan dari Johor & Perak! Ingat, kita sudah ada tiga bangsat bangsa Melayu yang jelas kelihatan.....anda jangan pula menambah bilangan tersebut dengan mengundi dan menyokong tiga bangsat ini!

By wan roselanAuthor Profile Page on January 26, 2009 2:22 AM

GONG XI FA CHAI TO ALL CHINESE,

CHE DET, AYAHANDA.

KAWAN KETAWA RAMAI TETAPI BUKAN KAWAN MENANGIS, ADA DOKTOR YANG TELAH MERAWAT SERIBU NYAWA TETAPI OLEHKERANA SUATU KESILAPAN ADA NYAWA MELAYANG MAKA BELIAU DIKEJI SEHINGGA APA YANG DIPERKATAKAN OLEHNYA TENTANG PENYAKIT YANG AKAN MENYERANG TIDAK MENDAPAT SAMBUTAN DAN DIPERTIKAI KEWIBAWAANNYA. BEGITULAH YANG BERLAKU TIDAK SEMESTINYA UBAT YANG DIBERI OLEH DOKTOR ITU SENTIASA BAIK DAN DAPAT MENYEMBUHKAN PENYAKIT TETAPI IANYA MUNGKIN MENJADI RACUN UNTUK ORANG LAIN ATAU SEKIRANYA CARA MENGGUNAKANNYA TIDAK BETUL BERPUNCA NASIHAT DOKTOR YANG TIDAK SAMA DENGAN DOKTOR YANG PERTAMA TADI.

ITULAH KEADAAN POLITIK YANG BERLAKU SEKARANG POLISI YANG SAMA DILAKSANAKAN OLEH PEMIMPIN YANG BERBEZA MUNGKIN MEMBERI KEPUTUSAN YANG BERBEZA. AMBIL AJA KISAH KUGAN, AMAT MALANG KES SAMUN MENJADI SATU KES PERKAUMAN DISEBABKAN OLEH PERBUATAN MEREKA YANG TIDAK JUJUR, SEKIRANYA KES SIASATAN DIKENDALIKAN SECARA PROFESIONAL MAKA TAKLAH BERLAKU KEKECOHAN SEKARANG. SOMEBODY BECAME HERO FOR WRONG REASON.

SAMA JUGA KISAH LIWAT ANWAR, KALAU BENDA BOHONG DAN FITNAH ITU JANGANLAH DIBUAT DAN DIULANG WALAU SERIBU KEBAIKAN DIBUAT , RAKYAT TIDAK AKAN MENERIMA PENGANIAYAAN. JADI KES BEGINI MELEMAHKAN KERAJAAN DAN MENGUATKAN ANWAR. KALAU PEMIMPIN IKHLAS WALAU RAKYAT MENOLAK INSYAALLAH MENDAPAT ANUGERAH ILLAHI DI KEMUDIAN HARI BAGI MEREKA YANG BERIMAN.

KALAU DAHULU PERKARA ANWAR DISELESAIKAN SECARA POLITIK YANG BENAR DAN IKHLAS NESCAJA CHE DET TIDAK MENJADI SEPERTI SEKARANG KERANA KEPIMPINAN CHE DET TERBUKTI BETUL DAN BERKESAN SEPERTI DALAM TINDAKAN MENGELAK KEJATUHAN EKONOMI MALAYSIA DAHULU. UCAPAN ANWAR BERAPI-API TETAPI TIDAK SEMESTINYA BERISI, BUNGANYA PENUH BELUM TENTU MENGELUARKAN HARUMAN. MANAKALA CHE DET UCAPANMU BERKUALITI TETAPI DIPERSOALKAN KERANA ADA CAKAP TAK SERUPA BIKIN ITULAH YANG TERJADI APABILA KESILAPANMU YANG AKAN DIUNGKIT WALAU PERKARA YANG DI UTARAKAN ADA KEBENARANNYA.

THE TRUE LEADER IS WHO CAN STAND THE CRITIC AND NOT WHO SILENCE IT.

CHE DET, IT IS NEVER TOO LATE TO REALLY CHANGE AND WHY NOT JOIN PAS TO REALLY CHANGE THE CORRUPT GOVERNMENT. IF A BAD MUSLIM AND DRUNKARD PERSON COULD STILL ELIGIBLE TO CONTEST FOR MT POST HOW ELSE YOU WANT TO CHANGE THE UMNO.

TQ SIR

WRM

By Fadzir MamudAuthor Profile Page on January 26, 2009 4:19 AM

Assalamualaikum YABhg Tun,

Syabas dan tahniah saya ucapkan diatas keterangan serta hujah salah laku pemimpin masa kini, setidak-tidaknya masyarakat akan celik mata dan melihat tingkahlaku mereka, boleh diceritakan kepada anak cucu nanti kenapa UMNO berkubor.

Dengan cara bagini, Saya harap hujah YABhg Tun membuat ingatan kepada pemimpin masa kini dan akan datang, semoga cara bagini boleh membetulkan keadaan dan menunjukkan jalan lurus ke surga untuk mereka.

Wassalam

By skipAuthor Profile Page on January 26, 2009 6:13 AM

Good morning Tun,dah lama tak contribute dalam blog Tun. Well I just want to inform those who visit your blog that I was at one time admired UMNO and its leaders but since Abdullah took over the leadership and looking at the current leadership in UMNO, I no longer have interest in UMNO anymore, and I think a lot more malays are feeling the same way.

You just look at Najib, I do not know what is he trying to prove to the people by giving them 'sweets' everytime there is a by-election and I am telling you Tun the more he does that, the more people dislike UMNO because people are no longer 'stupid'. If Najib think that by throwing money here and there to gain support than I am afraid that is the wrong strategy. Be simple and down to earth. Jangan berlagak sombong. Kita mesti telus di dalam memperjuangkan nasib rakyat. Rakyat sekarang bukannya pak turut, they have they own mind and they can analyse which is genuine and which is fake. Just be honest!

My advice to abdullah and khairy, next time if there is an election, do not go and campaign, if they do UMNO or BN will loose. You mark my word. Rakyat dah meluat dengan mereka terutama khairy nak menunjuk-nunjuk dia pandai dan berkuasa. Salam Tun and have a nice day.

By natta.chai4Author Profile Page on January 26, 2009 7:30 AM

assalamualaikum tun,

ya setuju 100% dgn tun.Rakyat dah bosan dan geli dengan paklah and company.semua nak kaut kat depa anak beranak."contoh melalui tauladan".contoh buruk depa ini yang diikuti oleh ahli-2 umno.bila lagi nak kebas,nanti habis disapu menantu tersayang.

dsnajip pun tak nampak berwibawa,habislah umno macam ini.

tinggal kenangan je lah perjuangan atuk dan bapa-bapa kita melawan komunis,british dan jepun.last kali di baham dek melayu.habis kena jual dengan negara agen yahudi kat selatan kita.siapa dia penkhianat bangsa dan negara.habis semua hak orang Malaysai dia sapu.menantu yang menjatuhkan hak orang melayu,hak bangsa,hak rakyat dan hak umno.ini yang disayang sangat.rugi kita.

woi melayu..kalau mau tengok ketuanan melayu,mari jalan -jalan kat town hari ini.habis tutup semua pasal sedara kita beraya.bukan salah depa,salah kita jual negara..bangsa dan agama.sadarlah.esok jadi macam palestine tak guna cerita.semua bersimpati tak ada siapa mau tolong.

pada pengundi-2 terengganu,tahniah kerana tak makan sogok umno.hukumannya,harga gula naik.teruskan perjuangan.

By thlongAuthor Profile Page on January 26, 2009 8:19 AM

Tun

1. Kali ini Tun benar-benar mengakui akan perihalan kelemahan UMNO. Sebab-sebab dan mengapa UMNO sudah tidak disukai.

2. Sebelum ini Tun masih mempertahankan konon-nya rakyat Malaysia khususnya pengundi masih sayangkan UMNO dan parti pemerintah BN dan tidak berkenan pun kepada parti pembangkang.

3. Maaf Tun, telahan Tun itu mungkin tersilap untuk pertama kalinya.

4. Telah lama rakyat dan pengundi mendendam perasaan dengan keburukan pemimpin-pemimpin UMNO khususnya dan BN amnya -mementingkan diri dan keluarga, tamak jawatan, gila mengejar harta pangkat dan kekayaan, angkuh, sombong, ego dan bongkak.

5. Cuma selama ini rakyat sering ditakut-takutkan dengan bermacam-macam cara antaranya

- a. undang-undang (ISA, mesin cetak dsb),
- b. ketidak samarataan layanan sesama rakyat (penyokong pemerintah dan pembangkang)
- c. ketidakadilan layanan ke atas negeri Kelantan (sebelum PRU 12),
- d. tahanan tanpa bicara,
- e. buang kerja, tukar 24 jam!,
- f. ditahan/disekat/tarik balik kontrak,
- g. digantung pengajian, ugutan dan seribu datu macam halangan DAN
- g. kawalan solid media-media masa oleh pemerintah.

6. pemimpin UMNO dan BN selama ini berselindung disebalik semua ini - pada masa yang sama poket rakyat dirobek-robek, khazanah negara dikongsi sesama mereka dan keluarga, generasi muda khususnya bangsa Melayu disogok dengan hiburan-hiburan yang melalaikan, orang kampung hanya cukup diberi lembu, kambing, jalan tar, kain pelikat, gula, susu, tepung dan sebagainya.

7. Tun, semua ini 'wayang' dan 'sandiwara' yang telah lama dilakonkan oleh pemimpin UMNO mulai awal 90-an

8. Barangkali Tun mungkin masih mempercayai bahawa pengundi menyokong parti pembangkang hanya kerana PROTES kepada pemerintah khususnya kepada Pak Lah - bukan kerana suka kepada parti pembangkang.

9. Untuk itu, saya mengatakan Tun silap untuk kedua kalinya - PRK kecil KT telah membuktikan kesilapan Tun itu. calon bebas yang Tun katakan itu boleh menarik sokongan pengundi telah hilang wang pertaruhan!!

10. rakyat dan pengundi hari ini memilih pemimpin yang bersih, berjiwa rakyat dan mesra pengundi. (itu yang UMNO miliki pada perjuangan dahulu - sekarang telah hilang)

NAJIB

11. Akhir sekali, konon-nya Tun berkata Najib tidak boleh dipersalahkan.. ini kesilapan ketiga Tun.. sebenarnya Najib juga bukanlah pilihan rakyat - beliau hanya menjadi pilihan orang-orang UMNO! (itupun tidak tahu samada 'bersih' atau tidak dalam pemilihan)

12. Tun, akhir kalam, UMNO berada pada talian hayat yang genting sekarang ini. siapakah pemimpin yang betul2 ada dalam UMNO sekarang ini yang boleh mengembalikan kegemilangan pejuang2 terdahulu (ikhlas, jujur, adil, bersih, amanah, bijak) - pendek kata 'Berjiwa Rakyat'

13. Maaf Tun - rakyat melihat tiada seorang pun layak! - Mungkin Tun ada jawapannya.

Haji Long - Kedah

12.

By naetto92Author Profile Page on January 26, 2009 8:31 AM

With your permission Tun,

"What are we today compared to, say, Singapore or South Korea, against whom we were once far

superior? Singapore and was lucky (and Tunku Abdul Rahman was mananimous enough) so that they escaped the Malayan Federation and avoided being subject to the voracious lusts of UMNO. Mahathir did not have the opportunity to suck Singapore dry, and today he is jealous of them"

Ha ha ha... Actually, Tunku rejected Lee Kuan Yew proposal to join Malaysia. That's what I saw in Hari Ini Dalam Sejarah.

By naetto92Author Profile Page on January 26, 2009 8:57 AM

"By ana sudagar minyak atar lah on January 24, 2009 4:11 PM

Asalam'Alaikum semua, ya habibi ya maulana, ini senarai terbaru minyak atar kami. Murah dan harum, sekali cium gerenti ada sondol punya."

Wah! Wanginya.

By nookvillageAuthor Profile Page on January 26, 2009 9:50 AM

Tun,

UMNO is in a crisis. As in any form of CRISIS the actions should be taken are almost the same. Many MITIGATION programs are recommended. Take a religious factor of Prophet Noah saving human kinds as a good example to emulate. Much NEGOTIATION should be carried out with various party components. Cuban War was saved by honest negotiation by countries involved. Many COMMUNICATION works have to be done on the ground. People must be well connected with UMNO. The separate outbreak of SARs was stopped through good network of communication. UMNO should be placed by PREPARATION towards readiness. UMNO must READY for the worst. Short term chocolate strategy should be avoided, as it would not last.TQ

By HBTAuthor Profile Page on January 26, 2009 10:36 AM

Selamat pagi Tun,

As usual, sila izinkan Tun,

//By solcroft on January 23, 2009 9:38 PM//

Mr Solcroft,

//First off, Mahathir needs to be thanked for his part in "melongkangkan" the BN candidate at KT. His petulance is such that he cannot hold his tongue and restrain from an opportunity to strike a low blow at Abdullah, even though it is UMNO who suffers the consequences of his petty childishness. //

Actually those who did not vote in KT are the ones who "melongkangkan" Wan Farid, because we are patient, wait and see and smart, not Tun, dear.

//Many see the recent election results as Abdullah's failures. I say it is one of his virtues. If Mahathir was still sitting on his throne, it is very likely indeed that Anwar, RPK, and a handful of other PR leaders would have been incarcerated at University Kamunting on ridiculously trumped-up charges at the first sign of electoral success – if Anwar was ever released from his original sodomy conviction in the first place. Mahathir would like the public to believe that it was the rakyat's acceptance of him that kept him in power, as opposed to Ops Lalang, the ISA, blatant vote-rigging, amendments to UMNO's election procedures, his fostering of the erosion of the separation of powers, the ageless tradition of corruption and cronyism, and his tight-fisted totalitarian grip on power. He effectively reigned like a king, with all of UMNO beneath his thumb. The revoking of newspaper permits and the ISA were used to quash dissent. His deputy was viciously beaten to an inch of his life and imprisoned for six years. And now after his retirement, after he has reaped the full benefits of what 22 years helming a corrupt political party in power at federal level had to offer, he is now vigorously attacking his successor of the crimes he himself had pioneered.//

Since you are a great fan of Anwar, do you know that the teenagers are making fun using Anwar's name. They said, "your birthday present (Anwar) is at the door, to greet the birthday person with tis funny jokes. Who sent Anwar to ISA and 6 years jail, you better ask Anwar, he was the mastermind of his own misfortune. Is he committed to sodomy, we are waiting for the court's decision in February. Don't tell me that Anwar will repeat getting the so-called oversea experts to defend him on the case, no way man. This time it has to be 100% using our country's law and justice, no more foreigners' involvement as lawyers, witness or whatsoever.

Dam, why RPK can be released from ISA, just because he is Pak Lah's adik, tak adil lah kalau macam tu!!!

//Many may worship Mahathir for bringing about economic progress, but look around you and you will only see that we have been left in the dust by countries which we should have overtaken. Economic progress was inevitable; Mahathir was simply there at the right time. In fact, the damage he has wrought to this country is evident by how much he has held back our progress. What are we today compared to, say, Singapore or South Korea, against whom we were once far superior? Singapore and was lucky (and Tunku Abdul Rahman was mananimous enough) so that they escaped the Malayan Federation and avoided being subject to the voracious lusts of UMNO. Mahathir did not have the opportunity to suck Singapore dry, and today he is jealous of them.//

Rakyat don't worship Tun Mahathir because rakyat dah bijak and mature. I think you worship Anwar and RPK secara buta-tuli without reading the raw comments from chedet, you are lazy and ignorant aren't you? You know that commentors of chedet are not paid a single cent from Tun, thus we don't have to 'bodek' Tun as the boss. Maybe you are getting something from Anwar & PKR to downgrade Tun's leadership, am I right??

Hongkies and S. Koreans told me that we are lucky to have Tun as our PM, this economic crisis will not hit Malaysia badly. I say, maybe. However, our current PM has opened the gate to allow speculators in Malaysia. How bad we are hit, we do not know. But I think it's bad because Sime Darby is trying so hard to get bailouts (Sime businesses & Air Asia) from IJN, KLIA, MAS and Fireflyz.

Please don't say "Mahathir did not have the opportunity to suck Singapore dry, and today he is jealous of them." Tun is bijak and knows very well that the rakyat do not want to suck Singapore dry (we are still brothers and sister eventhough we have different leader), because rakyat are bind to "Kepercayaan Kepada Tuhan", that's cruel and forbidden in any religions to suck Singapore dry, are you saying that we are an "vampire"?

//Whatever Abdullah's faults, he was not the "ganas, jahat dan licik" individual that Mahathir was. He is far from a perfect man, but he willingly gave the people the voice of democracy, the chance to truly choose their leaders, and initiated desperately-needed political and socio-economic reforms. And even if he trusted Khairy Jamaluddin a tad too much for other peoples' taste, at least it was because Khairy was a far sharper fellow than that idiot, empty-headed Mukhriz. All these came at the expense of his political career and personal reputation, as the UMNO warlords from the Mahathir era opposed him every inch of the way. For his efforts he was cursed as a traitor and labeled as stupid and incompetent. His refusal to oppress the common people as thoroughly as Mahathir had done earned him hatred from the UMNO ultras. //

Huh...Abdullah is not ganas, jahat dan licik, and he is far from a perfect man, don't tipu us lah. Everyone konws that he just a Patung Mainan to you guys of democracy, decmocracy apa??

What? KJ is far shaper fellow, ai yah, he has no respect for the elders(kabinet) means that he is indeed a beruk,that is liar, no manners and no moral. Cantonese says KJ is a "muk hau yi kwun" - a beruk is a beruk eventhough it dressed like a human being, maksudnya, binatang liar adalah binatang liar, nak ubah sikap binatang ini memang tak boleh kerana ia boleh makan kita!!!

Whether Mukhriz is empty headed or not, we will see, may be Najib is the 1st PM who are not member

to any party, Mukhriz will be our second PM. Kalau Tuhan dah pilih mereka sebagai PM, suka tak suka kita terima dengan hati buka. Kalau Anwar can be the PM by twisting and spinning with the help from USA, Britain, RPK & KJ, that is not tuhan's choice, it's human choice from your gang. Mana boleh!!!!

By membrAuthor Profile Page on January 26, 2009 10:51 AM

Tun,

Pada hari pertama menjadi PM, Najib mesti memberikan kejutan kepada rakyat Malaysia dengan tindakan yang berani. Apakah bentuk tindakan itu terpulanglah kepada beliau.

Najib mesti menonjolkan sesuatu, sesuatu yang luar biasa.

Kalau tidak, rakyat masih anggap kepimpin UMNO khasnya dan BN amnya masih dalam kepompong era dan imej AAB.

Contohnya ialah lantik dan istiharkan pada hari pertama Tun Dr. Mahathir sebagai Menteri Kanan dan Menteri Penasihat.

Percayalah, kalau Najib berbuat demekian, pemulihan UMNO akan berjalan dengan lancar dan peluang UMNO dan BN dalam pilihanraya umum akan datang cerah, sangat cerah.

MALAYSIA PERLUKAN TUN DR. MAHATHIR.

By penarik127Author Profile Page on January 26, 2009 11:20 AM

Dear YABhg Tun,

Selepas kekalahan di KT, DSN mengajak ahli-ahli UMNO bermuhasabah diri agar mereka dilihat tidak berjauhan dari rakyat. Amat tepat sekali pandangan DSN itu.

Akan tetapi biarlah langkah ini melingkupi kesemua ahli dari nombor satu sampai yang tidak berjawatan. Kita tidak mahu dengar berita angin yang si anu terserempak di Dubai airport berbelanja sakan... isteri si anu baru pulang berbelanja diluar negeri dan pesawat berlepas lambat kerana isteri si anu anu terlampau banyak untuk diisi dalam perut pesawat...

Walau pun khabar angin.. ianya menentukan undi rakyat. Tidak bolehkan mereka-mereka ini listdown apakah kelakuan mereka yang jelik dimata rakyat. Undi rakyat, terutama di pantai timur masih diberi keatas penerimaan calon bukan parti. Berita-berita, walaupun hanya khabar angin, mudah ditelan oleh mereka ini.

Jadi, pemimpin UMNO kenalah kenal perangai diri dan isteri mereka.

[dari pengamatan saya ada pemimpin dan isteri pemimpin yang tidak pakai baju yang sama lebih dari sekali...setiap kali nampak di TV mesti yang berkilat dan baru... bagaimana hati rakyat nak sejuk dan menerima mereka....

Salam

By jsmAuthor Profile Page on January 26, 2009 11:34 AM

Dear Sir,

I am a very proud of you when you was my Prime Minister. I followed closely your comments in the media over issues affecting our beloved nation. Life is short and we only lived once. Umno needs your help urgently. I believe and millions other Malaysians believe that you can make the change and help Malaysia to be save from Anwar Ibrahim. No not anwar as our next PM. If what you are saying in your remarks in the post, anwar may be our country next PM. Please Sir help Malaysian from this from happening. life is short and time is running out for all of us. Stop Anwar. Stop Anwar from being the next PM. That is the

larger picture Malaysians appeal to you. I've never supported BN even though I was a silent admirer of your leadership then. But now, I will give BN my support because I don't believe in Anwar leading the opposition and the very unreliable Pakatan Rakyat.

Sir Help Us Save Malaysia. Help UMNO and BN to be the next government in the PR13. I believe you can make the difference. Stop Anwar. You have to stop him once you can do it again. "kiss and make up" for a beautiful Malaysian nation we all love and inherited. Love you Sir always. Take good care and may God grant you a very long life. Thank you.

By sg layang Author Profile Page on January 26, 2009 11:45 AM

engkau tidak akan memperoleh sebarang ilmu kecuali dengan enam perkara. 6 perkara itu ialah kecerdasan, semangat yang kental atau keras, rajin dan tabah, biaya yang cukup, bersahabat dengan guru. Ingatlah! Orang yang diberikan darjat yang mulia kerana ilmu yang ada didalam dadanya tidak mungkin diberikan harta yang melimpah kerana ilmu dan harta tidak mungkin dapat berjalan bersama atau seiring. Sudah ditakdirkan bahawa orang yang akan dinaikkan darjatnya, pasti akan diuji dengan kemelaratan. Buktinya, ramai orang yang pandai hidupnya melarat tetapi ramai orang bodoh yang hidupnya serba cukup dan kaya raya. Orang yang diberi rezeki yang mudah pahalanya sedikit, tidak terpuji dan tidak mendapat taufik.

Imam As Syafie

By Abd Bashid Harun Author Profile Page on January 26, 2009 11:53 AM

Assalamu'alaikum Tun,

Terima kasih yang tidak terhingga kepada tuan kerana tidak jemu-jemu memberi peringatan, amaran dan jalan. Terima kasih juga kerana telah merungkai kekusutan di sebalik isu PRK Kuala Terengganu yang pernah saya bangkitkan tempoh hari.

Jawapan yang diberikan serta alasan yang dikemukakan begitu konsisten seperti dahulu juga. Inilah antara sikap tuan yang menyebabkan penghormatan saya kepada tuan tidak pernah berkurangan.

Apa pun luahan rasa kebimbangan saya terhadap tindakan tuan sejak akhir-akhir ini tidak sedikit pun mengurangkan rasa hormat saya kepada tuan. Malahan apabila tuan menjawab tulisan saya, seorang ahli UMNO biasa dan penulis kerdil yang tidak berpengaruh, rasa hormat saya semakin bertambah kepada tuan. Banyak komen diajukan kepada tuan, tetapi tuan alert dan peka yang mana perlu diberi perhatian.

Seperkara lagi tuan tidak pernah menggunakan bahasa kasar dalam tulisan mahupun percakapan tuan. Tetapi bahasa dan kupasan yang diberikan begitu terkesan.

Saya sayangkan tuan selagi tuan sayangkan UMNO. Sungguhpun tuan berada di luar UMNO dan tidak menyebelahi mana-mana pihak namun jauh di sudut hati kecil saya tuan masih sayangkan parti ini dan tidak rela parti ini terkubur tanpa dibuat pembetulan yang berkesan.

Perhatian yang tuan berikan kepada UMNO dan keberanian tuan membuat teguran kepada pemimpin-pemimpin UMNO dan kesilapan beberapa keputusan yang diambil oleh pemimpin UMNO menjelaskan kepada saya bahawa tuan masih ambil berat terhadap parti ini dan mahu parti ini cepat-cepat melakukan perubahan.

Jika orang sudah bencikan UMNO dia akan meninggalkannya terus tanpa mengambil tahu lagi apa yang akan berlaku kepada parti ini. Tetapi saya nampak tuan tidak begitu.

Tindakan tuan berada di luar UMNO tidak berupaya saya ikuti sebab tuan telah mengajar saya selama 22 tahun erti sebuah kesetiaan kepada parti. Tetapi biarlah tuan sahaja yang bertindak begitu sebab tuan sahaja yang mempunyai kekuatan untuk berbuat begitu.

Seperti yang selalu saya tuliskan dalam blog saya, tuan nampak apa yang saya tak nampak dan kalau nampak pun mungkin apa yang saya lihat tidak sama dengan apa yang tuan lihat.

Kepemimpinan tuan selama 22 tahun telah begitu terkesan di hati saya. Tuan sedikit sebanyak telah mempengaruhi cara berfikir dan bertindak saya. Tuan mengajar saya erti sebuah perjuangan.

Tetapi sayang saya kepada tuan tidak melebihi sayang saya kepada UMNO. Tuan mendakwa apa yang tuan lakukan kerana kecintaan tuan kepada UMNO dan bangsa Melayu. Begitu juga dengan saya, apa yang saya lakukan juga kerana sayang saya kepada UMNO.

Cuma sayang tuan kepada UMNO besar kesannya kepada UMNO itu sendiri sedang sayang saya kepada UMNO hanyalah melukut di tepi gantang, tak menambah dan tak mengurang pun.

Meskipun dalam kedudukan yang begitu saya masih mahu berperanan membantu UMNO. Saya akan bantu walaupun bantuan itu hanya berupa sebaris ayat dan sekelumit idea yang ditulis dalam blog saya.

Seperti juga tuan, saya tak suka UMNO itu lemah. Terus terang saya nyatakan hiba hati saya melihat apa yang berlaku kepada UMNO sekarang ini. Tetapi lemah atau kuat parti ini, bermasalah atau berpotensi parti ini, parti ini tidak boleh dibiarkan. Insyallah saya, isteri saya dan anak-anak saya akan kekal di dalamnya selama mana UMNO itu masih ada hayatnya .

Tak semua orang sukakan parti yang lemah. Tetapi kita tak boleh hanya suka kepada parti semasa ia kuat sahaja. Semasa parti ini kuat banyak sumbangan yang diberikan kepada kita sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kita banyak bergantung harapan kepadanya. Jadi dalam keadaan lemah, parti tidak wajar dipinggirkan, sebaliknya ia perlu dibantu.

Saya percaya apa yang saya lakukan dalam kadar kemampuan saya adalah sama dengan apa yang tuan lakukan dalam kadar kemampuan tuan. Dalam tujuan untuk memulihkan semula kekuatan UMNO tidak ada bezanya tindakan si kecil seperti saya dengan tindakan insan berpengaruh seperti tuan.

Mudah-mudahan kita tidak jemu-jemu membantu UMNO dengan cara masing-masing. Saya sayangkan tuan, tetapi saya lebih sayangkan UMNO. Saya percaya tuan juga lebih sayangkan UMNO daripada Pak Lah.

Jika Pak Lah menjadi punca seperti dakwaan tuan, selepas Pak Lah berundur dari jawatan dalam parti dan kerajaan, sertailah semula UMNO. Jika tuan mempercayai Pak Lah melakukan kesilapan, saya percaya DS Najib tidak akan mengulanginya. Sesungguhnya saya rindukan suara Tuan dalam UMNO.

Salam hormat,

Abd Bashid Harun

By watcherAuthor Profile Page on January 26, 2009 11:58 AM

i don't know what to say anymore.the UMNO leaders especially pak lah may be too blind to see the thruth that the RAKYAT is disgust with them now.eventhough they lost in KT, they still does not accept the reality that the RAKYAT had totally reject their miserable and totally disfunctional leadership. if the current leaders in UMNO continues to daydreaming and think that the RAKYAT are fool they are absolutely wrong!the RAKYAT nowadays are more wiser.

If the so-called BN leaders does not change their attitude and start to walk on the right path and do something that is beneficial to RAKYAT instead of finding the wrongs done by the pakatan rakyat (PR), i am afraid to say that they may lost in the next general election..

So wake up from your dream BN leaders..

By watcherAuthor Profile Page on January 26, 2009 11:59 AM

i don't know what to say anymore.the UMNO leaders especially pak lah may be too blind to see the thruth that the RAKYAT is disgust with them now.eventhough they lost in KT, they still does not accept the reality that the RAKYAT had totally reject their miserable and totally disfunctional leadership. if the current leaders in UMNO continues to daydreaming and think that the RAKYAT are fool they are absolutely

wrong!the RAKYAT nowadays are more wiser.

If the so-called BN leaders does not change their attitude and start to walk on the right path and do something that is beneficial to RAKYAT instead of finding the wrongs done by the pakatan rakyat (PR), i am afraid to say that they may lost in the next general election..

So wake up from your dream BN leaders..

By MadudAuthor Profile Page on January 26, 2009 12:30 PM

Salam Alaikom, Tun yang di hormati dan di sanjungi.

UMNO dan melayu tak boleh dipisahkan, UMNO pemimpin bangsa melayu tetapi Pemimpin2 dlm UMNO telah lupa... sebagai mana Tun pernah kata, Melayu Muda Lupa.

Masa`alah UMNO ialah, mereka lupa peranan sebenar sebagai ahli UMNO ia itu berkerja untuk bangsa, agama dan negara,.. bukan bekerja untuk ahli2 sahaja.

Dari peringkat atasan hingga laa ke cawangan, keadannya sama. Masing2 nak pertahankan kedudukan demi apa? kalau kedudukan tidak menjamin bertahan sebagai kerajaan,, apa guna nya?

Tindakan drastic perlu tapi tidak sampai menggugat kedudukan seperti Khir Toyo memberi penyapu. Dia sendiri pun kena sapu,,.

Takkan kedudukan hanya untuk tanda tangan surat cuti bersalin atau mohon bantuan kebajikan masyarakat? Peringatan ini di tujukan pada ahli2 UMNO yg memilih pemimpin2 mereka. Malu lah pada anak cucu andai UMNO tewas di PRU14.

Tak berkata kelemahan2 UMNO lagi, belum disentuh soal IQ pemilih2 lagi. cetek dan singkat.

sekian buat masa ini

Terima kasih

By Pencetak SinarAuthor Profile Page on January 26, 2009 1:15 PM

Salam Tahun Baru Buat Yang Berbangsa Cina dan semua rakyat Malaysia,

Tun,

Dengan kebenaran, popular menjadi sangat tidak penting. Teruskanlah perjuangan menegakkan kebenaran. Moga semua kesilapan lampau akan dilupakan dan yang tinggal hanyalah semangat perjuangan tulus.

By Ahmad RangkutiAuthor Profile Page on January 26, 2009 1:20 PM

Assalamu'alaikum.

Tun,

Pemimpin-pemimpin UMNO sekarang mahupun yang memegang jawatan menteri ataupun tidak, ramai dari mereka yang BODOH TAK BOLEH DIAJAR DAN PANDAI TAK BOLEH DIKUT. Saya juga yakin UMNO akan HANCUR dengan adanya pemimpin-pemimpin seperti ini.

By amirshahAuthor Profile Page on January 26, 2009 1:30 PM

Salam Tun Dr. Mahathir,

Saya juga merupakan rakyat yang menyokong UMNO hingga kini. Alhamdulillah, setakat ini saya telah menunaikan kewajipan saya sebagai rakyat dalam dua pilihanraya sebelum ini. Kekalahan UMNO di Kuala Terengganu cukup menyedihkan, walaupun begitu saya perhatikan dalam sudut yang positif untuk kebaikan UMNO itu sendiri

(a) rakyat menolak kepemimpinan rasuah, oleh sebab itu rasuah perlu di banteras secara menyeluruh

(b) UMNO perlu pemimpin-pemimpin muda yang lantang dalam memperjuangkan hak agama, bangsa dan negara. Dalam diri saya ini, lahir satu semangat tulen untuk menceburi bidang politik demi memperjuangkan agama, bangsa dan negara. Saya ada satu cita-cita ingin menjadi Perdana Menteri dan ingin melakukan perubahan secara menyeluruh, tetapi apakan daya saya untuk pergi ke tahap itu, jika rasuah memainkan peranan untuk maju ke depan. Arwah ayah saya merupakan pejuang kemerdekaan, dan telah melakukan sedaya upaya untuk memberi imej UMNO itu terbaik, tetapi malangnya pemimpin tertentu rosakkan segalanya. Pemimpin-pemimpin muda di perlukan tetapi perlu mempunyai beberapa sifat penting, antaranya ikhlas, jujur, pengorbanan, mesra, dan yang seumpama dengannya.

(c) rakyat marah kerana sumber ekonomi mereka terjejas, ini salah satu faktor yang memberi impak besar. apa yang pemimpin ceritakan, tidak seperti yang di gambarkan oleh rakyat

(d) pentadbiran yang di kepalai tunjang Islam perlu diutamakan. Jangan permaikan agama untuk kepentingan politik.

(e) pemimpin perlu memahami permasalahan rakyat. antaranya, perlu lebih kerap melawat kawasannya, mungkin seminggu dua kali atau lebih. melawat kawasan bukan bermakna duduk di pejabat, tetapi melawat ke kampung-kampung dan berjumpa dengan rakyat susah terutamanya. banyakkann aktiviti ceramah agama yang bebas politik dari ceramah pihak-pihak tertentu yang menggunakan agama untuk kepentingan tertentu. jika berkesempatan, hadirlah pada solat jumaat di kawasan tersebut, samaada menjadi imam atau khatib, atau sekurang-kurangnya menjadi makmum. selepas solat bolehlah beramah mesra dengan jemaah terutamanya seperti mana yang berlaku di kawasan ADUN saya.

(f) pemimpin perlu lantang dan garang, dalam memperjuangkan hak-hak agama kita, bangsa dan negara. apa yang saya perhatikan, baik pemimpin dari parti pemerintah, dan juga pemimpin dari parti pembangkang yang beragama Islam, hanya mengikut rentak parti dari kaum lain.

(g) pemimpin perlu berkeadaan sederhana dan tidak perlu tunjuk elit

(h) arwah saya pernah berkata, perjuangan agama paling utama, perjuangan identiti bangsa juga utama. pemimpin perlu kembalikan semula kekuatan bahasa melayu.

(i) pemimpin perlu menjaga ekonomi rakyat dengan baik

Sebenarnya banyak lagi, tetapi mungkin di atas antara yang utama. Saya sebagai rakyat yang pernah hidup susah dan Alhamdulillah kerana perjuangan pemimpin yang mengutamakan keperluan pendidikan kepada orang kampung, telah mengubah saya menjadi manusia yang berguna buat masyarakat. Saya berdoa pemimpin mana pun selepas ini, perlulah bijak dalam memimpin negara. Jika politik yang terumbang-ambing ini pulih, kita berharap kepimpinan muda bangkit dengan lantang untuk memperjuangkan UMNO seadanya.

By zapAuthor Profile Page on January 26, 2009 1:59 PM

A'kum Tun,

I get how you feel towards the subject that you wrote. I can feel your frustration and disappointment that BN lost the by-election.

The issue here is with the CEO of BN, as what happened in all troubled major corporation/entity, as cited numerously by many leadership guru, the CEO or the head of the corporation must rolled to make way for new leadership. In this case, Pak Lah must vacant the position asap in order for new leadership.

I am liking Pak Lah to the fairy tale by Danish poet and author Hans Christian Andersen about an emperor who unwittingly hires two swindlers to create a new suit of clothes for him, The tale titled "The Emperor's New Clothes".

The synopsis goes like this, an emperor of a prosperous city who cares more about clothes than military pursuits or entertainment hires two swindlers who promise him the finest suit of clothes from the most beautiful cloth. This cloth, they tell him, is invisible to anyone who was either stupid or unfit for his position. The Emperor cannot see the (non-existent) cloth, but pretends that he can for fear of appearing stupid; his ministers do the same. When the swindlers report that the suit is finished, they dress him in mime. The Emperor then goes on a procession through the capital showing off his new "clothes". During the course of the procession, a small child cries out, "But he has nothing on!" The crowd realizes the child is telling the truth. The Emperor, however, holds his head high and continues the procession. (ciplak from Wikipedia).

In the case of Pak Lah, the "two swindlers" come in many forms, the list can be very exhaustive. I am sure we all know or can name at least five.

Most of us has been or are being the small boys, we have been shouting, I think Tun does the most but to no avail. In my average mind, maybe we all can send him a copy of this book and maybe if, just maybe by receiving a mass quantity of the book would compel him to read and understand his position right now..

Just a thot....

By shaharuddin mohd isaAuthor Profile Page on January 26, 2009 2:29 PM

Tun,

Saya terpaksa bersetuju dengan pandangan Tun. Saya awal-awal lagi telah bertekad untuk tidak mengambil bahagian sekali lagi pada PRU-13 ini.

UMNO telah banyak menyimpang. Dulu UMNO berjuang untuk orang Melayu. UMNO sekarang hanya berjuang untuk ahli UMNO.

Perubahan pimpinan pada Mac ini sudah tidak bermakna lagi bagi saya.

Terima kasih.

By zeezahariAuthor Profile Page on January 26, 2009 2:33 PM

Salam Buat Tun

Saya ingin bertanya kepada Tun dewasa ini pengundi2 muda tidak memihak kepada BN mengapa kah jadi begini. Apabila dikatakan tentang pembangunan mereka akan kata itu tanggungjawab kerajaan. Apakah "PENARIK" (yg dikatakan Tan Sri Muhyuddin) yang Tun agak perlu diajukan kepada mereka ini. Ingin pertolongan Tun mencari intipati Penarik untuk UMNO sebelum UMNO berkubur. Saya terlibat dalam PRK Terengganu dan dapati pengundi silence. Memang benar kata Tan Sri Muhyuddin bahawa kita sudah tiada Penarik oleh itu Tun diharap pecah kan otak dan berbincanglah dengan advisor2 Tun supaya UMNO tidak berkubur. Saya kasihan dengan Dato' Najib berhempas pulas di Terengganu. Tolong Tun

By ,Melayu merantauAuthor Profile Page on January 26, 2009 3:31 PM

""RENUNG-RENUNG WAHAI ORANG UMNOINGAT DAN JANGAN SELALU BONGKAK DENGAN KUASA YANG ADA""

KEKALAHAN ORANG ANWAR IBRAHIM DAN BUKAN KEKALAHAN NAJIB

Thursday, January 15, 2009

CALON PAS MOHD ABDUL WAHID ENDUT MENANG PILIHANRAYA KECIL PARLIMEN KUALA TERENGGANU DENGAN MAJORITI 2,631 UNDI-BERNAMA

Tidak perlu ditangisi kekalahan pilihanraya kecil Kuala Terengganu ,pilihanraya kecil kedua sejak

Pilihanraya Umum 2008. Ini adalah rangkaian kehilangan kepercayaan rakyat yang belum pulih terhadap BN tetapi tidak seharusnya menjadi ukuran kepada populariti Datuk Sri Najib yang akan mengambilalih pucuk kepimpinan negara Mac depan.

Ini boleh dianggap sebagai rakyat terus menolak kepimpinan yang ada sekarang kerana Calun BN Wan Ahmad Farid Wan Salleh diketahui sebagai orang kuat Khairy Jamaluddin yang tidak popular di kalangan masyarakat umum dan Wan Farid juga adalah rakan baik kepada Anwar Ibrahim (PKR).

Perubahan sikap rakyat yang jelas tidak lagi conformist kepada BN sukar untuk dipulihkan serta merta. Ini semua adalah kerana kesan mendalam kejayaan media BN sendiri terutama TV3,NST,SUN dan juga STAR mengexploitasi kebebasan baru yang diperkenalkan oleh Abdullah Badawi membangkitkan perasaan keugamaan dan perkauman di kalangan bukan Islam dan juga bagi membantu percaturan kepentingan politik gulongan tertentu dalam parti.

Oleh kerana mereka semua adalah akhbar atau media yang diketahui didukung oleh parti parti komponen BN maka mereka menjadi sangat berkesan dalam menghakiskan keyakinan rakyat terhadap BN sama seperti keberkesanan bekas Perdana Menteri Tun Dr.Mahathir meminta pengundi mengurangkan kerusi BN dalam Parlimen. Mereka telah membantu mengesahkan prasangka buruk rakyat terhadap kerajaan sendiri.

Ini bukanlah kerana kepercayaan orang kepada media pembangkang tetapi kerana media kerajaan yang selama ini bekredibiliti beralih memainkan peranan pembangkang sebelum pilihanraya 2008.

Kepincangan pentadbiran kerajaan seperti rasuah, penyalahgunaan kuasa, kelalaian pegawai kerajaan,kecurangan polis dan peningkatan jenayah dan lain lain keburukan yang didedahkan atas nama kebebasan telah menjadikan TV 3 popular dan dan akhbar akhbar yang didukung oleh BN meningkat pasarannya terutamanya STAR dan SUN kerana dilihat menjadi sebagai juara kebebasan.

Dalang besar dibelakang kebebasan ini ialah NST yang Ketua Pengarangnya Kalimullah Musheerul Hassan di ketahui mempunyai hubungan special dengan Perdana Menteri Datuk Sri Abdullah Badawi.

Kebebasan ini tidak terkawal lagi kerana dalam memperkenalkannya(kebebasan) , kerajaan tidak dapat menjangka apa yang akan berlaku dan tidak tahu dan tidak bersedia untuk mengatasi cabarannya. Kebanyakan jentera kerajaan berada dalam kebengongan kerana pada fahaman mereka itulah corak kebebasan yang dikehendaki oleh Abdullah Badawi.

Lebih buruk lagi TV3 telah menggunakan kebebasan itu untuk mempromu dan menjatuhkan pemimpin pemimpin dalam parti sendiri yang telah di indentify sebagai berpontensi untuk menjadi musuh politik kepada Abdullah dan juga menjadi halangan kepada Khairi Jamaluddin untuk maju dengan licin kearah menjadi Perdana Menteri Malaysia yang termuda.

Contoh yang jelas lagi bersuloh dalam hal ini sebagai korban ialah Menteri Besar Selangor Mohd Khir Toyo dan juga bekas Menteri Besar Kedah Datuk Sri Syed Razak . Kedua dua mereka telah diburukan dengan sebab yang terbukti sekarang ini iaitu Khir Toyo sebagai pencabar yang merbahaya kepada Khairi Jamaluddin untuk jawatan Jawatan Ketua Pemuda. Maka itu ia mesti dibunuh lebih dahulu.

Dan Syed Abdul Razak Menteri Besar Kedah perlu di korbankan untuk digantikan dengan Mahathir Khalid bekas Setiausaha Politik Abdullah Badawi yang mempunai kesetiaan tidak berbelah bagi kepada Khairi .

Tidak ada sesiapaupun dapat menapikan bahawa Syed Razak telah berjaya memulihkan sokongan pegawai pegawai kerajaan negeri Kedah dan memulihkan sokongan rakyat kepada UMNO di negeri Kedah yang telah diganggugugat sebelumnya oleh Menteri Besar Sanusi Junid.

Kedhaliman yang dilakukan oleh TV3 terhadap Syed Razak tidak ada taranya. Mereka cuba

membunuhnya ketika dia sedang terlantar menjalani rawatan angin ahmal di hospital. Beliau yang dalam keadaan lumpuh telah didedahkan di kaca TV untuk membuktikan tidak lagi berdaya untuk meneruskan tugasnya disamping dicemoahkan dengan berbagai cerita buruk. Hal ini tidak akan dilakukan oleh orang yang bersifat manusia tetapi inilah yang telah dilakukan oleh TV3.

Akhbar the Star dan Sun yang percaya Ketua Pengarang NST Kalimullah mendapat kepercayaan penuh dari PM telah menjadikan NST sebagai panduan dan melakukan apa yang tidak berani dilakukan oleh NST kerana tidak mahu terlalu terdedah peranannya.

Kalimullah benar benar telah menggunakan kepercayaan Abdullah Badawi kepadanya dengan menggunakan beberapa orang wartawan India untuk memburukan orang Melayu dan UMNO dan mempromokan semangat Hindu sehingga tercetusnya Hindraf dan terasingnya MIC dari aliran perdana.

Sikap bongkak Kalimullah ini telah menyebabkan satu kumpulan wartawan Melayu telah meninggalkan NST secara serentak.

Bagaimanapun Abdullah Badawi lebih percaya kepada Kalimullah dari wartawan wartawan Melayu ini yang berakhir dengan orang Melayu di seluruh negara menarik balik kepercayaan mereka kepada Abdullah.

Apakah hasil yang diberikan oleh Kalimullah kepada Abdullah kecuali keburukan dan penghinaan berpanjangan kepada seorang manusia yang diketahui sebagai "Mr Nice" dengan penyingkiran secara beradab dari jawatan Perdana Menteri.

Abdullah Badawi tidak seharusnya menerima nasib ini jika beliau mempunyai penasihat yang berpengalaman dan jujur dari awal.

Banyak lagi bukti yang boleh dikemukakan tentang dosa yang dilakukan oleh media BN sendiri yang memberi kesan buruk dalam menghakiskan keyakinan asas rakyat kepada Perikatan dan BN yang disemai dan dipupuk bagitu susah payah sejak zaman Tunku Abdul Rahman, di mantapkan oleh Tun Razak, di kawal oleh Hussein Onn dan diberikan maruah oleh Tun Mahathir Muhammad tetapi semuanya telah hancur berkecai dalam masa pemerintahan Abdullah Badawi.

Keadaan berkecai inilah yang diwarisi oleh Datuk Sri Najib yang tidak mungkin untuk cantumkan semula melalui satu dua pilihanraya kecil dan dalam masa yang bagitu singkat. Beliau tidak dapat menunjukkan stratijinya sebelum berkuasa penuh.

Dalam menghadapi keadaan ini, sekarang kita dapat melihat setelah melakukan dosa besar ,setelah nasi menjadi bubur maka media BN yang terlibat cuba untuk membersihkan diri dengan menunjukkan sikap jinak dengan Datuk Sri Najib yang juga telah mereka cuba cemarkan sebelum ini. (ini adalah keharusan dalam politik).

Dalam dua pilihanraya kecil, TV3 telah menunjukkan sokongan yang terus terang dan tidak lagi menunjukkan keberanian bersikap bebas seperti sebelum pilihanraya 2008. Jika sikap serupa ini diambil sebelumnya, BN tidak akan menghadapi kekalahan yang terburuk dalam sejarah seperti yang berlaku pada pilihanraya 2008.

Pemimpin yang mahu menjamin masa depan bangsa dan agamanya dan mahu menebus kembali maruah yang tercemar tidak akan memaafkan perbuatan mereka itu. Kerosakan yang mereka lakukan sangat besar dari segi merongkaikan ikatan perpaduan suatu bangsa dan dalam menghacurkan tunggak negara yang telah dibina dengan semangat tinggi, darah dan airmata.

Mereka boleh menutup kesilapan mereka di mata rakyat tetapi tidak seharusnya mereka dapat menutup mata kepimpinan negara yang menerima tekanan, rintihan dan kemarahan rakyat atas perbuatan mereka. Pengendali pengendali yang terlibat ini mesti dikenali dari sekarang. Mereka telah tersesat jalan

kerana memahami kebebasan adalah untuk peningkatan pemasaran termasuk pemasaran maruah UMNO sehingga menjadi parti yang tidak lagi berkredibiliti.

Kenyataan Najib bahawa UMNO tidak bersifat perkauman dan UMNO adil kepada semua kaum sudah tidak diterima lagi. Sentimen yang berombak dan ganas tidak lagi dapat melihat kebenaran dan rasional disebalik kata kata ini.

Penangkapan wartawan Sin Chew di bawah ISA untuk menahan ombak ini adalah suatu kesilapan besar yang amat memalukan negara. Tidak pernah dalam sejarah negara penangkapan dibawah ISA dilakukan secara olok olok. Yang ditangkap ikan bilis yang tidak berpengaruh tetapi mereka yang bertanggungjawab membangunkan gulungan wartawan yang chauvinis masih bebas lepas hingga kehari ini.

Kenapa tidak ditangkap Kalimullah bekas Ketua Pengarang NST atau Wong Chun Wai Ketua Pengarang The Star dan juga Ketua Pengarang SUN yang menjadi musuh rakyat kerana peranan mereka yang agresif, provokatif dan ganas dalam meruntuhkan tunggak negara. Kekalahan Parlimen Kuala Terengganu adalah satu lagi bukti betapa fahaman perkauman yang dipromokan oleh pengarang pengarang ini meninggalkan kesan yang berpanjangan.

Dalam keadaan kalah ini kita mahu bertanya siapakah yang menasihatkan Khairi untuk membawa Pasport kepada Anwar Ibrahim selepas dia dibebaskan, siapakah yang menasihatkan supaya suruhanjaya penyiasatan Linggam ditubuhkan yang menyebabkan orang tidak lagi percaya kepada kes liwat Anwar dan kredibiliti perundangan dan kehakiman yang juga menyebabkan kekalahan besar dalam pilihanraya lalu?

Nasihat siapakah sehingga menyebabkan kerajaan pimpinan Abdullah Badawi dilihat sebagai hendak bersaing dengan pemerintahan Tun Dr. Mahathir dan sebagai hendak membalas dendam kepada Tun Dr. Mahathir?

Tidakah Wan Ahmad Farid bersama dengan Khairi Jamaluddin dan Kalimullah terlibat dalam konspirasi ini?

Sesungguhnya kekalahan Wan Ahmad Farid adalah satu rahmat kepada Datuk Sri Najib dan alamat buruk kepada Anwar Ibrahim. Allah maha mengetahui.

By azri abu bakar Author Profile Page on January 26, 2009 5:18 PM

Salam Tun, saya pernah baca artikel dlm blog Tun bahawa jika ada seseorang itu yang bergelar Ir, Dr, Ar atau apa-apa status mereka dah confirm tidak akan diambil, dilantik, diketengahkan menjadi pemimpin kerna mereka takut kedudukan mereka tergugat. Sesuai dgn petikan dan pesanan arwah sasterawan kita yang baru meninggalkan kita buat selama-lamanya, anak allahyarham ada berkata dlm pesanan ayahnya supaya bangsa Melayu mengekalkan zuriatnya dan kesinambungan Kemelayuan agar tidak pupus di seantero Semenanjung Tanah Melayu dari sebelah utara tanah air membawa kepulauan gugusan Kemelayuan. Begitu juga dlm petikan akhbar perdana yang lepas-lepas dlm ruangan tengah ada di beritahu yang jutawan Amerika cthnya Donald Teramp (slang Melayu) bahawa harta yg dimilikinya boleh membeli Malaysia yang seramai 27 juta penduduknya, jika pandangan ini tidak diambil iktibar lambat laun akan pupuslah bangsa kita kerna dgn mudah di beli oleh penyangak yg bergelar pemimpin. Kerna ada duit semua jadi. Maka moral of the story adalah penyakit duit yg disalahgunakan ini atau \$ politic akan menghancurkan negara dan bangsa yg telah di pupuk hampir 52 tahun ini. Tiada guna dilaungkan slogan bersih, cekap dan amanah (B, C, A) kerna apabila laporan di buat yg masuk dlm berita hanyalah ikan bilis, sotong kecil, udang kecil yang baru nak berjinak dlm tindakan tak bermoral. Jerung terlepas, King Cobra terlepas dari jaring kerna jaring yg digunakan kurang baik kualitinya (mudah rapuh dan senang koyak) bukannya apa memang ada tangan-tangan ghaib yg merosakkan jaring atau pukat yang dipasang tadi. Jadi siapa harus dipersalahkan. Tiap-tiap kali ulasan pemimpin tertinggi kita harus jauhi rasuah, \$ politik dll. Jadi ibarat jari telunjuk, kelingking berkait. Sesuai dgn lagu kumpulan Blues Gang nyanyian Ito, "Apo nak dikato, air laut bertambah masin kat pantai Port Dickson". Dalam maksudnya dimana pemimpin harus berani menyatakan pendirian utk benteras segala-gala penyelewengan. Kenapa pilihanraya KT gagal, jawapannya hanya rakyat yang di bawah dan Allah saja yg tahu. Kerna jawapan ada

di jari -jemari rakyat yang memangkah samada BULAN atau DACING yg senget sikit pada pandangan mata kasar,kerna tidak di servis DACING tu.Servis dlm ertikata di muhasabah balik,100% modified DACING itu kerna hanya ada plihanraya kecil baru muncul pemimpin "mee segera"kalau tak tak kan ada muka-muka sebegini.Tabur sana sini,janji sana sini,semua yg indah-indah belaka tapi realitinya sangat pahit utk di telan apa juga teguran,komen dan ketidakpuasan rakyat terhadap pemimpin,maka Tun yang dikasihi yang berpandangan jauh 100 ke 1000 tahun ini tinggalkan lah segala macam idea,pesanan untuk anak bangsa kita Muslimin dan Muslimat agar jihad Tun dan saudara-saudara kita tidak ditindas di bumi Malaysia yang tercinta ini.Salam hormat dari saya wasalam buat Tun yang berjasa untuk bangsa kita.Amin.

By azri abu bakar Author Profile Page on January 26, 2009 5:35 PM

Salam Tun adalah jurutera pemikir insaniah utk bangsa Melayu khasnya dan Malaysia keseluruhannya dan kesejagatn umat manusia.Tun berpandangan jauh melepasi sempadan.Tidak terfikir kita utk menjadi satu bangsa yg ada produk keluaran anak tempatan yg di bina pada tahun 1984.Masa tu ramai yg memandang rendah usaha Tun ini,saya menoleh kebelakang kisah ini kerna ia akan menjadi satu sejarah buat Malaysia yang pernah menjadi pelopor di bidang pembuatan kereta dgn hasil daya fikir anak tempatan,jadi sama-samalah kita memboikot barangan buatan Israel dan Amerika yg banyak menindas bangsa dan Agama kita Islam.Teruskanlah berkarya Tun agar tulisan tinta Tun dapat dijadikan panduan dan pedoman dan tidak lupa sebagai seorang Dr perubatan Tun pasti tahu ubat mana yang harus dimakan utk menjaga kesihatan dan juga penyakit mana yang harus dihindarkan spt penyakit rasuah,penyakit \$ politik dll penyakit yang boleh diubati kita selain berdoa setelah kita memakan ubat tsbt.Wasalam buat Tun dan famili agar dilindungi Allah sentiasa.Wasalam.

By ark Author Profile Page on January 26, 2009 5:53 PM

Tun yang saya kagumi,

A'kum wbt...

Saya baru pertama kali melawat PUTRAJAYA yang diheboh-hebohkan oleh musuh Tun sebagai binaan yang membazir dan tidak berfaedah. Apa yang saya dapat lihat dan kagum adalah inisiatif Tun yang sungguh tidak ternilai dan amat unik kepada seluruh rakyat Malaysia sehingga yang terkecil kepada yang terbesar. Seheinggakan penginapan kakitangan kerajaan peringkat sokongan dapat menikmati kemudahan penginapan yang begitu selesa. Ada juga pegawai kumpulan A yang di tempatkan sementara di Blok-Blok kakitangan sokongan tidak ingin/merungut untuk dipindahkan ke kediaman teres yang di khaskan kepada mereka.

Pengkritik-pengkritik dan sesiapa sahaja yang dijolok untuk membenci Tun akan sentiasa dan akan tetap tidak akan menyokong Tun walaupun apa yang Tun lakukan akan menguntungkan mereka dan generasi mereka.

Allah akan senantiasa menyukarkan/menyusahkan hidup mereka kerana mereka ini sentiasa tidak pernah berterima kasih dan bersyukur.

Apa yang dapat saya lihat dan amati, pemikiran Tun melangkaui zaman dan sukar utk diterjemahkan oleh pengkritik-pengkritik Tun sebagai mengkagumkan.

UMNO pada kedudukan sekarang adalah paling tidak selamat dan akan berkubur pada PRU13. DSNTAR akan mengambilalih pucuk pimpinan yang sukar utk disembuhkan dalam jangkamasa terdekat.

UMNO sekarang cukup berbeza dari dahulu, Ahli hanya banyak di atas kertas, ahli yang aktif dan sanggup berkorban boleh dibilang dgn. jari. Dulu majoriti ahli adalah ahli yang aktif dan sanggup melakukan apa saja kepada parti tanpa mengharapkan imbuhan sehingga hendak dipilih sebagai Ketua Cawangan pun sering menolak dan tidak sanggup. Sekarang amat berbeza, sanggup bergadai, rasuah, memfitnah, bermusuh dan pelbagai lagi kelakuan yang merosakkan Parti UMNO.

UMNO sudah tidak ada lagi umphh kepada Bangsa Melayu... sudah hilang seri dan taringnya... termasuk

kepada saya sendiri yang ikut jejak Tun dan saya percaya banyak lagi yang mengikut jejak Tun utk berdiam diri.

Sekian wasalam.

Hidup Tun

By RAAuthor Profile Page on January 26, 2009 9:14 PM

Salam hormat Tun,

Pandangan-pandangan Tun terhadap kewibawaan UMNO dan Barisan Nasional selama ini dilihat amat kritis dan berpandangan jauh. Kepada rakan-rakan blogger yang menganggotai UMNO seharusnya meneliti dan menilai secara terbuka segala komen-komen yang diutarakan oleh Tun terhadap status UMNO dan Barisan Nasional semenjak diterajui oleh YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi dan selepas PRU 12 dan kedua-dua PRK (Permatang Pauh dan Kuala Terengganu). Bagi saya yang amat menyayangi UMNO semenjak dahulu lagi menerima segala kritikan-kritikan dari semua pihak (Barisan Nasional dan pihak pembangkang) secara pemikiran yang terbuka dan membuat penilaian sendiri terhadap kebaikan dan keburukan yang dilontarkan oleh pihak-pihak pengkritik. Sudah menjadi kelaziman segala kritikan sudah tentu ada unsur-unsur positif dan negatif. Ahli dan penyokong parti UMNO dan Komponen Barisan Nasional sepatutnya sudah begitu matang membuat penilaian. Saya percaya Tun masih dan amat sayangkan UMNO dan Barisan Nasional yang pernah beliau terajui selama 22 tahun. Cumanya selepas peralihan kuasa beliau dan ramai ahli dan penyokong UMNO dan Barisan Nasional merasa amat kecewa dengan arah tuju yang dibawa oleh kepimpinan utama yang baru kerana menampakkan tiada ciri-ciri kesinambungan kepimpinan terdahulu yang telah terbukti membawa kejayaan kepada parti (UMNO dan Barisan Nasional) dan kemajuan negara pada keseluruhannya. Sehingga kini segala petunjuk sudah amat jelas bahawa sokongan terhadap UMNO dan Barisan Nasional semakin menurun dan perlu kepada suatu usaha secara drastik untuk memulihkan kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap kepimpinan UMNO dan Barisan Nasional. Saya percaya inilah sebab-sebab utama Tun berterusan melontarkan kritikan-kritikan yang pedas dan tajam untuk memberi ingatan kepada kepimpinan tertinggi UMNO dan Barisan Nasional. Malangnya sehingga kini kepimpinan tertinggi (UMNO dan BN) masih lagi memekakkan telinga dan gagal berbuat sesuatu untuk memulihkan kewibawaan parti (UMNO & BN). Maka hasil daripada tindakan itu UMNO dan BN semakin jauh dihati ramai penyokong dan rakyat Malaysia amnya. Naib Presiden UMNO YB Tan Seri Muhyiddin Yassin baru-baru ini mengeluarkan kenyataan bahawa UMNO dan Barisan sudah mula kehilangan daya tarikan (tak ada umh.. lagi seperti dulu). Kepimpinan UMNO dan Barisan Nasional perlu ubah sikap secara drastik jangan terlalu rasa selesa, bertindak angkuh, materialistik dan pentingkan diri sendiri dan konco-konco dari penyokong kedudukan mereka dalam politik. Inilah diantara elimen-elimien dan amalan yang sangat dibenci oleh majoriti penyokong dan rakyat pada amnya terhadap UMNO dan Barisan Nasional.

Parti pembangkang (khususnya Pakatan Rakyat) sebenarnya tidak sekuat dan segagah mana. Mereka juga tidak menduga beroleh kemenangan dalam PRU 12 yang lalu. Pengundi sudah seperti tiada pilihan lain disebabkan merasa kecewa terhadap kewibawaan UMNO dan Barisan Nasional yang terjejas teruk dan mengambil keputusan membuat percubaan mengundi parti pembangkang. UMNO dan BN amat perlu berubah dalam jangka masa terdesak ini, jika tidak PRU 13 kemungkinan besar UMNO dan BN akan hilang dan berkubur.

Ada kenyataan dari kepimpinan pembangkang yang kononnya mahukan peralihan kuasa dalam UMNO dan BN tidak berlaku seperti yang dirancang dimana Perdana Menteri sedia ada diminta terus menerajui kerajaan sedia ada. Ini permainan dan helah politik yang amat merbahaya untuk masa depan UMNO dan BN. Dengan kelemahan-kelemahan yang nyata kepimpinan UMNO dan BN di masa kini memberi ruang kepada parti-parti pembangkang menanggung di air keruh dan mengaut keuntungan. Kepimpinan UMNO dan BN sudah tentunya bijak membuat tafsiran terhadap yang tersirat dan tersurat dari kenyataan dan saranan pemimpin pembangkang. Peralihan kuasa mestilah terus dilakukan tanpa sebarang halangan-halangan yang remeh temeh. Kepimpinan terbaru akan mengorak langkah untuk memulihkan imej, kewibawaan dan integriti UMNO dan BN kepada tahap yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang. Saya berharap kepimpinan terbaru (UMNO dan BN) tidak mengeneipikan pandangan-pandangan dari pemimpin terdahulu seperti Tun untuk membantu menambak baik lagi kerja-kerja pemulihan itu nanti. Amat wajar pemimpin seperti Tun dan lain-lainnya yang pernah berjasa

kepada parti dan kemajuan negara dengan cemerlang diberi tempat dan ruang untuk sama-sama berbakti kepada kewujudan entiti baru parti UMNO dan BN. Jika ingin maju sesuatu organisasi haruslah mengambil kira semua pandangan dan kritikan yang membina. Sebagai penyokong dan ahli UMNO begitu lama semenjak saya mengenal politik, saya amat mengharapkan UMNO dan BN akan benar-benar berubah mengikut aspirasi rakyat berbagai kaum di negara ini tanpa meminggirkan keutuhan perlembagaan negara.

Sekian, salam bahagia Tun dan rakan peminat blogger sekalian sehingga bertemu lagi di lain episod. Semoaga Allah SWT memberi rahmat dan kemenangan terhadap usaha murni kita, insyaallah. Wassalam.

By pakbelalangAuthor Profile Page on January 26, 2009 9:34 PM

Dear Tun,

Nasarudin ADUN Bota is a very glaring example how an UMNO politician behaves. He is a person who has no principle at all. Orang semacam Nasarudin adalah manusia yang mempunyai semangat perjuangan "taik kucing" dalam UMNO. After been so many years as UMNO wakil rakyat he decided to "lompat like katak kepanasan". Why? I think he is a bloody "corrupted" politician and doesn't deserve to be with UMNO anymore. Let him go !!

By pakbelalangAuthor Profile Page on January 26, 2009 9:50 PM

Dear Tun,

Sesiapa wakil rakyat yang melompat parti ke parti lain adalah manusia yang paling jijik sekali dan tidak bermaruah. Manusia yang boleh dianggap "pariah". Mereka adalah manusia berkepentingan diri mereka sendiri. Segala apa alasan yang diberikan kerana melompat parti semuanya pembohong besar. Dia bukan sahaja menipu pengundi dikawasannya tetapi yang paling buruk sekali ialah perangai menipu dirinya sendiri. Orang yang tak berprinsip seperti Nasarudin tidak harus dihormati langsung. Biar dia pergi untuk selamanya. Memalukan bangsa Melayu. Nasarudin adalah Melayu yang tak sedar diri. Pergilah jauh-jauh dan nikmatilah apa yang dia kehendaki. Perjuangan Nasarudin adalah perjuangan "yang yok" dalam UMNO. Perjuangan "taik kucing".

By A Zaaba A MahmudAuthor Profile Page on January 26, 2009 10:47 PM

YAB Tun,

I think your choice of Najib as Pak Lah's successor is also a mistake. You should not be compelled/obliged to throw your support behind Najib (to succeed Pak Lah) just because his father urged Tun Hussein Onn to chose you as Deputy PM then.

Sekian.

By ttlebon80Author Profile Page on January 27, 2009 1:36 AM

Salam Tun & Bloggers

It takes no brainer to see and understand what is happening in UMNO & the Malays. However, I wonder why UMNO keeps denying their defeat was due to lack of confidence from the public.

UMNO, place wake up and face the music. Or else more Y.Bs gonna jump party and it will be nasty. Very nasty...

By pakbelalangAuthor Profile Page on January 27, 2009 2:38 AM

Wakil Rakyat yang melompat parti adalah manusia yang rapuh pendirian perjuangannya. Pedoman hidupnya bagaikan manusia yang tidak ada maruah. Bila dia tidak bermaruah, keluarganya pun sama terpalit dimuka mereka bahawa bapanya seorang yang telah menconteng muka semua keluarganya secara tidak langsung. Bapanya sebagai kepala keluarga akan dianggap sebagai bapa yang mengkhianati bukan sahaja pengundi dikawasan mereka tapi kepada seluruh keluarganya. Dia mengajar keluarganya supaya bersifat tidak bertanggung jawab. Amanah yang telah diberikan kepada pengundi

telah dicabul dengan sewenang-wenang. Inilah manusia yang telah menggigit jari orang yang telah sumbat makanan kemulutnya. Tidak bersyukur.

By malek aliAuthor Profile Page on January 27, 2009 2:52 AM

assalamualaikum Tun,

saya secara peribadi bersetuju dengan komen Tun namun disebalik semua peristiwa mutakhir ini yang melibatkan ekonomi serta politik negara Tun merupakan diantara penyumbang ke arah malaysia hari ini dari segi kehancuran,saya tak nafikan kebaikan yang telah Tun rencana dari hari pertama Tun menjadi PM hingga ke saat peralihan kuasa ke Dollah Badawi,kebaikan dan manfaatnya begitu banyak dan ianya diakui oleh seluruh warganegara malaysia pada hari ini.Disini saya ingin menyatakan bahawa disebabkan oleh perencanaan Tun yang agak agresif menyebabkan kerajaan pada hari ini begitu goyah dan di zaman Tun takde sorang pun yang berani menegur ketidak seimbangan pemerintahan walaupun secara terang-terangan ianya terjadi dan Tun sendiri agak kurang senang sekiranya ditegur dan Tun harus akui ini,buktinya banyak dan tradisi pemerintahan ini berterusan di bawah Dollah Badawi tetapi kaedahnya berbeza dimana anak menantu memainkan peranan sebagai hakim dan yang dibawah (menteri umno dan umno)itu sendiri sebagai penyokong...Masalahnya sekarang Tun Umno dah nazak dan secara realistiknya najib lah yang akan menguburkan UMNO,saya nak minta komen Tun dan para pembaca siapa lagi yang layak dikalangan umno,saya tak dapat nak "imagine" orang lain yang boleh memperbetulkan keadaan yang ada sekarang ini melainkan Tun kekal sebagai PM,dan secara jujur saya katakan disini yang layak selepas Tun adalah Anwar Ibrahim dan kita harus akur dan jujur pada diri kita sendiri demi agama,bangsa dan negara tetapi kebanyakan ahli umno dan barisan nasional tetap menolak manusia ini atas alasan penderhaka,agen yahudi,pelewat dan bermacam-macam lagi.Saya bukanlah seorang yang pro akan anwar ibrahim tetapi beliau mempunyai ciri-ciri pemimpin yang begitu layak selepas Tun bahkan dianya boleh menjadi lebih baik daripada Tun dan Tun harus ingat bahawa beliau adalah anak didik Tun sendiri,saya pengemar UMNO dari bangku sekolah hinggalah sekarang walaupun bukan ahli kerana ORANG SARAWAK tak leh nak jadi ahli UMNO nanti marah pulak Pak Uban.Permatang Pauh,Kuala Terengganu dan yang lainnya bukanlah satu mimpi tetapi kenyataan dan sudah terang lagi bersuluh UMNO telah menemui lawan nya yang akan senantiasa berada dikiri dan kanan,apa-apa pun Tun dan saudara-saudara pembaca jangan terlalu asyik nak memuji apa yang dilihat,jangan disanjung apa yang dibuat akan tetapi nilai-nilaikan persepsi tentang agama,bangsa dan negara.

By pakbelalangAuthor Profile Page on January 27, 2009 3:03 AM

Nasarudin quitting UMNO and join PKR is just like a person who is "deaf, blind and dumb". His action is tantamount to blackmailing the voters in his kawasan. It is also a reflection of his greed to get something for himself. He is a very selfish person and does not deserve to be called Yang Berhormat at all. What a shame to him and his whole family.

He might have argued that by joining PKR he could still continue contributing his service as wakil rakyat more effectively. After all PKR is part of the ruling state government. It is all bullshitt !!!All he wants actually a recognition and to be appointed as an ex-co member and entitled him to get all the perks and of course a new Toyota Camry.

We are talking about basic principle as a party member. If you cannot even subscribe to be party principles and struggles then you are just a useless politician having one aim ie to achieve something for your own vested interest. Nothing more than that. Make no mistake about it!

By pakbelalangAuthor Profile Page on January 27, 2009 4:17 AM

Kapada Ahli-ahli UMNO,

Tolong lah pilih pemimpin yang berkaliber yang akan dihormati sekurang-kurangnya di kalangan negara-negara Asean. Janganlah pilih pemimpin atasan yang tongong dah bahlol. Pandai politik kampung je. Apabila berdepan dengan pemimpin luar cakap pun merapu-rapu, teragap-gagap dan tak tahu apa benda yang dia cakap.

Kita nak pemimpin yang ada confident dan tahu tentang hal ehwal dunia bukan setakat cakap macam

Pak Pandir tak ada hujung pangkalnya. Zaman dah berubah. Internet lagi tajam dari keris atau pedang. Pemimpin kita mesti geliga otaknya supaya dapat membawa kita ke mercu kejayaan yang lebih baik lagi dari ibu bapa kita.

By azri abu bakar Author Profile Page on January 27, 2009 4:34 AM

Salam Tun,baru tadi saya tonton berita channel 502 pukul 3pagi.Kekalahan di KT jkkk di persalahkan.Senang cakap,kerna terpaksa cari kambing hitam utk menutup kekalahan yg begitu sukar diterima,tetapi kambing jenis khas pulak yg di belinya dlm berita pagi tadi.Sungguh pelik bin ajaib,apabila di tabur sana sini kemewahan,janji manis spt tanam tebu di tepi bibir semuanya ok.Tetapi bila kalah kali kedua dlm masa 2x pilihanraya kecil maka cepat-cepatlah di cari kambing hitam utk dikorbankan,walhal segala macam arahan dan order di tangan mereka yg bergelar pemimpin atasan.Jadi apakah yg mereka buat apabila terdengar ada pilihanraya kecil,lekas-lekaslah buat statement akan ada projek mega di kawasan berkenaan.Tapi janji tinggal janji bila kalah.Ini menunjukkan rekod BN akan di padamkan dlm senarai parti yg mempunyai rekod tak pernah tewas dlm mana-mana pilihanraya kecil tetapi itu dulu.Sekarang rakyat dah mula celik,buka mata dan minda.Tentu Tun terpanggil setiap kali berlaku insiden sedemikian maka jadilah spt skuad bola negara yg asyik tewas,tewas dan tewas.Nak salahkan siapa.Salahkan bola,ianya bulat.Salahkan kaki yg menyepak bola itu,tidak,kerna sebelum diterima ke skuad bolasepak ada ujian saringan.Maka terfikirilah kita sebagai rakyat biasa untuk berfikir apa akan terjadi dgn bangsa dan Agamaku 5tahun,10tahun atau bulan March ini ada pertandingan dan pemilihan bakal pemimpin.Rancaknya pemilihan ini,tetapi yang pasti pemimpin yang satu ni memang harus di tukar ganti atau di modified engine nya supaya dapat pergi jauh dengan yang lebih berwibawa.Bersih segala-galanya.Luar dalam,rohani dan jasmani.Bukan pandai bersyair akau mencari Imam Syafie,akan ku cari iman di letak dalam diri bukan ringgit yang bertimbun.Kalau beginilah pemimpin kita utk masa depan yang pasti kita kena berhati-hati dan waspada supaya anak bangsa kita mesti bersih dan beragama serta beramanah supaya penyelwengan tidak akan berlaku.Akhir kata yang kurik itu kendi,yang merah itu saga,yang baik itu budi yang indah itu bahasa.Salam buat Tun.Amin.

By selva Author Profile Page on January 27, 2009 11:59 AM

Dear Doctor,

You deserve much respect for being a responsible statesman in nation building. Your views on current political confrontations in the country is timely and and hopefully it reach the targeted group.

Many of us may not agree with the current style of administration of the country but it does not mean that we are at liberty to attack the administration upfront without giving due consideration on the consequences wrath upon the administrators.

You dont hesitate to condemn Abdullah Badawi at the slightest opportunity. But please bear in mind that you placed him in the position and it is irresponsible for you to claim that you made a mistake. You dont forget that Abdullah claimed a historical victory in the 12th General Election which was not possible during your time. That shows that the people wanted you out from office and the result tells great stories. Personally speaking, I admire your visionary forethinking but could not accept your consistent viscous attacks on Abdullah Badawi. You dont forget that he is a state leader and you are not from the opposition party. Every one makes mistakes and so were you. The people now are free to voice out their views which was not possible during your time. I can bet that you would not have sanctioned a blog site like this in your administration. Just because Abdullah Badawi does not tell you off does not mean that he is weak or incapable in your words. I feel that he has high respect for you and dont want to hurt you with words although you provoke him on many occasions. He is a gentlement and may not want to be remembered as a dictator when he leaves office. When you condemn him in the public it is been highlighted in the media and carries an adverse message to the world and that puts him in a very difficult position in the eyes of world leaders.

Rather than you attacking Abdullah Badawi, dont you think you could have personal dialogues and educate him on proper administration? After all, you too have an interest as some of your projects are at stake.Dont forget that he may not agree with you on all your suggestions as he has a right to his own views.

You are never tired of belittling the present administration of the Barisan Nasional. Please provide a platform for suggestions that would bring positive ideas for the well being of the country and refrain from posting negative thoughts of personal nature and character assassination.

You should also take responsibility for the current state of the BN Government.Old habits are hard to die.

Many of your shortcomings during your administration are very much alive in the present administration. I do not have to elaborate on this as I believe most of the right thinking people would get the message. If you feel the present administration is in a mess, it is because of your doing and you are obliged to put it on the right track.

You should not have resigned from the party on the provocation of an ordinary member and I feel that you are getting weak and allow your emotions to override you. This was the second time where you led your emotions to rule your actions on an unpopular decision.

We want to see "The Mahathir" that we are accustomed and hope we could bet on it!

By matt loboAuthor Profile Page on January 27, 2009 2:10 PM

salam buat tun,

UMNO skrg bkan mcm UMNO zaman tun,
skrg rasuah bleluasa
pak lah asyik lbihkn anak menantu ja...knp tun bersara awal...
By zainiAuthor Profile Page on January 27, 2009 2:32 PM

sedih betul baca entri tun yang ini.

semacam baca kata-kata mereka (pejuang dulu) kepada semua yang ada disekeliling mereka supaya brace ourselves sebelum negara ditakluk/tawan orang.

..haih..

By pakbelalangAuthor Profile Page on January 27, 2009 4:27 PM

To Selva,

Don't blame anybody for Pak Lah's weak administration. He himself got to take full responsibility for his blunder. He is simply not a Prime Minister's material. He has to accept the reality of being criticised from anybody in whatever form. That's what a politician is! Mahathir had been criticised left, right and centre when he was a prime minister to the extent that people called him Firaun. So no big deal !!

By joeAuthor Profile Page on January 27, 2009 4:29 PM

salm tun,

- 1.xlama lagi pilihanraya pensiangnan sabah pula akan menyusul..jika mahkamah memutuskan yg pengundian dijalankan semula.insya..bn akan tewas lg skali.
- 2.sudah jelas dan nyata rakyat tolak kepimpinan najib..jika najib bermaruah.dia patut undur diri mcm yg paklah buat..kekalahan kt semua adalah kerja dan tanggungjwb beliau..beliau patut bubar balik umno dan cari penggantinya yg lebih sesuai dan disenangi oleh rakyat.
- 3.wang royalti yg baru diserahkan oleh umno kpd rakyat trganu baru2 ini..patutnye dh diberi sekian lama lg krn ia adalah hak rakyat terengganu.bknnya nk tunggu pilihanraya kecil kt baru nk bg..nk tunjuk baik la konon.rakyat semua telah cerdik menilai semua tu..rakyat dh puas tgk tv bn yg kuat mengampu kerajaan..
- 4.ahli2 majlis tertinggi dan ahli dlm jawatan lain patut undur diri.. patut buang parasit2 yg dh lama menumpang dlm parti.yg xmembantu parti pun.mereka ni lah yg buat umno jd sakit tua..antaranya:
 - nazri aziz
 - mat taib
 - hamid albar
 - rais yatim
 - thamby chik(yg pernah terlibat dgn kes.... pun boleh masuk bertanding lg!)
 - khir toyo(dh kalah kan dia punya dun pun masih nk kacau urusan pentadbiran org lg..dh xda kuasa tu diam2 je la) dan ramai lg.
- 3.ganti lah dgn org muda yg lebih wibawa,buah fikiran baru,berpandangan jauh,lebih efektif dan berfungsi.,mcm zahid hamidi,mukhriz dan ramai lg ahli umno br yg lain..

By suarahatiAuthor Profile Page on January 27, 2009 5:15 PM

SALAM BUAT TUN DAN SEKELUARGA,
SAYA SETUJU APA YANG TUN KATAKAN,UMNO AKAN BERKUBUR SEKIRANNYA KJ DAN
SEKUTUNYA MENANG DALAM PEMILIHAN PADA MAC NANTI.BAGI SAYA SEKIRANYA MEREKA
MENANG,MENGAMBARKAN AHLI UMNO BUTA DAN BODOH DALAM MEMILIH PEMIMPIN.TK
By BadaksogoodAuthor Profile Page on January 27, 2009 5:59 PM

Salam Tun,

Bercakap mengenai pilihanraya saya sangat berminat untuk mengambil bahagian bukan sebagai "CALON" tapi pemerhati yang mana saya terfikir bahawa pandangan orang-orang seperti kita ini lebih bertepatan berbanding dengan keputusan yang bakal dibuat oleh satu jawatan kuasa BN mengenai siapa "CALON YANG SESUAI".

Entah di mana silapnya ketika ini calon yang diletakan oleh BN (UMNO khususnya) sangat tidak memenuhi aspirasi rakyat setempat. Bila mana YBhg Tun memberikan pandangan bahawa calon Parlimen KT tidak sesuai maka terbayang di minda saya betapa kerusi tersebut bakal dirampas / melayang ke BA. Ironiknya adakah hanya YBhg Tun seorang yang sedar akan keadaan tersebut? apakah sudah buta mata dan pekak telinga pemimpin-pemimpin yang lain? Tapi tak mengapa seandainya.....

Komen YBhg Tun diambil perhatian, diselidik, diperhalusi dan difahami tapi ini sebaliknya komen YBhg Tun di komen semula kalau komen untuk kebaikan tak apa LAH. Apa kah depa da lope siape PM paling Lama dalam sejarah MALAYSIA. Lama pun bukan masalahnya kerana MALAYSIA pada ketika itu terkenal ke seluruh DUNIA mengenai KEMAJUAN, KEAMANAN DAN KEHARMONIAN KAUM.

Akhirnya sekali saya menyeruh kepada pemimpin-pemimpin muda ingatlah bahawa jika tidak yang tua maka tiadalah kita yang muda, jadi jangan LAH kita jadi MELAYU MUDAH LUPA....

Salam Hormat Ayahanda Tun Dan Bonda
By HajarAuthor Profile Page on January 27, 2009 6:16 PM

Salam Yg Amat Berbahgia Tun,

ADUN Bota, Datuk Nasaruddin Hashim yang melompat ke PKR adalah contoh pemimpin yang TIDAK BERPRINSIP, TIDAK AMANAH, dan HAPRAK. Jika beliau ikhlas, beliau sepatutnya jadi ADUN BEBAS – jika tidak puas hati dengan UMNO/BN. Nampak sangat beliau ini jenis yang TAMAK HALOBA dan TIDAK BERMORAL.

Jika beliau ingin lompat balik kepada UMNO pada masa hadapan (andaikata kerajaan BN dpt memerintah Perak kembali), beliau TIDAK BOLEH lagi dilantik sebagai pemimpin UMNO.

Semoga Allah SWT sentiasa memberkati perjuangan Tun.

By pendudukAuthor Profile Page on January 27, 2009 6:24 PM

Salam Tun Sekeluarga...

UMNO masih disayangi oleh majoriti bangsa Melayu tetapi kebinatangan pemimpin UMNO sekarang yang melacurkan perjuangan untuk membela Agama, Bangsa dan Negara membuatkan rakyat benci kepada UMNO. Nasihat orang yang banyak berjasa seperti Tun pun dipandang hina oleh kepimpinan sekarang, apa lagi kami yang hanya sebagai rakyat biasa. Celakalah pemimpin UMNO sekarang!
By cdm75Author Profile Page on January 27, 2009 7:45 PM

Tun

sebagai mantan PM and Presiden UMNO,apakah sebenarnya org melayu mahu? Pada saya,cara kempen dan pendekatan yg ditunjukkan oleh pemimpin UMNO khususnya dr Pemuda tidak kena pada tempatnya. Mereka lebih banyak berbangga dgn kenderaan yg dibawa bukannya niat yg ikhlas untuk memperjuangkandan mempertahankan parti UMNO.

By cakkuncakAuthor Profile Page on January 27, 2009 8:49 PM

YAB Tun,

You have used the right word..."meluat!"...that is the exact words when most people describe DS Abdullah, his family,his Govt and his UMNO.

We want back our country and UMNO for the rakyat - not for his family or son or son in law.

If UMNO have to be 'buried' for that to happen...so be it...

By iejal9006Author Profile Page on January 27, 2009 9:53 PM

Salam Tun,

Mmg benar apa yang Tun katakan....Keputusan pilihanraya kecil di KT baru2 ini adalah kesinambungan rakyat menolak kepimpinan UMNO sekarang...UMNO sekarang nampak begitu goyah sehingga bangsa lain mudah mengutuk dan kita hanya berdiam diri sahaja...Dimana letaknya maruah Bangsa Melayu hingga begitu senang diperlekehkan oleh bangsa lain...

Di Terengganu, mungkin kepimpinan UMNO tak sedar yg rakyatnya sudah tidak menyokong mereka lagi...byk perkara yg dilakukan merupakan satu pembaziran yg tidak dapat diterima lagi...Kami lihat byk projek yg dibina pada tahun2 sebelumnya dan bkn dibawah kepimpinannya telah tidak diendahkan dimana secara tidak langsung menjadikan projek rakyat itu satu pembaziran, sebagai contohnya, Mesra Mall yang menjadi kebanggaan penduduk Kerteh / Kemasik telah menjadi projek gajah putih hanya disebabkan keegoan orang tertentu...

Semakin lama,semakin menakutkanoleh kerana pemimpin yg dipilih ini berkelakuan bodoh sombong dan seperti kebuda2 budakan, rakyat menjadi tertekan dan hasilnya....PILIHANRAYA TERENGGANU jatuh ketangan pembangkang...Dimana letaknya maruah pemimpin yg mentadbir negeri dibawah kuasa parlimen pembangkang...fikir2kanlah...

Rindu dgn ketegasan Tun dlm menangani masalah negara....

By latAuthor Profile Page on January 27, 2009 10:06 PM

Salam TUN,

Umno dah tak relevan.Selamat berkubur.

By pakbelalangAuthor Profile Page on January 28, 2009 12:14 AM

Apa guna kita merayu kepada Nasarudin supaya balik ke pangkuan UMNO. Pantang nenek moyang saya kalau pemimpin cuba memeras ugut atau blackmail parti UMNO semata-mata kerana hendak memuaskan kehendak peribadinya. Kita jangan sekali-kali layan kehendak Nasarudin kerana ianya akan menjadi amalan atau contoh yang kurang sihat dan tidak harus diberi ruang kepadanya untuk memeras ugut parti keramat UMNO yang kita sanjungi sungguhpun masa kini dalam keadaan tenat hasil dari gejala tamak haloba, sombong dan tak sedar diri oleh setengah pemimpin UMNO yang dajal.

Orang yang memeras ugut boleh diumpamakan seorang yang maruahnya sungguh rendah dan bolehlah dianggap sebagai PENYANGAK !!

By pakbelalangAuthor Profile Page on January 28, 2009 12:19 AM

Apa guna kita merayu kepada Nasarudin supaya balik ke pangkuan UMNO. Pantang nenek moyang saya kalau pemimpin cuba memeras ugut atau blackmail parti UMNO semata-mata kerana hendak memuaskan kehendak peribadinya. Kita jangan sekali-kali layan kehendak Nasarudin kerana ianya akan menjadi amalan atau contoh yang kurang sihat dan tidak harus diberi ruang kepadanya untuk memeras

ugut parti keramat UMNO yang kita sanjungi sungguhpun masa kini dalam keadaan tenat hasil dari gejala tamak haloba, sombong dan tak sedar diri oleh setengah pemimpin UMNO yang dajal.

Orang yang memeras ugut boleh diumpamakan seorang yang maruahnyanya sungguh rendah dan bolehlah dianggap sebagai PENYANGAK !!

By pakbelalangAuthor Profile Page on January 28, 2009 12:26 AM

Dear Tun,

It surprises me to note that the Star newspaper made a random survey that over 80% believe that it is OK for Nasarudin to quit UMNO and join PKR.

My feeling is that either it reflects how bad the image of UMNO among the rakyat or the survey is being manipulated.

By daengAuthor Profile Page on January 28, 2009 7:23 AM

Salam hormat Tun yang dikasihi,

Kalau Tun meluat dengan kebodohan Abdullah Badawi saya 1000 kali meluat melihat kebodohan yang tak boleh diajar.

Kalau Tun meluat dengan Khairy Jamaludin (menantu Pak Lah) saya 1,000,000 kali meluat dan jijik dengan muka hipokritnya.

Sekian.

Jaga diri Tun baik-baik.

By AZIFAAuthor Profile Page on January 28, 2009 8:49 AM

Tun,

Most honourable Tun Dr. Mahathir Mohamed. Yes Tun, this is the result for being ungrateful. Rude and selfish by the present UMNO & BN leaders. Matters has been highlighted, but all has gone to the ears of the deaf UMNO & BN leaders. AAB should have resign the day after 8th Mac. 08'. This does not happen and most UMNO leaders. MT are all respobnsible.DSN is the biggest culprit for letting this to happen. UMNO is history all because AAB need to be protected.A miracle need to happen to save UMNO.Tun has the answer but no one listen.

By cik naAuthor Profile Page on January 28, 2009 9:16 AM

Dear Tun,

Salam to you.

Yes, my agreement is always with you. That is why until now, still I am not register to be part in UMNO. I'm going to be 26 this coming 18.2. At this age I have missed voting for election twice.I have no faith in UMNO. To vote for others makes me feel guilty inside. That is why I'm not signing at any eventhough all of my families & relatives are people with big name in UMNO. Sad to say PakLah really brought big damaged in UMNO and yet the ahli and him didn't realise disaster that he has brought.

Semoga Allah akan sentiasa merahmati hidup Tun dan keluarga. Btw, appreciate your comment on Khir Toyo issue. He seems like nak menjatuhkan the new MB. Lembu untuk Hari Raya Korban pun boleh jadi isu. BODOH punya KT!

By Hafez A KarimAuthor Profile Page on January 28, 2009 10:49 AM

Assalamualaikum,

Dear Ayahanda TDM,

I foreseen the loss of BN candidates in PRK Kuala Terengganu is more towards the protests of UMNO leadership from UMNO members.

Can we do something to prevent something even worse from happen?

Maybe an attempted coup from among the VP's or even worse the 'lompat parti beramai-ramai' from happening?

Another thing, the 'new' two candidates for Deputy President of UMNO is just to make sure 'pecah undi'.

DSAAB wants to put his own favourite man just to ensure Khairy's political ambition is secure up there.

So, now the question is who the person?

By wayneayuAuthor Profile Page on January 28, 2009 11:11 AM

Salam Tun,

Masa saya hendak mengundi pada PRU12, saya was-was dengan calon yang bertanding. Calon yang bertanding tidak nampak kredibiliti. Calon BN - YB yang menang PRU11 - selalu datang lambat jika hadir function dan jarang sgt melawat kawasan. Tapi masa PRU12 - sanggup datang ke setiap rumah untuk promosi diri. Calon PKR - saya tidak pernah dengar atau jumpa calon ni. Tapi bile result PRU12 keluar, PKR menang tapi dengan majoriti kurang 200 undi.

Pada pendapat saya, jika sesiapa hendak bertanding, perlu start promosi diri at least setahun so that rakyat kenal. Kena start buat community work bukan sahaja dengan group politik tapi yang penting bersama rakyat.

Berdasarkan apa yang terjadi kat Terengganu ni, maybe calon ni cuma menjelma apabila nak bertanding pilihanraya. Maybe sebelum tu calon kurang semai budi(bukan rasuah wang tau) dan rakyat pun tak ler heran kat calon2 ni.

Saya rasa pada PRU yang akan datang, saya pasti ramai rakyat lebih rela dok kat rumah dari kuar mengundi sekiranya calon tidak sesuai walau dari parti maner sekalipun.

Contoh :

Kerenah YB kat parlimen yang mcm budak2 dan tidak tahu jaga tatasusila sebagai orang dewasa. Semua nak tunjuk terror. Buat malu jer pilih orang macam ni.

Thanks

By dibAuthor Profile Page on January 28, 2009 11:40 AM

Assalamualikum...

yg sy hormati n sayangi Tun...Moga sihat. 1st time nih..nak antar comment..mula2 tak confident juga nk comment...tapi sbb geram sgt ngan "Loh"...dia mmg tak knang budi Tun mlantik dia sbg "PM"...Sanggup dia ketepikan kemahuan rakyat,smata2 menjaga hak dia n anak beranak..sekarang di kampung terpencil sy yg dulu2 tdak amik tahu tentang isu politik...kini sudah jauh lebih maju,tak tahu nak byg kan brtapa nyeeee mereka membenci 'Lah'...calon pilihan raya kecil di KT..huhu..org kg semua meluat..mereka kata calon 'Sombong'..merata2 n cerok dngar...smua org tahu UMNO kalah sbb Calon..Keluar dalam npaper kenyataan drp Tun...kekalahn disbbkan CALON...tiba2 "MENANTU" dia kata....Kekalahan bukan berpunca drp CALON...ampu baik punya...Sakit hati!..saya stuju 100% dgn aper yg Tun kata tuh...sayang UMNO 1000 kali sayang...tp org UMNO sekarang....emmm tak tahu nak kata...kalau nak UMNO pulih segala nyer kena bermula drp Akar Umbi...salam

By ktvotersAuthor Profile Page on January 28, 2009 11:43 AM

Salam buat Tun,

Sebenarnya saya mengkagumi idea idea Tun seperti Dasar Pandang ke Timur dan bla bla semasa 10 tahun pertama Tun menjadi PM..... tetapi selepas 12 tahun, kerajaan pimpinan Tun juga telah memulakan apa yang kerajaan pimpinan Pak Lah lakukan sekarang.... so semua pendedahan Tun ibarat membuka pekung di dada....

Tentang PRK KT, selain dr punca calon UMNO yg tak berkaliber, banyak lagi faktor lain perlu diambil kira... kehadiran najib dgn polis pengiringnye byk menyusahkan org ramai.... ini berlaku di depan mata saya bila mana jalan yg sesak ditambah lagi dgn kehadiran Najib dan pengiringnye yg tidak mesra terhadap pengundi....

By ifadzlieAuthor Profile Page on January 28, 2009 11:53 AM

Salam Hormat YTC Tun

Semoga sentiasa dalam lindungan Allah SWT. Amin.

Sememangnya PM Badawi tidak mengerti tentang apa yang terjadi disekeliling beliau. Korupsi pastinya dia tidak mengerti samasekali apa maksud perkataan ini. Dia cuma ngerti berkata2 aja. Di Indonesia dia di tertawakan sepertinya Bpk Harmoko (HARi2 Omong KOsong). Malaysia mempunyai MACC (Malaysia Anti-Corruption Commission) yang baru dibentuk. Saranan saya, kalau MACC sebagai badan umum yang "berkecuali", maka belajarlh dari KPK Indonesia (Komisi Pembenterasan Korupsi) untuk menjadikan MACC sebagai badan umum yang lebih efektif. Percaya atau tidaknya Bpk Presiden aja dipersoalkan (referensi newspaper2 Indonesia). Apa mungkin Malaysianya MACC berani memberanteras PM Badawi dan konco2nya?

YTC Tun telah mengemukakan sebagai contoh pengambilalihan Avenue Asset oleh ECM Libra, bagaimana pula dengan HALAL yang di ambil alih dari JAKIM oleh perusahaan anak/mantu yang secara umum atas perintah PM Badawi (berdasarkan keputusan Kabinet?). Apa percayakah orang dengan tanggung-jawab sebuah perusahaan memikul tanggung-jawab HALAL yang seharusnya atas tanggung-jawab Pemerintah. Mungkin mudah aja jawapannya nanti pula, segala kuasa telah diberikan kepada mereka dan Pemerintah memberikan kepercayaan kepada mereka memikul tanggung-jawab. Apa tahukah berapa bisnis yang boleh diraih dari pengsertifikasian HALAL terutamanya dari segi konsultansi penghalalan? Apakah kuasa juga diberikan untuk mereka mengenforsikan ketidak-halalan satu2 produk yang pastinya membabitkan para Menteri2 dan departmen2 kerajaan yang lain yang merangkumi mengarahkan para2 Menteri dan department Kerajaan bagi menjalankan "enforcement"? Adakah akan menjadi satu kesalahan pula bila ada perusahaan yang lain juga mengeluarkan sertifikat HALAL? Apa pemerintah juga boleh menyalurkan uang kepada perusahaan baru untuk bergerak dalam bidang pengsertifikasian HALAL? Apa pula pendapat orang2 Islam yang lain terutama dari luar negeri tentang sertifikat HALAL yang dikeluarkan oleh perusahaan/syarikat (pastinya mereka akan mengatakan bahwa negara2 luar telah menerimanya dengan baik)? Pikir2kanlah.

MACC harus menjalankan tugas sebaik2nya dengan memulakan membateras korupsi bermula dari orang2 atasan UMNO demi kebak UMNO dan pastinya akan menaburkan kembali kepercayaan bangsa dan negara. Inshaallah.

By sujiniAuthor Profile Page on January 28, 2009 12:12 PM

Salam Dr Mahathir,

Kalau pemimpin kanan UMNO sendiri telah rosak akidah bagaimana nak diperbetulkan yang dibawahhan? Prinsip "Kepimpinan Melalui Tauladan" ini telah disalahgunakan oleh pemimpin sekarang. Mereka tidak mempunyai tauladan yang baik maka yang dipimpin pun ikut sahaja , seperti juga " Bapak borek anak rintek.

Semoga Allah swt; selamatkan negaraku.

By faudziAuthor Profile Page on January 28, 2009 12:48 PM

Akum TUN

memang benar UMNO di benci kerana sikap Dollah Badawai dan sikap lebih sudu dari kuah menantu beliau dan konco2nya.

KJ mahu ceapt kaya dan kuasa

Musa Hitam mengidam nak jadi PM, tapi jadi punansihat PM

Yang lain2 spt reezal merican azeez dsbnya adalah perosak dan pengampu KJ

Ali rustam nothing special about him..

Campur tolak.. semuanya perosak UMNO

By nazaruddinAuthor Profile Page on January 28, 2009 1:29 PM

Salam Tun,

This is my own personal thoughts.

When you were the Prime Minister, you have achieved a great deal. My own feeling was that, "..perjuangan.." (UMNO) that you mentioned, "..belum selesai" actually has been achieved by you. So when Pak Lah took over the premiership he has actually nothing to do, or he thought. I think many felt when he promised the reforms and the fight against coorruption, it is because those are about the only relevant issues left for him.

Could it be that in your time, you are the biggest safety net. Everybody, including those who did not like you, knows you can find the solutions (popular or not) to all problems. When you took control of our financial problem during 97 crisis and bring confidence back to our country, I felt that (and i think a lot of people did too) nothing can beat us.

There is no need for me to list down all your achievement in making this country great. As I mentioned above, this is where the problem lies, UMNO has done its part, now its the time for someone else. And because of what you have acheived, a lot people in certain positions are reaping the harvest. Those who are not, are busy jostling for those positions, and as you mentioned they forgot about the 'perjuangan untuk bangsa, negara dan ugama'. They don't. The perjuangan is done. Everybody can see that, there a lot more richer Malays now then. Almost every houses has more than one car. Astro dishes are everywhere, even at the setinggan.

Now if you want to measure our achievement by the above then maybe we have acheived what you and our previous leaders sought to achieved. So what is new? What can the new leaders do? (I m not talking about Najib) Who are the new leaders?

Can I have a leader that can almost guarantee me and my children of the right to come to work freely without having to worry about evading demos be it racial or political?

Can I have a leader that can almost guarantee me and my children of the right to be able to chose what food to eat, what clothes to wear, what car to drive and when and where to drive, without being told to change our lifestyles. (By the way we spent our lifetime to achieve this lifestyle)

You see, we of the ordinary people don't want much.

By BUDAK BJAAuthor Profile Page on January 28, 2009 1:43 PM

SALAM TUN...

SUNGGUH KECEWA UMNO TERUS MERUDUM DI BAWAH PAK LAH.

KEGAGALAN TERUS MENIMPA TANPA MENGAMBIL LANGKAH DRASTIK UNTUK MENGEMBALIKAN UMNO UTK DISAYANGI OLEH ORANG MELAYU..

PAK LAH SEBAGAI PEMIMPIN UMNO GAGAL MENAWAN HATI ORANG MELAYU..SEBAGAI PEMIMPIN BN GAGAL MENYATUPADUKAN KOMPONEN2 BN SEHINGGA KECAM MENGECEM ANTARA KAUM BERLAKU..SEBAGAI MENTERI KEWANGAN (SEBELUM SERAH PADA TPM)GAGAL MENGHIDU KENAIKAN BARANG2 ASAS WALAUPUN RAKYAT DUA BULAN AWAL SUDAH TERASA KEGAWATAN HARGA MENINGKAT SAMPAI LENA TIADA PAKEJ MENGATASINYA...SEBAGAI MENTERI PERTAHANAN BYK PROJEK DICANTAS...

MAKA SEBAGAI PERDANA MENTERI SAYA TIDAK NAMPAK APA FUTURE DAN MATLAMAT MASA HADAPAN UNTUK NEGARA MALAYSIA DAN RAKYAT.....PUTRAJAYA TIADA PEMBANGUNAN.REL BERKEMBAR KL-IPOH LESU.HIGHWAY DR CHERATING - KELANTAN TENGGELAM TIMBUL.EKONOMI OUT..

SAYA KE LUAR NEGARA HANYA PENINGGALAN TUN yang meniti DIBIBIR pelancong luar negara..twin tower PETRONAS...FI SEPANG..LANGKAWI...PAK LAH apa yang ada.....?

By kamal ahmadAuthor Profile Page on January 28, 2009 1:57 PM

Salam kasih dan hormat Ayahanda Tun. Nampaknya begitu ramai rakan mengharap kepulangan semula Tun kepada UMNO. Tidak pernah walaupun selangkah kita semua berjuang dilaman ini tanpa maruah dan panduan dan tidak juga pernah kita disini hanya untuk melepas geram dan menendang terajang. Sebelum apa-apa diminta, apa-apa pula diberi, saya dengan penuh rasa rendah diri mencadangkan kepada para pembaca yang lain supaya melalui laman ini, kita semua bersetuju suara dan berbulat hati meminta supaya kepimpinan baru UMNO yang bakal menjelma dibawah Datuk Seri Najib supaya datang berjumpa dengan Tun, dan memohon maaf secara penuh hormat melayu kita kepada Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir. Selepas itu, maka barulah kita bersama semula melangkah ke hadapan. Dalam niat ini, perlu dijelaskan sejasasnya- bahawa Abdullah Badawi tidak boleh dibawa turut serta memohon maaf berkekenaan. Ini adalah kerana apabila dia berundur kelak, segala beban kebodohan, ketamakan dan kedegilan kepimpinan beliau akan secara otomatik kembali ke muka beliau sama ada beliau cuba menolak atau berdalih lagi. Sepatutnya Abdullah Badawi sudah mengambil tanggungjawab ini pada malam 8hb Mac 2008 lagi. Akan tetapi tak mengapa, dengan cara Datuk Seri Najib membawa UMNO memohon maaf kepada Tun, dan pengecualian Abdullah Badawi dalam agenda ini, maka ini akan memastikan jua, semua kemaluan tersebut akan pulang kepada muka mereka yang empunya. Dan kita semua akan kembali berjuang dalam UMNO yang dibawah naungan Tun dan kepimpinan Datuk Seri Najib. Harap cadangan saya ini mendapat sokongan ramai. Sekian dulu buat ketika ini. Terima kasih Tun.

ملايو تنف ملايو دان تق كن هيلغ ملايو د دنيا

By sarkasmalayaAuthor Profile Page on January 28, 2009 2:45 PM

Salam YABhg Tun,

Apa pandangan Tun mengenai Dato Seri Najib (DSN)? Adakah dia lebih baik dari Pak Lah. Yang merisaukan saya adalah DSN terlalu banyak isu2 peribadi yang menyelubungi beliau dan isteri beliau. Terlalu banyak cerita-cerita yang tidak enak mengenai beliau dan isterinya. Walaupun ianya mungkin tidak berlaku, tapi pokok tak bergoyang kalau tak ada angin. Sekurang2nya Pak Lah clearly clean, cumanya dia buat mistake di mana dia terlalu percayakan anak2 dan menantunya macam Tun juga terlalu percayakan DS Anwar Ibrahim dan Rafidah Aziz dulu.

Apa yang saya takutkan, Najib akan menjadi PM kerajaan Barisan Nasional yang terakhir. Saya masih tak kisah kalau ianya jatuh ke tangan PAS, at least depa ianya parti majority (99%) Islam & Melayu. Kalau jatuh ke PKR yang macam lalang tu kejap tegak kejap condong pada DAP & Hindraf, naya kita dibuatnya. Lebih buruk lagi kalau terus kalah kepada DAP, boleh perang saudara negara kita ini.

By khairulgAuthor Profile Page on January 28, 2009 4:20 PM

saya sedih dengan perkembangan UMNO sekarang.... harap TUN dapat pulihkan dengan mendedahkan RAHSIA MEREKA. TQ

By rizal77Author Profile Page on January 28, 2009 4:52 PM

Assalamualaikum Tun (Yang amat amat dihormati dan dikagumi)

Bercakap tentang pilihanraya, kita dapat melihat bagaimana jentera UMNO berkempen. Skrip tetap sama. Kalau lawan PAS kena guna isu hudud. Kalau lawan PKR kena guna isu liwat. Rakyat dah naik jelak dengan cara yang ketinggalan zaman ni.

Setiap kali ceramah pilihanraya, macam-macam janji pembangunan ditaburkan. Nak bina hospital, sekolah, buat jalan baru dll. Zaman sekarang isu pembangunan untuk rakyat dah lapuk. Kalau berkempen semasa zaman lepas merdeka dulu mungkin isu pembangunan memainkan peranan penting. Tapi sekarang isu itu tidak lagi relevan kerana bagi rakyat, tak kira sesiapa pon yang memerintah, isu pembangunan memang wajib menjadi tanggungjawab kerajaan yang memerintah. Apa yang rakyat mahu ialah ketelusan dari segi kepimpinan.

Justeru, untuk menguatkan kembali UMNO, keseluruhan pucuk pimpinan UMNO hendaklah dirombak dan digantikan dengan mereka yang betul-betul nak buat kerja. Saya berpendapat calon PM yg kita ada sekarang untuk ganti Pak Lah, pon rakyat tak suka juga.

Semoga Tun sentiasa dalam keadaan yang sihat dan dirahmati Allah.

Salam

By KuyomAuthor Profile Page on January 28, 2009 7:13 PM

UMNO SEMAKIN PARAH.....pada pendapat saya apa yang perlu di lakukan pemimpin tertinggi UMNO sekarang adalah satu "proses pemutihan secara besar besaran" terhadap ahli2 dan pemimpin2 mereka yang semakin hilang jati diri dan asas perjuangan sebenar UMNO.jika Umno terus memandang mudah permasalahan yang membelenggu mereka ini saya cukup yakin dan bersetuju dengan Tun bahawa UMNO akan tumbang pada PRU 13 nanti....Langkah pertama yang Perlu dilakukan DSNajib sebagai PRESIDEN UMNO MAC nanti adalah Memujuk Tun agar Kembali kedalam UMNO Dan memberikan PERANAN DAN TEMPAT YANG BERSESUIAN KEPADA TUN UNTUK MEMBANTU MEMPERKASAKAN UMNO.

By cdfazAuthor Profile Page on January 28, 2009 8:07 PM

Untuk semua yang tau membaca,

Jika kita fikir2 kan kembali, alangkah bodoh dan butanya sesetengah rakyat di tanah melayu ini yang masih memilih UMNO sebagai parti pilihan mereka seolah2 mereka menyokong tindak tanduk pemimpin pilihan mereka yang rata2 mabuk dengan habuan kuasa dan harta. Dan kebodohan ini telah berulang kali ditonjolkan acap kali keputusan pilihanraya diumumkan.

By pakcik78Author Profile Page on January 28, 2009 10:01 PM

UMNO AKAN KALAH DAN KALAH LAGI..

By antikmalayaAuthor Profile Page on January 28, 2009 10:26 PM

Dear Tun,

Kesilapan Tun didalam memilih pemimpin adalah sebenarnya hikmah. Apa mana yang tersirat?? Sekarang Tun boleh nampak siapa yang tulen dan siapa yang tidak. Dunia politik amat membingungkan tapi saya pasti Tun telah membuat perhitungan jangka masa panjang. Sekiranya Tun berpegang pada yang benar dengan niat yang ikhlas, saya pasti perjuangan Tun akan membuahkan hasil. Saya insan kerdil tetapi selalu mengingatkan diri agar ikhlas. Selama ini, ikhlas telah banyak menyelamatkan saya. Ini yang saya nampak dan ini yang perlu kita teruskan. Perjuangan UMNO untuk bangsa, agama dan negara adalah murni dan ianya selari dengan kehendak Islam. Cuma orang dalam UMNO yang tak tau prinsip perjuangan. Dan untuk kita merealisasikan cita-cita murni, prinsip UMNO harus diperjuangkan tetapi tidak semestinya dibawah parti yang bernama UMNO! Untuk bangsa, agama dan negara, semua rakyat Islam harus sedar untuk mempertuankan prinsip. Tetapi adakah mampu PM yang akan datang memperjuangkan prinsip ini hingga ketitisan darah terakhir.....

By doraiAuthor Profile Page on January 28, 2009 10:44 PM

Tun,

Thanks for your open thoughts on all the UMNO CULPRITS. Its clear UMNO will loose in PRU 13. I strongly suggest to future malaysia PM as well the shortest service PM to do something on all the culprits.

The questions is IF HE ALSO ONE OF THE CULPRITS HOW HE WANTS TO DO SOMETHING FOR CHANGES.

Only the way is, all this culprits have to listen to Tun advice. As well the need Tun to guide them.

Khairi Jamaludin have to KEEP HIS MOUNTH SHUT and AAB also need to SHUT UP HIS MOUTH.

NAJIB need to listen to Tun want need to do in 2 years time for save the UMNO life because now UMNO already parelise.

The buggest culprit and the most stupid MP in malaysian demokrasi parliment Mr Clean and Kahiri Jamaludin need to RSPONSIBLE for all the damage.

We all malaysian will punish them in next election. YOU WAIT AND SEE - what will happen to your family business if OPPOSITION LEAD THIS GOVERMENT.

Najib and future cabinet please work together with Tun NOT this 2 culprits.

Thanks Tun.

By HouseWife™ Author Profile Page on January 28, 2009 11:23 PM

Assalamualaikum Tun,

Tak habis-habis UMNO ni dengan perebutan jawatan dan ketidakpuasan hati kerana terasa terpinggir. Macamlah UMNO ni hak dia sorang, mesti dia dapat inilah, mesti dia diberi itulah, janji UMNO buat dia bahagia dan puas hati. Kalau tidak, nak bawa dirilah, nak lompatlah, nak boycottlah.....

Saya tak fahamlah, mereka ni berjuang untuk apa dan untuk siapa.

Ada sorang tu kata dia lompat kerana ikut arus peralihan kuasa. Jadi dia lompat kerana tamaklah, nak ikut yang menang ajelah. Apa le ni. Kalau beri sebab doctrin UMNO salah dari segi prinsipnya dan tidak lagi dapat menerimanya dan dengan berat hati terpaksa mengambil langkah tersebut, rasanya penjelasan dan sebab itu taklah seperti mengkhianati... kot (boleh ke Tun?)

Jadi kalau UMNO menang besar nanti dia nak lompat balik ke? Apa pula penjelasannya nanti? Bosanlah dengan orang main-main lompat ni.

Dah tua-tua pun merajuk tak tentu pasal. Orang semakin tua semakin berilmu, bersabar dan berpengalaman. Tunjuk-ajarlah kepada yang muda dan kurang sabar nak naik tangga yang lebih tinggi. Jadilah contoh dan teladan yang baik kepada yang baru dan muda. Ingatlah akhirnya satu hari masa akan tiba untuk mengalah kepada takdir, ditakdirkan hidup simple tanpa jawatan. Terimalah dengan hati terbuka. Jangan gaduh dan mengadu-domba macam budak sekolah....malulah.

Macam mana rakyat nak memilih orang seperti ini menjadi pemimpin mereka. Jangan salah rakyat kalau tak pandai bawa diri. Rakyat tidak buta, rakyat tidak bisu dan tidak pekak. Rakyat it hidup!

Entahlah Tun, dah tak larat nak cakap pasal UMNO dan mereka-mereka yang sewaktu dengannya. Pandai-pandailah mereka jaga diri. Dah besar panjang. Tak kan asyik nak bermanja-manja je.

Saya dah letih dengan mereka ni tapi Tun janganlah letih ya sebab perjuangan Melayu masih belum berkubur.

Semoga Tun dan keluarga sihat sejahtera dan Allah Melindungi Tun Selalu.

By pakbelalangAuthor Profile Page on January 28, 2009 11:47 PM

My people support me: Nasarudin
By CLARA CHOOI

IPOH: Bota assemblyman Datuk Nasarudin Hashim has claimed that his constituents were supportive of his decision to quit Umno and join PKR.

comment:
To Nasarudin,

Bullshitt !! You are "dayus" Nasarudin. A person like you are just hypocrite of the first order. You don't deserve to be respected at all. Don't you ever try to ridicule the intelligence of the people in your constituents. Nobody in the right frame of mind will ever betray the trust that has been entrusted on you by the voters who voted Barisan Nasional and put you as their wakil rakyat under BN ticket. You are just a MONSTER !!!!! Go away and fly kite !!! Manusia seperti kamu adalah jenis yang martabatnya lebih teruk dari golongan masyarakat yang mengamalkan sistem kasta di India iaitu golongan PARIAH !!

Not that I am supporter of BN but it is the principle that matters. When a person particularly a politician whose principle is like haprak and HP6 you deserve to go to "hell".
By pakbelalangAuthor Profile Page on January 29, 2009 12:08 AM

'Scrap Umno wings to fight graft'
By ZULKIFLI ABD RAHMAN

KUALA LUMPUR: Umno should revamp by abolishing the three main party wings and Putera Umno to ensure that corruption within the party is totally eradicated, the Umno disciplinary board said.

Its chairman Tan Sri Tengku Ahmad Rithauddeen said the problem of money politics and vote-buying could be eradicated by making Umno a singular organisation.

He added that it had received information of money politics in Putera and Puteri Umno, but no report had been lodged with the board.

"Do we really need Puteri Umno and Putera Umno? The party also needs to consider Umno Youth and Wanita wings too.

"My feeling is that if you want to reduce the problem of money politics and contests for posts, it will be better if these wings were to be abolished.

Tengku Ahmad said that Puteri Umno and Putera Umno members were youngsters and teenagers. "They are too young. There's no need to expose them to politics at too young an age.

"They need to concentrate on their studies and their careers. They shouldn't get too involved in politics. It is not their time yet," he said.

comment:

I tend to agree what Tengku Ahmad said. The young Malays should focus more on education and career development rather than involve actively in politics. My observation is that these young members of Putra and Putri who are active in politics tend to pick up the bad habits of some older leaders of UMNO members how to learn the "trick of the trade" to be corrupted.

By pakbelalangAuthor Profile Page on January 29, 2009 3:42 AM

Dengar sini Najib ! Saudara tidak boleh memulihkan image UMNO yang dah terombang ambing, tak tentu hala dan dah jadi tonggang terbalik akibat khayalan Pak Lah dan kroni-kroninya selama 5 tahun jadi Presiden UMNO. Najib mesti berbincang dengan Tun Mahathir dan lain-lain veteran UMNO bagaimana nak pulih semula UMNO. Jangan jadi BODOH SOMBONG! Pemimpin UMNO yang ada sekarang semuanya dah hanyut dibawa ombak tsunami. Dah mabuk kuasa, dah sombong, dah tak sedar diri. Semuanya dah khayal dengan kekayaan. UMNO dah rosak habis, dah tak ada pedoman lagi. Ahli Majlis Tertinggi yang ada sekarang separuh daripadanya dah jadi KAYU BURUK. Mereka mesti dihumban dan jangan lagi beri peluang untuk menjejak kaki dipentas Dewan PWTC. Mereka haprak dan HP6. Otak mereka seperti otak keldai. Otak yang dah karat, dah tak ada idea untuk menggerakkan pembangunan untuk kesejahteraan rakyat. Mereka sudah lupa daratan dan tidak ada lagi dijiwa mereka "mesra rakyat".
By RosbidarAuthor Profile Page on January 29, 2009 4:51 AM

assalamualaikum YABhg Tun dan keluarga,

Walaupun PRU 13 maseh jauh lagi namun saya telah mula bimbang kedudukan orang melayu. Saya perhatikan minat rakyat kapada parti BN semakin merosot. Justeru itu tindakan drastik perlu di buat dari sekarang untuk menarek sokongan rakyat. Kerajaan mestilah menubuhkan satu jabatan yang khusus mengkaji bagaimana untuk menarek sokongan rakyat semula . Jabatan ini hendaklah sentiasa menjemput wakil dari pelbagai pehak seperti ketua kampung,tuk penghulu,ketua belia dan sebagai nya apabila mengadakan mesyuarat. Tujuan nya untuk mendapat maklumat apa yang rakyat mahu sebenarnya. Pemikiran rakyat telah banyak berubah sekarang. Kalau dulu rakyat lebih banyak menjadi pak turut sahaja tetapi sekarang mereka telah menggunakan akal fikiran untuk membuat keputusan. Untuk mendapat sokongan rakyat,pemimpin atasan (pak menteri)perlu menunjuk akhlak yang baik dan mulia. Lebih perihatin kapada masalah rakyat dan berusaha mengatasi segala masalah yang mereka adukan. Antara cara untuk menarek perhatian rakyat semula ialah menukar gaya hidup mewah kapada gaya hidup rakyat biasa. Kalau pakai kereta besar eloklah tukar kereta kecil.Duduk dirumah besar bertukarlah ke rumah teres. Kalau mendapat gaji besar kini bergaji kecil. Selalu turun padang lihat kesusahan rakyat dan tolong selesai masalah mereka. Dan ada banyak cara lagi . Pehak atasan perlu tahu cara cara untuk mengambil hati rakyat semula. Nak tahu kenalah bergaul dengan rakyat bawahan. Kalau tidak PRU 13 habis UMNO dan BN.

By mgpunyaAuthor Profile Page on January 29, 2009 8:20 AM

YABhg Tun,

...at the rate things are going...
..everybody for himself..!!!
Especially...the MALAYS...!!!

By daengAuthor Profile Page on January 29, 2009 9:04 AM

Assalamualaikum Tun,

Ingin menyelit sikit berita terkini dalam akhbar iaitu saranan veteran UMNO selaku ahli lembaga disiplin UMNO,Tengku Ahmad Rethaudin mengenai sayap UMNO harus dibubar bagi mengelak politik wang.

Rentetan cadangan itu saya percaya bahawa selaku ahli lembaga disiplin UMNO, beliau dapati banyak aduan salahlaku / rasuah melibatkan sayap Pemuda UMNO khususnya. Saya cukup yakin bahawa saranan beliau itu mencerminkan bahawa perasaan beliau yang cukup kecewa dengan sayap Pemuda UMNO pada masa ini lebih-lebih lagi sejak menantu Dolah Badawi (KJ) bergiat aktif dan melobi untuk menjadi Ketua Pemuda UMNO menjelang pemilihan Mac 2009.

Tun, saya percaya beliau mencadangkan perkara tersebut disebabkan beliau tidak boleh mengambil tindakan disiplin terhadap Khairy Jamaludin. Kalau Mukhris saya percaya dah lama tindakan akan diambil.

DI MANA KETELUSAN LEMBAGA DISIPLIN UMNO ??????????????????????

Orang pandai bercakap tidak semestinya bijak, malah orang yang pandai bercakap lebih ramai kaki kelentong ... contohnya KHAIRY JAMALUDIN.

Sekian Tun.

By HaidyFogartyAuthor Profile Page on January 29, 2009 9:32 AM

Tun,

Saya ada persoalan di sini, Adakah blog ini dibaca oleh MT UMNO? Adakah pemimpin2 yang berkenaan tidak sanggup membaca kritikan ini? Adakah mereka tahu tetapi tidak ada tindakan dari mereka? Adakah kita hanya bual2 kosong kerana kita cakap banyak2 pun mereka tak ambil peduli? Saya masih lagi menunggu tindakan drastik oleh ahli2 umno. Bagi saya, saya tidak menyokong mana2 parti. Saya hanya mahukan kebenaran dan perjuangan yg hakiki, bukan yang mementingkan diri.. To MT UMNO, fikirkan sejenak mengenai nasib bangsa kita. Buangkan jauh2 perasaan tamak, selfish, degil, narrow minded dan bangga diri. And please think how if UMNO is no longer in the world.. What will happen? It is good or chaotic?

By azri abu bakarAuthor Profile Page on January 29, 2009 11:25 AM

Salam Tun,saya menonton astro bernama 502 berita jam 11:00pagi,dlm berita pasal beberapa ahli Umno didapati bersalah.Yang menjadi persoalan,asyik-asyik ikan bilis,sotong kecil yang kena tindakan kemana perginya jerung,yu besar,cobra dan buaya bujang senang yg besar-besar tu.Tak kan satu pun tak kena tangkap.Ini yang miracle nya Umno tiap kali bawa kedepan lembaga disiplin spesis ini yang di jadi kambing hitam.Sampai bila Tun?Makin rumit dan pelik bin ajaib.Jadi Tun sebagai Dr perubatan tahu ubat apa yn harus di telan oleh mereka ini,penyangak-penyangak rasuah.Sampai bila nak tengok bangsa kita boleh di beli dan di gula-gula kan oleh pemimpin yg sekecil-kecilnya ada jawatan di peringkat nasional dan setinggi-tinggi jawatan sebagai ketua atasan.Apapun bersama-samalah kita berdoa dan memohon kehadiran Ilahi setelah melihat ketidak tentuan dan hala tuju bangsa kita.Kita tak sanggup negara dijajah lagi,dng new colonialism.Akhirkata pulau pandan jauh ketengah,gunung daik bercabang tiga,hancur badan dikandung tanah,budi yg baik dikenang jua.Amin dan moga Allah memelihara Tun dan muslimin dan muslimat.

By YSLimAuthor Profile Page on January 29, 2009 11:43 AM

Rencana dituduh mencuba mempengaruhi keputusan - SATU DILEMA YANG DIMIMPIKAN DIRI SENDIRI

saya tidak memihak kepada sesiapa - SATU PERKARA YANG TIDAK RELEVAN KEPADA MASYARAKAT KT.

Saya tidak yakin mereka akan faham - MEREKA FAHAM TETAPI MEMILIH UNTUK TIDAK MEMAHAMI

Yang ada ialah parti yang utamakan kepentingan diri, terutama pemimpin-pemimpinnya - TERMASUK SAYA.

UMNO dibawah pemimpin Dato Seri Abdullah sudah menyimpang jauh dari jalan yang lurus - SATU PENDAPAT YANG TIDAK RELEVAN, NAMPAKNYA drM SENDIRI TIDAK FAHAM. GELI HATIKU. Sesungguhnya banyak kesalahan dan dosa yang telah dilakukan oleh pucuk pimpinan UMNO dan konco-konconya - SILA drM BUAT SATU TOPIK BARU DAN PERIHALKAN SATU PERSATU UNTUK TATAPAN, RENUNGAN DAN ANALISI OLEH RAKYAT JELATA.

11. Saya boleh senaraikan semua kesalahan yang dilakukan oleh Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi, Presiden UMNO dan Perdana Menteri. Tetapi ia terlalu panjang. - SILAKAN, JANGAN TAKUT, JANGAN MALU, RAKYAT BERPEGANG KEPADA APA YANG BAIK MENOLAK YANG BURUK. JANGAN TAKUT DIHAKIMI OLEH RAKYAT.

a) Sanggup meletak wilayah negara sendiri dibawah kuasa Singapura - BAGAIMANA, BILA,?? NANTI ADAKAH BERKENAAN JAMBATAN BENGKOK? ATAU PULAU BUNTAL? ATAU TERUSAN "SUEZ" DI THAI? ATAU RAKYAT FILIPINA DI SABAH?

b) Memberi kuasa kepada anak dan menantu Penglibatan anak menantu dalam perniagaan pembantu khas yang ditempatkan di tingkat 4. - SAYA AKAN BERKHEMAM DI SINI MENUNGGU CELOTEH INI.

Penjualan M.V. Agusta yang dibeli dengan harga RM300 juta, tetapi dijual dengan harga RM4.00. Pembeli M.V. Agusta ini kemudian menjualnya dengan harga RM500 juta - untung RM499,999,996 juta - ADAKAH PENGIRAAN SEBEGINI MUDAH. ATAU drM MENGANGGAP BLOG INI DIBACA OLEH ORANG YANG TIDAK BERPELAJARAN. drM SELALU MENGANGGAP RAKYAT KURANG BIJAK, BUKAN BODOH, ITU MENJADI KURANG PANDAI.

Mengguna wang secara terbuka untuk mendapat sokongan dari cawangan-cawangan UMNO - SILA BLOGKANNYA, JIKA KAMU BERPEGANG KEPADA PRINSIP KEADILAN. JANGAN BLOG JIKA TIADA BUKTI SEBAGAIMANA KEADILAN JUGA DIBERIKAN KEPADA KAMU

Besar kemungkinan orang yang guna wang - SATU SPEKULASI

UMNO di bawah pimpinan Abdullah telah jadi begitu lemah sehingga dikecam sewenang-wenangnya oleh kaum-kaum lain dan parti mereka - INI BERBUNYI RACIST SEKALI LAGI, IA TIDAK PUDAR-PUDAR NUN JAUH DI SANUBARI KAMU, TIDAK SEDAR-SEDAR LAGI KAMU.

Saya akui saya yang pilih Dato Abdullah, Mr Clean. Saya akui juga saya tidak pandai pilih. Lihat sahaja Tun Musa Hitam, Anwar Ibrahim dan ramai dari Menteri-Menteri - TEPUK/TABIK DADA TANYA SENDIRI yang mengutuk saya MENGAPA? apabila sahaja saya tidak jadi PM lagi MENGAPA?.

Tetapi meneruskan sokongan apabila saya sudah tahu keburukan yang dilakukan oleh orang pilihan saya AGENDA YANG TERGENDALA - RANCANGAN TERTANGGUH

Saya tidak cari untuk saya disukai ramai - SEKARANG SUDAH TAHU. Saya bertindak atas pendirian yang pada hemat saya adalah baik TIDAK DAN MASIH ENGGAN SEDAR KAMU, SUDAPLAH walaupun saya akan jadi tidak popular SEMANGAT POPULAR ADALAH KERANA DIHORMATI. PENGHORMATAN ADALAH DIBERI BUKANNYA DARI DIPUJUK/MINTA.

Selepas itu UMNO akan terkubur dan mereka yang membawa kehancuran pada UMNO kerana wang dan keuntungan bagi diri sendiri akan dikutuk oleh orang Melayu turun temurun -KEHANCURAN UMNO TELAH BERMULA SEJAK 22 TAHUN YANG LALU. IBARAT HIGHLAND TOWER DAN BUKIT ANTARABANGSA, KIKISAN JUGA BERMULA 22 TAHUN YANG LALU. ZAMAN drM, KIKISAN TELAH BERLAKU DALAMNYA. LUARANNYA SEJAK PM BADAWI. FIKIR..... BAYANGKAN..... RENUNGAN..... ADAKAH INI BETUL?? BUKAN SAHAJA UMNO YANG MUSNAH, BAK KAN RAKYAT JELATA??? FIKIRLAH.... RAKYATLAH YANG MERANA.... AKIBAR PERISTIWA 22 TAHUN YANG LALU....

Sesungguhnya rakyat termasuk orang Melayu meluat melihat sikap ahli dan pemimpin UMNO - CUMA SATU PERKARA SAHAJA YANG DAPAT MEMBANGKITKAN RAKYAT - BIARLAH RAKYAT YANG MEMERINTAH DAN MEMILIH SESEORANG YANG MEMPUNYAI CIRI-CIRINYA, DARI MANA DICARIKAN ORANG TERSEBUT, JAWAPANNYA ADALAH KEPADA SATU SISTEM MERITOKRASI. BIARLAH YANG PANDAI/BIJAK/MULIA DAN BERPERIKEMANUSIAAN YANG DIPILIH. KAMU SENDIRI TIDAK MEMPUNYAI KESEMUA CIRI-CIRI DI ATAS.

By kertehAuthor Profile Page on January 29, 2009 12:07 PM

Salam Tun,

Saya hormati pendirian Tun sekarang, tapi teringat pula saya ketika saya digantung pengajian di universiti kerana menganjurkan perhimpunan anti-kriket Israel satu ketika dulu dan statement Tun

mengatakan student BODOH. Mungkin Tun tidak seperti dulu lagi. Ingin benar saya maafkan Tun, insyallah dengan perjuangan Tun yang berterusan, Allah S.W.T akan mengampunkan Tun, malah kita semua.

Terdapat sekeping surat yang belegar di internet mengatakan Tun ada meminta campaign fund dari "Clinton Fund" kepada Mr.Ehud Barak bagi pihak UMNO ketika Tun menjadi Perdana Menteri. Sejauh mana kebenaran surat tersebut hanya Tun dan Allah S.W.T sahaja yang tahu.

Jika tidak benar, maka kita mohon kepada mereka yang cuba memfitnah Tun agar mendapat pembalasan yang setimpal di dunia dan di akhirat kelak tetapi jika ia benar, maka saya berdoa agar Tun kini bukanlah Tun yang telah menandatangani surat tersebut. Demi Allah S.W.T saya berdoa kepada diri saya dan kepada Tun agar terus sihat untuk terus menerima hidayah dan petunjuk. Amin.

By zibubaAuthor Profile Page on January 29, 2009 3:13 PM

Salam Ybgh. Tun,

Saya bersetuju dan ada kebenarannya dengan kenyataan yang Tun bentangkan. Pendapat saya ialah :

1. Orang melayu dan rakyat sudah jemu dan meluat dengan setengah pemimpin UMNO yang ada sekarang kerana mementingkan diri sendiri.
2. Pemimpin-pemimpin di peringkat cawangan, bahagian dan MKT yang begitu lama dan mempunyai rekod yang tidak baik perlu berundur.
3. Generasi muda sudah meluat dan benci terhadap pemimpin UMNO yang memegang jawatan begitu lama sehingga tidak memberi peluang kepada generasi muda. Ada ketua cawangan yang berumur sehingga 70 tahun, bagaimanakah orang muda nak join UMNO.
4. Contohnya seperti pemimpin yang kalah dalam pilihanraya yang lalu sudah terbukti bahawa rakyat tidak dapat menerima mereka, malangnya mereka mahu bertanding jawatan dalam MKT. Adakah ini tujuan perjuangan atau untuk diri sendiri.
5. Orang Melayu terutama generasi muda sudah meluat melihat pemimpin UMNO yang begitu kaya dan bergaya dengan kemewahan datang ke majlis-majlis.
6. Cuba lihat MCA, pemimpin mereka sanggup tidak menerima jawatan menteri kerana malu dengan keputusan pilihanraya yang lepas. Ini lah pemimpin yang bermaruah. Bukan seperti pemimpin UMNO begitu gelojo dengan jawatan.
7. Adalah lebih baik beberapa pemimpin UMNO peringkat MKT perlu undur untuk pulihkan UMNO.
8. Sikap pemimpin yang ada sekarang sanggup UMNO berkubur asalkan dia dapat jawatan dan kekayaan.
9. UMNO dan Barisan Nasional perlu perubahan yang menyeluruh. Jika tidak, insyaallah jika umur kita panjang kita sama-sama akan hadir ke jenazah UMNO.
10. Wahai pemimpin UMNO janganlah degil sangat dan gunakanlah fikiran, insafilah serahkanlah UMNO kepada generasi muda, UMNO akan berjaya, jika tidak Al-Fatiha.

By stkhadjiahAuthor Profile Page on January 29, 2009 3:17 PM

salam TUN...

What is your opinion about statement by Secretary of discipline if im not mistaken... he suggest PUTERA & PUTERI umno should be abolished??? for me, i dont agree with it because we cannot penalized others just because of idiot people's fault... i really want to know your opinion and suggestion... what i can see is UMNO is facing big trouble and crisis... really hope they can overcome the problem as soon possible... also i want to know what do u think about Tajol Rosli resigned because the members of umno perak has resigned and joined PKR... as for to those who believe PKR is stupid because we can see an judge what anuar did last time and how good he is in persuade people...

waiting for your opinion soon...

take a good care TUN...

By stkhadjiahAuthor Profile Page on January 29, 2009 3:32 PM

Salam TUn...

i'm not sure whether it's true or not but the reason why BN kalah during pilihan raya adalah...

1. org kg kata calon BN tu berlagak dan hanya pretend in order memancing undi.

2. org kg meminta calon lain namun tidak di pedulikan...

bg saya mkin ada kebenarannya kerana pada PILIHAN RAYA lalu, BN kalah teruk kerana kesilapan mengatur dan meletakkan calon di kwsn yg salah... saya amat berharap pada pilihan raya akan datang, BN akan kembali memerintah negeri2 yg di perintah dulu... tapi my prediction is... agak sukar BN untuk dapat semula Penang... ada peluang besar untuk selangor, perak, kedah tapi untuk penang agak sukar...
Take a good care TUN....

By AkazareAuthor Profile Page on January 29, 2009 6:03 PM

Dearest Tun,

It seems that any by-election that takes place a BN or UMNO candidate would surely lose unlike it was all those years ago when it was the other way round. More embarrassingly is that for all these by-elections that has occurred (Permatang Pauh, Kuala Terengganu) all the big shots from UMNO and BN were present to give support yet they still lose???? How sad...and to top it all off the local media is all over these elections in support of the govt. and yet there were defeated.

Perhaps the presence of the leaders of UMNO (the PM and DPM) are a jinx to the elections, maybe they shouldnt be there at all!!

Of course the lost of BN/UMNO candidate has more to do than just the presence of these leaders but in order not to tempt fate, I would prefer for them to stay away...lets hope the next by election in Sabah - Pensiangan have a better result.

Wassalam

By ketitirAuthor Profile Page on January 29, 2009 6:55 PM

Yang Dihormati Tun

Denak tidak menjadi dalam P.raya Kecil K.Terengganu.

Berbagai cerita mengenai pilihanraya kecil Kuala Terengganu; dari strategi pengumuman sampai ke pribadi calon diperkatakan di warung-warung dan sebagainya. Tarikh pengumuman calon BN lebih awal dikatakan memberi peluang kepada Pas membuat perkiraan lebih teliti dengan mengambil kira banyak perkara terutama dari segi kelemahan dan kelebihan calon yang bertanding. BN pula mempunyai alasan tersendiri mengapa calon mereka diumumkan lebih awal bagi memberi lebih masa untuk menjelaskannya yang terbuku jika ada. Bagi Pas pula ada yang menyatakan menunggu saat akhir enam hari sebelum penamaan calon mempunyai sebab strategik sebenarnya, bukan kerana tiada calon yang layak atau tiada kesepakatan antara pemimpin PKR sebagaimana didakwa setengah pihak.

Dari segi gerak kerja parti pengundi pembuat perbandingan kelancaran jentera pilihanraya. Bila tiba waktu malam sebuah satu parti 'sunyi sepi' manakala parti Pas bergerak aktif dan meriah. Para pengundi tidak nampak sangat apa yang dilakukan jentera parti UMNO, baik dari segi penyebaran risalah, lawatan rumah kerumah dan sebagainya. Dalam bandar Pas menggunakan orang Cina dan India menyebarkan risalah parti betul sebagaimana ulasan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Aziz Nik Mat ketika mengulas kemenangan Pas bertujuan merapatkan DAP dengan Pas. Setengah taman-taman perumahan risalah BN tidak sampai. Jentera Pas dari luar melawat dari rumah kerumah, dibilas lagi oleh calon Pas sendiri mengetuk pintu rumah-rumah dan akhirnya oleh Presiden Pas melawat ketaman-taman perumahan.

Tidak cukup dengan itu pengundi atas pagar memberitahu dia tidak sampai hati nak menolak permintaan orang. Orang lain pun sama tiga kali SMS diterima antaranya dari Datuk Nik Aziz dan calon sendiri merayu memberi undi kepadanya. Apa orang UMNO buat. Cukupkah dengan himpun orang ramai-ramai, pemimpin bercakap atas pentas seratus meter dari khayalak. Kemudian bersalam tidak tengok mata orang yang menyambutnya sedangkan calon atau pemimpin parti lawan bila bersalam memegang erat

tangan dan melihat kedalam mata dengan pandangan penuh bermakna. Bukan tidak ada pemimpin tertinggi UMNO bersembahyang dimasjid-masjid.

Ada juga cerita dari BN sendiri menyatakan jentera dari luar tidak tahu kemana hendak dituju kerana jentera tempatan tidak memandu kearah rumah-rumah yang dilebal sebagai hitam dan kelabu. Kalau benar apa yang dikata menunjukkan perancangan mereka tidak tersusun. Sampai bila akan tersusun entah, jangan sampai tunggu mereka disusun oleh parti lawan. Tidak dapat dinafikan semua bekerja keras untuk mencapai kemenangan. Sejauh mana strategi yang diatur oleh BN agak sukar dibuat telahan.

Semua sudah sedar bahawa keadaan sudah berubah. Isu nasional nampaknya tidak laku lagi untuk dibawa dalam pilihanraya sekarang, apatah lagi seperti pilihanraya kecil Kuala Terengganu. Contohnya pengumuman berbagai projek pembangunan yang akan dilakukan untuk faedah rakyat. Rakyat sebenarnya tidak berminat sangat mendengar projek-projek besar yang tidak memberi manfaat langsung kepada mereka, bak kata cuma enak didengar dan harum baunya sahaja.

Para pengundi, walaupun penduduk Bandaraya Kuala Terengganu, realitinya pada pendapat saya tidak berminat mendengar dasar-dasar kerajaan, perancangan masa depan negara dan projek yang mereka rasakan tidak nampak dan tidak ada kena mengena dengan mereka. Kalau BN tidak mengumumkan apa-apa projek pun tidak mengapa dan mereka boleh terima kalau kena caranya. Orang kampung tidak berhajat wakil rakyat belanja teh setiap kali jumpa di warung. Mereka boleh bercakap dengan tok wakil dengan mesra dan senang hati bertegur sapa dengan Yang Berhormat sudah cukup walaupun tiada apa projek pembangunan yang dibawa. Itulah sifat orang luar bandar dan terbukti dibanyak tempat sehingga berjaya mengekalkan beberapa penggal pilihanraya. Mereka senang hati melihat wakil mereka seorang yang sederhana dan selalu berjumpa disurau-surau dan tidak bermusim seperti bila ada pilihanraya. Disitu kejujuran terpancar dan hipokrisi terhinder. Orang luar bandar atau orang kampung sebenarnya tahu memilih watak dan pelakun.

Jentera parti yang datang dengan kereta besar untuk berkempen sudah memberi persepsi yang negatif sekalipun tuan punya kereta tidak merasa apa-apa kerana kebiasaan mereka membawa kereta mewah. Ada setengah jentera parti yang memegang jawatan dibahagian, cawangan atau tiada apa-apa jawatan pun tapi lagaknya macam menteri. Ini semua diperhatikan oleh rakyat.

BN khasnya UMNO yang membentuk sebuah kerajaan yang sudah 50 tahun berkuasa dan memerintah negara sudah membentuk satu imej tertentu, satu budaya dan satu identiti tersendiri yang mana pemimpin dan 'pengikutnya' yang terdiri daripada para kontraktor dan yang sama waktu dengannya mempunyai kemewahan dan gaya hidup seperti yang dilihat sekarang. Sifat ini sebenarnya sama sahaja siapa yang memerintah dan parti mana yang memegang kuasa; baik pembangkang, ulamak, bukan ulamak atau gangstar kerana nafsu manusia adalah sama, pantang ada peluang dan pantang lepa. Sebelum berkuasa semua orang boleh bercakap pasal anti rasuah, diskriminasi, kejujuran dan sebagainya. Tapi bila berkuasa datanglah kerakusan malah segala bentuk kemungkaran diterima sebagai rezki dan sedekah.

Jadi keadaan inilah yang menyebabkan sukar bagi golongan tersebut mengubah gaya hidup mereka apabila diperlukan berdepan dengan rakyat bawahan khasnya para pengundi. Adalah dibimbangi kalau gaya hidup mereka tidak berubah takut kalau-kalau keadaan akan mengubah mereka. Sebab itu UMNO perlu berubah dan mengubah dari sekarang kalau mereka hendak selamat. Kalau tunggu keadaan mengubah mereka waktu itu tiada siapa lagi yang dapat bergantung harap. Sahabat-sahabat sudah menerima nasib yang sama. Keadaan menjadi seperti yang digambarkan dalam Quran 'pada hari itu (kiamat) seseorang lari dari saudaranya, lari dari ibu bapanya, lari dari sahabat handai dan kaum sebangsa kerana setiap orang sebuk dengan urusan masing-masing' (Surah Abasa 34, 35 dan 36).

hjraffar.blogspot.com

By sitinurAuthor Profile Page on January 29, 2009 9:22 PM

Asalamualaikum bapak...

saya mmg sejai azali tak berapa suka dollah jadi pm..saya takto naper
..yg saya tau hati n perasaan saya kata dollah tak sebaik yg
diwar2kan....la ni lagik lah saya meluat habis dah takto nak gambarkan dah.....mcm yg saya katakan dulu
depa nih sebenarnya tak ada kelayakkan jd pemimpin tapi oleh kerana habuan banyak n lumayan
depa kira aper...janjiiiiii masuuuuuuuuuuuk.....
saya tau bapak risaukan keturunan melayu yg akan datang....
bapak dah cuba segala daya bapak utk menjaga kepentingan melayu turun temurun tapi dollah dgn
senang hati meleburkan segala usaha bapak...jadi jgn risao...saya yakin 1000% keturunan melayu akan
datang menggenang bapak sebagai wira n dollah sebagai pemusnah m'sia..najib tu kalo ikhlas baca2 lah
laman chedet.com nih....
manusia nih yg penting bila kita cakap org yakin dgn kita..ni kalo
kita pun takto saper kita...org ade nak percaya kat kite ker...aper
barannnnnnnnng.....la ni tak sokong dollah jer penaik rega barang
tak sokong jer penaik rege brg....takper nati kamu dah tak jd pm kamu tunggu lah balasan nyer....saper
lah agaknyer yg mengundi shahril samad tu yek...korang nyesal tak undi org tak guna tu.....
bencibencimeluatmeluatmeloyameloya.....maaf bapak geram lah...
sejak dollah jd pm nih stress manjang laaaaaaaaah.....
By HouseWife™ Author Profile Page on January 29, 2009 9:23 PM

Assalamualaikum Tun,

Kepada Tuan/Puan UMNO,

UMNO...u nak hidup tak? u nak wujud lagi tak?
Kalau nak AMBIK TUN BALIK...BAWA MASUK TUN BALIK SEMULA...!!

UMNO...u jangan ego dan u jangan sombong dan u jangan buang masa dengan perkara mementingkan diri sendiri.

UMNO...u ni sepatut la berjuang untuk SEMUA rakyat Malaysia kan.
Jadi BUATLAH KERJA BETOI-BETOI!

Yang hidung tinggi, yang angkat bakul, yang makan suap, yang tak boleh diajak berkompromi, jangan simpan. Lagi lama simpan lagi melarat.

UMNO...u bulan Mac nanti jangan buat silap pilih orang tau.
Sebab itu nanti menentu hidup mati u.

Sekian, terima kasih.

Jaga diri Tun baik-baik. Semoga Allah Lindungi Tun Selalu.
By Rosbidar Author Profile Page on January 29, 2009 11:56 PM

Assalamualaikum YABhg Tun dan isteri,

Saya ingin mencadangkan beberapa cara supaya jawatan dalam parti tidak menjadi rebutan sehingga mereka merasuah untuk mendapatkan sesuatu jawatan. Antara cadangan saya seperti berikut:

1. UMNO perlu buat peraturan baru iaitu kemenangan sasaorang calun mestilah berdasarkan undi paling sedikit dan bukan undi paling banyak. Olih itu tidak timbul lagi calun yang hendak menang kena beli undi atau merasuah untuk mendapat sebanyak mungkin undi.

2. Pemimpin parti tidak di peruntukan dengan apa apa keistimewaan. Bukan sesuatu yang mutlak pemimpin tertinggi parti di berikan jawatan menteri. Gaji menteri samakan dengan gaji kerani. Rumah di sediakan cuma rumah teres sahaja. Kereta di sediakan cuma kereta kancil atau proton. Tiada pemandu. Tiada orang gaji atau tukang kebun. Tiada body guard. Tidak ada apa keistimewaan untuk di

berikan projek untuk diri sendiri dan keluarga. Setiap 3 bulan pamirkan penyata pendapatan untuk tatapan rakyat. Kalau buat kesalahan hendaklah di dakwa sama seperti rakyat biasa tanpa di lindungi. Kapada calon yang menang hendaklah angkat sumpah menjunjung kitab suci Al-Quran dengan menyebut saya menjalan tugas kerana Allah. Jika saya berkhidmat tidak jujur Allah memberi musibah kapada saya dengan serta merta. Pendek kata jangan ada apa apa keistimewaan langsung barulah jawatan dalam parti tak jadi rebutan. Dengan cara ini saya rasa amalan rasuah dapat di bendung kerana calon kurang berminat untuk berebut sesuatu jawatan dalam parti. Sekian. Terima kaseh.
By RosbidarAuthor Profile Page on January 29, 2009 11:57 PM

Assalamualaikum YABhg Tun dan isteri,

Saya ingin mencadangkan beberapa cara supaya jawatan dalam parti tidak menjadi rebutan sehingga mereka merasuah untuk mendapatkan sesuatu jawatan. Antara cadangan saya seperti berikut:

1. UMNO perlu buat peraturan baru iaitu kemenangan sasaorang calon mestilah berdasarkan undi paling sedikit dan bukan undi paling banyak. Olih itu tidak timbul lagi calon yang hendak menang kena beli undi atau merasuah untuk mendapat sebanyak mungkin undi.

2. Pemimpin parti tidak di peruntukan dengan apa apa keistimewaan. Bukan sesuatu yang mutlak pemimpin tertinggi parti di berikan jawatan menteri. Gaji menteri samakan dengan gaji kerani. Rumah di sediakan cuma rumah teres sahaja. Kereta di sediakan cuma kereta kancil atau proton. Tiada pemandu. Tiada orang gaji atau tukang kebun. Tiada body guard. Tidak ada apa keistimewaan untuk di berikan projek untuk diri sendiri dan keluarga. Setiap 3 bulan pamirkan penyata pendapatan untuk tatapan rakyat. Kalau buat kesalahan hendaklah di dakwa sama seperti rakyat biasa tanpa di lindungi. Kapada calon yang menang hendaklah angkat sumpah menjunjung kitab suci Al-Quran dengan menyebut saya menjalan tugas kerana Allah. Jika saya berkhidmat tidak jujur Allah memberi musibah kapada saya dengan serta merta. Pendek kata jangan ada apa apa keistimewaan langsung barulah jawatan dalam parti tak jadi rebutan. Dengan cara ini saya rasa amalan rasuah dapat di bendung kerana calon kurang berminat untuk berebut sesuatu jawatan dalam parti. Sekian. Terima kaseh.
By pakbelalangAuthor Profile Page on January 30, 2009 12:37 AM

Dear Tun,

Saya menyokong penuh saranan Tengku Ahmad Rithauddin supaya sayap Putra dan Putri di bubarkan dalam UMNO. Tidak ada faedahnya. Ianya tidak mendatangkan kebaikan kepada UMNO. Apa gunanya ada beribu ahli-ahli UMNO tapi semuanya haprak dan HP6. Contohnya kita telah lihat apa yang telah terjadi dalam pilihan raya yang lalu. UMNO hampir hancur. Apa sumbangan yang telah dilakukan oleh sayap Putra dan Putri untuk memberi kemenangan kepada UMNO. GROUND ZERO !! Setakat menganjurkan pemergian kumpulan Mat Rempit ke North Pole dan disuruh terjun disana. Menggelikan hati saya. So foolish !! Adakah pemikiran begini yang kita kehendaki dari pemimpin Putra dan Putri? Pemikiran haprak !!

What UMNO need is quality rather than quantity. Cukuplah dengan sayap Pemuda dan Wanita sahaja.

Don't distract the mind of the very young Malays to be too involved in politics. Let them concentrate on other activities that have economic value and can contribute to their future career development and well being. They need work skills and experience that can enhance their living standard while they are still young and energetic. They must explore the many opportunities that are available for them to be more productive and competitive.

Look at other races. The Chinese parents for example are more focus and really give priority to their chidren welfare and livelihood rather than asking them to play with politics.

UMNO will be strong if they can give the right and proper guidance to the young Malays but surely not involving them directly in politics. It is not their business to be active throughtout their youthful life. It is unproductive at all. Believe me! Make no mistake about it! When they are successful economically most

of them at a later stage of their life will be inclined to favour UMNO or join UMNO as members with high quality personality and only then we will see UMNO becoming stronger. UMNO needs good brains or rather GLOKAL outlook in order to survive dulu, kini dan selamanya!!

So please, please don't discard totally Tengku Ahmad's opinion. As an UMNO veteran we have to respect his wisdom just like we all appreciate and respect the wisdom of our Tun Mahathir. You may choose to agree or disagree with my comment. Its your prerogative, my friends out there!!
By anak melayuAuthor Profile Page on January 30, 2009 1:12 AM

salam tun.

saya harap tun dapat membuat satu entri berkaitan video ini.

<http://www.youtube.com/watch?v=COm3D6FDmwY>

video tersebut mengandungi rakaman ucapan tun yang mengatakan bahawa tun menzalimi anwar ibrahim dan menangkap beliau tanpa apa2 sebab.

mohon penjelasan. semoga malaysia dilindungi daripada anasir2 jahat.

terima kasih.

sekian.

By pakbelangAuthor Profile Page on January 30, 2009 3:42 AM

Dear Tun,

